

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : MEDIA

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Apakah langkah kerajaan untuk mengoptimumkan peranan media bagi menarik perhatian awam tentang kecemerlangan produk dan perkhidmatan Kerajaan Negeri Selangor selain media yang sedia ada iaitu penganugerahan Selangor kini / Selangor *Times* dan penyiaran Selangor TV / Selangor Web?

JAWAPAN:

- a) Bagi mengoptimumkan peranan media terbitan CCSB, editorial mengaplikasikan media sosial seperti *youtube*, *facebook* dan *twitter* sebagai jambatan penghubung dengan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : CUKAI PINTU

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menilai kadar cukai pintu?
 - b) Jika penilaian semula dibuat, adakah dirancang mekanisme untuk membantu golongan yang tidak mampu membayar tambahan cukai pintu?

JAWAPAN:

- a) Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan supaya PBT menyediakan senarai nilai bagi setiap lima tahun sekali. Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menilai semula kadar cukai pintu. Walau bagaimanapun terdapat permintaan dari PBT Negeri Selangor yang memohon untuk membuat penilaian semula. Kerajaan Negeri akan menilai semula berdasarkan senarai yang akan dikemukakan dengan justifikasi yang lengkap.
- b) Sekiranya penilaian semula dibuat oleh PBT kaedah atau mekanisme bagi membantu golongan yang tidak mampu membayar tambahan cukai pintu akan ditekankan dan diberi keutamaan selaras dengan dasar Negeri berkeadilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PELAKSANAAN MEMBAIK PULIH TAMAN REKREASI DAN TASIK SHAH ALAM

3. Dalam sidang dewan yang lepas Y.B. EXCO PBT bersetuju untuk menaik taraf dan membaik pulih Taman Rekreasi dan Tasik Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh mana perancangan ini telah dijalankan?
- b) Berapa peruntukan telah disediakan?
- c) Bila tarikh mula akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) MBSA telah merangka satu rangka kerja bagi menaik taraf dan membaik pulih Taman Tasik Shah Alam yang merangkumi 4 komponen berikut:
 - i) **Peningkatan Kualiti Air**
Merangkumi kerja-kerja pengurangan dan pembersihan rumpai air planktonic, pengnyahan selut dan bau, pengudaraan, peningkatan kualiti air serta pencegahan pencemaran.
 - ii) **Menaik taraf infrastruktur sedia ada**
Cadangan untuk menaik taraf pejalan kaki, laluan sikal dan kemudahan pencahayaan di kawasan tasik ini.
 - iii) **Menambah serta membaik pulih prasarana sedia ada**
Prasarana yang dimaksudkan termasuklah keperluan untuk menaik taraf atau menambah kemudahan tandas, taman permainan kanak-kanak, wakaf, aksesori taman dan juga pagar di sekeliling tasik.
 - iv) **Mewujudkan Unit Pengurusan Taman Tasik dan juga Renjer Taman**
Unit Taman Tasik yang dicadangkan adalah terdiri 14 jawatan Pekerja Awam Gred R1 akan di bahagikan kepada dua kumpulan serta 25 jawatan Pembantu Penguat kuasa (Renjer) yang akan menjalankan tugas pemantauan dan pemeriksaan di semua taman-taman tasik.

Unit Pengurusan Taman Tasik				
BIL	JAWATAN ASAL	GRED	BILANGAN JAWATAN	CATATAN
1.	Pekerja Awam	R1	14	2 Kumpulan (7 orang setiap kumpulan)
2.	Pembantu Penguat kuasa (Renjer)		25	
Jumlah			39	

Satu bengkel berhubung cadangan serta pelan tindakan tersebut akan diadakan pada 19 – 20 Disember 2013 yang akan melibatkan EXCO Kerajaan Negeri, pihak UPEN di samping panel landskap daripada ILAM, UPM, UiTM, FRIM dan penasihat tetap landskap daripada UPM dan Zoo Negara.

Pihak NGO's daripada Malaysia Nature Society, Eco Warriors dan juga penasihat reka bentuk daripada individu dan pemaju juga akan turut sama dijemput.

- b) Berikut adalah jumlah peruntukan bagi menaik taraf dan membaik pulih Taman Tasik Shah Alam:

Tahun	Jumlah (RM)
2011	975,977.24
2012	1,014,237.24
2013	1,094,004.01

Sebanyak **RM 16.47 juta** diperlukan bagi menaik taraf keseluruhan Taman Tasik Shah Alam antaranya melibatkan program pembersihan air tasik yang melibatkan kos sebanyak RM 4.5 juta yang merangkumi kerja-kerja pengurangan dan pembersihan rumpai air planktonic, pengnyahan selut dan bau, pengudaraan, peningkatan kualiti air serta pencegahan pencemaran.

Manakala bagi menaik taraf pejalan kaki, sebanyak RM 1.7 juta diperlukan melibatkan pelebaran laluan pejalan kaki, pembaikan "grade" serta kemas laluan pejalan kaki sedia ada. Untuk meningkatkan keselamatan RM 2 juta diperlukan untuk membaiki lampu di keseluruhan Taman Tasik Shah Alam bagi tujuan pencahayaan. Sebanyak RM 700,000 lagi diperlukan untuk menaik taraf ruang dalaman dan perkakasan tandas awam manakala untuk kemudahan wakaf dan pembaikan aksesori taman awam sejumlah RM 1.8 juta dijangka diperlukan bagi menambah baik wakaf, ganti kayu yang reput serta menambah identiti Taman Tasik Shah Alam dengan pembinaan pagar perimeter tasik.

Sejumlah RM 3.2 juta diperlukan untuk mengganti alatan permainan dan bagi menambah keselesaan dan tidak membahayakan orang ramai bagi kegunaan anak-anak dan pengguna-pengguna kecil Taman Tasik Shah Alam. Manakala RM 920,000 diperlukan untuk program penjagaan pokok di samping menyediakan rawatan dan kawalan anai-anai dan penandaan pokok-pokok.

- c) Bagi tahun 2014, pihak Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM 3 juta untuk menampung sebahagian cadangan tersebut dan sebahagiannya lagi adalah diharap mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri sebagaimana diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 17/2013 pada 19 Jun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : MANIFESTO KEDIAMAN MAMPU MILIK

4. Melalui manifesto Pakatan PRU13, menjanjikan membina Rumah Mampu Milik dengan keluasan minimum 800 kaki persegi, berharga di bawah RM150,000 seunit

Bertanyakan Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk memastikan rumah yang bakal dibina mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk membina sebanyak 35,000 unit Rumah Mampu Milik yang terdiri daripada harga RM42,000.00 hingga RM250,000.00 dalam tempoh lima (5 tahun) sehingga tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,000 unit rumah mampu milik berkonsepkan pasang siap (*Pre-Fabricated – IBS*) yang disasarkan untuk dibina oleh sebuah agensi bertaraf autonomi di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta di samping pembinaan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah mampu milik ini Kerajaan Negeri telah menetapkan harga jualan rumah tersebut tidak melebihi RM150,000.00 seunit dengan saiz rumah tidak kurang daripada 800 kaki persegi. Penetapan harga rumah ini difikirkan bersesuaian setelah mengambil kira kos binaan yang semakin meningkat serta keluasan 800 kaki persegi merupakan saiz yang sesuai untuk golongan pasangan muda yang baru memulakan kehidupan berumah tangga.

Kumpulan sasaran untuk rumah mampu milik ini adalah golongan berpendapatan di antara RM3,000 hingga RM8,000 sebulan. Bagi golongan berpendapatan rendah di bawah RM3,000 pula, Rumah Kos Rendah bersaiz 700 kaki persegi disediakan untuk golongan tersebut.

Untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik tersebut sampai kepada kumpulan sasaran, pembeli yang berminat dan berkelayakan dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui Sistem Pendaftaran Rumah Mampu Milik Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BUKIT BERUNTING GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC)

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan lembaga pengarah, pemegang saham dan pengurusan BBGC?
 - b) Siapakah pemilik tanah operasi BBGC?
 - c) Apakah status semasa Syarikat Berhad ini?

JAWAPAN:

a)

Bil			
1.	Ahli Lembaga Pengarah	Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
		Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain	Yang DiPertua Majlis Perbandaran Selayang
		Tuan Tukiman bin Nail	Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor
		Tuan Ahmad Zaharin bin Mohd Saad	Pegawai Daerah Hulu Selangor
		Y.B Amirudin bin Shari	Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Caves
		Tuan Edlin bin Ghazaly	Peguam
		Tuan Amirul Azizan bin Abd Rahim	Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
2.	Pemegang Saham	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) - 100%	
3.	Pengurusan BBGC	The Mines Golf Excellence (Perjanjian Pembangunan 5 tahun)	

Bil		
		Pengurus Kewangan

- b) Pemilik asal tanah operasi BBGC adalah Europlus Corporation Sdn Bhd iaitu anak syarikat kepada Kumpulan Talam Berhad.

Proses penukaran nama dari Europlus Corporation Sdn Bhd kepada BBGC telah di selesaikan melalui proses Adjudikasi dan pembayaran duti ad-valorem pada bulan Oktober 2013 di mana pemilik semasa tanah BBGC adalah **Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (Borang 14 A bertarikh 17 Oktober 2012)**.

- c) BBGC adalah anak syarikat penuh MBI melalui Perjanjian Penyelesaian Hutang yang telah ditandatangani pada 27hb Disember 2007 di antara Venue Venture Sdn Bhd (VVSB) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan kedua pada 15 Ogos 2008 di antara PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PUSAT SEHENTI KITAR SEMULA

6. Pusat sehenti sisa pepejal kitar semula di Taman Industri Meru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah dioperasikan semula fungsinya seperti sebelum tahun 2008 dengan penambahbaikan?
- b) Apakah perancangan lain untuk manfaat tempat tersebut?
- c) Apakah tindakan berkesan bagi mengatasi longgokkan sampah haram yang berulang di hadapan pusat tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pusat sehenti sisa pepejal kitar semula di Taman Industri Meru memang beroperasi selepas pukul 7 petang dan untuk transit sampah sahaja dan bukan kitar semula. Memandangkan tapak pelupusan Jeram ditutup pada jam 7 petang.
- b) Perancangan lain untuk manfaat tempat tersebut:
 - i) Menjadi **pusat kitar semula untuk barang-barangan terpakai**
 - ii) Menjadi **pusat pengumpulan sampah pukal** khasnya penduduk di kawasan Meru.
 - iii) Depo untuk **Program Baja Kompas dan Baja Bokasi**
- c) Di antara tindakan yang berkesan bagi mengatasi longgokkan sampah haram yang berulang di hadapan pusat tersebut:
 - i) Menjalankan operasi pengintipan dan kawalan di lokasi tersebut
 - ii) Mengadakan program kutipan sampah pukal di kawasan perumahan & kampung di sekitar kawasan Meru.
 - iii) Tindakan dikenakan ke atas kontraktor yang tidak menjalankan kerja mengikut skop dan spesifikasinya yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN DAN KOMERSIL TERBENGGALAI

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa jumlah projek pembangunan perumahan dan komersil di Negeri Selangor yang tidak dapat disempurnakan oleh pemaju atau terbengkalai dari 1 Januari 2003 hingga kini? Sila menyenaraikan nama-nama projek dan pemaju tersebut masing-masing.
 - b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut dan apakah rancangan Kerajaan Negeri yang kini ada untuk membantu pembeli-pembeli dalam projek-projek yang terbengkalai?
 - c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sistem untuk menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang tidak dapat menyempurnakan projeknya? Jika ada, adakah sistem tersebut juga akan menyenaraihitamkan pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang syer syarikat-syarikat pemaju tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek pembangunan perumahan dan komersil di Negeri Selangor yang tidak dapat disempurnakan oleh pemaju atau terbengkalai dari 1 Januari 2003 hingga kini adalah sebanyak 138 projek yang melibatkan 36,416 unit. Senarai projek terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	9	1	10	3,620
2	MBPJ	3	2	5	2,246
3	MPSJ	6	3	9	2,776
4	MPAJ	8	-	8	3,282
5	MPK	27	3	30	3,167
6	MPKJ	16	-	16	5,280
7	MPS	11	-	11	3,257

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
8	MPSp	8	-	8	3,208
9	MDKS	10	-	10	3,691
10	MDHS	14	1	15	4,855
11	MDKL	15	1	16	1,034
JUMLAH		127	11	138	36,416

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) senantiasa berusaha membantu dalam menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Negeri Selangor. Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah projek terbengkalai adalah seperti berikut :

- i) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang - Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurus setia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka plan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan.
- ii) LPHS juga akan mengadakan **perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal** termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- iii) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur **pertemuan dengan pembiaya-pembiaya** bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
 - iv) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia** akan diatitkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana *'liquidator'/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'liquidator'/Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama *'liquidator'/Pegawai Penerima* terbahit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
 - v) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan **melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
 - vi) LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. **Tindakan perampasan tanah** boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.
- c) Di samping itu juga, Kerajaan Negeri turut mengambil langkah proaktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek terbengkalai tersebut bagi memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin ke atas nasib pembeli-pembeli rumah terbengkalai dengan membantu pembeli terlibat iaitu :
- i) LPHS mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi tujuan penstrukturan semula pembiayaan pinjaman pembeli. Melalui penstrukturan tersebut, ini membolehkan penyenaaraihitaman tersebut ditarik balik dan memudahkan proses pemulihan projek yang akan dilaksanakan.

- ii) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- iii) LPHS juga memberi **khidmat nasihat dan panduan** mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- iv) Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju terbabit dengan mendapatkan **nama-nama Ahli Lembaga Pengarah** tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenal pasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai **salah seorang pemilik syer sahaja** di bawah syarikat pemaju lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MANFAAT MIKRO KREDIT

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan bilangan penerima pinjaman mikro kredit bawah kerajaan negeri mengikut DUN dan berapa ramai yang telah mendapat manfaat sama ada berjaya menambah pendapatan atau mengembangkan perniagaan.
- b) Apakah langkah seterusnya?

JAWAPAN:

- a) YAQ ditubuhkan untuk menyediakan pembiayaan secara mikro kepada rakyat Selangor yang dikategorikan sebagai miskin dengan pendapatan isi rumah di bawah RM1,500 atau per kapita RM350. YAQ membahagikan tugas dan tanggungjawab bagi menjangkau isi rumah miskin di seluruh negeri Selangor kepada dua program utama iaitu Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL) dan Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR). SKIMSEL beroperasi di kawasan luar bandar seperti Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang, Walau bagaimanapun di daerah yang dikategorikan sebagai kawasan bandar namun mempunyai kampung tradisi seperti di Daerah Gombak, Petaling Dan Klang juga menjadi kawasan operasi SKIMSEL. MiMBAR pula beroperasi di kawasan bandar iaitu di Majlis Bandaran Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaran Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang(MPS), Majlis Perbandaran Kajang(MPKJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSP).

i) **SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR (SKIMSEL)**

SKIMSEL telah memulakan operasi pada bulan Ogos 2010. Berdasarkan maklumat sehingga 30hb September 2013, bilangan penerima manfaat pembiayaan SKIMSEL adalah seramai 8,396. Bilangan penerima mengikut daerah adalah seperti berikut :

CAWANGAN/DAERAH	BIL PENERIMA
SabakBernam	1,273
Hulu Selangor	1,106

CAWANGAN/DAERAH	BIL PENERIMA
Kuala Selangor	1,345
Hulu Langat	1,394
Kuala Langat	1,227
Sepang	945
Gombak	277
Petaling	442
Klang	387
SKIMSEL	8,396

ii) **SKIM MIKRO KREDIT MISKIN BANDAR (MiMBAR)**

Keseluruhan jumlah penerima manfaat melalui Program Mikrokredit Miskin Bandar Selangor (MiMBAR) sehingga Oktober 2013 adalah seramai 5,731 orang. Mereka (peserta) yang menerima manfaat tersebut merangkumi tiga (3) program pilihan yang telah disediakan di bawah MiMBAR Selangor iaitu Program Mikrokredit, Bantuan Niaga dan Bantuan Kerja. Jadual di bawah adalah jumlah peserta atau penerima manfaat yang telah berjaya di bawah MiMBAR Selangor mengikut DUN.

Jadual peserta yang berjaya mendapat pembiayaan mengikut DUN dan PBT.

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MBPJ	Bukit Gasing	1	3000
	Bukit Lanjan	103	194,000
	Damansara Utama	3	6,500
	Kampung Tunku	1	2,000
	Kota Damansara	339	641,000
	Paya Jaras	158	316,500
	Seri Setia	79	150,000
	Taman Medan	219	445,000
	Jumlah MBPJ		903

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MBSA	Batu Tiga	290	578,500
	Kota Anggerik	102	210,500
	Sri Muda	197	391,000
Jumlah MBSA		589	1,180,000
MPAJ	Bukit Antarabangsa	69	136,500
	Chempaka	126	259,000
	Hulu Kelang	142	307,200
	Lembah Jaya	257	524,000
	Teratai	50	104,500
Jumlah MPAJ		644	1,331,200
MPK	Ijok	3	3000
	Jeram	27	32,500
	Kota Alam Shah	39	87,000
	Meru	400	803,000
	Pandamaran	33	66,000
	Pelabuhan Klang	182	354,000
	Selat Kelang	202	400,000
	Sementa	250	489,000
	Seri Andalas	221	395,500
	Sijangkang	3	3,500
	Sungai Pinang	94	182,000
	Jumlah MPK		1,454
MPKJ	Balakong	162	337,000
	Bangi	108	196,500
	Dusun Tua	56	107,500
	Kajang	202	382,000
	Semenyih	20	36,000
	Seri Kembangan	29	54,500
	Jumlah MPKJ		577
MPS	Batu Caves	318	686,500
	Gombak Setia	256	545,000
	Kuang	171	372,000
	Rawang	185	396,000
	Taman Templer	122	249,000
Jumlah MPS		1052	2,248,500
MPSJ	Kinrara	112	227,500
	Seri Serdang	182	342,000
	Subang Jaya	63	118,500
Jumlah MPSJ		357	688,000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MPSP	Dengkil	107	201,500
	Sungai Pelek	47	123,000
	Tanjong Sepat	1	1,000
Jumlah MPSP		155	325,500
JUMLAH KESELURUHAN		5,731	11,460,200

MiMBAR Selangor turut memberi kelebihan kepada peserta yang mempunyai rekod cemerlang dalam pembayaran balik pinjaman. Mereka yang telah dikategorikan sebagai cemerlang berpeluang dan diberi kelayakan untuk memohon pinjaman tambahan seterusnya. Seramai 149 orang telah berjaya memperolehi pinjaman pusingan kedua.

- b) Kemajuan projek sadiq sentiasa dipantau melalui kaedah disentralisasi kuasa kepada Ketua Nadi dan Ketua Kumpulan. SKIMSEL juga mengamalkan kaedah berpenyelidikan rapi dan berperingkat bagi menjamin kepatuhan disiplin kredit yang telah ditetapkan terutamanya berkaitan penggunaan modal yang sempurna dan bayaran balik setiap minggu. Lawatan ke tapak projek sadiq-sadiq di tetap dan dilaksanakan oleh Pegawai Operasi setiap 6 bulan sekali.

Berikut adalah keputusan yang didapati hasil dari lawatan pada bulan Jun 2013:

CAWANGAN	STATUS PROJEK			
	Cemerlang	Berjaya	Bertahan	Gagal
Sabak Bernam	45	534	310	88
Hulu Selangor	61	583	109	78
Kuala Selangor	15	694	107	142
Hulu Langat	67	694	188	74
Kuala Langat	91	582	226	46
Sepang	63	518	38	70
Gombak	3	68	75	61
Petaling	3	43	314	0
Klang	14	172	49	101
SKIMSEL	362	3,888	1,416	660

*Penunjuk

Status	Diskripsi (Lebih Pendapatan)
Cemerlang	RM 5000 ke atas
Berjaya	RM 1000 hingga RM 4999
Bertahan	RM 0 hingga RM 999
Gagal	RM Negatif

Berdasarkan kepada potensi sedia ada, SKIMSEL berharap akan dapat meneruskan program pemberian bantuan pembiayaan secara kecil-kecilan secara berterusan kepada golongan sasaran. SKIMSEL mensasarkan penambahan seramai 4,000 orang lagi dengan jumlah keseluruhannya seramai 12,000 orang.

Bagi Program MiMBAR pula sehingga Oktober 2013, jumlah peminjam yang diluluskan adalah seramai 5,731 orang di bandar-bandar Selangor yang terdiri dari lapan (8) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan pula adalah sebanyak RM11,460,200.00 bagi semua program MiMBAR Selangor iaitu Program Mikrokredit, Program Bantuan Produk, dan Program Bantuan Kerja yang meliputi pinjaman pusingan pertama dan kedua. Pinjaman pusingan kedua diberikan kepada peserta pusingan pertama yang masih lagi memerlukan pinjaman tambahan untuk perniagaan mereka dengan rekod pembayaran pusingan pertama yang cemerlang.

Jadual bilangan peserta dan jumlah pembiayaan mengikut pusingan pembiayaan:

PUSINGAN	PESERTA (ORANG)	PEMBIAYAAN (RM)
Pertama	5,582	10,846,200
Kedua	149	614,000
JUMLAH	5,731	11,460,200

Penyumbang kepada pencapaian ini dikategorikan mengikut kawasan seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PESERTA (ORANG)	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
i.	Majlis Perbandaran Klang	1,454	2,815,500

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PESERTA (ORANG)	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
ii.	Majlis Perbandaran Selayang	1,052	2,248,500
iii.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	903	1,758,000
iv.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	644	1,331,200
v.	Majlis Bandaraya Shah Alam	589	1,180,000
vi.	Majlis Perbandaran Kajang	577	1,113,500
vii.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	357	688,000
viii.	Majlis Perbandaran Sepang	155	325,500

Jumlah keseluruhan peserta yang telah diluluskan untuk Pakej Bantuan Niaga (kiosk) pula adalah seramai 126 orang. Daripada jumlah itu, seramai 87 peserta telah pun menerima kiosk dan memulakan perniagaan.

Jadual penerima bantuan niaga (kiosk).

Jenis Kiosk	Lulus	Biaya
Burger	53	33
Ice Blended	61	45
Ayam Rangup	12	9
Jumlah	126	87

Manakala, jumlah keseluruhan peserta yang telah diluluskan untuk Pakej Bantuan Kerja (Pakej MiMBAR Kleaner) adalah seramai 39 orang, bersamaan dengan 13 kumpulan. Daripada jumlah itu, seramai 30 orang peserta, bersamaan dengan 10 kumpulan, telah pun menerima peralatan cucian masing-masing dan telah memulakan aktiviti.

Jadual berikut merupakan ringkasan jumlah peserta yang berjaya mengikut program pilihan:

PERMOHONAN BERJAYA	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
5,731 orang	Mikrokredit	5,566 orang
	Kiosk	126 orang
	Pakej MiMBAR Kleaner	39 orang

MiMBAR Selangor amat berharap dengan bantuan pinjaman berterusan ini dapat membantu sekumpulan kecil peserta yang begitu komited dan berusaha ke tahap yang lebih tinggi sebagai perantis kecil dan sederhana sehingga mereka tidak lagi memerlukan pinjaman kecil sebegini untuk menyara perbelanjaan perniagaan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : TALAM CORPORATION SENDIRIAN BERHAD

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status pungutan hutang dari syarikat TALAM dan berapakah jumlah tunai yang telah dipungut?
 - b) Apakah aset-aset TALAM yang telah dijual untuk membayar hutang mereka?

JAWAPAN:

- a) Status terkini pungutan hutang dari syarikat TALAM keseluruhannya berjumlah RM392 juta telah dikutip.
- b) Kesemua aset-aset TALAM berjaya dijual bagi membayar hutang mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : RUMAH BANTUAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

10. Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan dana pembinaan rumah bantuan zakat bagi pemohon yang layak

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan dengan jelas apakah syarat kelayakan untuk permohonan?
- b) Berapakah jumlah wang hasil kutipan zakat yang telah diperuntukkan untuk program bantuan rumah Zakat ini mengikut daerah?
- c) Sila nyatakan jumlah permohonan dan rumah yang telah dibina melalui skim ini 2008-2013?

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat kelayakan untuk memohon bantuan pembinaan rumah di Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah seperti berikut:
 - i) Termasuk di dalam golongan asnaf fakir, miskin atau muafak.
 - ii) Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berumur di antara 40 tahun hingga 65 tahun dan sudah berkahwin atau mempunyai tanggungan.
 - iii) Tidak mempunyai rumah atau keadaan rumah yang sedia ada uzur/daif dan tidak selamat diduduki.
 - iv) Mempunyai tapak/tanah dengan taraf hak milik sendiri dan mempunyai geran atau mendapat kebenaran bertulis dari tuan tanah yang disahkan melalui akuan sumpah jika nama pemohon tiada dalam geran.
 - v) Mempunyai tapak/tanah hak milik sementara (TOL) yang masih sah atas nama sendiri.
- b) Untuk bantuan pembinaan rumah, tidak ada bajet khusus diperuntukkan. Ianya bergantung kepada jumlah permohonan dan keutamaan bantuan ini adalah untuk asnaf fakir, miskin dan muafak. Berikut merupakan jumlah agihan bagi bantuan pembinaan dari tahun 2010-2013:

Asnaf	2010	2011	2012	2013*	Jumlah
Fakir	5,397,247	2,952,305	3,171,817	3,533,257	15,054,626
Miskin	6,583,520	6,093,785	5,262,782	9,650,404	27,590,491
Mualaf	1,544,555	780,750	112,454	773,576	3,211,336
Jumlah	13,525,321	9,826,840	8,547,053	13,957,238	45,856,452

Nota: Data sehingga Oktober 2013

- c) Berikut adalah jadual bilangan penerima bantuan pembinaan rumah dari tahun 2008-2013:

Bilangan Penerima Bantuan Pembinaan Rumah Dari Tahun 2008-2013

TAHUN	BILANGAN PENERIMA
2008	148
2009	378
2010	233
2011	239
2012	489
*2013	301

Nota:

Data penerima sehingga September 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROGRAM JEJAK ILMUAN SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan nama para ilmuwan yang telah dikenal pasti di ketiga-tiga DUN dalam Parlimen Gombak.
 - b) Senaraikan bidang kepakaran dan keilmuan yang dimiliki oleh para ilmuwan tersebut.
 - c) Apakah rancangan kerajaan dalam menerbitkan hasil karya para ilmuwan sebagai khazanah ilmu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Program Jejak Ilmuwan belum mengenal pasti ilmuwan di ketiga-tiga DUN dalam Parlimen Gombak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dalam usaha menjejaki Ilmuwan berdasarkan Dewan Negeri di seluruh negeri Selangor untuk diperkenalkan kepada masyarakat.
- b) Sila rujuk jawapan a).
- c) Kerajaan Negeri dalam proses mewujudkan direktori Ilmuwan Selangor untuk dijadikan rujukan. Kerajaan Negeri akan mewujudkan jawatankuasa khas untuk mengenal pasti kepakaran ilmuwan dalam bidang masing-masing untuk diketengahkan bagi tujuan membuat kajian dan penyelidikan untuk pembangunan masyarakat secara umumnya. Pada masa ini 2 buah buku bertajuk 'Bananas' iaitu hasil kajian Ilmuwan Bioteknologi Unisel dan buku "In Search For Knowledge' telah diterbitkan dan telah diperkenalkan kepada masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : STATUS PEMBANGUNAN KOTA SERI LANGAT

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status pembangunan Kota Seri Langat di Sungai Sedu?

i) Sila nyatakan anggaran kos pembinaan;

ii) Keluasan tanah yang di ambil dan kos pembinaan yang terlibat; dan

iii) Adakah Bangunan Baru Majlis Daerah Kuala Langat akan dibina oleh Kerajaan Negeri dan berpindah ke Kota Seri Langat.

JAWAPAN:

a) Status pembangunan Kota Seri Langat di Sungai Sedu:

Pembangunan Kota Seri Langat di Sungai Sedu merupakan pembangunan pihak swasta yang melibatkan keseluruhan kawasan seluas lebih kurang 900 ekar. Proses tukar syarat bagi sebahagian tanah-tanah yang terlibat telah diluluskan pada tahun 2006 dan bayaran premium telah dijelaskan.

Status terkini; PTD Kuala Langat tidak mempunyai maklumat bila pembangunan Kota Seri Langat akan dimulakan kerana ianya tertakluk kepada perancangan pemaju/ pemilik tanah

i dan ii)

Bangunan Pejabat berserta infrastruktur Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Langat yang telah menelan belanja pembinaan sebanyak **RM30,929,032.00** melibatkan keluasan tanah **18.7 ekar di atas tanah milik I&P Seriemas Sdn Bhd yang akan diserahkan kepada kerajaan negeri sebagai sebahagian timbal balik (premium tukar syarat tanah)**

Kos pembinaan ini ditanggung sepenuhnya oleh Seriemas Development Sdn Bhd Pembinaan Kompleks PTD Kuala Langat ini telah siap dibina oleh SDSB dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri/PTD Kuala Langat pada 15 Jun 2007 dan mula beroperasi pada 14 April 2008.

iii) Pihak Majlis pernah memohon untuk menaik taraf MDKL kepada Majlis Perbandaran pada Mesyuarat MTES pada 4 Jun 2007

Pihak Majlis telah merancang untuk membina sebuah pejabat baru. Cadangan lokasi adalah bersebelahan Dewan Seri Jugra dengan keluasan tapak 7 ekar. Anggaran kos pembinaan adalah RM20 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : RUMAH URUT

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah rumah urut yang beroperasi tanpa kelulusan di dalam Negeri Selangor?
 - b) Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah dan bakal diambil terhadap mereka?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah rumah urut yang beroperasi tanpa kelulusan di dalam Negeri Selangor :

BIL.	PBT	JUMLAH RUMAH URUT TANPA KELULUSAN
1.	MBSA	21 premis
2.	MBPJ	55 premis
3.	MPK	16 premis
4.	MPAJ	Tiada
5.	MPSJ	77 premis
6.	MPS	10 premis
7.	MPKj	41 premis
8.	MPSp	Tiada
9.	MDKL	Tiada
10.	MDHS	1 premis
11.	MDKS	Tiada
12.	MDSB	Tiada
JUMLAH		221 premis

- b) Tindakan penguatkuasaan yang telah dan bakal diambil terhadap rumah urut yang beroperasi tanpa kelulusan Kerajaan Negeri Selangor ialah PBT menjalankan operasi ke premis rumah urut tidak berlesen dan operasi bersepadu bersama agensi-agensi lain seperti Jabatan Imigresen dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Operasi ini dijalankan bagi memperkukuhkan lagi tindakan penguatkuasaan serta membanteras aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral. Manakala tangkapan bagi warga asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen. PBT juga sentiasa membuat pemantauan dan melaksanakan pemeriksaan bagi mengesan kewujudan premis-premis baru. Bagi premis- premis yang didapati beroperasi tanpa kelulusan, sitaan dan pengeluaran kompaun akan dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK KERJA RAYA PERSEKUTUAN DI SELANGOR

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan projek dari Kementerian Kerja Raya melalui agensinya yang dilaksanakan di Selangor 2008-2013 dan nyatakan mengikut daerah, PBT, Parlimen dan DUN?
- b) Nyatakan jumlah kos yang dikeluarkan dan lokasi projek?

JAWAPAN:

- a) Senarai projek-projek dari Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya yang dilaksanakan di Selangor dari tahun 2008 sehingga 2013 mengikut daerah, PBT, Parlimen dan DUN adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	PBT	Parlimen	DUN
1	Projek Menaik taraf Jalan Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam	MBSA	Shah Alam	Batu Tiga
2	Projek Penyuraian Lalu lintas Di Persimpangan Bertingkat Pandan Indah, Jalan Lingkaran Tengah 2	MPAJ	Pandan/Ampang	Cempaka/Teratai /Lembah Jaya
3	Projek Membina & Menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah: Fasa 1	MPK	Kapar	Pelabuhan Klang
4	Projek Menaik taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya / Jalan Puchong - Sungai Besi	MBPJ	Serdang	Seri Kembangan
5	Projek Membina Jalan Dari Kampung Timah SKC Ke Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	MDHS	Hulu Selangor	Batang Kali

Bil.	Nama Projek	PBT	Parlimen	DUN
6	Projek Membina Jejambat Melintasi Landasan Kereta api Di Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Klang	MPK	Kapar	Selat Klang
7	Projek Menaik taraf Persimpangan Di Bandar Sultan Sulaiman / Pintu 2 Northport, Pelabuhan Klang	MPK	Kapar	Sementa
8	Projek Menaik taraf Laluan FT3209 Dan Jalan Negeri B27 Jalan Rawang Ke Tasik Puteri: Fasa 1	MPS	Selayang	Rawang
9	Projek Membina Jalan Pintas Rawang Bagi	MPS	Selayang	Templer
10	Mengatasi Kesyakan Lalu lintas Di Bandar Rawang	MPK	Kapar	Pelabuhan Klang
	Projek Membina dan Menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah : Fasa 1b dan 2			

b) Jumlah kos yang dikeluarkan dan lokasi projek adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Lokasi / Daerah
1	Projek Menaik taraf Jalan Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam	50.1 juta	Petaling
2	Projek Penyuraian Lalu lintas Di Persimpangan Bertingkat Pandan Indah, Jalan Lingkaran Tengah 2	107.3 juta	Hulu Langat
3	Projek Membina & Menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah: Fasa 1	108.1 juta	Klang

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Lokasi / Daerah
4	Projek Menaik taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya / Jalan Puchong - Sungai Besi	7.5 juta	Petaling
5	Projek Membina Jalan Dari Kampung Timah SKC Ke Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	8.4 juta	Hulu Selangor
6	Projek Membina Jejambat Melintasi Landasan Kereta api Di Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Klang	190.1 juta	Klang
7	Projek Menaik taraf Persimpangan Di Bandar Sultan Sulaiman / Pintu 2 Northport, Pelabuhan Klang	93.1 juta	Klang
8	Projek Menaik taraf Laluan FT3209 Dan Jalan Negeri B27 Jalan Rawang Ke Tasik Puteri: Fasa 1	58.0 juta	Gombak
9	Projek Membina Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Kesyakan Lalu lintas Di Bandar Rawang	574.7 juta	Gombak
10	Projek Membina & Menaik taraf Jalan Lingkaran Pulau Indah: Fasa 1B & 2	158.3 juta	Klang
	JUMLAH KOS KESELURUHAN PROJEK	1,355.6 juta	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(SUNGAI PANJANG)**


TAJUK : PEJABAT MENTERI BESAR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan struktur dan perjawatan dalam Pejabat Menteri Besar?
 - b) Apakah fungsi dan skop kerja setiap pegawai yang terbabit?
 - c) Berapakah gaji / elaun pegawai terbabit serta pihak mana yang membiayainya?

JAWAPAN:

- a) Pejabat Menteri Besar mempunyai seramai **31 orang** kakitangan Tetap/Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK). Jumlah kakitangan terbabit adalah tidak termasuk Pegawai-pegawai Politik yang dilantik oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) seramai **5 orang**. Disertakan, [Lampiran 1\(a\) & \(b\)](#) menunjukkan Carta Organisasi Pejabat YAB. Dato' Menteri Besar Selangor mengikut waran dan tidak mengikut waran.
- b) Pejabat YAB. Dato' Menteri Besar Selangor mempunyai empat (4) unit dan setiap unit mempunyai fungsi dan skop yang berlainan. Ia terdiri daripada Unit Pentadbiran, Unit Perkhidmatan, Unit Media dan Unit Kewangan. Fungsi dan skop kerja setiap unit di Pejabat YAB. Dato' Menteri Besar yang diketuai oleh pegawai-pegawai dilantik ada disertakan pada Carta Fungsi Pejabat YAB. Dato' Menteri Besar Selangor di [Lampiran 2](#).
- c) Bersama-sama ini disertakan [Lampiran 3](#) yang menerangkan gaji dan elaun kakitangan Pejabat YAB Dato' Menteri Besar Selangor lantikan kerajaan negeri. Untuk makluman, urusan gaji dan elaun Pegawai-pegawai Politik adalah di bawah pengurusan Menteri Besar Incorporated (MBI).

**CARTA ORGANISASI
PEJABAT YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
(SEDIA ADA KESELURUHAN)**



Petak yang berwarna ungu adalah menunjukkan jumlah kakitangan Tetap/Kontrak sedia ada tidak termasuk politik adalah seramai 31 orang sahaja.

**CARTA ORGANISASI PEJABAT (SEDIA ADA)
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

UNIT PENTADBIRAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44/M48/M52	M44/M48/M52	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	22 (KUP)	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (KUP)	2
Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	1
Sarjen/Koperal	YY6/YY4	1
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu Am Pejabat	N1 (Kontrak)	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		10






UNIT PERKHIDMATAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Penolong Pegawai Tadbir	N27	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	2
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (Kontrak)	2
Pembantu Penguatkuasa	N17 (Kontrak)	3
Pembantu Am Pejabat	N4	2
Pemandu Kenderaan	R6	1
Pemandu Kenderaan	R3	2
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu am Pejabat	N1	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		17

UNIT MEDIA		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Setiausaha Akhbar	41	1
Pereka Set/Juru Foto	17	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	1
Jumlah		3

UNIT KEWANGAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (Kew.)	W17	1
Jumlah		1

NOTA : Jumlah kakitangan keseluruhan sedia ada termasuk Tetap/Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian adalah sebanyak 31 orang.

**CARTA FUNGSI PEJABAT
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**



**CARTA ORGANISASI PEJABAT (SEDIA ADA)
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

UNIT PENTADBIRAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44/M48/M52	M44/M48/M52	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	22 (KUP)	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (KUP)	2
Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	1
Sarjen/Koperal	YY6/YY4	1
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu Am Pejabat	N1 (Kontrak)	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		10

UNIT PERKHIDMATAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	2
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (Kontrak)	2
Pembantu Penguatkuasa	N17 (Kontrak)	3
Pembantu Am Pejabat	N4	2
Pemandu Kenderaan	R6	1
Pemandu Kenderaan	R3	2
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu am Pejabat	N1	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		16

UNIT MEDIA		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Setiausaha Akhbar	41	1
Pereka Set/Juru Foto	17	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	1
Jumlah		3

UNIT KEWANGAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (Kew.)	W17	1
Jumlah		1

NOTA : Jumlah kakitangan keseluruhan sedia ada termasuk Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian adalah sebanyak 30 orang

**CARTA ORGANISASI PEJABAT (SEDIA ADA)
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**


UNIT PENTADBIRAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44/M48/M52	M44/M48/M52	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17(KUP)	2
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	1
Pegawai Khidmat Pelanggan	N17/N22	1
Sarjen/Koperal	YY6/YY4	1
Pembaqntu Am Pejabat	N17/N22	1
Jumlah		7

UNIT PERKHIDMATAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	2
Pembantu Tadbir Rendah (Jumud)	N11/N14	1
Pembantu Am Pejabat	N4	1
Pemandu Kenderaan	R3	2
Pembantu am Pejabat	N1	3
Jumlah		10

UNIT MEDIA		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Setiausaha Akhbar	41	1
Jumlah		1

UNIT KEWANGAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (Kew.)	W17/W22	1
Jumlah		1

**CARTA FUNGSI PEJABAT
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**



RINGKASAN GAJI DAN ELAUN KAKITANGAN YPEJABAT YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR									
BIL.	JAWATAN/GRED	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	ELAUN				BILANGAN JAWATAN	CATATAN
				ELAUN KHIDMAT AWAM (RM)	ELAUN KOS SARA HIDUP (RM)	IMBOHAN TETAP PERUMAHAN (RM)	ELAUN KERAIAAN DAN EALUN-ELAUN LAIN (RM)		
1	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54	5,937.00	11,971.00	-	300.00	900.00	800.00	-	Tetap
2.	Pegawai Berita Gred S41	1,909.00	8,644.00	300.00	300.00	250.00	-	1	Kontrak
3	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	1,362.00	5,092.00	160.00	300.00	160.00	-	1	Kontrak
4	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	2,165.00	4,233.00	180.00	300.00	115.00	-	1	Tetap
5	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N22	2,165.00	4,233.00	180.00	300.00	115.00	-	1	Tetap
6	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	928.00	3,375.00	180.00	300.00	115.00	-	11	2 - kontrak 9 - tetap
7	Pembantu Tadbir (Kew.) Gred W17	929.00	3,377.00	180.00	300.00	115.00	-	1	Tetap
8	Juru Foto / Pereka Set Gred B17	936.00	3,404.00	180.00	300.00	115.00	-	1	Kontrak
9	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	928.00	3,375.00	180.00	300.00	115.00	-	3	Dipinjamkan

RINGKASAN GAJI DAN ELAUN KAKITANGAN YPEJABAT YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

BIL.	JAWATAN/GRED	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	ELAUN				BILANGAN JAWATAN	CATATAN
				ELAUN KHIDMAT AWAM (RM)	ELAUN KOS SARA HIDUP (RM)	IMBOHAN TETAP PERUMAHAN (RM)	ELAUN KERAIAN DAN EALUN-ELAUN LAIN (RM)		
10	Koperal Gred YYA4	2,186.08	4,053.59	275.00	300.00	115.00	Elaun Tugas PDRM RM200.00 dan Bayaran Insentif Tugas Am RM200.00	1	Dipinjamkan
11	Pemandu Kenderaan Gred N6	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	1	Dipinjamkan
12	Pemandu Kenderaan Gred N3	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	4	2 - kontrak 2 - tetap
13	Pembantu Am Pejabat Gred N4	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	2	Tetap
14.	Pembantu Am Pejabat Gred N1	981.00	2,328.00	180.00	300.00	95.00	-	2	1 - kontrak 1 - tetap
15	Pekerja Sambilan Harian	Gaji Hari RM54.00	-	-	-	-	-	1	Dibayar gaji hari
JUMLAH :								31	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SISA PEPEJAL

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan kaedah pelantikan kontraktor?
 - b) Nyatakan berapa jumlah nama dan jumlah kontraktor yang telah diambil tindakan di atas kegagalan penyenggaraan sisa pepejal di MPAJ sejak pengambilalihan dari ALAM FLORA?
 - c) Nyatakan juga bentuk tindakan?

JAWAPAN:

- a) Kontraktor MPAJ dilantik melalui tender terbuka. Pemilihan dibuat menggunakan kaedah "**cut off**" yang mana penender akan di senarai pendek dan penender yang menawarkan harga terendah dipilih.
- b) Terdapat 6 kontraktor telah ditamatkan perkhidmatan sejak pengambilalihan daripada Alam Flora iaitu:
 - i) Syarikat Ole Tech Venture (PPSP 13) – Ditamatkan pada 27 Jun 2012
 - ii) Syarikat Zummy Engineering (PPSP 14) – Ditamatkan pada 27 Jun 2012
 - iii) Syarikat ZNS Engineering (PPSP 15) – Ditamatkan pada 27 Jun 2012
 - iv) Syarikat Aftacorp Sdn. Bhd. (PPSP 28) – Ditamatkan pada 27 Jun 2012
 - v) Syarikat Cahaya Bina Sdn. Bhd. (PPSP 4) – Ditamatkan pada 19 Julai 2013
 - vi) Syarikat Ciri Dinamik Ent. (PPSP 5) – Ditamatkan pada 19 Julai 2013
- c) Tindakan yang diambil adalah (i) Notis Pemberitahuan; (ii) Notis Pembetulan; (iii) Notis "*back-up*"; (iv) Tunjuk Sebab;(v) Penggantungan Perkhidmatan; dan akhirnya (v) Penamatan Kontrak.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROJEK MEMBAIKPULIH TEBING & PENDALAMAN SUNGAI
LANGAT**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk tahun 2013?
 - b) Sila nyatakan status pelaksanaan projek tersebut sehingga November 2013?
 - c) Sila nyatakan bagaimanakah pemantauan tebing-tebing yang runtuh sebelum dan setelah baik pulih dilakukan?
 - d) Apakah tindakan segera yang akan diambil terhadap kawasan tebing sungai yang runtuh yang masih belum baik pulih seperti di Kampung Rantau Panjang, Dusun Tua, Hulu Langat?
 - e) Sila namakan kontraktor-kontraktor yang terlibat di dalam projek membaik pulih tebing dan mendalamkan Sungai Langat serta prestasi hasil kerja mereka?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH TERBIAR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sistem pemantauan PBT bagi mengatasi masalah sampah yang jatuh di tepi dan di sekeliling tong sampah dibiarkan sahaja oleh pengguna dan kontraktor pembersihan yang terbabit menyebabkan keadaan sekitar kelihatan amat kotor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT sentiasa memandang serius mengenai masalah sampah. Sehubungan itu, sistem pemantauan telah diperkenalkan oleh PBT supaya kecekapan pengurusan kutipan sampah dan pelupusan sampah dapat ditingkatkan. Contohnya membuat pemantauan bulanan oleh **(Unit Tindakan Khas / Unit *Flying Squad*)** bagi memastikan perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah dilaksanakan dengan teratur. Selain itu, pihak PBT juga menyediakan pasukan khas 'in-house' bagi membuat kerja *back-up* di kawasan kontraktor yang gagal memberikan perkhidmatan dengan baik serta menyediakan logistik secara 'in-house' dan membuat rondaan di kawasan kontraktor kerja bagi membantu mengutip sampah yang dibuang oleh penduduk terutama di kawasan perniagaan dan membuat penambahan tong sampah di kawasan pusat bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEBAJIKAN PENEROKA BANDAR

19. Statistik Peneroka Bandar mengikut PBT dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti lampiran yang pernah diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Daripada jumlah peneroka bandar, nyatakan statistik peneroka bandar yang telah diberi pemberimilikan tanah?
- b) Nyatakan statistik peneroka bandar yang diberi penempatan di rumah kos rendah mengikut PBT, Parlimen dan DUN?
- c) Adakah nasib peneroka bandar ini terjaga kebajikannya selepas tanah mereka dikembalikan kepada kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, dari 2008 hingga 2013, sejumlah 747 keluarga Peneroka Bandar telah diberi pemberimilikan tanah. Kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Kawasan Penempatan	PBT	Jumlah
1.	Kg Sg Sireh	MPK	79
2.	Tanah Mardi		137
3.	Kg Jawa Estate	MDKS	66
4.	Kg Pecah Batu / Kg Permai		78
5.	Kg Baru Lembah Pantai		33
6.	Kg Seri Makmur		60
7.	Jaya Setia		44
8.	Kg Seri Aman		78

Bil.	Kawasan Penempatan	PBT	Jumlah
9.	Kg Sri Sentosa		172
Jumlah			747

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, setakat dari tahun 2008 hingga 2013 tiada penempatan semula Peneroka Bandar di rumah kos rendah.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Kerajaan Negeri selepas tahun 2008 tiada tindakan pengusiran dan perobohan akan dikenakan kepada Peneroka Bandar sehinggalah terdapat penyelesaian bagi penempatan semula Peneroka Bandar berkenaan supaya mereka ini tidak tertindas dan kehilangan tempat berteduh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KUTIPAN DAN PENGAGIHAN ZAKAT

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah kutipan dan pengagihan zakat Selangor 2008-2012?
- b) Apakah strategi dan kaedah untuk meningkatkan kutipan dan kecekapan pengagihan?
- c) Nyatakan jumlah asnaf dan nilai zakat yang menerima pengagihan pada tahun 2013 mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan dan pengagihan zakat di Selangor dari tahun 2008 hingga 2012 boleh dilihat pada jadual berikut:

Jumlah Kutipan Zakat Di Selangor Dari Tahun 2008 hingga 2012

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)
2008	244,472,884
2009	283,787,046
2010	336,674,526
2011	394,103,904
2012	451,325,027

Jumlah Agihan Zakat Di Selangor Dari Tahun 2008 hingga 2012

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)
2008	188,998,771
2009	279,191,041

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)
2010	364,946,019
2011	373,465,626
2012	401,717,682

b) Antara strategi dan kaedah yang dilaksanakan oleh LZS untuk meningkatkan kutipan dan kecekapan pengagihan adalah:

i) **Aktiviti Dakwah dan Penerangan**

Ia merupakan tunjang kepada LZS untuk mentarbiahkan umat Islam terutamanya golongan muda berkaitan kutipan dan agihan. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah:

- Operasi Masjid (Khutbah) - Pembacaan khutbah tentang zakat telah masjid-masjid terpilih. Selain itu satu khutbah juga ditulis khas untuk dibaca bersempena bulan Disember dan Ramadan.
- Ceramah dan Forum – Merupakan salah satu mekanisme tradisional yang digunakan untuk menyampaikan dakwah zakat kepada masyarakat.
- Program Bersama Jemaah Haji - Merupakan program tahunan yang dijalankan oleh LZS dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji. Ia melibatkan siri ceramah yang diadakan khusus untuk bakal jemaah haji.
- Program Ziarah Korporat dan Majikan – Ia melibatkan aktiviti ziarah ke premis-premis majikan dan syarikat.
- Barakah Mawaddah – Ia merupakan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mengendalikan kursus perkahwinan. LZS telah diberi slot ceramah pada setiap kursus perkahwinan yang dijalankan dengan pengisian berkaitan zakat khusus untuk golongan muda.

ii) **Mengoptimumkan Kutipan Zakat Perniagaan**

- Operasi Taksiran – Diadakan dari semasa ke semasa sepanjang tahun. Ia melibatkan aktiviti seperti taklimat di premis syarikat, rundingan zakat, taksiran zakat syarikat dan kutipan zakat perniagaan di premis-premis perniagaan.
- Seminar dan Bengkel Taksiran Zakat Perniagaan - Seminar dan Bengkel Taksiran Zakat Perniagaan ini diadakan khusus untuk syarikat- syarikat yang berpotensi dan berminat untuk mengetahui dengan terperinci maklumat berkenaan zakat perniagaan

- iii) **Operasi Pekeliling Kerajaan**
Operasi Pekeliling Kerajaan bagi kakitangan kerajaan adalah berdasarkan pekeliling pembayaran zakat pendapatan menerusi potongan gaji yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2004. Antara aktiviti yang dijalankan ialah taksiran zakat, penghantaran notis taksiran dan taklimat yang memfokuskan agensi-agensi kerajaan di Negeri Selangor. Operasi Pekeliling Kerajaan juga memainkan peranan besar dalam memberi impak yang cukup berkesan ke atas kutipan zakat pendapatan di LZS. Secara dasarnya, operasi ini telah berjaya meningkatkan bilangan pembayar melalui potongan gaji bagi sektor kerajaan.
- iv) **Skim Berkat (Skim Bayaran Zakat Melalui Potongan Gaji)**
Ia merupakan skim kemudahan pembayaran zakat melalui potongan gaji yang disediakan oleh LZS kepada para pembayar zakat di Selangor.
- v) **Operasi Promosi dan Publisiti Melibatkan Kutipan dan Agihan Zakat**
Aktiviti promosi diadakan sepanjang tahun bertujuan untuk memperkasakan kutipan zakat terutamanya menjelang waktu puncak iaitu pada bulan Ramadan dan Disember. Selain itu, promosi dan publisiti di media massa turut memainkan peranan dalam memberi pendedahan dan informasi tentang LZS kepada orang ramai. Antara bentuk promosi dan publisiti dengan media yang dijalankan termasuklah mendapatkan slot temu bual di radio dan tv, wawancara berkaitan zakat di media-media cetak serta membawa pihak media melihat perkembangan agihan zakat di Selangor.
- vi) **Kaunter Bergerak**
Dalam usaha memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada masyarakat, LZS telah mewujudkan kaunter bergerak yang bertujuan membantu proses kutipan dan agihan zakat, khususnya di destinasi terpilih yang menjadi tumpuan ramai.
- vii) **Menyediakan Kaunter Ekspres Agihan Zakat** di cawangan-cawangan LZS terpilih di setiap daerah.
- viii) **Skwad Jejak Kemiskinan** – Program turun padang ini bagi mengenal pasti individu atau keluarga yang memerlukan, namun masih belum mendapat bantuan zakat. Siasatan secara terus dari rumah ke rumah telah dijalankan di setiap lokasi, di mana penduduk diminta mengisi borang bancian siasatan bagi menentukan haddul kifayah (garis penentuan kemiskinan) mereka.
- ix) **Mengadakan semakan semula** asnaf fakir dan miskin yang dilaksanakan setiap tahun.

- x) **Memperbaiki proses agihan** untuk memudahkan asnaf yang memohon bantuan.
Antaranya adalah dengan mempermudah proses mengisi borang permohonan. Selain itu, keperluan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dimantapkan, agar dapat meningkatkan kecekapan operasi LZS ke tahap optimum dan efisien dengan kos yang lebih efektif.
- xi) **Memperkenalkan Talian Zakat Selangor 1-800-88-5353** untuk menyalurkan maklumat berkaitan asnaf. Di samping itu, seiring dengan perkembangan teknologi, LZS turut memperluaskan penggunaan facebook (LembagaZakatSelangor.MAIS) untuk berkomunikasi dengan masyarakat sama ada untuk menyalurkan aduan atau sebarang pertanyaan berkaitan.

- c) Berikut merupakan jumlah asnaf fakir dan miskin mengikut daerah pada tahun 2013:

BIL	DAERAH	JUMLAH		JUMLAH KESELURUHAN
		FAKIR	MISKIN	
1.	Sabak Bernam	324	3,845	4,169
2.	Kuala Selangor	938	2,840	3,778
3.	Klang	1,028	2,314	3,342
4.	Petaling	1,571	3,329	4,900
5.	Kuala Langat	1,090	1,598	2,688
6.	Selangor	380	723	1,103
7.	Hulu Langat	2,208	2,934	5,142
8.	Gombak	838	1,204	2,042
9.	Hulu Selangor	1,457	1,489	2,946
JUMLAH		9,834	20,276	30,110

Nota: Data asnaf fakir dan miskin adalah sehingga September 2013. LZS tidak mempunyai rekod asnaf mengikut DUN dan Parlimen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : LEBUH RAYA BARU

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan nama dan lokasi untuk semua lebuh raya baru yang telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri atau PBT
- b) Bagaimana negeri dapat memantau projek lebuh raya baru supaya kadar tol yang akan dikutip adalah munasabah?

JAWAPAN:

- a) Terdapat enam (6) konsesi lebuh raya baru yang telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi mendapatkan kelulusan kebenaran merancang oleh agensi teknikal yang terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan senarai dan butiran lebuh raya baru tersebut.

Bil.	Lebuh raya	Syarikat Konsesi	Butiran
1.	West Cost Expressway (WCE)	West Cost Expressway Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 233km- mula di Bandar Mahkota, Banting hingga ke Changkat Jering, Perak.- 20 plaza tol (9 di Selangor & 11 di Perak)- 21 persimpangan (10 di Selangor & 11 di Perak)
2.	East Klang Valley Expressway (EKVE)	AZRB	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 24.1km [Fasa 1]- mula di Persimpangan Bertingkat Sg. Long hingga ke Ukay Perdana
3.	Damansara - Shah Alam (DASH)	Prolintas Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 24.5km- mula di persimpangan Puncak Perdana hingga ke Damansara Perdana.- 13 persimpangan (90% struktur bertingkat)

Bil.	Lebuhraya	Syarikat Konsesi	Butiran
4.	Sg. Besi - Hulu Kelang (SUKE)	Prolintas Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran 38.1km - mula di Sri Petaling hingga ke Bukit Antarabangsa, Ulu Kelang. - mempunyai 12 persimpangan yang mana 90% struktur bertingkat.
5.	Kinrara - Damansara Expressway (KIDEX)	Konsortium Zabima - Emrail	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran 13.5km dibina secara '<i>elevated structured</i>'. - mula di Lebuh raya NKVE hingga ke Bukit Jalil. - 7 persimpangan dan 2 plaza tol.
6.	Serdang - Kinrara - Putrajaya (SKIP)	Saluran Arena Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran yang menyambung dengan Lebuh raya KIDEX dan mempunyai 2 jajaran. - <u>Jajaran A</u> bermula di Jalan Kinrara 6 dan bertemu di Lebuh raya LDP dan SKVE. - <u>Jajaran B</u> melintasi Lebuh raya MEX dan Lebuh raya PLUS dan akan bertemu di Lebuh raya BESRAYA. - sepanjang 17.5km. - 7 persimpangan dan konsep persimpangan tol terbuka.

Pemantauan dan penetapan kadar tol yang akan dikutip oleh sesebuah projek lebuhraya baru adalah terletak di bawah kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mencadangkan beberapa langkah berikut kepada Kerajaan Persekutuan agar diberi penekanan iaitu:-

- i) Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii) Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
- iii) **Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah dibuat; dan**
- iv) Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD (KSSB)

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah keuntungan KSSB dan berapakah royalti pasir yang dibayar kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2010 hingga 2012?
- b) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh KSSB dalam menjayakan program CSR sejak tahun 2010 hingga 2013?
- c) Sila senaraikan nama ahli Lembaga Pengarah,elaun bulanan,elaun mesyuarat dan bonus tahunan serta lain-lain kemudahan yang diterima dari tahun 2010-2012?

JAWAPAN:

- a) Keuntungan KSSB dan royalti yang dibayar kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut;

Perkara	Juta RM			
	2010	2011	2012	Jumlah
Keuntungan Sebelum Cukai	19.09	16.83	13.23	49.15
Keuntungan Selepas Cukai & Zakat	13.48	12.02	9.19	34.69
Royalti Dibayar	10.80	16.01	10.33	37.14

- b) Sumbangan CSR KSSB dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut;

Perkara	RM				
	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Sumbangan CSR	34,990	899,559	709,457	143,450	1,787,456

- c) Ahli Lembaga Pengarah KSSB dan elaun-elaun yang diterima oleh mereka untuk tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut;

Bil.	Pengarah	Jawatan	Emolumen Pengarah 2010 -2012 (RM)		Nota
			Elaun Tahunan	Elaun Mesyuarat	
1	Tuan Haji Shukor Nagor	Pengerusi	72,000.00	8,000.00	Mulai 21/07/2008 Sehingga 29/08/2010
2	Tuan Haji Sabtu Bin Mohd. Ali	Pengerusi	76,666.67	15,000.00	Mulai 08/09/2011
3	Ir. Ramli Bin Abd. Majed	Pengarah Eksekutif	7,500.00	-	Mulai 21/07/2008 Sehingga 01/12/2010
4	Ir. Wan Ab. Halim Bin Wan Ismail	Ketua Pegawai Eksekutif	110,000.00	31,000.00	Mulai 26/07/2010 Sehingga 08/01/2013
5	Dato' Dr. Azimuddin Bin Bahari	Ketua Pegawai Eksekutif	-	-	Mulai 08/04/2013
6	Dato' Mohd. Arif Bin Ab. Rahman	Pengarah	100,000.00	15,500.00	Mulai 07/07/2008 Sehingga 30/10/2012
7	Dato' Nordin Bin Sulaiman	Pengarah	10,000.00	-	Mulai 23/11/2012
8	Y.B. Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei	Pengarah	110,000.00	21,500.00	Mulai 10/06/2010
9	Y.B. Mohd. Khairuddin Bin Othman	Pengarah	110,000.00	18,000.00	Mulai 06/01/2010
10	Y.B. Ganabatirau A/L Veraman	Pengarah	110,000.00	22,500.00	Mulai 21/06/2010
11	En. Wong Su Kok	Pengarah	110,000.00	16,500.00	Mulai 28/01/2009
12	En. Cheong Seng Gee	Pengarah	76,666.67	10,500.00	Mulai 08/09/2011
Jumlah			892,833.34	158,500.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PUSAT PENGURUSAN PRODUK IKS DAERAH KUALA LANGAT

23. Terdapat sebuah Pusat Pengurusan IKS telah dibina di daerah Kuala Langat iaitu DUN Morib.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah pusat ini akan beroperasi?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk promosi pusat IKS ini?
- c) Berapa peruntukan untuk aktiviti ini?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menerima beberapa permohonan daripada pengusaha-pengusaha IKS di daerah Kuala Langat yang berminat untuk menjadi operator Bazar Darul Ehsan (dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengurusan IKS) Kuala Langat. Buat masa ini, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan bersama-sama dengan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat sedang menilai permohonan-permohonan tersebut. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat juga sedang mengkaji keperluan-keperluan lain seperti kaedah pelaksanaan dan struktur pengurusannya bagi memastikan Bazar Darul Ehsan Kuala Langat ini berjaya.
- b) Perancangan Kerajaan Negeri Selangor di dalam mempromosikan Bazar Darul Ehsan Kuala Langat ini adalah dengan:-
 - i) Hebahan di akhbar, laman web ataupun portal-portal Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah/Tanah, Jabatan-jabatan Kerajaan di Negeri Selangor, Agensi-agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor;
 - Hebahan semasa penganjuran kursus-kursus yang dikendalikan oleh portfolio pembangunan usahawan seperti Bahagian Pembangunan Usahawan PKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Jabatan Perikanan Negeri Selangor serta agensi-agensi lain yang berkaitan; dan
 - Bekerjasama dengan Tourism Selangor Sdn. Bhd. untuk membawa pelancong ke Bazar-bazar Darul Ehsan serta menyenaraikan kesemua Bazar Darul Ehsan sebagai destinasi pelancongan di negeri Selangor.
- c) Seperti yang telah dinyatakan di dalam jawapan kepada soalan (a), Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan bersama Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat sedang mengkaji keperluan-keperluan lain

seperti kaedah pelaksanaan dan struktur pengurusannya bagi memastikan Bazar Darul Ehsan Kuala Langat ini berjaya, peruntukan untuk aktiviti ini hanya akan diperolehi selepas perkara-perkara di atas dinilai dan diputuskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT-SYARIKAT GLC

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan huraian ringkas prestasi kewangan yang merangkumi aspek penyata kewangan, lembaran imbangan, penyata pendapatan, penyata aliran tunai, penyata ekuiti pemilik dan sebagainya terhadap syarikat-syarikat GLC yang berikut:
- i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS),
 - ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB),
 - iii) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), dan
 - iv) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

JAWAPAN:

- a) Anak syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Badan berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980).

Bagi soalan Yang Berhormat, hanya PNSB dan KDEB dikategorikan sebagai anak syarikat. Manakala PKNS dan PKPS adalah badan berkanun.

i) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PKNSB bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah meningkat sebanyak RM161.579 juta yang bersamaan dengan 3.3%.
- b. Pada tahun tersebut, keuntungan bersih adalah sebanyak RM218.99 juta di mana keuntungan ini mengalami penurunan sebanyak -30.65% berbanding tahun kewangan 2012. Selain daripada peningkatan dalam pelbagai kos operasi, antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan kos pelaksanaan perkhidmatan yang meningkat sebanyak 486.39% kepada

RM114.262 juta berbanding kos pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM21.244 juta.

- c. Pada tempoh kewangan tersebut, nisbah hutang dan nisbah kecairan PKNS berada pada tahap yang sangat baik iaitu masing – masing sebanyak 0.16 dan 4.46.

ii) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PNSB bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah meningkat sebanyak RM31.42 juta yang bersamaan dengan 3.1%.
- b. Pada tahun tersebut, jumlah keuntungan bersih yang dijana oleh PNSB adalah sebanyak RM9.27 juta di mana keuntungan ini mengalami penurunan sebanyak -67.36% berbanding tahun kewangan 2012. Faktor utama kepada penurunan tersebut adalah disebabkan oleh kos kewangan yang dibayar sebanyak RM10.07 juta faedah kepada bank berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM0.27 juta. Faedah tersebut merupakan faedah ke atas pinjaman yang dibuat bagi tujuan pembelian tanah – tanah untuk dibangunkan secara komersil.
- c. Walau bagaimanapun, nisbah hutang PNSB masih pada kadar yang rendah berbanding aset yang dimiliki iaitu sebanyak 0.6. Pada masa ini, PNSB mempunyai sejumlah tanah yang bernilai RM690.15 juta pada kos yang masih di dalam fasa pembangunan hartanah yang dijangka dapat memberikan pulangan yang baik untuk tempoh jangka masa panjang.

iii) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan KDEB bagi tahun kewangan 2012, keuntungan selepas cukai KDEB di peringkat Kumpulan adalah sebanyak RM22.896 juta.
- b. Berikut merupakan rekod keuntungan/(kerugian) selepas cukai KDEB di peringkat Kumpulan bagi tempoh 5 tahun terkini :-

Tahun kewangan	Keuntungan/(kerugian) selepas cukai RM juta
2012	22.896
2011	(5.160)
2010	42.653

2009	(0.737)
2008	(122.488)

- c. Pada tahun 2012, perkongsian keuntungan dengan Syarikat Bersekutu telah meningkat sebanyak 155.5% kepada RM120.01 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM46.97 juta.
- d. Nisbah hutang KDEB juga masih berada pada tahap yang baik iaitu sebanyak 0.77. Pada masa yang sama, nisbah kecairan KDEB juga adalah pada tahap yang memuaskan iaitu sebanyak 1.68.
- e. KDEB kini sedang melalui proses pengambilalihan syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang dijangka dapat mengukuhkan kedudukan kewangan KDEB di masa hadapan.

iv) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PKPS bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah mengalami penurunan sebanyak RM13.75 juta yang bersamaan dengan 3%.
- b. Perkara ini adalah berikutan prestasi pendapatan bagi tahun 2012 yang mengalami penyusutan sebanyak RM14.9 juta yang bersamaan dengan -95.30%. Pendapatan bagi tahun 2011 adalah pada kadar yang tinggi susulan daripada pelupusan aset dan penutupan operasi syarikat – syarikat subsidiari yang tidak memberikan keuntungan.
- c. PKPS juga masih lagi dalam proses penyusunan semula operasi syarikat secara menyeluruh dan menjangkakan kestabilan operasi akan dicapai dalam masa terdekat.
- d. Berdasarkan rekod pada 31 Disember 2012, Nisbah hutang PKPS juga masih berada pada tahap yang baik iaitu sebanyak 0.25. Pada masa yang sama, nisbah kecairan PKPS juga adalah pada tahap yang baik iaitu sebanyak 3.39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : PUSAT KOMUNITI WANITA (PKW)

25. Impak positif ekonomi dapat dirasai dalam memperkasa dan memperdaya golongan wanita dengan kemahiran-kemahiran seperti memasak, menjahit dan sebagainya dengan penubuhan PKW di setiap DUN.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan program di bawah PKW dan jumlah peserta yang terlibat mengikut DUN?
- b) Bagaimanakah pelaksanaan PKW dan manfaatnya kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Pusat Komuniti Wanita (PKW) telah melalui penjenamaan semula kepada Pusat Wanita Berdaya (PWB). Penganjuran program-program berserta jumlah peserta oleh PWB bagi tahun 2012 sehingga kini adalah seperti di **Lampiran**.
- b) Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Komuniti Wanita (PKW) ditubuhkan sebagai pusat aktiviti wanita yang utama dan komited dalam membentuk sebuah komuniti wanita yang berdaya dalam pelbagai bidang dan mempunyai jati diri yang tinggi. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan hasil usaha dan kreativiti pengendali PWB di DUN masing-masing. Hasil daripada pemerhatian dan soal selidik yang telah dijalankan sebanyak 80% telah mencapai objektif yang disasarkan. Pewujudan PWB ini juga telah membantu golongan wanita dalam menjana pendapatan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka. Di samping itu, penglibatan aktif golongan wanita melalui PWB ini juga telah melahirkan golongan wanita yang berkeyakinan dan bersikap proaktif dalam melengkapkan diri dengan informasi dan kemahiran dalam menghadapi arus globalisasi.

LAMPIRAN

NO	PWB	PROGRAM BERSTRUKTUR (KEHADIRAN PESERTA)				PROGRAM TIDAK BERSTRUKTUR(KEHADIRAN PESERTA) JAN-MAC 2013			
		ICT	KEWANGAN	KEPIMPINAN	KESIHATAN	KRAF	JAHITAN	MASAK	JUMLAH
1	K NRARA	38	20			60			118
2	SER SET A	27		12		30			69
3	TAMAN MEDAN	13	25	33	25				96
4	KAMPUNG TUNKU	20				100			120
5	KOTA DAMANSARA						20		20
6	KOTA ANGGERIK	48	36	32				30	146
7	BATUTIGA	20	18	20	18			50	126
8	MERU	24	25	20	25			20	114
9	SEMENTA	40	31					40	111
10	SELAT KELANG	27	18	26	23	20	20	20	154
11	SRI ANDALAS	21					20	20	61
12	SRI MUDA					30			30
13	SIJANGKANG			34		30	30	30	124
14	MORIB					30	30	30	90
15	TANJUNG SEPAT	40	28					20	88
16	DENGKIL	40		15		20			75
17	SUNGAI PELEK	36		18		20			74
18	SG. AIR TAWAR	26		53	45	40	160	160	484
19	SABAK	30		53	30	40	80	120	353
20	SEKINCHAN	20		40	57	60	100	160	240

21	HULU BERNAM	29	16	25	20	20	40	40	190
22	K.K BARU	37	23	21		20	40	40	181
23	BATANG KALI				12	40	60	80	192
24	SUNGAI BORUNG		30				20	20	70
25	P.MATANG	25		60					85
26	BUKIT MELAWATI	30	30	16				40	116
27	IJOK	30	30	53		40	60	40	253
28	JERAM	33	30	30		20	20	40	173
29	KUANG						100	80	180
30	RAWANG					60	60		120
31	TEMPLER						40		40
32	BATU CAVES	30					80	80	190
33	G.SETIA	23	38	41		80	160	200	542
34	H.KELANG	30				40	20	60	150
35	B.A BANGSA	22	26	28		20	80	60	236
36	LMBH.JAYA						20		20
37	CHEMPAKA			35	40	20	40	100	235
38	TERATAI	34	35			20	20	40	149
39	SEMENYIH			30			140	60	230
40	KAJANG						100	80	180
41	BANGI						60		60
42	SUNGAI PANJANG					40	60	140	240
Jumlah									6525

Jadual menunjukkan jumlah peserta oleh PWB bagi tahun 2012 sehingga kini.

**PERTANYAAN PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK: ISYTIHAR HARTA

26. Kerajaan Negeri Selangor ada menyatakan telah membuat pengisytiharan harta bagi Y.A.B Menteri Besar dan barisan EXCO.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila perincikan dengan jelas maklumat berhubung pengisytiharan harta yang dilakukan oleh YAB Menteri Besar?
- b) Sila nyatakan juga maklumat lengkap pengisytiharan harta barisan Exco Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pengisytiharan harta YAB Dato' Menteri Besar dan barisan Exco Kerajaan Negeri sedang dalam proses pengemaskinian selaras dengan kenaikan gaji Ahli MMKN berkuatkuasa Januari 2014.

Maklumat-maklumat perincian boleh dilayari melalui portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor iaitu <http://www.selangor.gov.my> dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kursus-kursus di UNISEL serta jumlah pelajar, pensyarah dan akreditasi (jika ada).
- b) Sila bekalkan perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pembinaan Kampus Bestari Jaya.

JAWAPAN:

- a) Adalah seperti senarai berikut:-

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Bestari Jaya				
1.	Fakulti Kejuruteraan			
Program				
1.1	Diploma Kejuruteraan Awam / <i>Diploma in Civil Engineering</i>	Provisional (Pengambilan pertama)	Tiada Penolong Pensyarah	2
1.2	Diploma Kejuruteraan Mekanikal / <i>Diploma in Mechanical Engineering</i>	Sepanjang hayat	Tiada Penolong Pensyarah	47
1.3	Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik / <i>Diploma in Electrical & Electronic Engineering</i>	Sepanjang hayat	Tiada Penolong Pensyarah	23
1.4	Diploma Kejuruteraan Mekatronik / <i>Diploma in Mechatronics Engineering</i>	Sepanjang hayat	5 Orang Penolong Pensyarah	6
1.5	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Awam / <i>Bachelor of Engineering (Hons) Civil</i>	31 Dec 2013	12	105
1.6	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekanikal / <i>Bachelor of Engineering (Hons) Mechanical</i>	31 Dec 2013	25	215
1.7	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik / <i>Bachelor of Engineering (Hons) Electrical</i>	31 Dec 2013	12	91
1.8	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan	31 Dec 2013	14	46

	(Kepujian) Elektronik / <i>Bachelor of Engineering (Hons) Electronic</i>			
1.9	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Mekatronik / <i>Bachelor of Engineering (Hons) Mechatronic</i>	31 Dec 2013	9	63
1.10	Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Penyelidikan) / <i>Master Engineering(By research)</i>	Dalam proses akreditasi	15	3
1.11	Doktor Falsafah Kejuruteraan (Penyelidikan) / <i>Doctor Of Philosophy In Engineering (By Research)</i>	Dalam proses akreditasi	10	6
Jumlah keseluruhan pelajar				607

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Bestari Jaya				
2.	Fakulti Sains & Bioteknologi			
Program				
2.1	Program Asas Sains / <i>Foundation in Science</i>	Full Accreditation	8	76
2.2	Diploma Industri Bioteknologi / <i>Diploma in Biotechnology Industry</i>	Full Accreditation	10	68
2.3	Diploma Teknologi Industri / <i>Diploma in Industrial Technology</i>	Full Accreditation	11	201
2.4	Diploma Akuakultur / <i>Diploma in Aquaculture</i>	Full Accreditation	5	34
2.5	Diploma Sains Kuantitatif / <i>Diploma in Quantitative Science</i>	30 June 2015	10	2
2.6	Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Industri (Kepujian) / <i>Bachelor of Industry Biotechnology (Hons.)</i>	Full Accreditation	16	200
2.7	Ijazah Sarjana Muda Bioinformatik (Kepujian) / <i>Bachelor of Bioinformatics (Hons.)</i>	Full Accreditation	9	29
2.8	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik dengan Statistik / <i>Bachelor of Science (Hons.) Mathematics with Statistics</i>	Full Accreditation	13	71
2.9	Ijazah Sarjana Muda Sains Persekitaran (Kepujian) (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) / <i>Bachelor of Environmental Science (Hons.)(Biodiversity and Conservation)</i>	10 Disember 2014	8	15
2.10	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Industri / <i>Bachelor of Science (Hons.) Industrial Technology</i>	30 June 2016	7	6
2.11	Ijazah Sarjana Sains Bioteknologi / <i>Master of Science(Biotechnology)</i>	KPT Approval until 21 st June 2014	6	8

2.12	Ijazah Sarjana Sains / <i>Master of Science</i>	KPT Approval until 29 th November 2017	6	0
2.13	Doktor Falsafah Bioteknologi / <i>Doctor of Philosophy Biotechnology</i>	KPT Approval until 15 th May 2012	6	2
2.14	Doktor Falsafah Sains / <i>Doctor of Philosophy Science</i>	KPT Approval until 1 st November 2017	6	2
Jumlah keseluruhan pelajar				714

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Bestari Jaya				
3.	Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial			
Program				
3.1	Program Asas (TESL)	24/4/2008-Nil	6	118
3.2	Diploma Pendidikan (Pengajian Pra Sekolah)	16/12/2008-Nil	15	1152
3.3	Diploma Sains Perpustakaan	18/11/2008-Nil	6	87
3.4	Diploma In Teaching English As A Second Language	15/5/2009-Nil	11	502
3.5	Ijazah Sarjana Muda Psikologi Industri (KEP)	1/04/2010-Nil	5	206
3.6	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (KEP) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)	11/07/2010-Nil	16	531
3.7	Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (KEP)	3/12/2011- 2/12/2014 (PA)	5	93
3.8	Ijazah Sarjana Muda (KEP) (Pendidikan Awal Kanak-kanak)	27/2/2012- 26/8/2015 (MQA/PA0887)	7	548
3.9	Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Kokurikulum Dan Sukan)	7/09/2009-Nil	2	22
3.10	Sarjana Pendidikan (Pengurusan Disiplin)	5/08/2009-Nil	4	141
3.11	Doktor Falsafah Pendidikan	12/05/2009-Nil	3	10
3.12	Doktor Falsafah Sains Sosial	27/4/2011-Nil	2	34
3.13	Doktor Pendidikan (Ed. D.) (Course work)	16/10/2010-Nil	5	183
3.14	Diploma Pendidikan Pengajian Islam	6/12/2010-Nil	10	253
3.15	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Untuk Industri	19/1/2009- 18/1/2012 (PA)	1	4
Jumlah keseluruhan pelajar				3884

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Bestari Jaya				
4.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat			
Program				
4.1	Program Asas Teknologi Maklumat	17/11/2008- Akreditasi Penuh	55	31
4.2	Diploma Aplikasi Komputer Dalam Perniagaan	23/04/2008- Akreditasi Penuh		28
4.3	Diploma Industri Multimedia	23/04/2008- Akreditasi Penuh		91
4.4	Diploma Sains Komputer (Pengkompoteran Industri)	23/04/2008- Akreditasi Penuh		70
4.5	Diploma Teknologi Maklumat	24/11/2008- Akreditasi Penuh		140
4.6	Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Mudahalih)	30/04/2008- Akreditasi Penuh		29
4.7	Ijazah Sarjana Muda Industri Multimedia (Kepujian)	30/03/2010- Akreditasi Penuh		82
4.8	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (Kepujian)	08/04/2008- Akreditasi Penuh		89
4.9	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)	13/09/2007- Akreditasi Penuh		107
4.10	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian)	17/11/2008- Akreditasi Penuh		89
4.11	Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantaian Bekalan (Kepujian)	19/03/2010- Akreditasi Penuh		25
4.12	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) (Kepujian)	30/03/2010- Akreditasi Penuh		43
4.13	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian)(Keselamatan Rangkaian dan Digital Forensik)	30/07/2013- 9/6/2016		14
4.14	Ijazah Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	30/03/2010- Akreditasi Penuh		4

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Bestari Jaya				
4.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat			
Program				
4.15	Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat	30/03/2010-Akreditasi Penuh		6
4.16	Master of Science (Computing)	25/07/2013-18/02/2015		5
4.17	Doktor Falsafah Pengkomputeran	25/07/2013-18/08/2016		
Jumlah keseluruhan pelajar				853

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Shah Alam				
5.	Fakulti Komunikasi dan Media			
Program				
5.1	Diploma Komunikasi dan Media	Masih menunggu pengiktirafan akreditasi	8	547
5.2	ISM Komunikasi (Kepujian) (Komunikasi Korporat)	Masih menunggu pengiktirafan akreditasi	5	194
5.3	ISM Komunikasi (Kepujian) (Kewartawanan)	Masih menunggu pengiktirafan akreditasi	6	112
Jumlah keseluruhan pelajar				853

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Shah Alam				
6.	Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan			
Program				
6.1	Bachelor of Occupational Safety & Health	Masih menunggu maklumbalas dari MQA	4	16
6.2	Bachelor in Medical Laboratory Science (Full Time)	Tempoh Akreditasi sepanjang hayat	11	57
6.3	Bachelor in Medical Laboratory Science (Part Time)		3	48
6.4	Diploma in Medical Laboratory Technology		11	141
6.5	Diploma in Physiotherapy		8	100

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Shah Alam				
6.	Fakulti Bioperubatan dan Sains Kesihatan			
Program				
6.6	Diploma in Environmental Health		9	60
6.7	Diploma in Medical Imaging		7	74
6.8	Diploma in Nursing	17.04.2014	8	43
Jumlah keseluruhan pelajar				539

Bil	Fakulti / Kursus –Kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Shah Alam				
7.	Fakulti Seni Lukis dan Senireka			
Program				
7.1	Diploma in Digital Graphic Design	Sepanjang hayat	8	348
7.2	Diploma in Photographic Technology	Sepanjang hayat	7	196
7.3	Bachelor of (Hons) Digital Graphic Design	Sepanjang hayat	9	196
Jumlah keseluruhan pelajar				740

Bil	Fakulti/Kursus-kursus	Akreditasi (akan tamat)	Jumlah Pensyarah	Jumlah Pelajar
Kampus Shah Alam				
8.	Fakulti Perniagaan			
Program				
8.1	Diploma Industri Sukan	Sepanjang hayat	5	293
8.2	Diploma Pengurusan Pentadbiran	Sepanjang hayat	6	488
8.3	Ijazah Sarjana Muda Kewangan	Sepanjang hayat	9	248
8.4	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan	Sepanjang hayat	14	369
8.5	Diploma Perakaunan	Sepanjang hayat		309
8.6	Ijazah Sarjana Muda Pemasaran	Sepanjang hayat	4	116
8.7	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia	Sepanjang hayat	6	986
8.8	Diploma Pengurusan Perniagaan	Sepanjang hayat		659
8.9	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan	Sepanjang hayat	27	533
8.10	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri	Sepanjang hayat		205
8.11	Pasca Ijazah		7	
8.12	Tahun Asas (Pengurusan)	Sepanjang hayat	4	116
Jumlah keseluruhan pelajar				4322

Catatan:

1. Jumlah Pelajar keseluruhan **12,527 + Post Graduates 486 = 13,013** Orang pelajar.
- b) Perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pembinaan Kampus Bestari Jaya.

- i) Perjanjian Pembangunan Kampus Induk Universiti Selangor (UNISEL) di antara UNISEL & F.I. Architect bertarikh 16 Jan 2001;
- ii) Concession Agreement (CA) & Operation & Maintenance Agreement (OMA), Cadangan Pembangunan Bina, Kendali dan Pindah (B.O.T) Kediaman Pelajar Lelaki dan Perempuan, Pusat Pelajar, Pusat Komuniti Pelajar, Taska dan Kediaman Kakitangan Universiti Industri Selangor (UNISEL), Berjantai Bestari (Fasa 1) Mukim Batang Berjantai di antara UNISEL & Jana Niaga Sdn Bhd bertarikh 17 Jan 2003;
- iii) Maintenance Agreement (MA) for the main campus of Universiti Industri Selangor (UNISEL), Mukim Batang Berjantai (Berjantai Bestari), Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan di antara UNISEL & Jana Niaga Sdn Bhd bertarikh 27 Oktober 2003;
- iv) Supplemental Agreement kepada Concession Agreement (CA) pakej B.O.T bertarikh 30 September 2004;
- v) Perjanjian Dokumen Kontrak Membina dan Menyiapkan Kerja Infrastruktur Utama Untuk Kampus Induk Universiti Industri Selangor (UNISEL), (Fasa 1) Mukim Batang Berjantai (Berjantai Bestari) Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Di antara UNISEL dengan Perwira Bintang Holdings Sdn Bhd pada 26 April 2003;
- vi) Perjanjian Dokumen Kontrak Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kampus Induk Universiti Industri Selangor (UNISEL). Kerja-kerja membina dan menyiapkan bangunan-bangunan, peralatan dan kemudahan dan kerja-kerja berkaitan di antara Lebar Daun Construction Sdn Bhd pada 8hb Julai 2002;
- vii) Perjanjian Kontrak untuk kerja tanah Kampus UNISEL, Berjantai Bestari, diantara UNISEL dengan Talam Corporation Berhad/Maxi-Segar Sdn Bhd. Maklumat yang diperolehi dari pejabat pembangunan dan Unit Undang-Undang UNISEL.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam memajukan Tanah Rizab Melayu?
- b) Senaraikan keluasan tanah rizab yang ada mengikut Daerah.

JAWAPAN:

- a) Salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah Rizab Melayu ialah dengan memberi insentif pengurangan premium untuk tukar syarat tanah kepada perumahan atau perniagaan. Melalui Kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005) kadar premium yang dikenakan ialah 1/8 daripada nilai semasa.
- b) Berikut adalah pecahan kawasan Tanah Rizab Melayu mengikut daerah:

BIL	DAERAH	BILANGAN TANAH RIZAB	JUMLAH KELUASAN (ekar)
1.	Sabak Bernam	13	191,419.004
2.	Kuala Selangor	66	57,779.831
3.	Klang	14	19,913.801
4.	Gombak	19	11,543.458
5.	Petaling	7	2,776.141
6.	Hulu Langat	15	33,473.474
7.	Kuala Langat	14	45,272.742
8.	Sepang	16	24,802.360
9.	Hulu Selangor	29	39,353.69
JUMLAH		193	426,434.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PERBELANJAAN UNTUK GOLONGAN WANITA

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan senarai peratusan jumlah perbelanjaan dan jumlah perbelanjaan dalam perkara untuk golongan Wanita dalam tahun 2008-2013
- b) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk Wanita dalam DUN Teratai dalam tempoh tahun 2008-2013
- c) Berapakah peratusan jumlah peruntukan dan peruntukan 2014 untuk Wanita?

JAWAPAN:

- a) Jumlah perbelanjaan dalam perkara untuk golongan wanita bagi tahun 2008-2013 adalah seperti berikut:-

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
2008	300,000.00	82,287.00	27%
2009	1,000,000.00	807,495.50	81%
2010	1,000,000.00	1,035,320.00	104%
2011	1,000,000.00	1,000,000.00	100%
2012	1,000,000.00	999,967.00	99%
2013	1,000,000.00	627,858.00 (Sehingga Oktober 2013)	62%

- b) Tiada senarai perbelanjaan khusus untuk wanita bagi DUN Teratai disediakan. Ini kerana perbelanjaan bagi pelaksanaan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita adalah meliputi penglibatan semua golongan wanita DUN di Selangor.
- c) Peratusan jumlah peruntukan dan peruntukan 2014 untuk wanita adalah berjumlah RM1 juta (100%).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan struktur, pengurusan kanan dan lembaga pengarah PADAT?
- b) Apakah nama projek / program serta kos yang dilaksanakan sepanjang penubuhannya sehingga kini?
- c) Apakah kesan pelaksanaan program tersebut untuk rakyat?

JAWAPAN:

- a) i) Struktur dan pengurusan kanan mengikut pecahan adalah seperti berikut:-
 - Aktiviti Utama
 - Ketua Pegawai Eksekutif (terbuka) Gred M52 (seorang)
 - Kurator Kanan Gred S48 (seorang)
 - Kurator Kanan Gred S44 (seorang)
 - Kurator Gred S41 (4 orang)
- ii) Kumpulan Sokongan
 - Pegawai Tadbir Gred N44 (seorang)
 - Pegawai Tadbir Gred N41 (seorang)
 - Pegawai Teknologi Maklumat F41 (seorang)
 - Akauntan Gred W41 (seorang) kontrak
- iii) Jumlah keseluruhan jawatan mengikut waran adalah sebanyak 129 jawatan yang terdiri daripada jawatan tetap seramai 98 orang dan kontrak seramai 31 orang
- iv) Carta Organisasi Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan seperti di [Lampiran A.](#)
 - a) LEMBAGA PENGARAH PADAT PENGGAL KEDUA MAC 2013 - FEB 2015
 - 1. Pengerusi : Y.B Tuan Dr Ahmad Yunus bin Hairi (EXCO Kerajaan Negeri Selangor)
 - 2. Timbalan Pengerusi : Y.Bhg Dr. Shafie bin Abu Bakar
 - 3. Setiausaha : Puan Azlinda binti Azman

AHLI

1. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2. Y.B Pegawai Kewangan Negeri Selangor
3. Pesuruhjaya Warisan Malaysia
4. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia
5. YAD Tengku Dato' Dr Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Hati (Tengku Maha Bijaya Orang Besar Daerah Sepang)
6. YBhg Prof Dato' Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali (Jabatan Sejarah Universiti Malaya)
7. YBhg Prof Dr. Krisnan a/l Maniam (Jabatan Pengajian India Universiti Malaya)
8. YBhg Prof Madya Dr. Lim Swee Tim
9. Puan Zubaidah binti Sual

b) Sila rujuk [Lampiran B](#).

c) Antara kesan pelaksanaan terhadap rakyat adalah:-


- i) Telah memberikan kefahaman dan penjelasan mengenai tradisi ilmu kepada peserta program.
- ii) Dapat memberikan pendedahan berhubung aspek kajian dalam bidang disiplin tradisi ilmu kepada kumpulan sasaran.
- iii) Telah berjaya memupuk, menyemai dan mendidik anak bangsa menghayati dan berkongsi pengalaman, proses kreatif, liku perjuangan, misi dan visi melalui kreadibiliti tokoh yang telah di pilih.
- iv) Telah berjaya membentuk jati diri dan semangat kecintaan terhadap bangsa, agama dan negara Malaysia.
- v) Memulihara kesenian sulaman pada tekstil Melayu lama.
- vi) Program Kelingkan dan Telepuk telah berjaya menghasilkan produk-produk yang mempunyai nilai kesenian yang tinggi.
- vii) Bengkel kebaya Selangor telah memberi pelbagai maklumat, idea dan kreativiti kepada perancang busana mengenai keindahan busana warisan

- viii) Memberi pendedahan dan garis panduan kepada peserta berhubung metodologi penyelidikan mengikut disiplin ilmu.
- ix) Melahirkan penyelidik yang berketerampilan dan berkeyakinan dalam menjalankan penyelidikan.
- x) Berkongsi dan bertukar pandangan dalam kalangan peserta berhubung dengan program yang dianjurkan.
- xi) Menggalakkan kerjasama antara orang ramai dan muzium dalam memelihara khazanah budaya bangsa.
- xii) Menjalinkan hubungan budaya antara kaum yang lebih erat.
- xiii) Menjadikan muzium sebagai tempat peminat dan pencinta budaya berkumpul dan membantu muzium memelihara khazanah budaya bangsa.
- xiv) Mempromosi semula muzium dengan imej baru.
- xv) Memperlihatkan kepada orang ramai akan peranan dan matlamat penubuhan padat
- xvi) Mendedahkan kepada umum akan budaya yang diwarisi oleh kaum-kaum di Negeri Selangor ini.
- xvii) Mencetuskan betapa pentingnya mengamalkan sikap toleransi dan hormat menghormati di kalangan masyarakat yang berbilang agama, bangsa dan kaum di negeri ini.
- xviii) Menyemai rasa penghargaan dalam diri setiap rakyat terhadap tinggalan warisan nenek moyang yang akhirnya dapat memperkukuhkan jati diri individu.
- xix) Memupuk rasa tanggungjawab dalam mengekalkan adat dan warisan yang diwarisi.
- xx) Menjelaskan definisi tradisi ilmu mengikut pandangan umum.
- xxi) Membicarakan bidang tradisi ilmu mengikut pelbagai perspektif.
- xxii) Menilai dari aspek kajian dan pemahaman.
- xxiii) Memudahkan penyelidik melaksanakan kerja-kerja penyelidikan
- xxiv) Merealisasikan misi dan objektif perbadanan adat Melayu dan warisan negeri Selangor ke arah melestarikan tradisi keilmuan negeri Selangor yang utuh dan mampan
- xxv) Melestarikan rakyat ke arah pembangunan tradisi keilmuan di negeri Selangor
- xxvi) Bidang penyelidikan merupakan salah satu bidang kerja utama dalam permuziuman. Matlamat dalam menjalankan penyelidikan adalah untuk

mendapatkan kebenaran atas faktor sebab dan akibat di samping membuktikan ketamadunan sesebuah kerajaan dan bangsa.

- xxvii) Dalam menjalankan satu-satu penyelidikan, aspek metodologi memainkan peranan penting yang secara tidak langsung memberi impak terhadap hasil kajian yang bakal diperolehi. Dalam konteks ini, terdapat perbezaan bagi setiap disiplin ilmu tidak kira dari sudut sejarah, ethnografi, arkeologi, linguistik, antropologi mahupun bidang sains.
- xxviii) Menonjolkan matlamat dan peranan padat kepada orang ramai kelak di samping ini bagi mempelbagaikan lagi kepelbagaian aktiviti budaya dan kaum.
- xxix) Karnival dan pameran yang bakal di adakan ini kelak akan mendapat kerjasama daripada peminat dan pengumpul barangan antik, badan badan kerajaan, NGO dan pihak swasta.
- xxx) Dapat meningkatkan lagi bilangan pelawat ke muzium terutama daripada pelbagai kaum dan bangsa
- xxxi) Menjadi sebuah negeri yang mempunyai identiti yang tersendiri yang akan menjadi kebanggaan kepada rakyat negeri Selangor di masa akan datang seperti juga negeri lain.

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR



PETUNJUK:

- Jawatan Sedia Ada
- Jawatan Kosong
- **** Jawatan Kontrak

PROGRAM / AKTIVITI
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR 2009-2013

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Bengkel Sumbang Saran Halatuju Lembaga Muzium Selangor</i>	<i>13-15 Februari 2009 De Palma Ampang, Selangor</i>
	<i>Bengkel Sumbang Saran Pelancaran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bil 1/2009</i>	<i>29-30 Oktober 2009 Palm Garden IOI Resort, Putrajaya</i>
	<i>Program Eksplorasi Bukit Malawati 2009</i>	<i>21 November 2009 Bukit Malawati, Kuala Selangor</i>
	<i>Bengkel Sumbang Saran Pelancaran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bil 2/2009</i>	<i>07-08 Disember 2009 Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam</i>
	<i>Bengkel Seni Khat</i>	<i>09-10 Disember 2009 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bicara Tokoh : Tradisi Ilmu Menilai Waktu Oleh Prof. Madya Mohd Hanafiah Harun, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Dan Matematik, UiTM Shah Alam.</i>	<i>10 Februari 2010 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Program Bicara , Budayanita Kelahiran Negeri Selangor- Prof. Dr. Siti Zainon Ismail</i>	<i>24 Februari 2010 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Seni Kelingkan " Satu Tradisi"</i>	<i>2-3 Mac 2010 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Forum Sehari Methodologi Penyelidikan</i>	<i>22 Mac, 2010 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Bengkel Tradisi Lisan : Mengenal Warisan Bangsa</i>	<p><i>31 Mac 2010</i></p> <p><i>Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i></p>
	<i>Karnival dan Pameran Adat Rakyat Selangor 2010</i>	<p><i>23-25 April 2010</i></p> <p><i>Tapak Bazarena Stadium 13, Shah Alam</i></p>
	<i>Majlis Pelancaran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor</i>	<p><i>05 Mei 2010</i></p> <p><i>Stadium Malawati, Shah Alam</i></p>
	<i>Bengkel Pemahaman Naskhah Melayu Lama : Tak Kenal Maka Tak Cinta</i>	<p><i>06 Julai 2010</i></p> <p><i>Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i></p>
	<i>Bengkel Seni Tekat “ Warisan Tradisi Ilmu”</i>	<p><i>7-8 Julai 2010</i></p> <p><i>Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i></p>
	<i>Diskusi Tradisi Ilmu : Satu Pandangan Umum</i>	<p><i>22 Julai 2010</i></p> <p><i>Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i></p>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<p><i>Program Jalinan Adat Budaya dan Warisan Negeri Selangor “Memartabatkan Adat Membudayakan Warisan”</i></p>	<p>Daerah Klang 13 Mac 2011 (Ahad) Kampung Bukit Kapar, Klang</p> <p>Forum Perdana 12 Mac 2011 (Sabtu) 8.00 malam Masjid Al-Taqwa, Kampung Bukit Kapar, Klang.</p> <p>Persembahan kesenian : Cempuling, kentrong, kompang tiga, silat, sepak raga ratus dan puisi tradisional.</p> <p>Pertandingan: Permainan gasing, gubahan sireh junjung, masakan dan kuih tradisional.</p> <p>Bengkel seni Tekat dan sulaman kelingkan.</p> <p>Forum Bicara budaya.</p> <p>Pertunjukan Permainan gasing dan layang-layang atau wau kapal dan mini pameran jabatan dan agensi daerah.</p>
		<p>Daerah Sepang 23 April 2011 (Sabtu) Bukit Bangkong, Sepang</p> <p>Forum Perdana 22 April 2011 (Jumaat) 8.00 malam Masjid Al-Ulum, Kg. Bukit Bangkong, Sepang</p> <p>Persembahan Kesenian: Cempuling, Kompang Tiga, Silat, Tarian Piring, Tarian Kaca, Persembahan Kesenian Orang Asli dan Persembahan Kumpulan Kesenian PADAT</p> <p>Pertandingan : Wau/Layang-Layang, Sirih Junjung, Masakan Tradisional, Kuih Tradisional dan Mewarna untuk Kanak-Kanak</p> <p>Bengkel : Kelingkan</p> <p>Pameran : Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi Kerajaan Daerah & NGO</p>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
		<p>Daerah Kuala Langat 11 Jun 2011 (Sabtu) Dataran Morib, Kuala Langat</p> <p>Forum Perdana 10 Jun 2011 (Jumaat) 8.00 malam Masjid Jamiul Ehsani, Batu 8, Sijangkang Telok Panglima Garang, Kuala Langat</p> <p>Persembahan Kesenian: Cempuling/ Cak Lempong, Kompang Jawa, Silat Cemandi, Keroncong Asli, Tarian Kuda Kepang/ Poja</p> <p>Pertandingan : Gubahan Sirih Junjung, Masakan Tradisional (Nasi Keluban), Kuih Tradisional (Kuih Bandau@ Kemboja), Wau Kapal, Andaman Pengantin, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak 5-8 tahun</p> <p>Forum/Seminar : Bicara Sejarah Warisan Selangor dan Seminar Sejarah Kuala Langat</p> <p>Bengkel : Kelingkan</p> <p>Pameran : Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi Kerajaan & NGO</p>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
		<p>Daerah Gombak 16 Julai 2011 (Sabtu) Taman Greenwood, Batu Caves</p> <p>Forum Perdana 15 Julai 2011 (Jumaat) 8.30 malam Masjid Ar-Rahimah, Taman Greenwood, Batu Caves, Gombak</p> <p>Demonstrasi : Permainan Gasing Pangkah, Permainan Wau Kapal</p> <p>Persembahan Kesenian: Cak Lempong, Kerincingan, Kompang dan Silat Cemandi, Kuda Kepang, Muzik Asli, Kompang Berformasi Dan Persembahan Kumpulan Kesenian PADAT</p> <p>Pertandingan : Gubahan Sirih Junjung, Masakan Tradisional, Kuih Tradisional dan Mewarna untuk Kanak-Kanak dan Permainan Sepak Raga Bulatan</p> <p>Bengkel : Kelingkan</p> <p>Pameran : Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan Agensi Kerajaan & NGO</p>
	Program Konvensyen Identiti Negeri Selangor 2011	11-12 Oktober 2011 Holiday Villa Hotel and Suites Subang Jaya.

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Bengkel Garis Panduan Penyelidikan Sainifik terhadap Penemuan dan Kajian Sumber Budaya dan Warisan</i>	<i>17-18 Februari 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam</i>
	<i>Bengkel Penerbitan Umum</i>	<i>10 Mac 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Rawatan dan Konservasi Koleksi Manuskrip</i>	<i>31 Mac -01 April 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bual Bicara Tokoh Ilmuwan Islam "Y. Bhg. Dato' Haron Din"</i>	<i>10 November 2011 Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Asas Konservasi Bangunan Warisan 2011</i>	<i>30 November – 01 Disember 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Program Kembara Warisan 2011</i>	<i>03 Disember 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Program Bicara Keris : Warisan Sepanjang Zaman</i>	<i>20 Disember 2011 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Memahami Metodologi Penyelidikan</i>	<i>9 Februari 2012 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Perasmian Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat</i>	<i>24 Mac 2012 Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat</i>
	<i>Program Muzium dan Warisan 2012</i>	<i>31 Mac 2012 Kompleks PKNS Bangi, Hulu Langat</i>
	<i>Bengkel Busana Selangor : Teknik Pemakaian Sampin dan Tanjak</i>	<i>3-4 April 2012 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Jahitan Kebaya Selangor</i>	<i>24-25 April 2012 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa 2012 Peringkat Negeri</i>	<i>22 Mei 2012 Auditorium Daeng Chelak Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Seminar Pemerkasaan Muzium: Cabaran dan Harapan</i>	<i>23 Mei 2012 Auditorium Daeng Chelak Muzium Sultan Alam Shah</i>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Pelancaran Sahabat Muzium Selangor</i>	<i>24 Mei 2012</i> <i>Auditorium Daeng Chelak</i> <i>Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Kembara Warisan 2012 (Shah Alam – Jugra)</i>	<i>25 Mei 2012</i> <i>Shah Alam – Jugra</i>
	<i>Bengkel Penulisan Ilmiah Dan Dokumentasi</i>	<i>12-13 Jun 2012</i> <i>Dewan Raja Lumu,</i> <i>Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Program Muzium dan Warisan 2012</i>	<i>16 Jun 2012</i> <i>Muzium Daerah Kuala Selangor</i>
	<i>Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu Selangor</i>	<i>19 Jun 2012</i> <i>Auditorium Daeng Chelak</i> <i>Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Sulaman Kelingkan</i>	<i>2-3 Julai 2012</i> <i>Dewan Raja Lumu,</i> <i>Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Majlis Perasmian Pameran Selangorku: Negeri Idaman Maju Sejahtera dan Berkeadilan</i>	<i>07 September 2012</i> <i>Muzium Sultan Alam Shah</i>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Majlis Meraikan Sasterawan Tamu " A. Samad Said"</i>	<i>26 September 2012 Dewan Orkid, PKPS, Shah Alam</i>
	<i>Bengkel Seni Tari Selangor</i>	<i>8-9 Nov 2012 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Kompang Jawa Selangor</i>	<i>30 Nov 2012 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Dialog Pengkisahan Istana Bandar, Kuala Langat</i>	<i>31 Januari 2013 Bluewave Hotel, Shah Alam</i>
	<i>Majlis Meraikan Sasterawan Anak Selangor</i>	<i>15 Februari 2013 Dewan Orkid, PKPS Shah Alam</i>
	<i>Bual Bicara Sasterawan Anak Selangor</i>	<i>16 Februari 2013 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Dialog Meja Bulat Kesenian Telepuk, Kelingkan dan Kebaya Selangor</i>	<i>20-21 Februari 2013 Bluewave Hotel, Shah Alam</i>

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT PELAKSANAAN
	<i>Pameran Dinasour</i>	<i>21 Mei 2013 – 21 Mei 2014 Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Penulisan dan Penerbitan Bahan – Siri 2</i>	<i>25-26 Mac 2013 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri 2013</i>	<i>21 Jun 2013 Istana Bandar Jugra, Kuala Langat</i>
	<i>Bengkel Puisi Warisan Melayu Sepanjang Zaman.</i>	<i>21 September 2013 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Bengkel Adat dan Adab Pemangkin Jati Diri Pusaka Melayu.</i>	<i>22 Oktober 2013 Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah</i>
	<i>Program Muzium dan Warisan</i>	<i>08-09 November 2013 Dataran Tonggak 10, Sungai Besar Sabak Bernam</i>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : AHLI MAJLIS

31. Bertanyakan Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli Majlis yang baru dilantik mengikut PBT dan asas pemilihan mereka?
- b) Apakah bentuk kemudahan dan elaun yang dinikmati oleh mereka?
- c) Sejauh manakah keberkesanan sumbangan mereka terhadap pembangunan masyarakat Bandar?

JAWAPAN:

- a) Senarai Ahli Majlis yang baru dilantik mengikut PBT adalah seramai 26 orang seperti di **Lampiran 1**. Kriteria asas pemilihan Ahli Majlis yang berwibawa adalah berdasarkan **Seksyen 10(2) dan 10(3) Akta 1976 (Akta 171)** seperti berikut:-

Seksyen 10(2), Akta 171

“Anggota Majlis pihak berkuasa tempatan hendaklah dilantik di antara orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.”

Seksyen 10(3), Akta 171

“Tempoh jawatan bagi setiap Anggota Majlis tidak boleh lebih daripada tiga tahun.”

- b) Ahli Majlis Menikmati elaun dan kemudahan Pihak Berkuasa Tempatan Masing-masing adalah seperti yang disenaraikan di **Lampiran 2**:-
- c) Keberkesanan sumbangan Ahli Majlis terhadap pembangunan masyarakat Bandar adalah seperti berikut:-
 - i) Ahli Majlis sebagai penghubung di antara masyarakat dengan pihak majlis di dalam menyelesaikan aduan-aduan rakyat serta menyalurkan pandangan, bantahan dan pendapat masyarakat tentang perancangan pembangunan sesuatu kawasan.
 - ii) Ahli Majlis secara tidak langsung melalui program-program yang dianjurkan dapat mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat ke arah komuniti yang lebih positif dengan persekitaran yang bersih dan sihat

- iii) Mengeratkan hubungan sesama penduduk serta hubungan bersama pihak Majlis melalui aktiviti kemasyarakatan seperti program gotong royong, hari keluarga, sambutan sempena perayaan, aktiviti keagamaan dan sebagainya.
- iv) Ahli Majlis mampu menarik minat golongan remaja melakukan aktiviti sihat bagi menangani gejala sosial melalui pelbagai aktiviti seperti pertandingan futsal, pertandingan bola sepak, pertandingan bowling program keagamaan, program motivasi, program riadah dan sebagainya.
- v) Ahli Majlis mampu memupuk perhubungan baik di antara masyarakat dengan anggota keselamatan melalui pelbagai aktiviti seperti taklimat keselamatan, program anti dadah, program kebakaran, program jenayah ragut, majlis dialog bersama penduduk dan sebagainya.

PELANTIKAN AHLI MAJLIS PADA BULAN OGOS BAGI PENGGAL 2012/2013

BIL	PBT	ORGANISASI	NOMBOR KERUSI	BIL	NAMA AHLI MAJLIS YANG DILANTIK
1	MBSA	PKR	7	1	PN ANIZAN BINTI OTHMAN
		DAP	12	2	EN PAPPARaidu@RAIDU S/O VERAMAN
		NGO (DAP)	25	3	EN. FARIZ BIN ABDULLAH
2	MBPJ	PKR	3	4	EN. TANG FUIE KOH
			4	5	PN. RAJA FAIRUZ BT RAJA MAZLAN
			7	6	EN. CHIANG CHIAN FU
		DAP	13	7	EN. TEH CHI CHANG
3	MPSJ	DAP	13	8	EN. MOHAN SIGH A/L SURTAR SINGH
			15	9	EN . YAP KOK WENG
4	MPS	DAP	14	10	EN. YEW JIA HAUR
			24	11	EN. CHEAH MOON HWA
		PAS	15	12	EN. HASHIM B. OTHMAN
			17	13	EN. SALEHUDDIN B. MOHD NASIR
		NGO (DAP)	22	14	EN. NG WEI KEONG
		NGO (PKR)	21	15	EN. CHAN PAK KEUNG

BIL	PBT	ORGANISASI	NOMBOR KERUSI	BIL	NAMA AHLI MAJLIS YANG DILANTIK
5	MPKj	DAP	9	16	EN. LEONG CHIEW SING
			14	17	EN. YIP WENG WEAY
			10	18	EN. CHAN KOY CHOON
		PAS	18	19	EN. MUHAMAD SUKOR B. ATAN
		NGO (DAP)	25	20	EN RAJENDRAKUMAR A/L MUNUSAMY
		NGO (DAP)	24	21	EN. THIAGARAJAH A/L RAJAGOPAL
6	MPAJ	NGO (DAP)	9	22	EN. CHUA YEW CHOONG
7	MPSp	PAS	18	23	EN. MOHAMAD JAMALULAIL B HAMZAH
8	MDHS	PKR	5	24	EN. AZMAN B ABDUL RAHMAN
		NGO (PKR)	20	25	EN LIM POH KUAN
9	MDSB	PAS	16	26	TN HAJI MOHAMED SALLEH BIN M. HUSIN (dilantik semula)

ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG DITERIMA OLEH AHLI MAJLIS MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2013

BIL	PBT	KEMUDAHAN	JUMLAH BAYARAN	JENIS ELAUN	JUMLAH BAYARAN ELAUN
1	MBSA	i) Panel Klinik -Ahli Majlis dan ahli keluarga	RM3,600.00 (Setahun)	Elaun Tetap Bulanan	RM2,000.00 (Datuk Bandar) RM1,500.00 (Ahli Majlis)
		ii) Panel Pergigian -Ahli Majlis dan ahli keluarga	RM130.00 (tampal gigi) RM350.00 (Pembedahan)	Elaun Mesyuarat	RM150.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Panel Hospital	RM30,000.00 (Setahun)	Elaun Lawatan Tapak	RM75.00 (Sekali lawatan)
		iv) Panel Bersalin	RM2,500.00	Elaun Bil Telefon Bulanan	RM200.00
		v) Tempat letak kenderaan	-	Elaun Telefon Bimbit (Samsung Galaxy Notes untuk Pengerusi majlis Perwakilan Penduduk)	RM2,000.00 dan RM80.00 (Internet)
		vi) Crest Ahli	RM100.00 (2 Unit)		
		vii) Kemudahan Rumah Rehat Majlis	Hari Biasa =RM 35 p/n Cuti Sabtu/Ahad /Kelepasan =RM45 p/n		
		viii)Sepasang lounge suit warna gelap	RM 1,350.00 (Sepasang)		
		Briefcase/bag	RM 375.00 (1 Unit)		

BIL	PBT	KEMUDAHAN	JUMLAH BAYARAN	JENIS ELAUN	JUMLAH BAYARAN ELAUN
2	MBPJ	i) Kot dan seluar	Dua tahun sekali	Elaun Tetap Bulanan	RM2,000.00
		ii) Briefcase/bag	Sekali Pelantikan	Elaun Mesyuarat	RM 150.00 (sekali mesyuarat)
		iii) Pelekat/ Plate	1 Unit	Elaun Jawatankuasa Tetap	RM 150.00
		iv) Rawatan Perubatan	RM2,000.00 Setahun	Elaun Telefon	RM200.00
		v) Komputer Riba	Dua tahun sekali	Elaun Pembantu Ahli Majlis	RM 1,500.00 sebulan
		vi) Kamera Digital	1 unit		
		vii) Insurans Nyawa	RM 50,000.00		
3	MPK	i) Pas Bulanan	Tidak dinyatakan	Elaun Tetap Bulanan	RM1,500.00
		ii) Lencana (Crest) MPK	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Kemudahan dewan	Tidak dinyatakan	Elaun Program Mesra Rakyat	RM50,000.00 (Setahun)
		iv) Sumbangan Urusan Jenazah	RM 3,400.00 (Ahli Majlis) RM 200.00 (Pasangan)	Elaun Pengurusan Pejabat/Utiliti Bulanan	RM2,500.00
		v)Pembekalan pakaian	Tidak dinyatakan	Elaun Broadband	RM60.00 (Seorang)
4	MPAJ	i) Kemudahan Insurans	Tidak dinyatakan	Elaun Tetap Bulanan	RM2,000.00(Yang Dipertua) RM1,500.00(Ahli Majlis)
		ii) Kemudahan Klinik Panel	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
5	MPSJ	i) Pembantu tadbir (PA)	-	Elaun Tetap Bulanan	RM1,000.00
		ii) Tablet	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat	RM150.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Baju Korporat	Tidak dinyatakan	Elaun Telefon	RM200.00

BIL	PBT	KEMUDAHAN	JUMLAH BAYARAN	JENIS ELAUN	JUMLAH BAYARAN ELAUN
6	MPS	i) Baju Korporat	2 Tahun Sekali	Elaun Tetap Bulanan	RM1,500.00 (Ahli Majlis)
		ii) Komputer Riba	Setiap kali pelantikan	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Baju Kot	3 Tahun Sekali	Elaun Mesyuarat Teknikal	RM50.00
		iv) Insurans perubatan	RM60,000.00 (Setahun)	Elaun Mesyuarat J/K Setempat	RM50.00
		v) Panel Perubatan	RM2,000.00 (Setahun)		
7.	MPKj	i) Kemudahan Pejabat, Kelengkapan, Perabot, Telefon dan Mesin Faks	Tidak dinyatakan	Elaun Tetap	RM1,500.00
		ii) Peruntukan kewangan untuk Program Komuniti Masyarakat	RM30,000.00	Elaun Kehadiran Mesyuarat	RM100.00
8	MP Sepang	i) Kad Insurans	Tidak dinyatakan	Elaun Tetap Bulanan	RM1,500.00 (Ahli Majlis)
		ii) Komputer Riba		Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali Mesyuarat)
		iii) Telefon Pintar		Elaun Telefon	RM150.00
9	MDKL	i) Kemudahan Peruntukan	RM 30,000.00 /24 Zon/24 Ahli	Elaun Tetap Bulanan	RM1,000.00
		ii) Perlindungan Insurans berkelompok	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Tablet PC	Tidak dinyatakan	Elaun Tetap Pejabat	RM1,000.00
		iv) Kamera digital	Tidak dinyatakan	Elaun-elaun Perintah Am	Tiada Maklumat
		v) Lounge Suit	Tidak dinyatakan		
		vi) Pakaian Korporat	Tidak dinyatakan		
		vii) Baju Batik	Tidak dinyatakan		
		viii) Rawatan Panel Klinik	RM 250.00 Setahun		

BIL	PBT	KEMUDAHAN	JUMLAH BAYARAN	JENIS ELAUN	JUMLAH BAYARAN ELAUN
10	MDHS	Tidak dinyatakan		Elaun Tetap Bulanan	RM1,000.00
				Elaun Mesyuarat	RM100.00
11	MDKS	i) Pakaian- Blazer	RM750.00	Elaun Tetap Bulanan	RM1,000.00
		ii) Insurans	Ikut Umur	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
				Elaun Perbatuan Kelas A	Ikut umur
12	MDSB	i) Elaun Perbatuan/Blazer/ Makan/Lain-lain	RM5,000.00 (Setahun)	Elaun Tetap Bulanan	RM1,000.00
		ii)Pejabat Ahli Majlis	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat	RM100.00 (Sekali mesyuarat)
		iii) Laptop	Tidak dinyatakan	Elaun Telefon	RM100.00
		iv) Smart Phonr	Tidak dinyatakan	Elaun Mesyuarat Teknikal	RM50.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ASET BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC)

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan aset tunai dan lokasi serta nilai hartanah BBGC?
- b) Adakah aset-aset ini dapat membantu mengukuhkan prestasi BBGC?

JAWAPAN:

- a) Aset tunai/Aset Semasa BBGC bagi akaun beraudit berakhir 31hb Disember 2012 adalah RM1,721,625.00. Jumlah ini adalah merangkumi tunai di bank, simpanan tetap, penerimaan, deposit dan wang pendahuluan ('prepayment'). Lokasi BBGC adalah di Lot 1994, Bandar Bukit Beruntung, Selangor. Mukim Hulu Selangor.

Keluasan BBGC adalah 362.66 ekar tanah (sumber: Mitra Valuers & Property Consultants Sdn Bhd). Nilai semasa hartanah BBGC (Notis Adjudikasi) adalah RM105,000,000.00.

- b) Pendapatan utama BBGC adalah tertumpu kepada kemudahan golf dan rekreasi. BBGC tidak pernah mencatatkan keuntungan semenjak kelab golf ditubuhkan. Oleh yang demikian, pada 12hb Februari 2010, Ahli Lembaga Pengarah BBGC telah mengesyorkan kepada Ahli Lembaga Pengarah MBI untuk melantik dan menerima cadangan pembangunan perniagaan yang dikemukakan oleh Excellence Golf Resort Berhad (The Mines). Berkuat kuasa pada 1hb Ogos 2010,

The Mines akan menyelenggara keseluruhan kelab golf bagi tempoh lima tahun dengan membayar sumbangan wang RM90 ribu sebulan kepada BBGC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan Selangor dalam menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Desa Salak Indah dan Kampung Lanjut?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod pentadbiran ini didapati projek di Desa Salak Indah dan Kampung Lanjut tiada direkodkan sebagai projek terbengkalai disebabkan tiada aduan dan laporan daripada mana-mana pihak berhubung masalah projek terbengkalai di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin dalam usaha menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor termasuklah yang baru dikenal pasti di Desa Salak Indah dan Kampung Lanjut.

Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad secara pentadbiran dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah-langkah proaktif yang akan diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan projek terbengkalai di Desa Salak Indah dan Kampung Lanjut seperti berikut :

- i) **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan.
- ii) Membantu pembeli **menubuhkan jawatankuasa bertindak** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- iii) LPHS juga akan mengadakan **perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal** termasuk pihak bank sekiranya projek

tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

- iv) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur **pertemuan dengan pembiaya-pembiaya** bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- v) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia** akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana *'liquidator'/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'liquidator'/Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama *'liquidator'/Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- vi) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan **melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan** projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- vii) LPHS juga memberi **khidmat nasihat dan panduan** mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- viii) LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. **Tindakan perampasan tanah** boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SPIES

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Selain dari audit dalaman dan luaran ke atas aktiviti S.P.I.E.S., apakah langkah lain oleh Jawatankuasa Tetap PPP untuk memantau dan mengawal selia aktiviti S.P.I.E.S secara berterusan dan berkala?

JAWAPAN:

- a) Selain dari audit dalaman dan luaran aktiviti SPIES juga dipantau melalui kaedah berikut :
- i) Pemantauan oleh konsultan / pegawai pemantau yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor;
 - ii) Pelantikan juruaudit bagi Sekretariat SPIES D'Village dan SPIES D'Organisasi untuk membuat pemantauan dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan;
 - iii) Analisa pelaporan program;
 - iv) Pelaporan pengukuran keberkesanan pelaksanaan aktiviti bagi setiap Sekretariat SPIES D'Village dan SPIES D'Organisasi; dan
 - v) Pemantauan dan penilaian berpandukan kepada dua (2) modul iaitu :

5.1 Model Penilaian *Kirk Patrick* 1959 dan diubahsuai 1975 bagi program latihan SPIES. Huraian terperinci seperti jadual di bawah:

5.1.1 4 tahap penilaian adalah meliputi aspek berikut :

Tahap 1 (Semasa latihan)	Reaksi	Sejauh mana peserta suka proses pembelajaran
Tahap 2 (Selepas latihan)	Pembelajaran/ Kefahaman	Apa yang peserta belajar. Sejauh mana peserta mendapat pengetahuan dan kemahiran
Tahap 3 (Selepas 3 bulan)	Tingkhilaku	Apakah perubahan tingkhilaku positif atau prestasi kerja

Tahap 4 (Selepas 6 Bulan)	Hasil	Apakah hasil dari proses pembelajaran iaitu penambahbaikan kualiti hidup atau kualiti kerja, kecekapan, peningkatan pengeluaran dan lain - lain)
---------------------------------	-------	--

5.1.2 Tahap 1 dan 2 diukur berdasarkan borang penilaian selepas kursus dan pemerhatian semasa program oleh konsultan / pegawai Pemantau. Tahap 3 dan tahap 4 diukur dalam penglibatan program SPIES D'Village dan SPIES D'Organisasi.

5.2. Model Penilaian CIPP adalah bagi program SPIES D'Village dan SPIES D'Organisasi.

5.2.1 Model Penilaian CIPP (Context, Input, Proses, Product) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam tahun 1967 dan ditambah baik pada tahun 1972. Antaranya, senarai semak ini telah digunakan oleh Pusat Penilaian Universiti Western Michigan dalam menilai program pembangunan komuniti bagi keluarga berpendapatan rendah di Hawaii (1994 - 2002). Model CIPP ini mengandungi 4 bahagian utama iaitu **Context, Input, Process, Product**. Secara umum, 4 bahagian ini berkait dengan persoalan apakah keperluan yang perlu dibuat, bagaimana sepatutnya dibuat, adakah telah dibuat dan adakah ianya berjaya?

5.2.2 Dalam senarai semak ini bahagian penilaian kejayaan projek/produk terbahagi kepada 4 perkara iaitu:

a)	<i>Impak :</i>	adakah sampai kepada sasaran yang betul?
b)	<i>Keberkesanan:</i>	Adakah keperluan mereka terpenuhi?
c)	<i>Sustainability:</i>	Adakah kemajuan atau penambahbaikan berterusan?
d)	<i>Transportability</i> :	Adakah dapat dipindahkan dan adaptasi untuk kegunaan ditempat lain dengan berkesan?

5.3 Kaedah pengumpulan data pengukuran kejayaan dan impak kepada program SPIES ini telah dibuat melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. **Kaedah kuantitatif** dengan menggunakan (i) borang penilaian dan (ii) borang soal selidik. **Kaedah kualitatif** pula ialah melalui (i) reaksi peserta (ii) pemerhatian (iii) temu bual (iv) temu duga kumpulan fokus.

5.4 Selain itu bagi menjamin kesinambungan kualiti program proses pelantikan konsultan dan pelaksanaan program SPIES adalah mengikut pematuhan audit oleh pihak SIRIM dan **berjaya mendapat pensijilan ISO 9001 : 2008 (Quality Management Systems – Requirements) dan audit syariah Compliance MS 1900 : 2005.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk dibuat program seumpama 'Jom Shopping' untuk golongan belia bagi tujuan pembiayaan peralatan sukan seperti raket badminton, kasut bola dan sebagainya?
- b) Apakah terdapat cadangan kerajaan negeri untuk menubuhkan sebuah Akademi Kepimpinan untuk belia di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan untuk dibuat program seumpama 'Jom Shopping' untuk golongan belia bagi tujuan pembiayaan peralatan sukan seperti raket badminton, kasut bola dan sebagainya. Akan tetapi, program-program yang dirancang adalah berdasarkan kepada peruntukan semasa yang telah diperuntukkan untuk menjalankan program-program pembangunan belia dan juga program-program sukan dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan sukan di persada negeri dan negara.
- b) Kerajaan Negeri menyambut baik akan cadangan penubuhan sebuah Akademi Kepimpinan untuk belia di Negeri Selangor dalam usaha untuk melatih serta memberi pendedahan kepada golongan belia yang merupakan tonggak kepimpinan pada masa akan datang. Akan tetapi, buat masa ini Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mewujudkan Akademi Bola Sepak yang mampu untuk mencungkil dan mengetengahkan bakat Belia-belie Negeri Selangor dalam sukan bola sepak untuk dipertandingkan di peringkat negeri dan Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : SELANGOR STATE INVESTMENT CENTRE (SSIC)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan lembaga pengarah, pemegang saham dan pengurusan SSIC?
- b) Apakah matlamat dan objektif SSIC?
- c) Sejauh manakah keberkesanan fungsi SSIC?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh 2008 hingga bulan Oktober 2013, SSIC telah melaksanakan beberapa aktiviti sosial korporat seperti berikut;-

Bil.	Tahun	Program Sosial Korporat
1.	2009	Program Pembangunan Usahawan untuk pelajar-pelajar tahun akhir Kolej INSPENS bertujuan bagi menyediakan para pelajar tahun akhir dengan pengetahuan asas keusahawanan sebelum mereka mengakhiri pengajian di Kolej INSPENS.
2.	2012	Sumbangan kepada Asrama Damai Kuang & Rumah Perlindungan Al-Nasuha, Kuang
3.	2013	Sumbangan kepada Rumah Anak Yatim Al-Munirah & Teratak Nur Baraqah

- b) Merujuk kepada rekod lawatan dan pertanyaan-pertanyaan para pelabur, kebanyakan pelabur berhubung dengan pihak SSIC bagi mendapatkan pandangan dan nasihat berkenaan cadangan pelaburan mereka. Maklumat-maklumat yang sering diterima oleh SSIC adalah;-
 - i) Profil syarikat
 - ii) Maklumat cadangan projek pembangunan.
 - iii) Maklumat pelaburan pihak syarikat
 - iv) Maklumat perancangan pihak syarikat di masa hadapan
 - v) Maklumat-maklumat keperluan teknikal
 - vi) Maklumat berkenaan tapak cadangan pembangunan.
 - vii) Bantuan-bantuan yang diperlukan oleh pelabur dalam merealisasikan cadangan pembangunan mereka.

- c) Nilai geran untuk SSIC ditentukan berdasarkan pencapaian prestasi pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : DANA PERTUBUHAN AGAMA

37. Melalui manifesto Pakatan PRU 13 yang lalu, mahu diwujudkan dana untuk kepada pertubuhan-pertubuhan agama

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan tujuan penubuhan dana ini?
- b) Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan dan sila perinci kan kaedah pemberiannya?

JAWAPAN:

a) dan b)

Buat masa ini kerajaan negeri belum bercadang untuk mewujudkan dana khas kepada pertubuhan-pertubuhan agama seperti yang dinyatakan di dalam manifesto tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri telah pun memperuntukkan sejumlah **RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Juta Sahaja)** setiap tahun kepada rumah-rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK BANDAR SELAMAT DI SELANGOR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah kos dan lokasi projek Bandar Selamat dari Kementerian Perumahan yang dilaksanakan di Selangor 2008-2013 dan nyatakan mengikut daerah, PBT, Parlimen dan DUN?
- b) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk pelaksanaan projek ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kos adalah sebanyak **RM46,801,397.00** dan melibatkan **251 lokasi** seperti berikut :

BIL	PBT (SILA NYATAKAN MENGIKUT DAERAH/ PARLIMEN/ DUN)	TAHUN 2008-2013	
		KOS (RM)	LOKASI PROJEK BANDAR SELAMAT KPKT
1.	PBT : MBSA Daerah: Petaling Parlimen: Shah Alam DUN: Kota Anggerik	1.8 Juta (tahun 2010)	Kawasan Hotspot Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam
		1.5 Juta (tahun 2011)	Hotspot Seksyen 7,13,14,16,18 & 27
		Pembiayaan oleh KPKT & KDN secara pukal di seluruh negara	Pemasangan bagi 24 buah CCTV
		2.1 Juta (tahun 2012)	Hotspot Seksyen 7,9,13,27,U2,U3 & 20
		2.1 Juta (tahun 2013)	Program Pemutihan Kawasan Blackspot Pekan Subang
2.	MBPJ	43,500.00 (tahun 2008)	Tidak dilampirkan
		43,500.00 (tahun 2009)	Tidak dilampirkan

		43,500.00 (tahun 2010)	Tidak dilampirkan
		2,543,500.00 (tahun 2011)	Seperti di Lampiran
		2,343,500.00 (tahun 2012)	Seperti di Lampiran
		4,343,500.00 (tahun 2013)	Seperti di Lampiran
3.	PBT : MPK i. 2010 (kawasan hotspot) (Klang Selatan) ii. 2011 (kawasan hotspot) (Klang Selatan dan Utara) iii. 2012 (kawasan hotspot) (Klang Selatan) iv. 2013 (kawasan blackspot)	1.5 juta 2.1 juta 2.5 juta 3.5 juta	Bandar Bukit Tinggi, Taman Sentosa <u>Klang Selatan</u> Bandar Bukit Tinggi, Taman Andalas, Pel. Klang <u>Klang Utara</u> Pusat Bandar Klang Bandar Baru Klang Bandar Puteri, Bandar Bukit Tinggi, Taman Andalas, Taman Bayu Perdana, Bandar Botanik - Taman Chi Liung & Bayu Perdana - Taman Kem & Taman Berembang
4.	MPAJ	1,690,482.90 (tahun 2013)	Flat kos rendah Pandan Indah (Flat 610), flat kos rendah Pandan Mewah, Pandan Indah Bussines Park, Pandan Mewah Industrial Park dan Taman Putra.
5.	PBT : MPSJ (2010) Daerah: Petaling <u>Parlimen :</u> Kelana Jaya Puchong <u>DUN :</u> Subang Jaya Sri Serdang Kinrara	2,022,385.40	a) Jalan SS 15, b) Jalan SS 15/4D, c) Jalan SS 15/4D, d) Jalan SS 15/4D e) Jalan SS 15/4 f) Jalan SS 15/4E g) Jalan SS 15/3B h) Jalan SS 15/5G i) Jalan SS 15/1A j) Jalan SS 15/4D

	<p>PBT : MPSJ (2011) Daerah: Petaling <u>Parlimen :</u> Kelana Jaya Puchong <u>DUN :</u> Subang Jaya Sri Serdang Kinrara</p>	<p>1,262,430.00</p>	<p>k) Jalan SS 15/7A l) Jalan SS 15/7 m) Jalan SS 15/4D n) Jalan Wawasan 1/6 o) Persimpangan Puchong Prima p) Jalan Indah 2/1 q) Jalan Prima r) Jalan Utama 2/1, s) Jalan Indah 2/8 t) Jalan Prima 5/11 u) Jalan Prima Utama 5/6 v) Jalan Puteri 2/3 w) Jalan Puteri 1/5 x) Jalan Bandar Puteri 4/6 Dan 5/10 y) Kawasan Perindustrian Bukit Puchong</p> <p>a) Jalan Persiaran Kemajuan Subang b) Jalan SS 16/1 c) Jalan SS 15/4D d) Jalan SS 14/1 e) Jalan SS 18/1A f) Hadapan Sekolah Rendah Puchong Indah g) Jalan Bandar 14 h) Jalan Kenari 1 i) Jalan Kenari 1 j) Jalan Bandar 1 k) Persiaran Puchong Jaya Selatan l) Lebuhraya Ke Persimpangan Jalan Puteri 7/1 m) Persiaran Puchong Jaya Selatan n) Jalan Wawasan 2/3</p> <p>i. Jalan PJS 9/1 ii. Lebuhraya Npe iii. Jalan PJS 11/28 iv. Jalan SS 13/5 v. Persiaran Subang Permai vi. Jalan USJ 9/5R</p>
	<p>PBT : MPSJ (2012) Daerah: Petaling <u>Parlimen :</u> Kelana Jaya Puchong Serdang <u>DUN :</u> Subang Jaya Sri Serdang Kinrara</p>	<p>2,095,314.00</p>	

	<p>Seri Kembangan</p>		<ul style="list-style-type: none"> vii. Jalan USJ 10/1C viii. Persiaran Bakti & Persiaran Ikhlas ix. Jalan USJ 10/1F x. Jalan USJ10/1B xi. Jalan USJ 10/1 xii. Persiaran Putra Perdana xiii. Jalan Putra Bahgia 8/2B xiv. Persiaran Putra Perdana xv. Persiaran Putra Harmoni xvi. Jalan Putra Mahkota 7/6A xvii. Jalan Indah 2/10 xviii. Jalan Indah 2/12 xix. Jalan Indah xx. Jalan Equine & Persiaran Lestari Perdana 1 xxi. Persiaran Serdang Perdana xxii. Jalan PSK 8 xxiii. Jalan Serdang Raya xxiv. Jalan PBS 14/5 xxv. Jalan Dagang xxvi. Stesen Komuter Serdang xxvii. Jalan Dulang xxviii. Jalan 18/24 xxix. Jalan Sri Serdang xxx. Jalan 18/23 xxxi. Tapak Pasar Malam Sri Serdang xxxii. Jalan SB Indah 1/17 xxxiii. Persiaran Puteri 1 xxxiv. Persiaran Puteri 1/1 xxxv. Jalan Wawasan 2/23 xxxvi. Jalan Kenari 5 xxxvii. Jalan TK 1/11a xxxviii. Jalan Kinrara xxxix. Jalan Kenari 5 <p>a) Persiaran Teknologi</p>
	<p>PBT : MPSJ (2013) Daerah: Petaling <u>Parlimen :</u> Shah Alam <u>DUN :</u> Batu Tiga</p>	<p>1,830,784.25</p>	

			<p>Subang</p> <p>b) Jalan Pinggiran USJ 1, Jalan Pinggiran USJ 1/8,</p> <p>c) Jalan Pinggiran USJ 1/2</p> <p>d) Jalan Subang Mas</p> <p>e) Pangsapuri Seri Nipah</p> <p>f) Persiaran Teknologi Subang</p> <p>g) Pangsapuri Seri Kayan</p> <p>h) Jalan Nilam 1/9</p> <p>i) Stesen Komuter Dan Pangsapuri Pelangi</p> <p>j) Jalan Tiara 1</p> <p>k) Persiaran Setia</p> <p>l) Pangsapuri Seri Kayan</p> <p>m) Jalan Delima 1/1</p> <p>n) Jalan Delima 1/3</p> <p>o) Jalan TP 7</p> <p>p) Jalan Pinggiran USJ 3</p> <p>q) Jalan Pinggiran USJ1</p> <p>r) Persiaran Teknologi Subang</p>
6.	MPS	6Juta	<ul style="list-style-type: none"> - Desa Aman - Selayang - Rawang - Sri Gombak
7.	MPKj	<p>1.5 juta (tahun 2011)</p> <p>2.1 juta (tahun 2012)</p>	<p>40 lokasi hotspot bagi tahun 2011</p> <p>48 lokasi hotspot bagi tahun 2012</p> <p>Lokasi tidak dilampirkan</p>
8.	PBT: MPSp Daerah: Sepang Parlimen: Sepang DUN: Dengkil	40,000.00 (dibina tahun 2009)	<p>a. ERL Kota Warisan, Dengkil.</p> <p>b. Street Mall, Cyberjaya</p>
9.	PBT : MDKL Parlimen : Kuala Langat	358,000.00 (tahun 2011)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Rajawali, Telok Panglima Garang - Jalan Waja 15, Telok Panglima Garang - Lorong Rakyat, Bandar Banting - Jalan Sultan Abdul Samad

		841,000.00 (tahun 2012)	(sebelah Maybank) - Jalan Sultan Alam Shah - Jalan Suasa, Bandar Banting - Jalan Cengal, Taman Banting Baru - Jalan Sungai Buaya - Persiaran Majlis Off Jalan Sultan Alam Shah - Jalan Sultan Alam Shah - Jalan Sultan Abdul Samad (hadapan Pasaraya The Store) - Jalan Waja, Telok Panglima Garang - Jalan Suasa, Telok Panglima Garang - Jalan Sekolah, Tanjung Sepat - Taman Delima, Banting - Jalan Kg. Jenjarom (hadapan Klinik Kesihatan hingga SMK Jenjarom) - Medan selera Telok Panglima Garang - Jalan Kasawari, Telok Panglima Garang - Pusat Komersial Banting - Taman Muhibbah, Banting - Taman Ria, Jenjarom - Jalan Tepi Laut, Tg. Sepat - Pasaraya Speedmart 99, Tg. Sepat
10.	MDHS	Tiada maklum balas	
11.	MDKS	1.2 juta	Saujana Utama Kuala Selangor
12.	PBT : MDSB Daerah : Sabak Bernam Parlimen : Sabak	2008- Tiada 2009- Tiada 2010- 200,000.00	Pekan Sungai Besar Pekan Sekinchan

DUN : Sabak DUN : Sg Besar DUN : Sekinchan	2011- 400,000.00 2012- Tiada 2013- Tiada	Pekan Sabak Bernam
--	---	--------------------

- b) Inisiatif kerajaan negeri untuk pelaksanaan projek ini ialah dengan melaksanakan 23 langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat PBT dan melaporkan status perlaksanaan kepada JPBD Semenanjung Malaysia.

Pada 26 Julai 2010, 23 langkah tersebut telah di takrif semula kepada 15 langkah. Takrifan tersebut di buat berdasarkan kepada perakuan Lab NKRA : Mengurangkan Jenayah yang diadakan pada 5 Oktober hingga 19 November 2009 untuk meningkatkan keselamatan awam. Pihak Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak Persekutuan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak polis dan sebagainya bagi menangani masalah jenayah agar tidak berleluasa dan terkawal bagi kesejahteraan masyarakat bersama.

Jadual 1: Lokasi-lokasi penyediaan rel pengadang di sekitar Petaling Jaya

TAHUN			
2010	2011	2012	2013
1. Berhampiran Hospital Universiti 2. Bertentangan Hotel Hilton 3. Bertentangan Plaza Lien Hoe 4. Seberang Motorola 5. Berhampiran Matsushita 7. Di hadapan Guinness Malaysia Bhd 8. Jalan 14/30 9. Jalan 14/48 10. Jalan 14/48 (berhampiran 14/57) 11. Jalan 14/49 (berhampiran Sek. Men. Sri Aman) 12. Jalan 14/49 13. Jalan 15/57A 14. Jalan 17/11 15. Jalan 17/13 (depan rumah pangsa) 16. Jalan 17/2 17. Jalan 17/22 18. Jalan 19/1 19. Jalan 19/18 20. Jalan 205 21. Jalan 206 22. Jalan 20/14 (berhampiran padang) 23. Jalan 20/27 24. Jalan 20/7 25. Jalan 21/7 26. Jalan 21/1 27. Jalan 21/37 28. Jalan 222 29. Jalan 225 30. Jalan 229 31. Jalan 22/45 32. Jalan 22/49 33. Jalan 230 34. Jalan 237	1. Jalan Universiti (80 panel) 2. Jalan P.P. Narayanan (300 panel) 3. Jalan Utara (115 panel) 4. Jalan SS22/4 (50 panel) 5. Jalan SS 9A/1 hingga Jalan SS 9A/14 (300 panel) 6. Jalan PJS 8/9 (115 panel) 7. Jalan 10/11 (300 panel) 8. Jalan Seksyen 20/19 (15 panel)	1. PJU 10/1, Berhadapan Sek. Kebangsaan Damansara Damai 1 2. Jalan Sek. 9A/14 Simpang Tiga Traffic Light Bangunan Mercedes Sg. Way	Tiada

35. Jalan 5/46 36. JalanBaiduri SS1/22 37. Jalan Bukit 11/12 38. JalanChanggai 6/22 39. JalanDato' Abd Aziz 40. JalanDato' JamilRais 14/15 41. JalanGasing 42. JalanKemajuan 12/18 43. JalanMajlis 44. JalanMajlis SS3/1 45. JalanMakmur 46. Jalan Othman 4/40 47. Jalan Padang 4/48 48. JalanPenchala 49. JalanPenchalaLorong 4/47C 50. Jalan Selangor 51. JalanSemangat 52. Jalan SS 10 53. Jalan SS1/1 54. Jalan SS 1/11 55. Jalan SS 1/36 56. Jalan SS20/27 57. Jalan SS21/1 58. Jalan SS21/33 59. Jalan SS21/37 60. Jalan SS21/62 61. Jalan SS22/11 62. Jalan SS22/11 63. Jalan SS22/48			
--	--	--	--

Langkah 5: Penyediaan Cermin Keselamatan

Jadual 2: Lokasi-lokasi penyediaan cermin keselamatan di sekitar Petaling Jaya

TAHUN			
2010	2011	2012	2013
1. Seksyen 1A 2. Seksyen 7 3. SS 2 4. Jalan Templer 5. Jalan PJS 8/9 6. Taman Bukit Mayang Emas 7. Jalan Ru, Seksyen 7 8. Jalan Sultan 9. Mutiara Homes, Mutiara Damansara 10. IKEA 11. Tesco Mutiara Damansara	1. Persimpangan Jalan SS 9A/1 (di hadapan Public Bank) 2. Persimpangan Jalan SS 9A/2 dengan Jalan SS 9A/12 3. Jalan PJS 8/9 (di hadapan Mentari Court dan Jalan Antara Bangunan Mentari Court Dengan Bangunan Leisure Commerce Square)	1. Jalan SS 9A/1 Lorong Di Belakang Kedai Emas Pekan Sungai Way 2. Dataran Mentari Hadapan Hong Leong Bank 3. PJS 8/2 Sg. Way	Tiada

Langkah 6: Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah

Jadual 3: Lokasi-lokasi penyediaan papan tanda peringatan jenayah di sekitar Petaling Jaya

TAHUN			
2010	2011	2012	2013
1. Jalan SS 1 2. Jalan SS 2 3. Jalan SS 3 4. Jalan SS 7 5. Jalan SS 24 6. Seksyen 14	1. Jalan Othman 2. Jalan Pagar 1/21 3. Jalan 10/7 4. Jalan 5/18 5. Jalan SS 9A/1 6. Jalan SS 94/14 7. Jalan SS8/6 8. Jalan SS8/2 9. Sudut Selera Tmn Bandaran Kelana Jaya 10. Jalan SS 24/2 11. Jalan Teknologi 12. Jalan PJU 5/9, Kota Damansara 13. Jalan PJU 10/4C, Damansara Damai 14. Jalan PJU 10/1, Damansara Damai 15. Persiaran Surian 16. Jalan BU 11/1, Bandar Utama	1. Sekitar Pasar Besar Jalan Othman 2. Taman Jaya 3. Jalan SS 8/7 Hadapan 4. Apartment Kelana Impian Sg. Way 5. PJU 10/1, Berhadapan Sek. Kebangsaan Damansara Damai 1 6. Tasik Bandaran Kelana Jaya 7. Kawasan Foodcourt Taman Megah Jalan 24/1 8. Hadapan Universiti Segi Kolej Kota Damansara 9. Jalan PJU 5/9 Dataran Sunway Kota Damansara 10. Apartment Idaman Damansara Damai 11. Pangsapuri Mentari Court Sg. Way 12. Sekitar Flat Desaria PJS5, Taman Medan	1. Kawasan Tempat Letak Motosikal Di Blok 1-10 Flat Desa Mentari 2. Kawasan Tempat Letak Motosikal Di Blok 1-8 PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang

Langkah 8: Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci

Jadual 4: Lokasi-lokasi penyediaan tempat letak motosikal berkunci di sekitar Petaling Jaya

TAHUN			
2010	2011	2012	2013
1. Ibu Pejabat MBPJ 2. One Utama 3. Digital Mall Seksyen 14 4. Damansara Perdana	1. Apartment Idaman Blok C, PJU 10, Damansara Damai 2. Perumahan Kos Rendah Flora Damansara ,Blok A & B, PJU 8, Damansara Perdana 3. Perumahan Kos Rendah Pelangi Damansara, Blok A, B & C, PJU 5	1. Apartment Idaman, Damansara Damai	1. Blok 1-10, Flat Desa Mentari 2. Blok 1-8, PPR Taman Putra Damai Lembah Subang

Langkah 10: Pencahayaan

TAHUN			
2010	2011	2012	2013
1.Taman Bandaran Kelana Jaya 2.Taman Bandaran Bandar Utama 3.Taman Aman 4.Taman Jaya 5.Taman PJS 10/24 6.Taman Rusa (Ibu pejabat MBPJ) 7.PJS 1/47 8.SS 24/18 9.SS 22/36 10.Seksyen 5/46 11.Padang Astaka 21. Bandar Utama 22.Mutiara Damansara 23.Tropicana 24. Kota Damansara	1. Jalan PJS 10/2 2. Lorong Tepi Antara PJS 10/26A dengan Jalan PJS 10/26 3. Jalan Seksyen 17A	1. Jalan Othman, Old Town 2. Jalan Pasar 1/21 3. Jalan 10/7 4. Jalan 1/46 5. Jalan SS 9A/1 6. Jalan SS 9A/13 7. Jalan Sek. 51A/241 8. Jalan SS9/2 9. Jalan SS8/7 10. Jalan PJU 10/4C, Damansara Damai 11. Jalan PJU 8/8, Mutiara Damansara 12. Flat Flora Damansara 13. Jalan SS 21/56 14. Jalan 5/18	1. Blok 1-10, Flat Desa Mentari 2. Blok 1-8, PPR Taman Putra Damai Lembah Subang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah cara kempen bagi menggalakkan program kitar semula supaya program ini benar-benar berkesan di semua PBT?
- b) Apakah bentuk program dan insentif diberikan kepada PBT - PBT yang menjalankan inisiatif bersama dengan persatuan-persatuan penduduk atau NGO bagi menggalakkan aktiviti ke arah bandar selamat?

JAWAPAN:

- a) Bagi menggalakkan program kitar semula dapat dilaksanakan dengan berkesan, ia perlu dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai sumber seperti penduduk/ NGO/ Agensi swasta/ sekolah dan pelbagai agensi yang lain. Program kitar semula ini juga dipergiatkan di peringkat sekolah kerana generasi muda ini mudah dibentuk dalam amalan kitar semula dan mereka adalah penyambung kepada generasi akan datang dalam amalan kitar semula bahan domestik ataupun minyak masak terpakai. Selain itu pihak PBT juga telah melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan program kitar semula seperti berikut:
 - i) Mengadakan pertandingan kitar semula di antara sekolah
 - ii) Mengadakan pertandingan kitar semula di peringkat PBT.
 - iii) Mengadakan pameran dan ceramah di peringkat sekolah dan komuniti.
 - iv) Menawarkan ganjaran kepada penduduk yang aktif menjalankan aktiviti kitar semula melalui program 'Recycle & Rewards'
 - v) Mengadakan pusat kitar semula untuk kemudahan penduduk.
 - vi) Menawarkan perkhidmatan pengambilan bahan kitar semula dari rumah ke rumah.
 - vii) Menggunakan pelbagai media hebahan bagi tujuan promosi program seperti laman web, buletin, bahan-bahan cetak (pamphlet, banner dan lain-lain) dan media masa.
- b) Antara program dan insentif yang diberi kepada PBT yang menjalankan inisiatif bersama penduduk atau NGO ke arah Bandar Selamat adalah seperti berikut:
 - i) **Zon Bersih**
Insentif kerajaan negeri kepada setiap PBT untuk melaksanakan program Zon Bersih di setiap PBT di mana sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan.
 - ii) **Program Hotspot**
Insentif diberikan dari segi peruntukan pemulihan keselamatan di kawasan 'hot spot' jenayah. Berdasarkan amalan pemakaian reka bentuk bandar selamat untuk mencegah jenayah dan pemaju dan agensi kerajaan.

- iii) **Program Black Spot**
Di bawah program ini satu kawasan yang berpotensi jenayah telah dikenal pasti Insentif diberi melalui peruntukkan untuk pembangunan fizikal sebanyak RM 2.35 juta bagi menangani isu kawasan gelap, sunyi, kotor dengan sampah-sarap, kurang pengawasan semula jadi dan menjadi sarang penagih dadah dan perjudian.
- iv) **CCTV**
Inisiatif kerajaan negeri untuk menangani masalah jenayah dan pembuangan sampah. Sebanyak RM6,000,000.00 telah diperuntukkan bagi pemasangan CCTV di kawasan-kawasan yang terpilih di setiap PBT.
- v) **Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta**
Audit dijalankan oleh agensi-agensy yang dilatih oleh Jabatan Kerajaan Tempatan dan pemandu bagi memastikan tempat letak kereta di premis-premis perniagaan dan awam adalah selamat.
- vi) **Insentif Melalui Hadiah Geran Pertandingan Di Peringkat Komuniti.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : RIZAB TANAH KERAJAAN

40. Pencerobohan Tanah Kerajaan Di Meru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah tindakan dan operasi yang telah dilaksanakan serta keberkesanannya?
- b) Senaraikan lokasi pencerobohan dan status?
- c) Adakah ada kebenaran bertulis dengan syarat-syarat tertentu bagi memaju, menduduki dan menyewakan diberikan kepada individu dan NGO yang masih sah sehingga tahun 2013? Senaraikan perincian.

JAWAPAN:

- a) Satu (1) Operasi meroboh telah dilaksanakan di Jalan Teratai, Meru pada 28.08.2013 yang melibatkan 16 gerai makan. Kini seluruh kawasan telah dibersihkan.
- b) Tiga (3) operasi kini dalam tindakan iaitu:
 - i) Projek Menaik taraf Jalan Paip, Meru.

Sebanyak 18 Notis 425 KTN. (Penceroboh Tanah Kerajaan) telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha premis di sepanjang Jalan Paip (simpanan jalan). 13 yang menerima Notis 425 telah membuka sendiri gerai mereka sementara 5 pemilik premis mendakwa tidak menerima Notis. Notis baru akan dikeluarkan kepada 5 pemilik yang berkenaan .
 - ii) Projek Menaik taraf Laluan Pekan Meru Ke Puncak Alam.

Sebanyak 92 Notis 425 KTN. (Pencerobohan Tanah Kerajaan) telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha di sepanjang Jalan Meru ke Puncak Alam (simpanan jalan). Keseluruhan pemilik premis menyatakan akan membuka sendiri premis mereka.
 - iii) Lot 5151 (Rizab JKR. – G.N. 3165/14), Pekan Meru. Sebanyak 4 Notis 425 KTN. (Pencerobohan Tanah Kerajaan) telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha premis bertarikh 18.06.2013. Namun begitu, tindakan penguatkuasaan ditangguhkan apabila Y.B. DUN Meru mohon membantu menyelesaikan masalah ini.
- c) Sehingga tahun 2013 ini, tiada sebarang kebenaran bertulis mahu pun Lesen Pendudukan Sementara (Lesen TOL) atau sebarang bentuk pajakan dikeluarkan kepada individu atau NGO untuk memaju, menduduki atau

menyewa atas tanah rizab tersebut. Bagi tanah-tanah rizab yang telah diwartakan dan mempunyai Pegawai Pengawal dan atas kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, boleh dari masa ke semasa memberi pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian darinya untuk man0-mana tempoh tidak lebih daripada 21 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah bilangan Lesen Pendudukan Sementara yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini? Sila perincian mengikut daerah dan jenis aktiviti.
 - b) Berapakah bilangan Lesen Pendudukan Sementara yang diberikan kepada badan bukan kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini sebanyak **1,250** Lesen Pendudukan Sementara telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan perincian mengikut pecahan daerah dan aktiviti adalah seperti di **Lampiran A**:
- b) Sebanyak **1,163** Lesen Pendudukan Sementara telah diberikan kepada badan bukan kerajaan dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	Hulu Selangor	256
2.	Gombak	21
3.	Hulu Langat	37
4.	Sabak Bernam	306
5.	Kuala Selangor	17
6.	Sepang	118
7.	Kuala Langat	32
8.	Klang	331
9.	Petaling	45
Jumlah		1163

LAMPIRAN A

BIL	AKTIVITI	DAERAH									JUMLAH
		HULU SELANGOR	GOMBAK	HULU LANGAT	SABAK BERNAM	KUALA SELANGOR	SEPANG	KUALA LANGAT	KLANG	PETALING	
1.	Pertanian	237	8	20	64	-	86	2	-	1	418
2.	Rumah Kediaman	-	1	-	162	-	14	11	319	-	507
3.	Tapak Gerai / Tapak Restoran	1	1	2	1	-	-	3	-	1	9
4.	Kedai Makan/ Restoran	-	1	-	3	-	2	-	7	-	13
5.	Bangunan Kedai Makan (Medan Selera)	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
6.	Bangunan Perniagaan	1	4	-	9	-	-	-	-	1	15
7.	Bangunan Sementara	-	2	-	-	-	-	-	-	-	2
8.	Bangunan Bomba Sukarela	-	-	-	1	-	-	-	-	1	2
9.	Tapak Pameran Kereta Terpakai	-	2	3	-	-	-	-	-	-	5
10.	Tapak Meletak Kereta	-	1	-	-	-	-	-	-	8	9
11.	Bengkel Kereta (Perniagaan)	-	1	-	8	-	-	-	-	-	9
12.	Industri Ringan	-	4	-	2	-	-	-	-	-	6
13.	Stor	-	1	3	4	-	1	-	2	-	11
14.	Tapak Lanskap	1	-	-	-	-	-	-	-	9	10
15.	Tapak Semaian	-	1	-	-	-	-	-	-	2	3
16.	Tapak Menara Komunikasi	-	-	-	-	-	2	-	-	-	2
17.	Papan Iklan	-	22	64	-	-	4	-	-	-	90
18.	Pondok Pengawal	-	-	10	-	-	6	-	-	23	39
19.	Pusat Timbang Sawit	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
20.	Pelantar Ikan	-	-	-	44	-	-	-	-	-	44
21.	Rekreasi dan Pertanian	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
22.	Memetik Buah Kelapa Sawit	-	-	-	7	17	2	9	-	-	35
23.	Ternakan	-	-	-	-	-	5	7	-	-	12
24.	Nurseri	-	-	-	-	-	1	1	-	1	3
25.	Tokong						1	-	-	-	1
26.	Kabin									1	1
27.	Aktiviti Riadah Surau									1	1
JUMLAH		240	50	103	306	17	124	33	328	49	1,250

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : SKIM RUMAH MAMPU MILIK

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa unit rumah mampu milik dalam Negeri Selangor yang telah di siap bina oleh Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga tahun 2013?
 - b) Sila memberi pecahan bilangan pembinaan rumah mampu milik tersebut mengikut daerah di Negeri Selangor.
 - c) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi Skim Perumahan Mampu Milik dari tahun 2008 hingga tahun 2013.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.B, sehingga kini, jumlah unit rumah mampu milik yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 1,682 unit.
- b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri telah menyiapkan dua projek perumahan mampu milik yang melibatkan 1,682 unit iaitu sebanyak 1,422 unit di Bukit Botak, Selayang Daerah Gombak dan bakinya 124 unit di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi Daerah Hulu Langat.
- c) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi kedua- dua projek tersebut adalah sebanyak RM245,431,000.00 di mana projek rumah mampu milik Bukit Botak, Selayang RM 221,629,000.00 dan Seksyen 3 Bandar Baru Bangi menelan belanja sebanyak RM23,802,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR HOLDINGS SDN BHD (MSNS)

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah tujuan dan matlamat penubuhan MSNS?
 - b) Berapakah modal permulaan yang diberikan kepada MSNS dan Apakah sumbangan MSNS yang signifikan kepada negeri setakat ini?
 - c) Siapakah pengarah, pemegang saham dan pengurusan MSNS serta kelayakan mereka?

JAWAPAN:

- a) MSNS Holdings Sdn Bhd (MSNSH) telah ditubuhkan pada tahun 1991 dan telah mula aktif sepenuhnya pada tahun 1995 sebagai satu cabang pelaburan Majlis Sukan Negeri Selangor. Matlamat utama penubuhan syarikat pada ketika itu adalah untuk menjana perolehan bagi membantu sumber kewangan Majlis di samping membantu peningkatan dan pembangunan infrastruktur sukan peringkat negeri.

Walau bagaimanapun, semenjak pengambilalihan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) pada Julai 2009, skop MSNSH lebih tertumpu kepada mengurus dan mengendalikan aset-aset seperti Kompleks Belia & Kebudayaan Negeri Selangor, Carlton Holiday Hotel & Suites, Pusat Akuatik Darul Ehsan, Kompleks Sukan Sukses, Seksyen 6, Kompleks Sukan Lawn Bowl, Seksyen 13, rumah kedai serta ruang pejabat.

MSNSH juga merupakan pemegang Hak cipta Intelekt bagi jenama SUKSES sejak tahun 2005 lagi. Antara produk SUKSES yang dijual adalah seperti pakaian dan peralatan sukan.

Di samping itu, aktiviti perniagaan MSNSH juga merangkumi kepada pengurusan acara terutamanya acara yang berkaitan dengan sukan seperti karnival sukan, penyewaan gelanggang dan "outdoor" games.

- b) Modal permulaan yang diberikan oleh Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor berjumlah RM1,000,000 sebagaimana berikut :-

MODAL

TARIKH	NO. RUJ	KETERANGAN	JUMLAH(RM)
Dis 1994		Modal	2.00

TARIKH	NO. RUJ	KETERANGAN	JUMLAH(RM)
25/11/1994	BBMB162914	Modal Berbayar Syarikat	100,000.00
26/01/1995	BBMB170742	Modal Berbayar Syarikat	399,998.00
31/12/2000	JV55/00	Pinjaman ditukarkan ke modal berbayar syarikat	500,000.00
JUMLAH (RM)			1,000,000.00

Sumbangan MSNSH yang signifikan kepada negeri adalah :-

Ketika bersama MSN Selangor, MSNSH bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus dan mengendalikan hal-hal berkaitan logistik, penginapan, makan & minum serta pakaian untuk Kontinjen SUKMA, Selangor.

Selain daripada itu, pada tahun 2009 dan 2010, MSNSH telah membantu Sekretariat Belia Negeri Selangor (SBNS) dalam menguruskan acara-acara sukan seperti Futsal Edisi Piala Dunia serta menguruskan Emolumen dan aktiviti SBNS sebelum SBNS disatukan dengan Majlis Sukan Negeri Selangor.

Bermula pada 1hb Disember 2011, MSNSH telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di mana MSNSH menganjurkan acara-acara seperti perkahwinan, Makan Malam serta acara-acara melibatkan Jabatan-jabatan kerajaan dan kerajaan negeri.

- c) Berikut adalah maklumat Pengarah, Pemegang Saham dan Pengurusan MSNSH serta kelayakan adalah sebagaimana berikut :-

No.	Nama Pengarah	Jawatan
1.	Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari	ADUN (Batu Caves)
2.	Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri
3.	Dato' Tarmeddi Bin Hj. Omar	Timbalan SUK (Khidmat Pengurusan)
4.	Tn. Mohd Azizi Bin Mohd Zain	YDP Selayang

No.	Maklumat Pemegang Saham	Jumlah Saham	Peratusan Pemilikan
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	RM 1,000,000	100%

No.	Maklumat Pengurusan MSNSH	Jawatan	Kelayakan
1.	En. Rohaidi Bin Tugiro	Pengurus Besar	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Bolton, UK.
2.	Pn. Mudirah Binti Muhammad Nor	Pengurus Pentadbiran & Kewangan / Setiausaha	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (kep) – UiTM , Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
3.	En. Normizan Bin Mohd Noh	Pen. Pengurus Pengurusan Harta & Pembangunan Perniagaan	Ijazah Sarjana Muda Perakauan (kep) - UPM


**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Siapakah yang memegang kuasa eksekutif dan kewangan MBI?
 - b) Nyatakan struktur dan senaraikan perjawatan serta tugas setiap kakitangan dalam MBI?
 - c) Nyatakan jumlah gaji, elaun atau yuran setiap perjawatan dalam MBI?

BII.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS	BII.	SENARAI PROJEK	JUMLAH KOS
1	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000.00	1	50,000.0	1	MTUC Selangor & Wilayah Persekutuan: Program Kemahiran Competency & Re-Skilling	50,000.0
2	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000.00	1	250,000.00	1	Oversight & Whistleblowers Sdn Bhd - Program Pencegah Rasuah dan Perlindungan Pemberi Maklumat	250,000.00
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000.000	14	3,434,019.63	1	Program Wacana Pemberdayaan & Kepimpinan Wanita Angkatan Bella Islam Malaysia (ABIM)	20,000.00
					2	Seminar Pemberdayaan Wanita Intitut Kajian Dasar (IKD)	20,000.0
					3	Program Festival Istimewa Untuk Wanita pada 26 & 27 Mei, 2012	185,975.0
					4	Program Ekonomi Wanita & Keluarga Persatuan Penduduk Kampung Melayu Subang Tambahan	5,250.00
					5	Projek Laman Dapur (PEKAWANIS)	174,500.0
					6	Penubuhan Pusat Komuniti Wanita (PKW) di setiap DUN yang belum ditubuhkan PKW. (Dipersejajui untuk pembayaran awal sebanyak RM50,000 per DUN meliputi 25 DUN = RM700,000). Pengembangan Pusat Komuniti Wanita di setiap DUN yang telah beroperasi. (Dipersejajui untuk pembayaran sebanyak RM30,000 per DUN, meliputi 21 DUN = RM630,000)	1,330,000.00
					7	Program peningkatan Ilmu dan Penghayatan Al-Quran Ramadan Al-Mubarak	97,200.0
					8	Pelancaran Jawatankuasa Teknikal Anti-Pemerdagangan Manusia Peringkat PBT Selangor	29,260.00
					9	Program Sepelang bersama Abby Abadi 13 Nov 2012	8,243.01
					10	Program Wanita Ladang (WALA)	1,222,207.6
					11	Pusat Komuniti Sumber Perikanan Kg Tok Muda	10,120.0
					12	Seminar "Woman Against Crime" (Wanita Menentang Jenayah) di MPSJ	3,514.01
					13	Program Penggerak Aktifis Wanita (30 orang Penggerak Aktifis Wanita @ RM1,500 seorang untuk 3 bulan) + Penyelaras PWB setiap DUN	327,750.00
4	DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000.000		0.00			
5	KEUSAHAWAN MUDA	30,000.00	7	1,566,957.2	1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.0
					2	Perlindungan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri	159,050.00
					3	Program Bella	150,000.0
					4	Program Pembangunan Remaja	125,000.0
					5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandus Masjid	125,857.20
					6	Program Pembangunan Bella, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.0
					7	Program Insentif Perkahwinan Bella	159,200.0
6	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000.00	6	3,038,062.7	1	Shopping Tawass	1,600,000.0
					2	Skim Tunas	1,016,600.0
					3	Program Amal oleh Persatuan Pembantuan Kristian Malaysia	10,000.0
					4	Membaikkuh Persekitaran Awam Sg Pelek	195,000.0
					5	T-Shirt Tuisyen Rakyat	122,659.0
					6	Pembiayaan van untuk pelajar-pelajar Sekolah Agama Menengah Rawang	93,803.7
9	PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000.000	8	318,548.50	1	State Wide Photography Competition as a Fundraising Tool to Reforest Selangor	53,600.00
					2	Mangrove Patch Mapping Gezettelement and Conservation	47,000.0
					3	Karnival Hijau Sempena Hari Bumi Sedunia	20,000.0
					4	Program Climate Change Awareness Seminars and Briefing by CETDEM	50,000.0
					5	Program Pakaian Fritjan 2012 di Shah Alam	50,000.0
					6	Community Outreach Claw	80,000.0
					7	Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan DUN Skinchan	10,000.0
					8	Program Perlindungan Alam Sekitar	7,948.51
10	JANGKAAN KEHI DUPAN BANDAR	10,000.00	1	248,741.6	1	Program Wifi Selangor	248,741.6
11	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000.00	1	1,880,724.6	1	Penyediaan Bilik Simpanan Fall Tanah di Stadium MBSA	1,880,724.6
12	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000.000	5	335,930.00	1	Program Pameran Pusat Kebudayaan N.Selangor & Menandatangani Memorandum Persefahaman Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang	77,530.00
					2	Peralatan Nasyid, Kompang, Marhaban untuk Pusat Kebudayaan, Surau, Maajid Tahfiz & Masjid (8 Persatuan)	63,400.00
					3	Program Istimewa Budaya Bersama Rakyat (9 Daerah)	180,000.0
					4	Perlindungan Kompang Berirama peringkat Negeri Selangor	15,000.0
13	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000.00	5	4,120,472.0	1	Pembiayaan Kos Guaman dan Ikat Jamin	380,500.0
					2	Program Pendemokrasian di 56 DUN Selangor (Semakan Daftar Pemilih & Batuhan)	3,506,232.8
					3	Mobilisasi Himpunan Kebangkitan Rakyat	7,550.01
					4	Forum Air Untuk Rakyat	196,776.1
					5	Program Manifesto Kepada Rakyat	29,413.0
14	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000.00	5	1,681,300.1	1	Program Penerangan Melalui Iklan (Akhhbar & Laman Web), Banner, Bunting	967,450.2
					2	SMS Blast untuk Hari Perayaan	63,661.8
					3	Kempen T-Shirt Selangorku / Karnival	486,000.0
					4	Program Merayakankan Informasi Selangor	45,900.0
					5	Pameran Katun Zunar	32,500.0
					6	Program Penerangan Ihu Talam	51,375.0
					7	Program Pengenalan Diskiska Selangor	5,000.01
					8	Program Manifesto Rakyat	29,413.0
15	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000.000	4	190,000.00	1	Pertubuhan ILTC Malaysia - sumbangan untuk OKU	10,000.00
					2	Peruntukan Projek Spirituina	150,000.0
					3	Program Kesihatan Bersama Rakyat oleh Hope On Wheels	10,000.0
					4	Peruntukan Kejohanan Sukan Paralimpik Peringkat Kebangsaan 2012 di Pahang	20,000.0
16	PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000.000	0	0.00			
17	PENGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000.000	1	202,276.38	1	Program System of Rice Intensification (SRI) untuk Pesawah Selangor	202,276.38
	JUMLAH KESELURUHAN	220,000,000	59	17,317,032.83			

ii) Fizikal:

ANALISA DUN: STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN (LULUS / KIV) GERAN SELANGORKU

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan		INFRA SUKAN			Perbelanjaan			
				Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutbarga	Lulus	KIV	Jumlah	Projek Ditawarkan	Projek Ditawarkan + Projek Dalam Proses Sebutbarga		
DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)				RM	No. Prj	RM		RM	No. Prj	RM					
1	PTD	Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	9	20	29	764,418	9	764,418	0	20	20	0	0	0
2	PTD	Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0
3	PTD	Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	1	0	1	146,250	1	146,250	0	1	1	0	0	0
4	PTD	Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0
5	PTD	Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	17	20	222,586	3	222,586	0	0	0	0	0	0
6	PTD	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	21	23	366,715	2	366,715	0	2	2	0	0	0
7	PTD	Hulu Selangor	Batang Kali	0	34	34	0	0	0	1	9	10	175,721	1	175,721
8	PTD	Kuala Selangor	Sungai Burong	3	20	23	160,098	3	160,098	1	2	3	197,302	1	197,302
9	PTD	Kuala Selangor	Permatang	11	2	13	1,100,260	11	1,100,260	1	3	4	184,179	1	184,179
11	PTD	Kuala Selangor	Bukit Malawati	5	1	6	737,430	5	737,430	0	0	0	0	0	0
12	PTD	Kuala Selangor	Ijok	10	1	11	828,519	10	828,519	1	15	16	180,546	1	180,546
13	PTD	Kuala Selangor	Jeram	8	31	39	938,332	8	938,332	1	6	7	188,430	1	188,430
14	PTD	Kuala Selangor	Jeram & Ijok	1	0	1	42,861	1	42,861	0	0	0	0	0	0
15	PTD	Gombak	Kuang	3	0	3	506,582	3	506,582	1	0	1	198,058	1	198,058
16	PTD	Gombak	Rawang	3	2	5	258,641	3	258,641	1	2	3	197,317	1	197,317
17	PTD	Gombak	Taman Templer	3	48	51	451,675	3	451,675	1	13	14	187,874	1	187,874
18	PTD	Gombak	Batu Caves	6	68	74	913,513	6	913,513	1	6	7	169,106	1	169,106
19	PTD	Gombak	Gombak Setia	4	9	13	500,740	4	500,740	0	1	1	0	0	0
20	PTD	Gombak	Hulu Kelang	8	10	18	1,541,747	8	1,541,747	1	20	21	194,502	1	194,502
21	PTD	Gombak	Bukit Antarabangsa	3	2	5	966,158	3	966,158	1	0	1	200,000	1	200,000
22	PTD	Hulu Langat	Lembah Jaya	2	5	7	663,013	2	663,013	1	1	2	196,396	1	196,396
24	PTD	Gombak	Cempaka	2	11	13	422,167	2	422,167	1	2	3	190,792	1	190,792
25	PTD	Gombak	Teratai	2	13	15	467,640	2	467,640	1	3	4	144,507	1	144,507
26	PTD	Hulu Langat	Dusun Tua	3	6	9	155,085	3	155,085	1	7	8	182,716	1	182,716
27	PTD	Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000
28	PTD	Hulu Langat	Kajang	7	11	18	1,195,970	7	1,195,970	1	11	12	184,294	1	184,294
29	PTD	Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575
30	PTD	Hulu Langat	Balakong	2	6	8	443,210	2	443,210	0	2	2	0	0	0
31	PTD	Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	485,722	1	485,722	0	2	2	0	0	0
32	PTD	Petaling	Sri Serdang	2	12	14	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843
33	PTD	Petaling	Kinrara	2	10	12	731,781	2	731,781	0	2	2	0	0	0
34	PTD	Petaling	Subang Jaya	2	9	11	679,310	2	679,310	0	2	2	0	0	0
35	PTD	Petaling	Sri Setia	1	0	1	253,509	1	253,509	0	1	1	0	0	0
36	PTD	Petaling	Taman Medan	4	6	10	630,361	4	630,361	0	16	16	0	0	0
37	PTD	Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	PTD	Petaling	Kampung Tunku	1	4	5	411,470	1	411,470	0	7	7	0	0	0
39	PTD	Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	PTD	Petaling	Bukit Lanjan	3	0	3	186,586	3	186,586	1	2	3	168,041	1	168,041
41	PTD	Petaling	Paya Jaras	2	3	5	432,546	2	432,546	1	2	3	167,180	1	167,180
42	PTD	Petaling	Kota Damansara	3	5	8	879,084	3	879,084	1	2	3	151,836	1	151,836
43	PTD	Petaling	Kota Anggerik	1	7	8	225,474	1	225,474	1	4	5	154,727	1	154,727
44	PTD	Petaling	Batu Tiga	2	0	2	343,030	2	343,030	0	0	0	0	0	0
45	PTD	Petaling	Meru	10	50	60	1,052,554	10	1,052,554	1	0	1	160,164	1	160,164
46	PTD	Klang	Sementa	1	24	25	222,600	1	222,600	0	0	0	0	0	0
47	PTD	Klang	Sungai Pinang	5	40	45	1,185,785	5	1,185,785	0	3	3	0	0	0
48	PTD	Klang	Selat Klang	2	83	85	622,015	2	622,015	0	5	5	0	0	0
49	PTD	Klang	Pelabuhan Klang	2	1	3	162,848	2	162,848	0	1	1	0	0	0
50	PTD	Klang	Pandamaran	1	6	7	135,413	1	135,413	0	0	0	0	0	0
51	PTD	Klang	Kota Alam Shah	1	9	10	342,705	1	342,705	0	0	0	0	0	0
52	PTD	Petaling	Sri Andalas	7	4	11	922,125	7	922,125	1	4	5	158,749	1	158,749
53	PTD	Petaling	Sri Muda	16	89	105	2,392,787	16	2,392,787	0	9	9	0	0	0
54	PTD	Kuala Langat	Sijangkang	9	6	15	983,660	9	983,660	1	1	2	179,853	1	179,853
55	PTD	Kuala Langat	Telok Datok	9	33	42	1,329,361	9	1,329,361	1	0	1	177,698	1	177,698
56	PTD	Kuala Langat	Morib	8	35	43	947,676	8	947,676	1	0	1	171,020	1	171,020
57	PTD	Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	5	7	166,614	2	166,614	1	0	1	183,895	1	183,895
58	PTD	Selangor	Dengkil	3	41	44	508,707	3	508,707	0	0	0	0	0	0
59	PTD	Selangor	Sungai Pelek	3	51	54	308,120	3	371,357	1	12	13	169,686	1	169,686
213	954	1,167		31,638,097	213	31,701,334	30	207	237	5,325,006	30	5,325,006			
				Bilangan S/Harga	Tawaran Sebenar	% Jimat	Anggaran Jabatan								
				213	31,638,097	18%	38,350,197								

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TAPAK REKREASI

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kekurangan tempat rekreasi di kawasan perumahan kos rendah menimbulkan masalah tambahan. Di manakah tapak rekreasi bagi PJS 1-4 yang dikenal pasti sebagai tapak baru?

JAWAPAN:

- a) Di dalam pembangunan kawasan yang berdensiti tinggi seperti kediaman kos rendah telah disediakan kawasan permainan atau riadah mengikut piawaian perancangan. Walaubagaimanapun pihak Majlis ada menyediakan kemudahan ruang riadah seperti Gelanggang Futsal Dataran Anak Muda di PJS 1. Pihak Majlis juga sedang meneliti untuk mengoptimakan kawasan-kawasan di bawah laluan TNB atau rizab sungai yang sesuai untuk dijadikan kawasan riadah awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PERUNTUKAN ANAK MUDA

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan peratusan peruntukan dan jumlah peruntukan dalam perkara Anak Muda dalam tahun 2014.
- b) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk Anak Muda dalam tempoh tahun 2008-2013
- c) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk Anak Muda dalam DUN Teratai dalam tempoh tahun 2008-2013

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sebanyak RM3.5 juta untuk program pembangunan belia. Melalui peruntukan tersebut, pelbagai program pembangunan akan dirancang berdasarkan kepada 6 teras iaitu Kepimpinan, Kebudayaan, Ekonomi, Sukan, Pendidikan dan Kemasyarakatan. Program-program tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam menggerakkan belia-belia sebagai pemaju pembangunan negeri Selangor.
- b) Secara umumnya, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.8 juta kepada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan program-program di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam memperanankan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sebagai penggerak kepada golongan belia dan pencetus kepada Pembangunan Negeri Selangor. Di samping itu, program-program kerajaan negeri juga turut diadakan menggunakan peruntukkan yang telah diberikan seperti Sambutan Hari Belia, Sambutan Hari Raya Aidilfitri Belia, Program Berbuka Puasa Bersama YB EXCO dan sebagainya.
- c) Dalam tempoh tahun 2008 – 2013, peruntukan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi peruntukan elaun dan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di mana peruntukan akan diberikan mengikut jumlah zon yang terdapat di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi DUN Teratai, peruntukan adalah di bawah pengawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di mana jumlah yang telah disalurkan adalah sebanyak RM234,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TAMBAHAN PERUNTUKAN PENDIDIKAN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan Selangor bercadang menambahkan peruntukan pendidikan kepada sekolah untuk menampung keperluan yang semakin meningkat?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Pendidikan bagi Tahun 2013 adalah sebanyak 24 Juta dan bagi Tahun 2014 pula adalah 26 Juta. Penambahan peruntukan Pendidikan akan dikaji semula sekiranya sumber pendapatan Kerajaan Negeri Selangor meningkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan pihak pengurusan dan lembaga pengarah YAWAS?
- b) Apakah fungsi penubuhan YAWAS dan skim kelolaannya?
- c) Apakah jaminan kejayaan skim ini dan adakah ia patuh syariah?

JAWAPAN:

a) **Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAWAS**

- | | |
|--|-------------------|
| 1. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim | - Pengerusi YAWAS |
| 2. Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan | - ALPA YAWAS |
| 3. Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman | - ALPA YAWAS |
| 4. Dato' Idris Bin Md Tahir | - ALPA YAWAS |
| 5. Dato' Abdul Halim Bin Harun | - ALPA YAWAS |
| 6. Siti Khamnah Binti Hashim | - ALPA YAWAS |

Pegawai Pengurusan YAWAS

- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. Tuan Haji Mohd Nor Bin Mohd Zin | - Pengurus Besar YAWAS |
| 2. Tuan Haji Abidin Bin Hairum | - Penolong Pengurus Perhubungan Awam, Pemasaran & Promosi |
| 3. Encik Nur Adli Bin Sulaiman | - Penolong Pengurus Programmer Kanan / Juru analisa Sistem |
| 4. Cik Sharizan Binti Shariff | - Eksekutif Kanan Pendaftaran |
| 5. Cik S.Rodiyah Binti Naseran | - Eksekutif Kanan Akaun & Pentadbiran |
- b) YAWAS ditubuhkan adalah untuk menguruskan projek Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).
 - c) Jaminan kejayaan skim TAWAS adalah bergantung kepada keputusan kerajaan Negeri Selangor dan ianya tidak berkenaan dalam pematuhan syariah kerana bukan dana pelaburan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : MANIFESTO BIMBINGAN PERNIAGAAN

66. Manifesto Pakatan pada PRU ke-12 untuk memberi bimbingan perniagaan kepada golongan belia dan wanita muda.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah cara pengambilan peserta dan penghebahan kepada golongan belia untuk menyertai bimbingan ini?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi memastikan manifesto ini mencapai matlamatnya?
- c) Nyatakan jumlah program keusahawanan mengikut daerah dan DUN dari 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

- a) Program-program bimbingan perniagaan kepada golongan belia dan wanita muda akan dihebahkan melalui akhbar milik Kerajaan Negeri, laman web dan surat hebahan kepada Pejabat-pejabat Daerah termasuk penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung tradisi, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan Pejabat Pertanian, Perkhidmatan Veterinar dan Perikanan peringkat Negeri dan daerah, agensi-agensi kerajaan di Negeri Selangor dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Pengambilan peserta adalah terbuka kepada umum.
- b) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi program-program sedia ada di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM2.2 juta. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud keperluan peruntukan tambahan, ianya akan dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dan kelulusan.
- c) Program –program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah mengikut daerah. Berikut adalah program-program keusahawanan yang telah mengikut daerah dari tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti berikut:-

PROGRAM SEMINAR USAHAWAN		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Seminar Peringkat Daerah					990
2.	Seminar Peringkat PBT					2570

PROGRAM SEMINAR USAHAWAN		2008	2009	2010	2011	2012
3.	Program Bersama Usahawan Kontraktor					750
4.	Program Seminar Usahawan Siswazah (UNISEL)					490
JUMLAH						4800

KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Penerima Dana IKS	144	93	90	74	99
2.	Pelajar (INPEN & UNISEL)					100
JUMLAH		144	93	90	74	199

KURSUS RANCANGAN PERNIAGAAN		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Pelajar (INPEN & UNISEL)					80
JUMLAH						80

KURSUS USAHAWAN SISWAZAH		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Pelajar (INPEN & UNISEL)					80
JUMLAH						80

KURSUS TERNAKAN AIR TAWAR		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Peserta PKPS					92
JUMLAH						92

KURSUS 'TRAIN THE TRAINERS'		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Pejabat Daerah Dan PBT					37
JUMLAH						37

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR (PPAS)

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan struktur, lembaga pengarah dan pengurusan kanan PPAS?
 - b) Berapakah peruntukan untuk PPAS dari 2008 hingga 2013?
 - c) Sejauh manakah keberkesanan program dan kemudahan di PPAS untuk rakyat Selangor memandangkan kemudahan internet yang tersedia dan lebih mudah diakses oleh rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dilantik melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29, 2011 (pindaan) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, 4 ahli atas nama jawatan dan sekurang-kurangnya 6 orang ahli lain atau lebih hendaklah dilantik oleh Raja dalam Majlis.

Berikut adalah Ahli Lembaga Pengarah PPAS bagi sesi Jun 2011 sehingga Mei 2014:

1. Pengerusi Y.B. Dr. Hajah Halimah bt. Ali
2. Timbalan Pengerusi YBhg. Puan Dr. Uzaimah bt. Ibrahim
3. Ahli Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Haji Munawi (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau wakil) Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor atau wakil) Tuan Haji Mahmud bin Karim (Pegawai Pelajaran Negeri Selangor atau wakil)

Encik Kamaruddin bin Mat Nata
(Wakil Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia)

Encik Kamal bin Sujak
(Wakil Persatuan Pustakawan Malaysia)

Y.D.H Dato' Hj. Emran bin Hj. Kadir

Y.B. Puan Lee Kee Hiong

YBhg. Tuan Manoharan a/l Malayalam

YBhg. Tuan Lee Kim Sin

Encik Mohd Jamali bin Salamon

Encik Rahimi bin Md. Saad

Puan Faridah bt. Talib

Pengurusan kanan perpustakaan adalah terdiri daripada Pengarah (S52), Timbalan Pengarah (S48), tiga (3) Pustakawan Kanan (S44), lima (5) Pustakawan (S41), satu (1) Pegawai Teknologi Maklumat (FT 41), satu (1) Pegawai Tadbir (N41) dan satu (1) Akauntan (W41) Kontrak.

Berikut adalah senarai nama pengurusan kanan perpustakaan:

1.	Pn. Mastura Haji Muhamad (S52) Pengarah
2.	Pn. Suzliana Haji Abd. Hamid (S48) Timbalan Pengarah
3.	Cik Norhafidah Ehawan (S44) Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Zon 2
4.	Pn. Nihayah Ebni Hajar (S44) Ketua Bahagian Perkhidmatan RATU
5.	En. Sarwani Bin Abd. Jalal (S44) Ketua Bahagian Pentadbiran & Pengurusan
6.	Pn. Sabariah Sayuti (S41) Ketua Bahagian Pendokumentasian

7.	En. Mohd Fadzi Mohd Fauzi (S41) Ketua Bahagian Korporat
8.	En. Norkhairul Nizam M. Sadon (S41) Ketua Bahagian Rujukan dan Penyelidikan
9.	En. Norazhan Sahlan (S41) Ketua Bahagian Perancangan &Pembangunan
10.	En. Zahir Yahaya (S41) Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Zon 1
11.	En. Zainudin Tasiman (N41) Pegawai Tadbir
12.	Pn. Haiziah Abu (FT41) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
13.	Pn. Martini Abd. Wahab (W41) Akauntan

- b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi keperluan perbelanjaan mengurus.

Berikut adalah perbandingan terimaan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dari 2008 sehingga 2013:

Tahun	Peruntukan Negeri	Peruntukan Persekutuan	Jumlah
2008	RM 7,000,000.00	RM 5,498,815.00	RM 12,498,815.00
2009	RM 8,000,000.00	RM 4,687,740.00	RM 12,687,740.00
2010	RM 9,465,436.68	RM 2,417,000.00	RM 11,882,436.68
2011	RM 9,701,536.00	RM 2,658,700.00	RM 12,360,236.00
2012	RM 9,499,075.00	RM 7,462,073.00	RM 16,961,148.00
2013	RM 9,200,000.00	RM 7,333,492.00	RM 16,533,492.00

Di antara program-program utama yang telah dilaksanakan dan mendapat sambutan dari rakyat Selangor adalah:

- c) Mempertingkatkan keberkesanan program, kemudahan, pembudayaan masyarakat membaca dan bermaklumat merupakan objektif utama **Pelan Strategik PPAS**.

Di antara strategi utama yang diatur adalah:

- i) Mempertingkatkan program-program galakan membaca dan pembudayaan ilmu.
- ii) Meneruskan kempen mempertingkatkan keahlian baru
- iii) Pendidikan pengguna melalui program galak guna perpustakaan
- iv) Penganjuran program dan pertandingan yang bermanfaat kepada golongan remaja dan kanak-kanak
- v) Mempromosikan perkhidmatan nilai tambah di perpustakaan-perpustakaan.
- vi) Pelaksanaan program oleh Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri dan Jawatankuasa Gerakan Membaca Daerah di seluruh Selangor.

Di antara program-program utama yang telah dilaksanakan dan mendapat sambutan dari rakyat Selangor adalah:

1. Hari Ilmu dan Gerakan Membaca Perdana Negeri Selangor

Pengisian	Tahun	Pencapaian
1. <i>'The Largest Outdoor Reading Event in Malaysia'</i>	2010	15,271 peserta
2. Berhenti Sebentar, Jom Baca (15 minutes reading break)	2011	2,125 penyertaan
3. Buku Gerakan Menulis Perdana : "Selangor Negeri Idaman Sejahtera dan Berkeadilan"	2012	500 penulis
4. Baca & Amalkan (15 minutes reading break)	2012	7,275 peserta seluruh daerah
5. Baca, Amal dan Sumbangkan	2013	741 buku sumbangan diterima
6. Gerakan Menulis Perdana Ke 2: "Bagaimana Mengehsankan Insan di Selangor"	2013	Sedang berlangsung

2. Pesta Buku Negeri Selangor

Pesta buku ini telah mencapai tahap dan diiktiraf sebagai Pesta Buku yang ke 2 terbesar di Malaysia selepas Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Pencapaian dan keberkesanan Pesta Buku ini bukan hanya kepada masyarakat Selangor tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia.

Keberkesanan yang di ukur melalui statistik berikut:

Perkara	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013
Tarikh	25 Jun – 5 Julai	24 Jun – 3 Julai	29 Jun- 9 Julai	24 Mei – 3 Jun
Tempat	Kompleks PKNS	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam
Pengunjung	423,315	353,530	348,235	312,290
Keahlian Baru	904	1,661	3,161	3,225

3. Program dan Aktiviti sehingga Oktober 2013

Perpustakaan secara berterusan melaksanakan pelbagai program yang member manfaat kepada semua golongan masyarakat dan telah mendapat sambutan menggalakkan. Di antaranya seperti berikut:

Bil	Program	Keberkesanan/ Pencapaian
1.	Program Bicara Karya Lima (5) siri program bicara buku-buku terbitan tempatan dengan tokoh pembicara seperti Sasterawan Negara, Doktor dan Profesor.	625 peserta
2.	Pertandingan berzanji dan marhaban	350 peserta
3.	Aktiviti Dalaman di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam -Melukis, mewarna, bercerita -Permainan interaktif minda -Buku skrap -Origami	148 aktiviti 6,660 peserta

4. Aktiviti dan Program Galakan Membaca di perkhidmatan perpustakaan di seluruh Selangor	1716 aktiviti 128,700 peserta
5. Program Hari Buku dan Kanak-kanak Sedunia dijalankan serentak di 9 daerah	2,250 peserta
7. Seminar Sejarah Lisan Negeri Selangor	175 peserta
8. Seminar Kompas Penetapan Kalender Hijrah.	215 peserta

4. Keberkesanan Kemudahan di Perpustakaan

Pelbagai kemudahan disediakan kepada masyarakat dengan matlamat utama adalah:

- i) Bercirikan konsep penjenamaan semula perpustakaan
- ii) Perpustakaan sebagai pusat penyelidikan dan pembelajaran sepanjang hayat
- iii) Menyediakan pelbagai kemudahan seisi keluarga
- iv) Menarik masyarakat terutamanya golongan remaja yang tidak minat membaca untuk 'lepak' di perpustakaan.

Berikut adalah statistik sambutan masyarakat terhadap kemudahan perpustakaan di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam:

Perkara	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013 (hingga 30/10/2013)
Pengunjung	146,924	176,505	619,452	592,279
Lawatan	21	130	563	322
Pinjaman Buku	71,454	35,776	90,999	81,032
Keahlian Baru	10,179	11,195	16,970	10,356
Pengguna Multimedia	18,501	14,144	31,866	28,066
XD Teater	-	8,563	20,078	12,393
3 D Teater	-	116	4,189	1,909
Gimnasium	-	-	1,074	888

PPAS juga telah mengambil inisiatif bagi menaikkan jumlah pinjaman buku dari 3 naskah kepada 5 naskah dan audio visual dari 2 unit kepada 5 unit.

5. Perkhidmatan Multimedia dan Internet

Seiring dengan perkembangan IT dan multimedia, perpustakaan juga menyediakan prasarana yang sama dan mensasarkan lebih ramai masyarakat mengunjungi perpustakaan dan menjadikan siber kafe sebagai persaingan.

Berikut adalah kemudahan IT dan multimedia di perpustakaan seluruh Selangor:

Bil	Perkhidmatan	Lokasi	Jumlah Komputer	Catatan
1.	Komputer, internet dan multimedia	Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam	92 unit	Wifi Percuma (unifi berkelajuan 20 mbps)
2.	Perkhidmatan multimedia	Di 10 perkhidmatan perpustakaan. (Pandan Jaya, Kajang, Sg. Udang, Ampang Water Front, Sri Perantau, Bukit Bangkong, Sijangkang, Kuala Selangor, Sri Manja dan Hulu Langat.	42 unit	Wifi percuma (streamyx, unifi, P1 wimax berkelajuan 1.5 - 5 mbps)
3.	Pusat Siber Rakyat	Di 18 perkhidmatan perpustakaan (Klang, Banting, Kg. Melayu Ampang, Semenyih, Bestari Jaya, Sabak Bernam, Gombak, Hulu Selangor, Dataran Sabak, Hulu Bernam, Rawang, Sg. Pelek, Pelabuhan Klang, Hulu	198 unit (11 unit setiap Perpustakaan)	Wifi percuma (streamyx, unifi, P1 wimax berkelajuan 1.5 - 5 mbps)

		Langat, Kuala Selangor, Sg. Udang, Sekinchan dan Kalumpang)		
4.	Note Book (sumbangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)	Akan ditempatkan keseluruh Perpustakaan Pekan dan Desa di Selangor	924 unit	Wifi percuma, (streamyx, unifi, P1 wimax berkelajuan 1.5 - 5 mbps)

CABARAN

Peranan perpustakaan adalah amat penting dalam melaksanakan program/aktiviti galakan membaca secara berterusan.

Sejajar dengan itu, perpustakaan akan meneruskan jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan serta berganding bahu melaksanakan program/aktiviti galakan membaca dengan lebih kreatif. Program promosi dan publisiti akan ditambah, kerana peranan media massa khususnya media elektronik dan media cetak penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PENGANJURAN PERTANDINGAN SUKAN DI PERINGKAT DAERAH

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam akan merancang penganjuran pertandingan sukan di peringkat daerah sebagai *feeder* kepada pertandingan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk memenuhi matlamat yang telah dirancangkan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam melalui Majlis Sukan Negeri Selangor menganjurkan Kejohanan di peringkat daerah yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Negeri dan daerah dengan kerjasama pihak Majlis Sukan Daerah. Kejohanan di peringkat daerah ini adalah *feeder* kepada pertandingan ke peringkat kebangsaan iaitu apabila atlit-atlit ini mewakili negeri Selangor. Apabila atlit-atlit ini berjaya di pertandingan peringkat kebangsaan, mereka akan mewakili Negara ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada itu juga, pihak majlis sentiasa merancang dan bekerjasama dengan MSD untuk membangunkan sukan di peringkat daerah melalui peruntukan daerah, MSD diwajibkan untuk melaksanakan 3 program pembangunan sukan termasuk satu sukan bukan wajib iaitu sukan olahraga. Persatuan negeri juga giat menganjurkan kejohanan peringkat negeri bagi memberi peluang kepada semua daerah bersama merancang program pembangunan sukan di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (BANTUAN TUNAS)

69. Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan skim-skim iaitu TUNAS dan SIKEMBAR. Malangnya, setakat ini, pembayaran bagi skim TUNAS telah pun dibayar kepada pengusaha tadika yang berdaftar dengan kerajaan negeri dari bulan Januari hingga bulan Jun sahaja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah bayaran tersebut dikumpulkan sekali gus sehingga menyebabkan kesulitan kepada pengusaha tadika?
- b) Bilakah Kerajaan negeri dijangka akan membuat bayaran sepenuhnya untuk bulan Julai hingga Disember kerana sesi persekolahan 2013 hampir tamat?

JAWAPAN:

- a) Pihak kerajaan negeri ingin memastikan jumlah sebenar serta status tadika dan pelajar yang terlibat dalam program ini seperti kewujudan tadika dan tadika yang beroperasi. Dengan itu, bayaran dapat dipastikan diterima oleh golongan sasaran sehingga ke akar umbi iaitu pelajar yang layak.
- b) Kerajaan negeri telah membuat bayaran sepenuhnya kepada semua tadika yang terlibat, iaitu pada 1 November 2013 (bagi bulan September – November) pengeluaran cek dan pengagihan cek telah bermula pada 10 November 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENDAPATAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR HOLDINGS SDN BHD (MSNS)

70. Bidang sukan di Malaysia menuju arah industri komersil yang boleh menjana sumber pendapatan lumayan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan perolehan pendapatan serta keuntungan MSNS sepanjang 2008 hingga 2013?
- b) Apakah projek-projek MSNS yang menyumbang kepada keuntungan syarikat?
- c) Apakah strategi untuk meningkatkan pendapatan MSNS?

JAWAPAN:

a) Jawapan adalah sebagaimana di **Lampiran 1**.

b) Projek-projek MSNS yang menyumbang kepada keuntungan syarikat adalah:

Seperti yang dimaklumkan, fokus utama MSNSH adalah mengurus dan mengkomersialkan aset-aset dan kemudahan sukan dimiliki oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - MBI dan Kerajaan Negeri. Justeru itu, sumber perolehan yang membawa kepada keuntungan syarikat adalah dari hasil sewaan Hotel Carlton Holiday, Seksyen 13, penambahbaikan kemudahan sukan sedia ada di Kompleks Sukan SUKSES, Seksyen 6 seperti futsal dan badminton, serta penyewaan komersial bagi lot rumah-rumah kedai di Seksyen 13.

Selain daripada itu, MSNSH juga menjalinkan kerjasama korporat bersama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB) bagi menganjurkan Liga Perangsang 2013.

c) Strategi untuk meningkatkan pendapatan MSNS adalah:

MSNSH optimis untuk menjanakan sumber pendapatannya melalui:

- i) Menaik taraf fasiliti dan kemudahan sedia ada, seperti Dewan Badminton di Kompleks Sukan SUKSES, Seksyen 6 yang mempunyai 2 gelanggang badminton dinaiktaraf kepada 4 gelanggang bagi menjana pendapatan

yang lebih kepada syarikat serta permintaan yang tinggi daripada pengunjung.

- ii) Membaik pulih dan menaik taraf gelanggang futsal di KBKNS bagi membantu menambah pendapatan kepada KBKNS dan mengurangkan kebergantungan KBKNS dengan kerajaan negeri.
- iii) Mempelbagaikan pakej sewaan bagi Dewan Raja Muda Musa, pakej sewaan sedia ada adalah tertumpu kepada penggunaan Dewan Raja Muda Musa sahaja. Untuk tahun 2014, MSNSH bercadang untuk menaik taraf kawasan lapang (yang dulu disewakan kepada Trans Rengit untuk tempat letak bas) bakal dinaiktaraf menjadi "Garden" untuk pakej "*Perkahwinan Di Dalam Taman*".
- iv) Cadangan MSNSH untuk mengambil alih Pusat Akuatik Darul Ehsan (PADE) untuk diletakkan di bawah pengurusan MSNSH semula.

MSNS HOLDINGS SDN BHDPENDAPATAN DAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 2008-2013

TAHUN	PENDAPATAN	LAIN-LAIN PENDAPATAN	KEUNTUNGAN KASAR	KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI
2008	1,987,915	181,887	200,527	6,991
2009	2,902,518	437,249	965,948	584,091
2010	2,740,402	10,641	1,059,843	10,589
2011	1,552,110	258,456	1,095,448	18,613
2012	2,262,182	55,470	1,355,135	48,828
Forecast sehingga Dec 2013	3,694,168	0	1,179,851	268,630

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PENDAPATAN DIPEROLEH MBI

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sumber-sumber hasil untuk pendapatan MBI?
- b) Nyatakan jumlah pendapatan dan jumlah kewangan terkumpul tahunan MBI dari 2008 - 2013?
- c) Apakah kaedah perbelanjaan pendapatan berhemat MBI?

JAWAPAN:

- a) Hasil utama MBI terdiri daripada kutipan sewa aset-aset milik SSI (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)/MBI, dividen daripada anak syarikat, perkongsian keuntungan dengan anak syarikat sebagai pengurus projek, dan faedah dari simpanan deposit di bank.
- b) Berikut adalah maklumat kewangan MBI bagi pendapatan dan rizab terkumpul dari tahun 2008 hingga 2013

Tahun	Pendapatan	Rizab Terkumpul
2008	117,733.76	393,233.76
2009	930,896.48	394,528,608.69
2010	15,527,702.61	396,346,410.24
2011	11,860,253.04	368,197,592.89
2012	50,136,518.64	266,557,083.51
September 2013	17,201,042.14	236,913,672.08

- c) Bagi memastikan pendapatan MBI dilakukan secara berhemat, MBI sentiasa memastikan sebarang pendapatan yang diterima mesti mengikut peraturan dan prosedur. Dalam perkara melibatkan perbelanjaan pula, MBI sentiasa memantau agar belanja yang dikeluarkan mengikut harga terendah melalui perbandingan sebut harga tanpa mengetepikan kualiti yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEWANGAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan prestasi kewangan KDEB dari 2008-2013?
- b) Nyatakan jumlah pembiayai program air percuma negeri dikeluarkan KDEB sebelum ini?
- c) Adakah KDEB telah memperoleh semula pembiayaan air percuma?

JAWAPAN:

- a) Prestasi kewangan KDEB dari 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

RM' juta	6-bulan belum diaudit	Diaudit				
		2013	2012	2011	2010	2009
Pendapatan	7.87	35.35	19.98	13.71	14.50	13.78
Keuntungan selepas cukai	(7.42)	(18.17)	(17.82)	6.17	(127.78)	33.10

- b) Jumlah pembayaran program air percuma yang telah dikeluarkan oleh KDEB dari Jun 2008 hingga Februari 2010 adalah sebanyak RM222,822,391. Selepas Februari 2010, pembayaran program air percuma telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Daripada jumlah keseluruhan RM222,822,391 yang telah dikeluarkan oleh KDEB untuk program air percuma, sebanyak RM200.00 juta telah dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri Selangor dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun. Baki pembayaran program air tersebut telah dibiayai melalui dana KDEB sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH
(BANGI)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah keberkesanan program Hari Tanpa Plastik kepada sikap dan cara hidup rakyat negeri Selangor selepas program tersebut berjalan dalam tempoh 5 tahun ini?
- b) Apakah kerajaan negeri sudah mempunyai model kejayaan pelaksanaan program *Local Agenda 21* (LA21), jika ada, dan jika tiada, apakah kerajaan negeri ada cadangan mewujudkan suatu program perintis untuk dijadikan contoh bagaimana program LA21 boleh dijayakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mengkaji keberkesanan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik di Negeri Selangor dan mengambil langkah-langkah bagi menambah baik perjalanan kempen sedia ada bagi memastikan objektif kempen dapat dicapai.
- b) *Local Agenda 21* (LA21) berasal dari persidangan Earth Summit di persidangan Rio de Janeiro yang telah diadakan pada Jun 1992. LA21 ialah suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan PBT bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan. Terdapat beberapa program yang telah dijalankan di bawah pelaksanaan Program LA21 di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama Jabatan Kerajaan di Peringkat Negeri Selangor. Antara program yang telah dilaksanakan dan boleh dijadikan perintis adalah seperti berikut:
 - Program Pengindahan Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu
 - Program Pengindahan Bandar Warisan Kuala Kubu Bharu ini merupakan salah satu inisiatif dan komitmen Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) bagi menjayakan pelaksanaan Agenda 21 Selangor di Peringkat PBT ke arah mewujudkan persekitaran yang mampan. Pelaksanaan program ini diadakan bersama Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) bertujuan untuk memelihara dan memulihara Bandar Kuala Kubu Bharu sebagai Bandar Warisan. Program ini melibatkan penyertaan daripada kesemua lapisan pegawai JPBD Negeri Selangor, MDHS,

wakil Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), wakil PBT, wakil Jabatan Teknikal, pelajar sekolah dan penduduk setempat.

- Program Pemuliharaan Alam Semula jadi Anjuran JPBD Selangor Bersama Majlis Daerah Sabak Bernam
 - JPBD Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah menjayakan Program Pemuliharaan Alam Semula jadi yang bertempat di Kawasan Konservasi Kelip-Kelip, Sungai Pakeh, Sungai Panjang, Sabak Bernam pada 6 Julai 2013. Program tersebut adalah selaras dengan pelaksanaan Agenda 21 Tempatan (LA21) di peringkat PBT. Matlamat utama program adalah untuk mempertingkatkan kesedaran kepada orang ramai kepentingan memelihara alam sekitar terutamanya habitat kelip-kelip yang bukan sahaja merupakan aset kepada pelancongan Negeri Selangor tetapi menjadi tarikan khususnya Daerah Sabak Bernam. Program ini melibatkan penyertaan daripada kesemua lapisan pegawai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Majlis Daerah Sabak Bernam, Jabatan Teknikal, NGO dan penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENGURUSAN KUTIPAN SAMPAH

74. Pengurusan sampah pepejal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ada kajian semula syarat lantikan kontraktor berdasarkan kelayakannya dengan keluasan Zon dan kepadatan penduduk?
- b) Apakah kempen memberi kesedaran penduduk dalam pengurusan sampah Berjaya?
- c) Adakah kajian dan siasatan penggunaan kompaktor secara maksima punca kepada masalah kerosakan infra?

JAWAPAN:

- a) Sejak Kerajaan Negeri mengambil alih sepenuhnya pengurusan sisa pepejal daripada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri melalui PBT telah bersedia untuk menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Sehubungan itu, setiap lantikan kontraktor telah disyaratkan di dalam tender adalah amat jelas sebelum lantikan dibuat melalui jawatankuasa tender dan dianggotai oleh Ahli Majlis yang terpilih sebagai pemerhati bagi memastikan perjalanan mesyuarat pemilihan berjalan dengan baik dan telus. Kontraktor yang dilantik oleh PBT adalah kontraktor yang berkelayakan dan mengikut syarat-syarat kelayakan di dalam tender. Antara kriteria pemilihan kontraktor adalah:-
 - i) Syarikat mesti memiliki kekuatan logistik yang sesuai.
 - ii) Mempunyai modal cair yang kukuh bagi mengelakkan sebarang masalah pengurusan.
 - iii) Mempunyai penyeliaan sepanjang tempoh kontrak dengan PBT.
 - iv) Mempunyai bukti bilangan pekerja yang mencukupi bagi setiap kawasan yang akan ditender.

Sekiranya ada pertambahan kerja (Verification Order) baru di kawasan lantikan kontraktor, Mesyuarat Lembaga Tender akan memutuskan kelulusan tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat tender dan tatacara kewangan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT telah merancang pelbagai kempen kesedaran kepada masyarakat. Pelaksanaan rancangan ini terbukti berjaya kerana di peringkat PBT aduan berkenaan sampah sarap tidak dikutip adalah semakin berkurangan kerana adanya kempen-kempen kesedaran ini. Antara kempen-kempen yang telah dijalankan ialah:-
- i) “Kempen Kitar Semula” bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam semula sekitar;
 - ii) Program ‘3R’ (*reuse, reduce, recycle*) diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal;
 - iii) Program “Hari Tanpa Beg Plastik” yang dilaksanakan pada setiap hari Jumaat bagi bangunan-bangunan kerajaan dan pada setiap hari Sabtu dilaksanakan di seluruh pasar raya – pasar raya di Negeri Selangor; dan
 - iv) Program “Zon Bersih” juga diperkenalkan kawasan-kawasan PBT.
- c) Kerajaan Negeri Selangor memandang serius terhadap masalah kerosakan infrastruktur di dalam Negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui PBT telah menyediakan saluran ‘*hot-line*’ aduan di setiap PBT masing-masing. Namun setakat ini, tiada sebarang aduan berhubung penggunaan lori kompaktor secara maksima punca kepada masalah kerosakan infra. Sehubungan itu, tiada kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DI KAWASAN CERUN

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan-kawasan cerun Kelas III dan IV yang ditolak permohonan pelan merancang dari 2008 - 2012.
- b) Senaraikan pula yang diluluskan permohonan pelan merancang dari 2008 - 2012.
- c) Bagi b), berapakah permohonan yang diluluskan setiap tahun dari 2008 - 2012.

JAWAPAN:

- a) MMKN Selangor Bil. 11/2010 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor (2010) bagi pembangunan di kawasan berkecerunan kelas III dan IV di seluruh Negeri Selangor. Kelas-kelas kecerunan mengikut takrifan garis panduan adalah seperti berikut:
 - i) Kelas I : Darjah kecerunan $< 15^{\circ}$
 - ii) Kelas II : Darjah kecerunan $\geq 15^{\circ}$ hingga $< 25^{\circ}$
 - iii) Kelas III : Darjah kecerunan $\geq 25^{\circ}$ hingga $< 35^{\circ}$
 - iv) Kelas IV : Darjah kecerunan $\geq 35^{\circ}$
 - v) Cerun potongan : Kawasan cerun yang telah dikacau ganggu sama ada terdiri dari *engineered slope* atau *disturbed slope*.

Secara amnya, garis panduan ini merumuskan bahawa bagi kawasan berkecerunan kelas I dan II, semua jenis pembangunan adalah dibenarkan. Manakala bagi kawasan berkecerunan kelas III, hanya pembangunan berdensiti rendah iaitu kediaman tidak melebihi 3 tingkat bagi rumah teres, rumah berkembar, rumah sesebuah serta perniagaan *free standing* dengan nisbah plot maksimum 1:2. Bagi kawasan berkecerunan kelas IV, tiada sebarang pembangunan kecuali pembinaan infrastruktur berkepentingan nasional dan berintensiti rendah sahaja yang dibenarkan.

Selaras dengan itu juga, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTPKSAS) Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah ditubuhkan bagi meneliti dan memperakukan permohonan yang terlibat dengan kawasan berkecerunan kelas III dan IV sebelum permohonan

pembangunan tersebut dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan kebenaran merancang.

Sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua projek-projek yang dikemukakan untuk pertimbangan JTPKSAS Negeri Selangor bukanlah mengandungi kelas III dan IV kesemuanya. Malah dalam banyak keadaan, permohonan yang dikemukakan adalah terdiri dari kelas bercampur iaitu kelas I, II, III dan IV. Malah kawasan kelas III dan IV merangkumi sebahagian peratusan sahaja berbanding keluasan keseluruhan tapak pemajuan.

Maklumat-maklumat untuk makluman Dewan yang mulia ini adalah merujuk kepada permohonan cadangan pembangunan yang telah dirujuk untuk pertimbangan JTPKSAS Negeri Selangor bermula pada **Jun, 2010 sehingga tahun 2012 dan bukannya maklumat yang telah dipertimbangkan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.** Dalam mempertimbangkan cadangan pemajuan yang melibatkan tanah tinggi, laporan-laporan berkaitan telah disediakan oleh perunding yang dilantik oleh pemaju seperti laporan kajian geoteknikal, pemetaan geologi terain, laporan kerja tanah, laporan pelan kawalan mendapan dan hakisan (ESCP), laporan reka bentuk sistem saliran berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) 2012 serta lain-lain laporan berkaitan (mengikut keperluan). Laporan-laporan tersebut telah diedarkan kepada jabatan teknikal berkaitan untuk ulasan. JTPKSAS hanya akan membincangkan permohonan tersebut setelah ulasan-ulasan diterima daripada jabatan teknikal berkaitan.

Cadangan pemajuan di kawasan berkecerunan Kelas III dan IV yang tidak diperakukan oleh JTPKSAS Negeri Selangor, 2010 – 2012

Sepanjang tahun 2010 – 2012, JTPKSAS Negeri Selangor **tidak memperakukan dua permohonan** atas faktor-faktor ketidak sesuaian pembangunan tersebut yang tidak menepati Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor (2010) iaitu seperti berikut :

- i) **Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pindaan Pelan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 96, 149, 452, 453 Dan 454, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Angel Wing (M) Sdn. Bhd.**
- ii) **Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Kondominium Yang Mengandungi:**
 - a) **Blok A Setinggi 26 Tingkat (Berjumlah 182 Unit) Serta Kemudahan Dewan Serba guna, Gimnasium, Bilik Baca, Dobi,**

Pasar Mini, Tempat Rehat/Cafe, Tadika) Dan 5 Tingkat Bawah Aras Jalan Untuk Tempat Letak Kereta.

- b) **Blok B Setinggi 19 Tingkat (Berjumlah 126 Unit) Serta Kemudahan (Dewan Serba guna, Gimnasium, Bilik Baca, Dobi, Pasar Mini, Tempat Rehat/Cafe, Tadika) Dan 5 Tingkat Bawah Aras Jalan Untuk Tempat Letak Kereta.**

Di Atas Lot Pt1073 Dan PT 1074, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Temasek Premium Sdn. Bhd.

- b) **Permohonan-permohonan yang telah diperakukan oleh JTPKSAS Negeri Selangor, 2010 – 2012**

Berikut adalah senarai permohonan yang telah diperakukan oleh JTPKSAS Negeri Selangor bagi tahun 2010 – 2012:

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2010	1. Permohonan Serahbalik Dan Bermilik Semula Di Bawah Seksyen 204d KTN, Di Atas Lot 234, 395 Dan 397, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Seksyen U17, 40160 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan PPC-Glomac Sdn. Bhd.	MBSA
2010	2. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susunatur Bagi Pembangunan Perumahan Di Atas Tanah Seluas 16.80 Ekar, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Seksyen U10, Shah Alam Untuk Tetuan Dacing Kota Sdn. Bhd.	MBSA
2010	3. Kertas Permohonan Kelulusan Secara Serentak Bagi Pelan Kebenaran Merancang Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan, Landskap, Pelan Bangunan Perumahan Di Atas Lot 163, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Turf-Tech Sdn. Bhd.	MBSA
2010	4. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	MPS

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2010	5. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pindaan Pelan Susun atur (Bil.: PKNS/SPANLAND(PR)/G/0411PL1-A) Bertarikh 31hb Januari 2008) Di Atas Lot PT 24263 HS(D) 49212 Lot PT 27264 HS(D) 49213, Lot PT 27265 HS(D) 52089 Dan Tanah Kerajaan Milik PKNS, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Untuk Tetuan PKNS Dan Spanland Sdn. Bhd.	MPS
2010	6. Permohonan Kebenaran Bagi Cadangan Pelan Susun atur Industri Berkembar 56 Unit Di Atas Lot 19003, Seksyen 19, Bandar Rawang, Daerah Gombak Untuk Tetuan SMS Development Sdn. Bhd.	MPS
2010	7. Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Terhadap Sebahagian Pelan Susun atur Yang Telah Diluluskan (Bil. Surat: (12) Dlm. MPKj Pb/Km 1/68-2002) Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Dan Perniagaan Di Atas PT 69787 (Sebahagian Lot Asal Lot 41146), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Trans Loyal Development Sdn. Bhd.	MPKJ
2010	8. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Tukar Syarat Daripada Tiada Kepada Bangunan Perumahan Di Bawah Seksyen 124a, Kanun Tanah Negara, Di Atas Lot 2717, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Wangmatics Sdn. Bhd.	MPKJ
2010	9. Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Serah balik Dan Beri milikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204d Kanun Tanah Negara Bagi Pembangunan Perumahan Di Atas Lot PT 1495/1, PT 1495/2 Dan PT 1495/4, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	MPKJ
2010	10. Permohonan Kebenaran Bagi Cadangan Pembangunan Pusat Latihan Saudara Baru (Baitul Hikmah) Di Atas Sebahagian Hak milik HSD 40183 PT 8789, Mukim Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor, Selangor	MDHS

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
	Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).	
2011	11. Permohonan Pembangunan Bercampur Secara Beri milikan Tanah Kerajaan Seluas 29.11 Ekar, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Apex Capacity Sdn. Bhd.	MBSA
2011	12. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun atur Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Dan Perdagangan, Di Atas Tanah Pemberilikan Seluas 200 Ekar, Seksyen U10, Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Basco Sdn. Bhd.	MBSA
2011	13. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Projek Perumahan Dimajukan Secara Usaha sama Di Antara Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan) Dengan Syarikat Tetuan Agro Fresh (M) Sdn. Bhd., Di Atas Lot 23739, 23740 Dan Lot 23741, Seluas 35.01 Ekar, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).	MBPJ
2011	14. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pecah Sempadan Mengikut Seksyen 135 (Kanun Tanah Negara 1965) Dan Pembangunan 795 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Serta 1 Tingkat Tempat Letak Kereta (Pemilikan Berstrata 1985) Di Atas Lot 44012 (HS(D) 222396), Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Mammoth Empire Land Sdn. Bhd.	MBPJ
2011	15. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 197 Dan 79 Kanun Tanah Negara (Ktn) Untuk Pembangunan 8 Unit Rumah Sesebuah (2 Tingkat Dan 1 Tingkat Separa Bawah Tanah) Di Atas Lot PT 360, PT 361, PT 362, PT 584, PT 585, PT 586, PT 587 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan, Jalan 5/64, Seksyen 19, Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor Darul	MBPJ

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
	Ehsan Untuk Tetuan MDS Ventures Sdn. Bhd.	
2011	16. Permohonan Kebenaran Merancang Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan Oleh Majlis Perbandaran Selayang Dengan Rujukan Surat Bil.(22) Dlm MPS 3/3-120/856 Bertarikh 1 Ogos 2007 Bagi Cadangan Pembangunan 60 Unit Lot Sesebuah Skim "Gated Community" Di Bawah Seksyen 6(1A) Akta 318 (Hak Milik Strata 1985) Di Atas Lot 5070 (Fasa 5a) Templer Park Resort, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Bras Sanctury Property Sdn. Bhd.	MPS
2011	17. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun atur Bagi Cadangan Membina Sebuah Bangunan 'Cold Room' 5 Tingkat Di Atas Lot PT 31117 (1713), Mukim Batu, Daerah Gombak, Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan SK Land & Property Sdn.Bhd.	MPS
2011	18. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pindaan Terhadap Pelan Yang Telah Diluluskan (Pelan Bil. MPKJ/PB/KM/113-2004) Di Atas Lot 12681, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Tanming Indah Sdn. Bhd.	MPKJ
2011	19. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204A Untuk Cadangan Bangunan Perniagaan Di Atas Lot PT 24376, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sunrise Alliance Sdn. Bhd.	MPKJ
2011	20. Permohonan Pecah Sempadan Dan Tukar Syarat Tanah Di Bawah Seksyen 124 A, Kanun Tanah Negara 1965 Dan Pembangunan 90 Unit Rumah Teres Strata Di Bawah Seksyen 6(1a), Akta 318 (Akta Hak milik Strata 1985) Di Atas Lot 5717 Dan Lot 1953, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Dijaya Property Sdn. Bhd.	MPKJ

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2011	21. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204A, Kanun Tanah Negara (KTN), Daripada Pertanian Kepada Bangunan, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Euthenia Land Sdn. Bhd.	MPKJ
2011	22. Cadangan Pembangunan Perumahan 88 Unit Banglo Di Atas HS(D) 18814 Pt 11527 (Lot Asal 11641) Taman Tun Abdul Razak, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Untuk Tetuan Taman Tar Development Sdn. Bhd.	MPAJ
2011	23. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Termasuk 1 Separa Bawah Tanah) Di Atas Lot 6842 (4784), Jalan Tebrau 1, Taman Ukay Heights, Bandar Hulu Klang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Triple Esteem Sdn. Bhd.	MPAJ
2011	24. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Serentak Dengan Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada Tiada Kepada Kediaman Bagi Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Banglo 3 Tingkat Berserta Kolam Renang Di Atas Lot 1614, Taman Ukay Heights, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Graham Murray Davidson.	MPAJ
2011	25. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Serentak Dengan Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada Tiada Kepada Kediaman Bagi Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Banglo 3 Tingkat Berserta Kolam Renang Di Atas Lot 1615, Taman Ukay Heights, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Paul Leslie Smith.	MPAJ

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2011	26. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Serentak Dengan Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada Tiada Kepada Kediaman Bagi Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Banglo 3 Tingkat Berserta Kolam Renang Di Atas Lot 1616, Taman Ukay Heights, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Illona Russell Nee Ilona Finnigan.	MPAJ
2011	27. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204, KTN Untuk Pembangunan Perumahan Skim Komuniti Berpagar Di Bawah Seksyen 6 (1a) Akta 318 (Akta Hak milik Strata 1985) Di Atas Lot 584, 585 Dan 599 Seluas 14.72 Ekar Mukim Ulu Klang Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Aman Kemensah Sdn Bhd (Dahulunya Dikenali Sebagai Tenterajaya Sdn Bhd).	MPAJ
2011	28. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Satu Unit Rumah Banglo 2 Tingkat Dan 1 Aras Bawah (Basement), Di Atas Lot 16700 Dan Lot 16701, Taman Melawati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Puan Lum Mun Yee.	MPAJ
2011	29. Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172, Bagi Cadangan Pindaan Pelan Susun atur Untuk Tujuan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Tanah Di Bawah Seksyen 124a, Kanun Tanah Negara (KTN) Daripada Pertanian Kepada Bangunan, Di Atas Lot 15687 Seluas 90.56 Ekar, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sierra Ukay Sdn. Bhd.	MPAJ

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2011	30. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah, Di Bawah Seksyen 204d, Kanun Tanah Negara, Untuk Pembangunan Sekolah Agama Kiblah, Di Atas Lot 30774 (No. Hak milik Pn) 43378), Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk : Tetuan Prisma Cabaran Sdn. Bhd.	MPSPG
2011	31. Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Cadangan Membina Kompleks Pusat Latihan Juvana Di Atas Lot 2238, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan : Jabatan Penjara Malaysia	MPSPG
2011	32. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan : Perumahan Berkembar 2 Tingkat (52 Unit), Perumahan Berkembar 3 Tingkat (164 Unit), Perumahan Sesebuah 3 Tingkat (5 Unit), Perumahan Sesebuah 3 Tingkat (5 Unit), 1 Unit Surau Dan 1 Unit Rumah Pengawal Di Bawah Skim 'Guarded & Gated Community' Mengikut Seksyen 6(1a) Akta 318 (Akta Hak milik Strata 1985) Di Atas PT 26774 Seluas 34.86 Ekar, Jalan B15 (Baru) Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Cyberview Sdn. Bhd.	MPSPG
2012	33. Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172, Bagi Tujuan Serah Balik Dan Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 204d (KTN), Di Atas Lot 3451, Lot 3420, Lot 1442, Lot 1383, Lot 1444, Sebahagian Lot 1245 Dan Lot 1381, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Kundang Properties Sdn. Bhd	MPS
2012	34. Cadangan Permohonan Pelan Susun atur Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan, Rumah Kelab Dan Komersil Di Atas Sebahagian Lot 18506 Dan Lot 1048, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan	MPS

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	
2012	35. Permohonan Kertas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204A, Kanun Tanah Negara (KTN), Daripada Pertanian Kepada Bangunan (Kediaman) Di Atas Lot 1449, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Untuk Tetuan Dream Land Development Sdn. Bhd	MPKJ
2012	36. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Serah balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204 A, Kanun Tanah Negara (KTN), Daripada Pertanian Kepada Bangunan (Kediaman) Di Atas Lot 1450 & 1564, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Juta Development Sdn. Bhd.	MPKJ
2012	37. Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Tujuan Menukar Syarat Kegunaan Tanah Dan Pecah Sempadan Secara Serentak Di Bawah Seksyen 124a Kanun Tanah Negara (Ktn) Daripada Perindustrian Kepada Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Dan Perniagaan Di Atas Lot 7989, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Pemilik Kajang Granite Quarry Sdn. Bhd. Pemaju Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	MPKJ
2012	38. Permohonan Kebenaran Bagi Pelan Susun atur Perumahan Strata Secara Komuniti Berpengawal Dan Berpagar Di Bawah Seksyen 6 1a Akta 318 (Akta Hak milik Strata 1985) Di Atas Lot 1108 (Lot Lama Pt 243740) Pekan Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Untuk Tetuan Lucky Bright Star Sdn. Bhd.	MPKJ

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
2012	39. Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Tujuan Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Secara Serentak Di Bawah Seksyen 124a Kanun Tanah Negara Bagi Cadangan Pembangunan 136 Unit Garden Villa Yang Mempunyai 30 Unit Jenis A (4 Tingkat), 82 Unit Jenis B (4 Tingkat) Dan 24 Unit Jenis C (5 Tingkat) Di Atas Lot 1527 (Gm 1112), Mukim Cheras Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Rasa Selesa Sdn. Bhd.	MPKJ
2012	40. Permohonan Kebenaran Merancang Secara Serah Balik Dan Kurnia Semula Di Bawah Seksyen 204a, Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 18370 (PT 21628) Seluas 448.61 Ekar, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Untuk Tetuan UEM Land Development	MPKJ
2012	41. Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Skim "Gated Community" Di Bawah Seksyen 6(1A) (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 1224, 1234 Dan 1235, Kemensah, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Superior Dignity Sdn. Bhd.	MPAJ
2012	42. Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Pelan Susun atur Yang Telah Diluluskan Bernombor Rujukan Bil. 11/5/350 Bertarikh 16hb. Februari, 2007 Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Di Bawah Seksyen 6(1), Akta 318 (Gated Community) Di Atas Lot 15283, Seksyen 2, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Ketapang Reality Sdn. Bhd.	MPAJ
2012	43. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun atur Bagi Cadangan Pecah Sempadan Dan Menukar Syarat Tanah Di Bawah Kaedah-kaedah Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204B Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 Di Atas Sebahagian Lot 25 Dan Sebahagian Lot 26, Mukim Sungai Tinggi Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul	MDHS

TAHUN	PERMOHONAN	PBT
	Ehsan Untuk Tetuan Berjaya City Sdn. Bhd.	
2012	44. Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21(1) Akta 172 Untuk Tujuan Pembangunan Sebuah Resort Golf 18 Lubang Di Atas Lot 2746, 2747, 2748, 2749, 2750 Dan 2849, Bagi Fasa 1 Dan Pelan Konsep Bagi Fasa 2, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Mines Golf City Sdn. Bhd.	MDHS

c) **Permohonan yang diperakukan oleh JTPKSAS Negeri Selangor setiap tahun dari 2010 – 2012**

Secara ringkasnya, jumlah permohonan yang telah diperakukan oleh JTPKSAS Negeri Selangor bagi tahun 2010 – 2012 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Permohonan
2010	10
2011	22
2012	12
Jumlah Permohonan Keseluruhan	44

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk memperketatkan peraturan-peraturan pembangunan di kawasan tanah tinggi, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Bil. 15/2013 bertarikh 5hb Jun 2013 telah bersetuju supaya permohonan pembangunan di kawasan kelas III dibentangkan di dalam Mesyuarat EXCO-MTES untuk tujuan perakuan sebelum permohonan tersebut dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan kebenaran merancang. Sehubungan itu, setiap permohonan yang telah dipertimbangkan dan diperakukan oleh JTPKSAS akan dirujuk ke Mesyuarat EXCO-MTES.

Di samping itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sedang memuktamadkan pindaan ke atas garis panduan sedia ada untuk memantapkan lagi syarat-syarat teknikal bagi memastikan pembangunan di kawasan berkecerunan Kelas III adalah teratur dan mematuhi aspek-aspek reka bentuk kejuruteraan yang ketat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : MASALAH BEKALAN AIR

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Perincian bilangan dan jenis aduan berkenaan bekalan air di kawasan DUN Bukit Gasing untuk 2008-2013
 - b) Apakah kerja naik taraf paip yang dirancang di DUN Bukit Gasing untuk mengatasi masalah paip pecah dan kualiti air

JAWAPAN:

- a) Bilangan dan jenis aduan berkenaan bekalan air di kawasan DUN Bukit Gasing untuk 2008 – 2013 (setakat Oktober 2013) mengikut rekod SYABAS adalah seperti berikut:-

JENIS ADUAN	BILANGAN ADUAN
Tiada Air	12,362
Paip Pecah	354
Paip Bocor	4,751
Tekanan Rendah	2,187
Kualiti Air	224
Jumlah	19,878

- b) Kawasan DUN Bukit Gasing mendapat bekalan air dari Tangki Effingham yang pada ketika ini dibekalkan melalui Loji Rawatan Air Sungai Selangor fasa 1 (SSP 1) dan Loji Rawatan Sir Sungai Selangor Fasa 2 (SSP 2). Melalui kajian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor, "***Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya Water Supply System Augmentation Study***" mendapati bahawa terdapat kekangan di dalam sistem agihan yang membekalkan air terawat SSP 1 dan SSP 2 ke kawasan Bukit Gasing. Kawasan Bukit Gasing kebanyakannya berada di kawasan tinggi dan merupakan kawasan hujung dalam sistem agihan air, di mana faktor ini telah menyebabkan bekalan air secara graviti menjadi mengurang atau perlahan untuk sampai ke kawasan Bukit Gasing yang mana akhirnya akan menyebabkan gangguan bekalan air terutamanya semasa waktu puncak.

Justeru itu, hasil dari kajian yang telah dibuat, Kerajaan Negeri Selangor telah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya memasukkan cadangan membina stesen pam penggalak (*booster station*) di Kolam Imbangan Matang Pagar dan Kompleks Kolam Bukit Gasing. Dengan adanya stesen pam

penggalak yang baru ini, kawasan Bukit Gasing akan menerima tambahan air bersih sejumlah 399JLH bagi menampung permintaan pengguna.

Dijangkakan kerja-kerja membina stesen pam penggalak ini akan siap sepenuhnya dalam bulan Februari 2015. Dengan siapnya kerja-kerja menaik taraf tersebut, ia dapat meningkatkan kapasiti kadar pengepaman sedia ada di rumah pam dan dengan ini tekanan air di kawasan DUN Bukit Gasing dapat dipulihkan.

Selain dari kerja-kerja pembangunan fizikal yang dirancang untuk dibangunkan di DUN Bukit Gasing, penyelesaian menyeluruh ke atas semua masalah yang menimpa penduduk DUN Bukit Gasing ini adalah melalui penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selain dari pelaksanaan projek-projek di atas, Kerajaan Negeri Selangor juga menggesa agar SYABAS dapat mengurangkan kadar NRW. Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, SYABAS menjanjikan penurunan NRW kepada 20% pada tahun 2011 dengan perbelanjaan sebanyak RM784.1 juta. Namun kadar NRW pada tahun 2011 yang dapat dicapai oleh pihak SYABAS adalah **melebihi 32%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM995.70 juta, jauh melebihi amaun yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. (Setakat September 2013, kadar NRW ditunjukkan sebanyak 35%)

Ini membuktikan bahawa walaupun SYABAS telah diberikan peruntukkan yang jauh melebihi amaun yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi, namun SYABAS masih gagal untuk menurunkan NRW kepada kadar yang sepatutnya. Kegagalan tersebut telah menyebabkan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terlepas peluang untuk mendapatkan penjimatan kira-kira 663 JLH yang sepatutnya dihasilkan dari penurunan NRW seperti dijanjikan Syabas. Kapasiti 663JLH itu adalah lebih kurang jumlah air yang dikeluarkan oleh Loji Sungai Semenyih yang dianggarkan boleh menampung keperluan 353,000 akaun atau dari bilangan orang, boleh menampung penggunaan untuk seramai 1.2 juta orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : KUMPULAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan siapakah lembaga pengarah, kumpulan pengurusan dan pemegang saham Kumpulan Worldwide serta anak-anak syarikatnya?
- b) Apakah perniagaan teras Worldwide serta anak-anak syarikatnya?

JAWAPAN:

a) **AHLI LEMBAGA PENGARAH, KUMPULAN PENGURUSAN DAN PEMEGANG SAHAM KUMPULAN WHB**

i) **Nama-nama Ahli Lembaga Pengarah WHB ialah:**

- a. YB. Dato'Noordin Sulaiman - Pengerusi
- b. YBhg. Tuan Othman Omar – Timbalan Pengerusi
- c. YBhg. Dato' Mohd Salleh Mahmud
- d. YBhg. Datin Paduka Norazlina Zakaria

ii) **Nama-nama Ahli Kumpulan Pengurusan WHB:**

- a. Ahmad Azman Azizul Rahman – Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
- b. Rosli Ismail – Pengurus Besar, Hartanah
- c. Zamri Abdul Rahman – Pengurus Besar, Alam Sekitar
- d. Ami Nardin Ishak – Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
- e. Abdul Rahman Ahmad – Ketua Bahagian Risiko Dan Pematuhan
- f. Kamil Suhaimi Baharin – Setiausaha Syarikat
- g. Kwan Lai Kuen – Pengurus Kanan Bahagian Kewangan

iii) **Pemegang Saham WHB ialah:**

- a. PKNS Holdings Sdn. Bhd. – 100%

iv) **Pemegang Saham Anak-anak Syarikat WHB:**

No.	Nama Syarikat	Pemegang Saham	Jumlah Saham
1.	Central Holdings Bhd.	WHB	100%
2.	Worldwide Medinvest Sdn. Bhd.	WHB	100%
3.	Emerald Crest Sdn. Bhd.	WHB	100%
4.	Worldwide Environment Sdn. Bhd.	WHB	100%
5.	Cekal Unggul Sdn. Bhd.	WHB	70%
6.	Worldwide Landfills Sdn. Bhd.	WHB	60%
7.	Worldwide Glomac Development Sdn. Bhd.	WHB	100%
8.	Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd.	WHB	25%

- b) Perniagaan teras ialah Pemegang Pelaburan Pembangunan dan Pelaburan Hartanah, Perkhidmatan Alam Sekitar dan Pembuatan Alatan Perubatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PERSEKUTUAN UNTUK SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah terimaan kewangan oleh Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan Perlembagaan dari 2008-2013?
- b) Apakah terimaan lain dan jumlahnya setiap tahun?

JAWAPAN:

- a) Jumlah terimaan kewangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan Perlembagaan dari tahun 2008-2013 adalah sebanyak **RM3,119,278,684.33** dan perincian terimaan tersebut adalah seperti di **Jadual 1**.
- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak menerima apa-apa terimaan lain yang di luar dari perlembagaan.

Jadual 1 : Jumlah Terimaan Pemberian Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Selangor Mengikut Akta Perlembagaan Dari Tahun 2008 Sehingga 2013

No	Jenis Pemberian	Akta Perlembagaan	Tahun 2008 (RM)	Tahun 2009 (RM)	Tahun 2010 (RM)	Tahun 2011 (RM)	Tahun 2012 (RM)	Tahun Sehingga Oktober 2013 (RM)
1.	Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan	300,966,292.00	315,627,131.00	351,659,938.00	368,356,025.00	416,971,395.00	374,497,027.33
2.	Geran Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Perkara 109(6) Perlembagaan	15,959,000.00	15,959,000.00	9,609,000.00	12,784,000.00	15,959,000.00	7,979,500.00
3.	Geran Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk (Capitation Grant)	Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan	70,162,066.00	72,762,148.00	75,466,234.00	62,881,620.00	63,396,900.00	31,931,010.00
4.	Geran Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	Perkara 95B(1)(a), Senarai III – Senarai Bersama	32,741,010.00	31,922,130.00	32,414,874.00	41,382,846.00	43,780,521.00	Belum Terima

No	Jenis Pemberian	Akta Perlembagaan	Tahun 2008 (RM)	Tahun 2009 (RM)	Tahun 2010 (RM)	Tahun 2011 (RM)	Tahun 2012 (RM)	Tahun Sehingga Oktober 2013 (RM)
5.	Geran Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor	Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981	25,805,640.00	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,640.00	25,805,640.00	25,805,600.00
6.	Geran Pemberian Bayaran 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-projek Persekutuan	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan	15,487,433.00	8,922,130.00	20,520,704.00	20,067,263.00	11,088,181.00	Belum Terima
7.	Geran Pemberian Pertambahan Hasil	Akta Pertambahan Hasil 1977 dan Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan)1990	34,047,363.00	27,156,465.00	TIADA	30,931,197.00	31,055,485.00	Belum Terima

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : IBU TUNGGAL DI SELANGOR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah ibu tunggal di Selangor mengikut daerah, DUN dan parlimen?
- b) Senaraikan bantuan / program kerajaan negeri untuk ibu tunggal di Selangor bermula 2008-2013?
- c) Senaraikan jumlah ibu tunggal yang telah menerima bantuan / program dan senaraikan mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

JAWAPAN:

- a) Ibu Tunggal di Selangor yang berdaftar melalui sistem e-bu adalah berjumlah sebanyak 14,406 orang. Pecahan mengikut daerah, DUN dan Parlimen adalah seperti di **Lampiran (Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3)**
- b) Senarai bantuan / program yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan golongan wanita termasuk ibu tunggal di Selangor sehingga kini adalah seperti berikut :
 - i) Penganjuran kursus-kursus kemahiran jangka pendek oleh Kerajaan Negeri;
 - ii) Penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB);
 - iii) Penganjuran latihan, advokasi dan kemahiran melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB);
 - iv) Pemberdayaan Ekonomi Ibu Tunggal SOHO – Selangor (PETS-SOHO);
 - v) Program Laman Dapur;
 - vi) Program bantuan kewangan melalui Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) dan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel);
 - vii) Skim Kesihatan Wanita (SKW);
 - viii) Penganjuran Konvensyen Ibu Tunggal;

- ix) Skim Mesra Usia Emas;
 - x) Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar);
 - xi) Pemberian Baucer Jom Shopping; dan
 - xii) Program-program lain di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).
 - xiii) Bantuan Am JKM Selangor
 - xiv) Zakat Selangor
- c) Sebahagian Ibu Tunggal yang telah menikmati skim-skim kerajaan negeri Selangor adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah
GOMBAK	553
HULU LANGAT	637
HULU SELANGOR	251
KLANG	1091
KUALA LANGAT	296
KUALA SELANGOR	410
PETALING	580
SABAK BERNAM	60
SEPANG	166
Jumlah Keseluruhan	4,024

Jadual Menunjukkan Jumlah Ibu Tunggal Yang Telah Menerima Manfaat Program Jom Shopping Ibu Tunggal Mengikut Daerah.

Program	Bilangan peserta
Refleksologi	20 orang
Teknologi Video Marketing	10 orang
Bisnes Mangkuk Tingkat	10 orang
Fotografi	10 orang
Bisnes Online	20 orang
JUMLAH	70 orang

Jadual penerima PETS-SOHO

Daerah	Bilangan Peserta Skimisel Ibu Tunggal
Hulu Langat	180
Sabak Bernam	116
Gombak	31
Hulu Selangor	115
Kuala Selangor	107
Sepang	78
Kuala Langat	100
Klang	51
Petaling	49
JUMLAH	

Bilangan Ibu Tunggal yg menerima manfaat SKIMSEL mengikut Daerah

DAERAH	IBU TUNGGAL	IBU TUNGGU	BALU
DAERAH GOMBAK	84	0	5
DAERAH HULU LANGAT	124	3	21
DAERAH KLANG	118	1	11
DAERAH PETALING	162	3	14
DAERAH SEPANG	11	0	0
TOTAL	499	7	51
GRAND TOTAL			557

STATISTIK PESERTA MIMBAR YANG MERUPAKAN IBU TUNGGAL

No	DUN		Total
1	N1	Sungai Ayer Tawar	649
2	N2	Sabak	508
3	N3	Sungai Panjang	964
4	N4	Sekinchan	491

No	DUN		Total
5	N5	Hulu Bernam	214
6	N6	Kuala Kubu Bahru	154
7	N7	Batang Kali	517
8	N8	Sungai Burong	604
9	N9	Permatang	594
10	N10	Bukit Melawati	90
11	N11	Ijok	365
12	N12	Jeram	165
13	N13	Kuang	358
14	N14	Rawang	309
15	N15	Taman Templer	244
16	N16	Batu Caves	381
17	N17	Gombak Setia	321
18	N18	Hulu Kelang	121
19	N19	Bukit Antarabangsa	152
20	N20	Lembah Jaya	111
21	N21	Cempaka	211
22	N22	Teratai	433
23	N23	Dusun Tua	202
24	N24	Semenyih	61

No	DUN		Total
25	N25	Kajang	94
26	N26	Bangi	35
27	N27	Balakong	193
28	N28	Sri Kembangan	391
29	N29	Sri Serdang	273
30	N30	Kinrara	254
31	N31	Subang Jaya	536
32	N32	Seri Setia	65
33	N33	Taman Medan	396
34	N34	Bukit Gasing	37
35	N35	Kampung Tunku	295
36	N36	Damansara Utama	53
37	N37	Bukit Lanjan	206
38	N38	Paya Jaras	310
39	N39	Kota Damansara	241
40	N40	Kota Anggerik	222
41	N41	Batu Tiga	322
42	N42	Meru	529

No	DUN		Total
43	N43	Sementa	149
44	N44	Sungai Pinang	147
45	N45	Selat Klang	415
46	N46	Pelabuhan Klang	22
47	N47	Pandamaran	51
48	N48	Kota Alam Shah	23
49	N49	Seri Andalas	1162
50	N50	Sri Muda	222
51	N51	Sijangkang	388
52	N52	Teluk Datuk	1111
53	N53	Morib	527
54	N54	Tanjong Sepat	690
55	N55	Dengkil	239
56	N56	Sungai Pelek	490
57	Ktg Kerajaan		238
	Total		18545

Jumlah peserta Skim Kesihatan Wanita Mengikut DUN, walau bagaimanapun, jumlah penyertaan seramai 18545 ini wanita keseluruhan di Selangor termasuk juga Ibu Tunggal

LAMPIRAN

Daerah	Jumlah
GOMBAK	2,034
HULU LANGAT	2,307
HULU SELANGOR	1,113
KLANG	2,837
KUALA LANGAT	885
KUALA SELANGOR	1,496
PETALING	2,483
SABAK BERNAM	650
SEPANG	601
Jumlah Keseluruhan	14,406

Jadual 1 Menunjukkan Jumlah Pendaftaran Ibu Tunggal Di Selangor Mengikut Daerah.

Dun	Jumlah
BALAKONG	264
BANGI	211
BATANG KALI	565
BATU CAVES	766
BATU TIGA	389
BUKIT ANTARABANGSA	174
BUKIT GASING	26
BUKIT LANJAN	67
BUKIT MELAWATI	239
CHEMPAKA	130
DAMANSARA UTAMA	94
DENGKIL	264
DUSUN TUA	272
GOMBAK SETIA	212
HULU BERNAM	216
HULU KELANG	198
IJOK	360
JERAM	266
KAJANG	476
KAMPUNG TUNKU	175
KINRARA	132
KOTA ALAM SHAH	260
KOTA ANGGERIK	245
KOTA DAMANSARA	200
KUALA KUBU BHARU	332
KUANG	201
LEMBAH JAYA	449
MERU	420
MORIB	376
PANDAMARAN	149
PAYA JARAS	196
PELABUHAN KLANG	301
PERMATANG	254
RAWANG	338
SABAK	224
SEKINCHAN	42
SELATKLANG	528
SEMENTA	388
SEMENYIH	211
SERI ANDALAS	520
SERI KEMBANGAN	61
SERI SERDANG	275
SERI SETIA	152
SIJANGKANG	311

Dun	Jumlah
SRI MUDA	151
SUBANG JAYA	81
SUNGAI AIR TAWAR	94
SUNGAI BURONG	377
SUNGAI PANJANG	290
SUNGAI PELEK	239
SUNGAI PINANG	120
TAMAN MEDAN	451
TAMAN TEMPLER	319
TANJONG SEPAT	98
TELUK DATUK	198
TERATAI	59
Jumlah Keseluruhan	14,406

Jadual 2 Menunjukkan Jumlah Pendaftaran Ibu Tunggal Di Selangor Mengikut DUN.

Parlimen	Jumlah
AMPANG	623
GOMBAK	1,176
HULU LANGAT	959
HULU SELANGOR	1,113
KAPAR	1,456
KELANA JAYA	233
KLANG	710
KOTA RAJA	671
KUALA LANGAT	885
KUALA SELANGOR	865
PANDAN	189
PETALING JAYA SELATAN	477
PETALING JAYA UTARA	269
PUCHONG	407
SABAK BERNAM	318
SELAYANG	858
SERDANG	536
SEPANG	601
SHAH ALAM	634
SUBANG	463
SUNGAI BESAR	332
TANJONG KARANG	631
Jumlah Keseluruhan	14,406

Jadual 3 Menunjukkan Jumlah Pendaftaran Ibu Tunggal Di Selangor Mengikut Parlimen

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:


- a) Nyatakan struktur, lembaga pengarah dan pengurusan kanan LZS?
- b) Berapakah jumlah kakitangan dan struktur LZS mengikut daerah?
- c) Sejauh manakah keberkesanan fungsi LZS di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Struktur Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan LZS adalah seperti di [Lampiran 1](#).
- b) Pada masa ini, terdapat seramai 430 orang kakitangan di LZS. Daripada jumlah tersebut seramai 158 orang bertugas di daerah. Struktur organisasi LZS di peringkat daerah adalah seperti di [Lampiran 2](#).
- c) Lembaga Zakat Selangor (LZS) berfungsi sebagai institusi yang telah dilantik untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Sejak 19 tahun ditubuhkan, LZS telah melaksanakan fungsinya dengan penuh komited. Keberkesanan fungsi LZS adalah seperti di [Lampiran 3](#).


JAWAPAN:

a) Berikut merupakan struktur organisasi LZS :



- b) Pada masa ini, terdapat seramai 430 orang kakitangan di LZS. Daripada jumlah tersebut seramai 158 orang bertugas di daerah. Struktur organisasi LZS di peringkat daerah adalah seperti berikut:

STRUKTUR ORGANISASI LZS DI PERINGKAT DAERAH



c) Lembaga Zakat Selangor (LZS) berfungsi sebagai institusi yang telah dilantik untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Sejak 19 tahun ditubuhkan, LZS telah melaksanakan fungsinya dengan penuh komited. Berikut merupakan keberkesanan fungsi LZS:

Kutipan Zakat

- 1) Peningkatan jumlah kutipan zakat pada saban tahun.

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)
2008	244,472,884
2009	283,787,046
2010	336,674,526
2011	394,103,904
2012	451,325,027

- 2) Peningkatan jumlah pembayar

Bilangan Pembayar Zakat Harta Bagi Tempoh Lima Tahun (2008 Hingga 2012)

Tahun	Bilangan Pembayar		
	Lama	Baru	Keseluruhan
2008	125,117	15,114	140,231
2009	125,891	29,409	155,300
2010	139,099	28,903	168,002
2011	151,611	29,006	180,617
2012	163,731	46,784	210,515

Agihan Zakat:

1. Peningkatan jumlah agihan zakat pada saban tahun.

TAHUN	JUMLAH (RM JUTA)
2008	188,998,771
2009	279,191,041
2010	364,946,019
2011	373,465,626
2012	401,717,682

2. Jumlah keluar asnaf

TAHUN	JUMLAH (ORANG)
2011	200
2012	219

3. Bilangan Pelajar Asnaf Fakir dan Miskin Di IPT Berdasarkan Tahap Pengajian Bagi Tahun 2011-2012

Tahun	BIL.
2011	1,786
2012	2,436

4. Bilangan Pelajar Yang Mendapat Keputusan Cemerlang Dalam Peperiksaan Bagi Tahun 2011- 2012

Peperiksaan	Keputusan	Bilangan Pelajar Bagi Tahun 2011	Bilangan Pelajar Bagi Tahun 2012
Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	5A	46	26
	4A	71	53
Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (PSRA)	Mumtaz	58	25
	Jayyid Jiddan	39	136
Penilaian Menengah Rendah (PMR)	9A	32	15
	8A	23	52
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	11A	5	1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : KELEWATAN PENDAFTARAN PINDAHMILIK HAKMILIK STRATA
DI PEJABAT-PEJABAT TANAH DI NEGERI SELANGOR**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab untuk pejabat-pejabat tanah di Negeri Selangor mengambil masa begitu lama, iaitu melebihi enam (6) bulan untuk mendaftarkan pindah milik bagi hak milik strata apabila hak milik-hak milik bukan strata hanya diperlukan tujuh (7) hari untuk pendaftaran?
- b) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi kelewatan pendaftaran pindah milik hak milik strata dan mempercepatkan proses tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kelewatan pendaftaran pindah milik Hak milik Strata adalah disebabkan pendaftaran pindah milik masih dilakukan secara manual di setiap Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor. Pendaftaran tersebut dilakukan secara manual dari proses padanan, endorsan secara cop bagi setiap urusan termasuk proses isihan dan pungutan. Sehubungan dengan itu, kakitangan tersebut juga terlibat dengan kerja-kerja pendaftaran pindah milik 1 hari di Bahagian Pendaftaran Pindah milik (*Landed Property*).
- b) Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai e-STRATA. Sistem ini dibangunkan untuk menambah baik proses pendaftaran hak milik strata yang dilakukan secara manual kepada

proses pendaftaran secara berkomputer. Sistem e-STRATA ini juga merangkumi proses kerja yang lain seperti Permohonan Pecah Bahagi Bangunan Strata, Carian Hak milik Berkomputer serta Pendaftaran Wakil Berkomputer.

Sistem ini akan diselaraskan penggunaannya ke semua Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor menjelang Januari 2014. Walau bagaimanapun, pembangunan sistem ini masih dalam proses pengujian akhir bagi memastikan segala proses kerja adalah mengikut perundangan yang ditetapkan serta memastikan ketepatan dan keselamatan data daripada pencerobohan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

**TAJUK : STATUS PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN KAMPUNG SUNGAI
KELAMBU**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status dan perkembangan pengurusan tanah perkuburan Kampung Sungai Kelambu, Banting, Selangor?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) yang ke 24/2012 bertarikh 27 Jun 2012 telah menimbang dan bersetuju supaya Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langatewartakan tanah seluas lebih kurang 10.2 ekar di Lot 4469 Kg. Sungai Kelambu sebagai tapak perkuburan India.

Dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah Kuala Langat diminta untuk menguruskan pelantikan jawatankuasa menguruskan tapak perkuburan Hindu dan memaklumkan kepada Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pegawai Pengawal seperti yang diputuskan dalam mesyuarat MMKN Selangor ke 34/2012 bertarikh 19 September 2012.

Sehubungan itu, Pejabat Tanah Kuala Langat telah pun mengiklankan notis tawaran menerusi Akhbar Harian Tamil iaitu Malaysia Namban bertarikh 1 Oktober 2012 bagi menjemput jawatankuasa yang berminat untuk menguruskan tanah perkuburan Hindu Sg. Kelambu. Untuk makluman, pentadbiran ini telah menerima 5 permohonan dari jawatankuasa yang berminat dan satu sesi temu duga telah diadakan pada 19 Februari 2013. Walau bagaimanapun, tiada keputusan dibuat berdasarkan sesi temu duga tersebut

Pada tahun 2013, YB Ganabatirau a/l Veraman telah mengambil maklum berkenaan isu pengurusan ini dan YB Ganabatirau akan mengadakan sesi temu duga sekali lagi bagi memilih jawatankuasa tersebut. Sehingga kini, PTD Kuala Langat masih menunggu keputusan dari pihak YB.

Nota: PTD Kuala Langat juga telah mengeluarkan kebenaran sementara menggunakan tapak perkuburan bagi penganut Kristian India (seluas lebih kurang 2 ekar) sehingga jawatankuasa dilantik oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah gelanggang futsal yang telah dibina di kawasan Balakong dalam tempoh 5 tahun yang lalu?
- b) Berapakah jumlah gelanggang yang sedang dirancang untuk pembinaan pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Tiada sebarang pembinaan gelanggang futsal telah dibina dalam tempoh tersebut.
- b) Satu cadangan pembinaan gelanggang futsal telah dimasukkan dalam peruntukan 2014 di kawasan lapang Taman Bukit Belimbing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TERDAPAT DUA BUAH PASAR DI DUN LEMBAH JAYA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Pasar Bandar Baru Ampang, bagaimana boleh berlaku tiga perempat dari kawasan pasar dimonopoli oleh seorang peniaga sahaja (bahagian bawah) yang dikenali sebagai "TOP ZELLER"?
 - b) Pasar Tasek Permai, bilakah Kerajaan akan menaik taraf pasar tersebut supaya ianya lebih maju dan berdaya saing dengan keadaan masa kini?

JAWAPAN:

- a) Tetuan Topzeller (M) Sdn. Bhd. yang dimaksudkan adalah sebuah syarikat yang telah diberikan kelulusan oleh pihak Majlis menyewa sebahagian tingkat bawah Pasar Bandar Baru Ampang berkeluasan 4,479kp (iaitu kira-kira 33% dari keluasan keseluruhan tingkat bawah) bagi menjalankan perniagaan borong dan barangan runcit sejak tahun 1999. Kelulusan ini dibuat dengan mengambil kira ruang kosong yang masih tinggal selepas proses penyusunan dan penempatan semula peniaga di sekitar Bandar Baru Ampang dibuat pada tahun 1999. Pada ketika ini pihak syarikat telah diberikan perlanjutan tempoh penyewaan yang dijangka akan tamat pada tahun 2016 yang akan datang.
- b) Pihak Majlis pada ketika ini mempunyai perancangan bagi menaik taraf Bangunan Pasar Tasik Permai namun ianya tidak dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat disebabkan tidak dimasukkan dalam perancangan program melibatkan belanjawan MPAJ dalam tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PEJABAT EXCO

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:


- a) Nyatakan struktur kakitangan dan perjawatan dalam setiap pejabat EXCO?
- b) Apakah fungsi dan skop kerja setiap pegawai EXCO?
- c) Adakah kakitangan ini kontrak atau tetap dan berapakah kadar gaji atau elaun mereka?

JAWAPAN:

- a) Struktur kepegawaian di Pejabat YB AMMKN adalah seperti berikut:

Bil.	Unit	Jawatan	Jumlah
1.	Pentadbiran Portfolio	Pegawai Penasihat Dasar	1
		Pegawai Penyelaras	Pegawai di Jabatan berkenaan
2.	Pentadbiran Politik	Setiausaha Kanan	1
		Pembantu Tadbir kepada Setiausaha Kanan	1
3.	Pentadbiran Pejabat	Setiausaha Kerja	1
		Pembantu Tadbir kepada Setiausaha Kerja	1

Carta organisasi bagi setiap Pejabat YB AMMKN adalah seperti berikut:



b) Fungsi dan skop kerja bagi setiap pegawai yang bertugas di Pejabat YB AMMKN adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
1.	Pegawai Penasihat Dasar	<p>1. Pengurusan kajian semula dan kemas kini dasar:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengumpul, menganalisa, mengkaji dan menyediakan laporan kajian yang berkaitan bagi memastikan YB AMMKN mendapat maklumat perkembangan terkini. b. Menggubal dan mengemas kini serta menambah baik dasar, polisi, garis panduan dan prosedur yang berkaitan portfolio YB AMMKN. c. Berhubung secara terus dengan jabatan / agensi di bawah Jawatankuasa Tetap portfolio untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas.

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>2. Kajian Kemungkinan terkini berkaitan dengan dasar dan polisi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengkaji / menganalisa serta mendapatkan usaha sama agensi terhadap dasar tersebut dan menyediakan laporan Kajian Kemungkinan untuk membantu YB AMMKN membuat pertimbangan yang tepat berhubung dengan pelaksanaan dasar berkenaan. b. Berhubung secara terus dengan jabatan / agensi di bawah Jawatankuasa Tetap portfolio untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas. <p>3. Khidmat pakar rujuk berkaitan dasar dan polisi di bawah portfolio YB AMMKN:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memantau perkembangan terkini, memberi informasi dan khidmat nasihat, cadangan penyelesaian dan penambahbaikan kepada portfolio di bawah bidang kuasa YB AMMKN dengan tepat dalam tempoh yang diperlukan. b. Melaporkan semua program / aktiviti yang dalam perancangan, sedang dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan kepada YB AMMKN. <p>4. Mengenal pasti dan mengesyorkan Kumpulan Think Tanker:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengenal pasti kumpulan pakar (individu / organisasi) dan mengesyorkan kepada YB AMMKN bagi memikirkan dasar / polisi yang terbaik berkaitan portfolio YB AMMKN.

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>5. Penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p>6. Penyelarasan input jawapan soalan Dewan Negeri:</p> <p>Mendapatkan dan mengumpulkan input jawapan soalan-soalan (berkaitan dasar) Dewan Negeri daripada pihak yang berkaitan serta memastikan input berkenaan tepat dan sah.</p>

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>2. Kajian Kemungkinan terkini berkaitan dengan dasar dan polisi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengkaji / menganalisa serta mendapatkan usaha sama agensi terhadap dasar tersebut dan menyediakan laporan Kajian Kemungkinan untuk membantu YB AMMKN membuat pertimbangan yang tepat berhubung dengan pelaksanaan dasar berkenaan. b. Berhubung secara terus dengan jabatan / agensi di bawah Jawatankuasa Tetap portfolio untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas. <p>3. Khidmat pakar rujuk berkaitan dasar dan polisi di bawah portfolio YB AMMKN:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memantau perkembangan terkini, memberi informasi dan khidmat nasihat, cadangan penyelesaian dan penambahbaikan kepada portfolio di bawah bidang kuasa YB AMMKN dengan tepat dalam tempoh yang diperlukan. b. Melaporkan semua program / aktiviti yang dalam perancangan, sedang dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan kepada YB AMMKN. <p>4. Mengenal pasti dan mengesyorkan Kumpulan Think Tanker:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengenal pasti kumpulan pakar (individu / organisasi) dan mengesyorkan kepada YB AMMKN bagi memikirkan dasar / polisi yang terbaik berkaitan portfolio YB AMMKN. <p>5. Penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat</p>

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p>6. Penyelarasan input jawapan soalan Dewan Negeri:</p> <p>Mendapatkan dan mengumpulkan input jawapan soalan-soalan (berkaitan dasar) Dewan Negeri daripada pihak yang berkaitan serta memastikan input berkenaan tepat dan sah.</p>
2.	Pegawai Penyelaras	<p>1. Perancangan dan pelaksanaan program STANCO:</p> <p>a. Mengetuai urus setia pelaksanaan program-program STANCO dan menyediakan keperluan yang bersesuaian bagi memastikan ia berjalan lancar dan memenuhi objektif program termasuklah mengendalikan mesyuarat penyelarasan dan pemantauan program.</p> <p>b. Memastikan setiap agensi memahami dasar / polisi STANCO yang berkaitan jelas, mendapatkan input maklum balas daripada agensi yang berkenaan dengan menggunakan kaedah lain yang bersesuaian untuk membuat perancangan bagi menepati objektif yang dikehendaki oleh YB AMMKN.</p> <p>2. Penyediaan dan penyelarasan input kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN):</p> <p>a. Menyediakan dokumentasi kertas MMKN untuk kelulusan program yang dirancang memenuhi objektif STANCO.</p> <p>3. Penyelarasan input dan draf jawapan soalan Dewan Negeri.</p>

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<ul style="list-style-type: none"> a. Mendapatkan dan mengumpulkan input jawapan soalan-soalan Dewan Negeri daripada agensi yang berkaitan serta memastikan input berkenaan tepat dan sah
3.	Setiausaha Kanan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan isi kandungan media massa dan perhubungan awam <ul style="list-style-type: none"> a. Membantu YB AMMKN dalam mengendalikan aduan-aduan serta memberikan maklum balas. b. Mengkaji dan menyediakan draf teks ucapan YB AMMKN dan kenyataan akhbar. c. Menyediakan dan mendapatkan maklumat terkini untuk dimuat naik di dalam laman sesawang atau blog. 2. Memberikan nasihat berkaitan perkembangan prestasi YB AMMKN. <ul style="list-style-type: none"> a. Memberikan nasihat berkenaan pengurusan Portfolio dan isu-isu semasa. b. Memberikan nasihat dari aspek komunikasi dan perhubungan awam. 3. Menguruskan urusan peribadi YB AMMKN. <ul style="list-style-type: none"> a. Menguruskan perihal hal ehwal peribadi YB AMMKN. b. Menentukan pihak atau individu yang perlu berjumpa dengan YB AMMKN. c. Mengiringi atau mewakili YB AMMKN menghadiri dan mempengerusikan mesyuarat / melawat tapak.
4.	Setiausaha Kerja	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan aduan (surat, emel, telefon atau <i>walk in</i>)

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<ul style="list-style-type: none"> a. Memastikan rekod / fail surat / dokumen / e-mel berkaitan aduan yang diterima dipanjangkan kepada YB AMMKN untuk diambil maklum dan memberikan arahan tindakan selanjutnya. b. Memastikan arahan tindakan yang diarahkan oleh YB AMMKN diterima oleh agensi berkaitan dalam tempoh yang singkat. <p>2. Pengurusan komunikasi dan khidmat pelanggan (surat, emel , telefon atau <i>walk in</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Memastikan maklumat disampaikan kepada pihak yang berkaitan melalui medium yang bersesuaian. b. Memastikan tetamu yang berkunjung ke pejabat diberikan layanan dan keperluan yang diperlukan selagi ianya tidak melanggar undang-undang serta bidang kuasa. c. Menjadi penyambut tetamu dan petugas khidmat pelanggan bagi Pejabat YB AMMKN. <p>3. Menguruskan sistem fail dan dokumentasi Pejabat.</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengemas kini fail-fail dan dokumen pejabat agar teratur dan mudah dicapai. <p>4. Mengurus kelengkapan dan kebersihan Pejabat.</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Keperluan pejabat seperti alat tulis, peralatan dan perabot serta aset pejabat diselenggara dan ditadbir dengan teratur serta keselamatannya terjamin.

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>b. Memastikan kebersihan dan keselesaan ruang Pejabat.</p> <p>5. Menguruskan hal ehwal kewangan pejabat YB AMMKN.</p> <p>a. Memastikan dokumen tuntutan kewangan YB AMMKN lengkap dan mengikut prosedur serta memastikan tuntutan berkenaan dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>b. Menguruskan akaun tunai pejabat.</p> <p>6. Memastikan persiapan logistik dan jamuan</p> <p>Menguruskan tempahan serta keperluan jamuan dan majlis dari aspek logistik yang dianjurkan oleh pejabat YB AMMKN.</p>
5.	Pembantu Tadbir	<p>1. Mengemas kini sistem rekod (surat dan fail)</p> <p>a. Menerima dan merekodkan surat yang diterima supaya mudah dirujuk dan dicapai.</p> <p>b. Menyediakan salinan dokumen / surat menyurat yang mencukupi untuk rujukan YB AMMKN dan Setiausaha Kanan / Kerja.</p> <p>2. Pengurusan aduan (surat, emel, telefon atau <i>walk in</i>)</p> <p>a. Merekodkan surat / dokumen / e-mel berkaitan aduan yang diterima di dalam fail.</p> <p>b. Mengedarkan surat/dokumen/emel berkaitan aduan kepada agensi yang berkenaan dengan arahan Setiausaha Kerja.</p>

Bil.	Jawatan	Deskripsi tugas
		<p>c. Menerima dan mengedarkan dokumen maklum balas kepada pihak / agensi yang berkaitan.</p> <p>3. Menaip surat atau dokumen yang berkaitan dengan pentadbiran Pejabat.</p> <p>4. Dokumentasi tuntutan kewangan Pejabat YB AMMKN</p> <p>a. Mengumpulkan dokumen tuntutan kewangan YB AMMKN yang lengkap dan mengikut prosedur.</p> <p>b. Merekod aliran tunai di Pejabat YB AMMKN.</p> <p>5. Pengurusan Kebersihan, persekitaran dan peralatan Pejabat</p> <p>a. Menjaga dan memastikan persekitaran pejabat dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.</p>

- c) Pegawai-pegawai di Pejabat Exco adalah berstatus lantikan kontrak. Perincian penetapan gaji pegawai-pegawai tersebut adalah seperti berikut:-

Jawatan	Status Perkhidmatan	Gaji Pokok Sebulan (<i>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</i>)	Elaun		
			ITP	ITKA	BSH
Setiausaha Kanan	<i>Contract Of Service</i>	RM1,910.02 – RM6,799.30	RM250	RM300	RM300
Pegawai Penasihat Dasar	<i>Contract For Service</i>	RM5000.00	-	-	-

Jawatan	Status Perkhidmatan	Gaji Pokok Sebulan (<i>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</i>)	Elaun		
			ITP	ITKA	BSH
Pegawai Penyelaras	<i>Contract Of Service</i>	RM1,910.02 – RM6,799.30	RM250	RM300	RM300
Setiausaha Kerja	<i>Contract Of Service</i>	RM1,361.14 – RM 4,427.94	RM180	RM160	RM300
Pembantu Tadbir	<i>Contract Of Service</i>	RM927.03 – RM 3,089.68	RM180	RM115	RM300
Pemandu	<i>Contract Of Service</i>	RM792.60 – RM 2,007.76	RM180	RM95	RM300

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : TOURISM SELANGOR PROMOSI SDN BHD (TSPSB)

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat dan objektif penubuhan Tourism Selangor Promosi?
- b) Sejauh manakah keberkesanan fungsi TSPSB?
- c) Nyatakan lembaga pengarah, pemegang saham dan pengurusan TSPSB?

JAWAPAN:

- a) Matlamat dan objektif penubuhan Tourism Selangor Promosi Sdn Bhd adalah sebagai **agensi promosi** destinasi-destinasi pelancongan Negeri Selangor, **pengendali acara-acara** Kerajaan Negeri Selangor dan menyediakan perkhidmatan dan keperluan kepada pelancong yang mengunjungi Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan.
- b) Tourism Selangor Promosi telah menjalankan aktiviti promosi pelancongan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui mekanisme seperti berikut:-
 - i) Mengadakan aktiviti promosi dalam dan luar Negara.
 - ii) Menjalankan aktiviti pengiklanan melalui media cetak, elektronik dan media sosial.
 - iii) Menjalankan acara-acara pelancongan daripada 10 segmen pelancongan iaitu agro,eco, medical, education, theme park, Home Stay, Sport, Culcuture & Heritage, Food & Dining, MICE.
 - iv) Memantau kawasan pelancongan di Negeri Selangor.
 - v) Mengumpul statistik kedatangan pelancong dan memastikan sasaran kedatangan pelancong tercapai.
- c) **Lembaga Pengarah:**
 - 1. Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim – Pengerusi
 - 2. Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi
 - 3. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
 - 4. YBhg. Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman

5. Y.Bhg. Datin Jasmine binti Abdullah Heng
6. Encik Anthony Wong Kim Hooi
7. Encik Perremal a/l Maruthamuthu
8. Encik Gwo-Burne Loh
9. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim
10. Encik Lee Kim Sim

Pemegang Saham:

1. Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim – 1 syer
2. Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman – 1 syer

Pengurusan:

1. Puan Noorul Ashikin binti Mohd Din – Pengurus Besar
2. Puan Nazrah binti Mohamed – Pengurus Akaun & Pentadbiran
3. Encik Fazly Faizal bin Mohamed Razally – Pengurus Acara & Pemasaran
4. Encik Md Saad bin Mahsah – Pengurus Perhubungan Awam & Promosi
5. Puan Khuzaimah binti Jamaluddin – Pengurus Pembangunan Produk

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN ANAK-ANAK SUNGAI YANG MELALUI
TANAH-TANAH PERSENDIRIAN**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menyelenggarakan anak-anak sungai yang melalui tanah-tanah persendirian?

JAWAPAN:

- a) Berkaitan dengan anak-anak sungai yang mengalir melalui tanah-tanah persendirian, Kerajaan Negeri secara umumnya tidak mengamalkan polisi atau dasar memasuki tanah milik persendirian bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan berkenaan atas faktor perundangan. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, pihak JPS sentiasa memberi pertimbangan kepada perkara ini, bergantung kepada kes-kes dan faktor-faktor yang tertentu.

Pengalaman dari kes-kes sebelum ini, pihak JPS akan memberi pertimbangan untuk menyelenggara sungai berkenaan berdasarkan situasi setempat di mana kejadian banjir berlaku disebabkan oleh limpahan sungai yang melalui tanah persendirian berkenaan. Dalam hal ini, kebenaran bertulis kesemua pemilik tanah yang berkenaan adalah diperlukan sebelum sesuatu tindakan boleh diambil.

Selain dari itu, keutamaan dalam perancangan bajet juga perlu diambil kira. Memandangkan peruntukan yang agak terhad, pihak JPS terpaksa merancang keutamaan dalam pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan sungai. Mana-mana projek yang melibatkan kepentingan lebih ramai orang awam atau dengan kata lain, lebih ramai orang awam yang akan mendapat manfaat dari pelaksanaan projek berkenaan, lebih besar keutamaan akan diberikan. Dalam kes anak sungai yang melalui tanah-tanah persendirian, bilangan penerima manfaat selalunya adalah lebih kecil. Dalam kes ini, keutamaannya juga adalah kecil.

Maklumat Tambahan:

Sungai merupakan sumber alam yang perlu dipelihara untuk membolehkan ianya diwarisi oleh generasi yang akan datang dalam keadaan yang bersih dan berada pada tahap kualiti yang membolehkan semua pengguna beroleh manfaat darinya. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS) memainkan peranan penting dalam mengurus sumber ini selaras dengan tujuan penubuhannya pada tahun 1932. Di peringkat persekutuan, peranan dan tanggungjawab ini adalah berdasarkan *Ministerial Function Act 1969: DID role in river management, flood mitigation and river conservancy*.

Pengerusi, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan
5. **Y.BHG. TUAN HAJI MAHMUD BIN KARIM**
Pengarah Pelajaran Negeri Selangor
6. **Y.BHG. ENCIK ABDULLAH BIN MAD YUNUS**
Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan
7. **Y.BHG. ENCIK ILHAM BIN MARZUKI**
Pengurus Besar Yayasan Selangor

PENGURUSAN YAYASAN SELANGOR

1. **ILHAM BIN MARZUKI**
Pengurus Besar Yayasan Selangor
2. **ROSLI BIN IBRAHIM**
Timbalan Pengurus Besar
3. **ZAHURA BINTI ZAKRY**
Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan
4. **HAFIDAH BINTI HARON**
Pengurus Kanan Jabatan Aset dan Pembangunan
5. **RAMLI BIN IBRAHIM**
Pengurus Kanan Jabatan Perkhidmatan Korporat
6. **FAUZI BIN IBNI HAJAR**
Pegawai Undang-undang
7. **YAHYA BIN MD SAAD**
Pengurus Agro
8. **ZULKIFLI BIN MOHD**
Pengurus Komunikasi Korporat & Endowmen
9. **NORHAFIZAH BINTI BADRUN**
Pengurus Kewangan
10. **A. RAHIM BIN ABDULLAH**
Pengurus Kem Bina Semangat Ampang Pecah
11. **NORAZAH BINTI ASARI**
Pengurus Sumber Manusia dan Latihan

SENARAI JAWATANKUASA DI YAYASAN SELANGOR BAGI TAHUN 2013

BIL	NAMA JAWATANKUASA
1.	Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan Yayasan Selangor
2.	Jawatankuasa Lembaga Tender Yayasan Selangor
3.	Jawatankuasa Kerja Pengurusan Yayasan Selangor

BIL	NAMA JAWATANKUASA
4.	Jawatankuasa Pentadbiran dan Perkhidmatan Yayasan Selangor
5.	Jawatankuasa Pemantau Projek dan Teknikal Yayasan Selangor
6.	Jawatankuasa Penilaian Tender Yayasan Selangor
7.	Jawatankuasa Sumbangan, Derma dan Kebajikan Yayasan Selangor
8.	Jawatankuasa Kewangan, Aset dan Pelaburan
9.	Jawatankuasa Audit Dalam Yayasan Selangor

KEAHLIAN JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2013

1. JAWATANKUASA PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN

Kategori Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Exco Pendidikan	Pengerusi	YB Dr. Hajah Halimah Ali Pengerusi, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan
Setiausaha	Setiausaha	Pn Norhafizah bt Badron
1. Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco)	Ahli	1. YB. Dr Yunus b. Khairi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Adat Melayu, Belia dan Sukan 2. YB Dr Mariah bt Mahmud Ahli Parlimen
2. Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah		Encik Abdullah b Mad Yunus
3. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor		Tuan Hj. Mahmud bin Karim
4. Pengurus Besar Yayasan Selangor		Encik Ilham bin Marzuki

Kategori Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
1. Timbalan Pengurus Besar 2. Ketua Jabatan 3. Ketua Bahagian	Urusetia	Rosli bin Ibrahim Zahura bt Zakry 1. Rosmaria Hani bt Maarof 2. Hj A. Rahim b Abdullah 3. Zaini b Sulaiman 4. Suraya bt Abdul Wahab 5. Anizan bt Ibrahim 6. Hj Rahim b Mohamad

2. JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER YAYASAN SELANGOR

Kategori keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Pegawai Kewangan Negeri	Pengerusi	YB Dato' Noordin bin Sulaiman Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Pengurus Perolehan	Setiausaha	1. Abdul Jamil bin Mahmud 2. Nasharudin b Baba (Pembantu)
Ahli Lembaga Pemegang Amanah Ahli lantikan	Ahli	1. YB Dr Halimah bt Ali Pengerusi, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan 2. Ilham bin Marzuki Pengurus Besar 3. Tn Hj. Mahmud b Karim Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor 4. Tn Hj. Mohd Zaki b. Ibrahim Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
Timbalan Pengurus Besar Ketua Jabatan/Bahagian yang terlibat	Urusetia	Rosli bin Ibrahim Jabatan Perkhidmatan Korporat

Nota : Keahlian minima 3 ahli dan 1 ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor

3. JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Pengerusi	Y.B. Dato' Mohamad Khusrin b. Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Setiausaha	
1. Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor 2. Ahli Iantikan	Ahli	1. Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor) 2. Ilham bin Marzuki (Pengurus Besar Yayasan Selangor) 3. Y.B. Encik Ean Yong Hian Wah ADUN Sri Kembangan) 4. Y. Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakimin (Pengaroh UPEN) 5. Y.Bhg. Encik Azal bin Adzhar (Bendahari Negeri Selangor) 6. Y.Bhg. Encik Ilham bin Marzuki Pengurus Besar Yayasan Selangor
Ketua Jabatan/Bahagian yang terlibat	Urus setia	Bahagian yang terlibat

4. JAWATANKUASA PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Setiausaha Kerajaan Negeri	Pengerusi	Y.B. Dato' Mohamad Khusrin bin Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pengurus Besar	Timbalan Pengerusi	Ilham bin Marzuki
Timbalan Pengurus Besar	Setiausaha	Rosli b Ibrahim
1. Seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah YS 2. Seorang wakil Kerajaan	Ahli	1. Y.B. Dr Halimah bt Ali Pengerusi, Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi Dan Pembangunan Modal Insan 2. Y.B. Dr Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor) 3. Pn Siti Munirah bt Haji Ibni Hajar Setiausaha Bahagian SUK

Negeri yang bertanggungjawab ke atas bidang Pentadbiran & Perkhidmatan		(Pengurusan Sumber Manusia)
Ketua Jabatan/Bahagian Sumber Manusia	Urus setia	Norazah binti Asari

Nota : Keahlian minima 3 ahli termasuk Pengerusi

5. JAWATANKUASA PEMANTAU PROJEK DAN TEKNIKAL YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Timbalan Pengurus Besar	Pengerusi	Rosli bin Ibrahim
Penyelia	Setiausaha	Marwiyah bt Saibani
Pengurus	Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abdul Ghani b Bahar/Pengurus Hartanah 2. Yahya b Md Saad 3. Anizan bt Ibrahim/Suraya bt Abdul Wahab 4. Roslizah bt Hj Arshad
Ketua Jabatan/Bahagian yang terlibat	Urus setia	Pengurus
Audit Dalam Yayasan Selangor	Pemerhati	Norlinda bt Nasrudin/ Wan Ruseli b Wan Yacob

Nota : Keahlian minima 3 ahli termasuk Pengerusi

6. JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Timbalan Pengurus Besar	Pengerusi	Rosli bin Ibrahim
Pengurus Perolehan	Setiausaha	Mohd Jamil bin Mahmud
Pengurus Kanan/Pengurus	Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Zahura bt Zakry/Rosmaria Hani bt Maarof 2. Hafidah bt Haron/Norhisamshah b.

		Kamaruddin 3. Ramli bin Ibrahim/Norhafizah bt Badrun
Pengurus Perolehan	Urus setia	Mohd Jamil bin Mahmud

Nota : Keahlian minima 3 ahli termasuk Pengerusi

7. JAWATANKUASA SUMBANGAN, DERMA DAN KEBAJIKAN YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Pengurus Kanan	Pengerusi	Zahura bt Zakry
Eksekutif	Setiausaha	Zarina bt Kamaruddin
Ahli Iantikan	Ahli	1. Norhafizah bt Badrun 2. Haji A. Rahim bin Abdullah 3. Rokiah bt Jais 4. Muhamad Amin b Abdul Wahab 5. Nilawati bt Sairan 6. Zamzuri b. Jaafar 7. Ayunnie bt Malkan 8. Khairuman b. Abu Yamin
Audit Dalam Yayasan Selangor	Pemerhati	Norlinda bt Nasrudin/Wan Ruseli b Wan Yacob

8. JAWATANKUASA KEWANGAN, ASET DAN PELABURAN

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Timbalan Pengurus Besar	Pengerusi	Rosli bin Ibrahim
Eksekutif	Setiausaha	Mohd Izaidi bin Mohd Bakir
Ahli Lantikan	Ahli	1. Hafidah bt Haron 2. Ramli bin Ibrahim/Norhafizah bt Badrun 3. Norlinda bt Nasrudin 4. Pengurus Hartanah 5. Norhisamshah b Kamaruddin 6. Yahya b Md Saad
	Penasihat	7. Mohd Fauzi Ibni Hajar/Qhairawani Asyrani bt Ruslan

Ketua Jabatan/Bahagian yang terlibat	Urus setia	Ketua-Ketua Bahagian
Audit Dalam Yayasan Selangor	Pemerhati	Norlinda bt Nasrudin/Wan Ruseli bin Wan Yacob

Nota : Keahlian minima 3 ahli termasuk Pengerusi

9. JAWATANKUASA AUDIT DALAM YAYASAN SELANGOR

Keahlian	Jawatan Keahlian	Nama Ahli
Pegawai Kewangan Negeri	Pengerusi	Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
Ketua Audit Dalam	Setiausaha	Norlinda bt Nasrudin
Ahli Lantikan	Ahli	1. Pn HjH Siti Munira bt Haji Ibni Hajar 2. Pn Lailatun bt Abdul Hamid 3. En Mohd Azizi b Mohd Zain
Audit Dalam Yayasan Selangor	Urus setia	Bahagian Audit Dalam

b)

BIL		KELAYAKAN
1	Pengurus Besar (ILHAM BIN MARZUKI)	1. BSc (Hons) Electrical & Electronic Enigneering – University of Manchester Institute Of Science And Technology
2	Timbalan Pengurus (ROSLI BIN IBRAHIM)	1. Master of Bussiness Administration(MBA) University Of Northern Colorado
3.	Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan (ZAHURA BT ZAKRY)	1. Master of Counselling Universit Malaya 2. Bachelor in Business Administration South Pac University 3. Executive Diploma in Counselling (with Distinction) Universiti Malaya

		4. Diploma Perakaunan Institut Teknologi Tun Abdul Razak
4.	Pengurus Kanan Aset & Pembangunan (HAFIDAH BT HARON)	1. Masters in Business Administration (MBA) Universiti Teknologi MARA 2. Bachelor in Business Administration Universiti Putra Malaysia 3. Diploma in Accounting & Finance Institut Teknologi Tun Abdul Razak 4. Diploma in LCCI, Institut Perdagangan MARA
5.	Pengurus Kanan Perkhidmatan Korporat (RAMLI BIN IBRAHIM@MAMAT)	1. Bachelor in Accountancy(Hons) UUM
6.	Pegawai Undang-undang (MOHD FAUZI IBNI HAJAR)	1. LL.B (Hons) International Islamic University Malaysia
7.	Pengurus Komunikasi Korporat & Endowmen (ZULKIFLI BIN MOHD)	1. Bachelor of Economics(Hons), UIA 2. Diploma in Agriculture, UPM Serdang
8.	Pengurus Agro (YAHYA BIN MD SAAD)	1. Bachelor of Agriculture Science Universiti Putra Malaysia
9.	Pengurus Kewangan (NORHAFIZAH BT BADRUN)	1. Bachelor in Accountancy (Hons) Universiti Utara Malaysia 2. Chartered Accountant (CA 27250) Malaysian Institute of Accountant.
10.	Pengurus Kem Bina Semangat Ampang Pecah (HJ A. RAHIM BIN ABDULLAH)	1. Bachelor of Education University of Manchester 2. Sijil Perguruan Asas Maktab Perguruan Bahasa
11.	Pengurus Sumber Manusia & Latihan (NORAZAH BT ASARI)	1. Master of Science (Philosophy And Science & Technology Policy Studies) Universiti Malaya 2. Bachelor Of Science Universiti Malaya 3. Diploma Pendidikan Universiti Malaya

- c) Dalam memperkasakan agenda pendidikan anak-anak Selangor, Yayasan Selangor mensasarkan untuk meningkatkan bilangan pelajar daripada 5,000 (tahun 2013) kepada 10,000 (tahun 2014) tertakluk kepada kemajuan projek pembangunan Bukit Bintang dan Kampung Pandan. Selain dari itu, hasrat untuk mempertingkatkan bilangan pelajar perlu kepada komitmen serta usaha gigih pengurusan meningkatkan pendapatan melalui kaedah-kaedah berikut:-
- i) sewaan bangunan;
 - ii) projek usaha sama;
 - iii) hasil ladang sawit;
 - iv) pelaburan melalui Simpanan Tetap, Saham - Saham IPO dan mana-mana instrument pelaburan yang memberi pulangan menguntungkan;
 - v) endowmen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : KESAN PROJEK PEMBANGUNAN TERHADAP ALAM SEKITAR

143. Kerajaan negeri turut bertanggungjawab memantau projek-projek pembangunan terutamanya di kawasan cerun bukit agar mematuhi syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan PBT dalam mengawal dan memantau projek-projek tersebut?
- b) Senaraikan kawasan projek-projek berisiko yang terlibat mengikut PBT?
- c) Apa tindakan kerajaan negeri dalam menangani isu pembangunan di kawasan cerun bukit?

JAWAPAN:

- a) Peranan PBT dalam mengawal dan memantau projek-projek tersebut adalah seperti berikut:
 - i) Memastikan garis panduan dan penyeragaman dasar dari sudut perundangan seperti peraturan pengawalan kerja-kerja tanah dari aspek teknikal kestabilan cerun bukit dipatuhi sebelum pembangunan di sesuatu kawasan dilaksanakan. Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang melibatkan cerun lebih 25% akan dirujuk ke Jawatankuasa KSAS Negeri Selangor.
 - ii) Bertanggungjawab menyediakan kertas cadangan pengubalan dan penyeragaman dasar, perundangan dan peraturan berkaitan dengan prosedur pembangunan bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar serta menjurus kepada pembangunan yang mampan sekiranya perlu.
 - iii) Melaksanakan kerja pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar, perundangan dan peraturan berkaitan dengan aspek-aspek geoteknikal yang bersangkutan dengan pembinaan bangunan dan pengubahsuaian persekitarannya.

b) Berikut adalah kawasan projek berisiko yang terdapat di PBT :

BIL	PBT	KAWASAN BERISIKO
1.	MBSA	Seksyen U9, U10 dan U12 Shah Alam
2.	MBPJ	Bukit Gasing, Damansara Perdana dan Sri Damansara
3.	MPK	Tiada
4.	MPAJ	Seperti di lampiran
5.	MPSJ	Tiada
6.	MPS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seksyen 19, Bandar Rawang 2. Lot 5070, Mukim Rawang 3. PT 37380, Mukim Rawang 4. Lot 1048 Bandar Kundang
7.	MPKj	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kg. Sg Lui 2. Kg. Bt 20, Sg Lui 3. Kg. Jawa Sg. Lui 4. Kg. Ulu Lui 5. Kg. Bt 16, Dusun Tua 6. Kg. Bt 14, Hulu Langat 7. Bt. 14, Taman Indah Jaya 8. Pekan Bt 14 9. Kg. Sg Serai 10. Bt 9, Kg. Sg. Raya 11. Taman Murni Cheras 12. Kg. Melayu Bt. 10 Cheras 13. Near Toll Plaza Bt. 9, Cheras - Kajang Highway (SILK) 14. Bt 11 Cheras, Taman Sri Indah 15. Kg. Sg. Sekamat 16. Kg. Sg Long 17. Kg. Baru Balakong 18. Taman Harmoni Indah 19. Kg. Paya Lebar 20. Kg. Sg Kantan 21. Taman Sri Jambu Sg Langat 22. Sg. Jeloh and Pekan Kajang 23. Kajang Clinic, Jalan Kajang - Semenyih 24. Kg. SG. Chua 25. Jalan Reko at Traffic Light near Hentian Kajang 26. Sg. Rekoh Downstream 27. Kg. Sg Ramal Luar and Sg. Ramal Dalam 28. Country Height

		29. Kg. Sg. Tangkas 30. Kg. Teras Jenang 31. Kg. Baru Cina Semenyih 32. Klinik Kesihatan Jalan Semenyih 33. Stesen Minyak Mobil Jalan Semenyih 34. Kg. Rinching Hulu, Semenyih 35. Kg. Jalan Enam Kaki, Sg Beranang/ Sg. Jai 36. Kg. Bangi Lama and Commuter Station
8.	MPSp	1) Sungai Merab , Mukim Dengkil , Sepang 2) Sebahagian kawasan Kampung Giching , Mukim Labu, Sepang 3) Sebahagian kawasan Jenderam Hulu, Mukim Dengkil, Sepang 4) Sebahagian kawasan Bukit Damar, Mukim Dengkil, Sepang 5) Kawasan perindustrian Pulau Meranti, Mukim Dengkil , Sepang
9.	MDKL	Tiada
10.	MDHS	Tiada maklum balas
11.	MDKS	1) Bandar Seri Coalfields 2) Bukit Saujana, Saujana Utama 3) Bandar Puncak Alam 4) Bandar Puncak Bestari 5) Pembangunan Desa Kerayong 6) Kampus UiTM, Puncak Alam
12.	MDSB	Tiada

- c) Setiap pembangunan yang terletak di kawasan cerun berbukit perlu disyaratkan untuk mendapatkan ulasan dan sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), IKRAM, Unit Cerun JKR dan Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) untuk memastikan kawasan-kawasan yang cerun berbukit dibangunkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga telah memutuskan agar semua projek pembangunan yang melibatkan cerun Kelas III dibawa untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sebelum diluluskan. Manakala projek di kawasan bercerun Kelas IV tidak dibenarkan sama sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan bagi menangani masalah pengurusan sampah yang gagal ditangani oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT sentiasa serius terhadap masalah sampah di setiap PBT seluruh Selangor. Sejak kerja-kerja perkhidmatan pembersihan awam dan kutipan sampah diambil alih sepenuhnya oleh PBT **pada 1 Mac 2012** kecuali MDHS yang mengendalikan sendiri pengurusan sampah sebelum ini, setiap PBT telah banyak mempelajari selok belok pengurusan sisa pepejal melalui cabaran dan halangan yang dihadapi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengakui bahawa semua PBT di Negeri Selangor **berjaya** menangani masalah pengurusan sampah di kawasan masing-masing malah telah mendapat penjimatan yang banyak berbanding ketika kendalian pengurusan sampah oleh syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.. Daripada pengalaman tersebut, semua PBT telah melaksanakan pendekatan proaktif untuk menangani permasalahan sampah seperti melaksanakan kempen kebersihan dan kempen kitar semula bagi memupuk kesedaran masyarakat supaya sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.

Selain daripada itu, pendekatan proaktif yang telah dilakukan oleh semua PBT dalam menangani masalah pengurusan sampah adalah antaranya seperti berikut :-

- i) Penubuhan Skuad Rayau dan On Call
- ii) Menyediakan Pelan Tindakan Segera
- iii) Mewujudkan Talian Aduan
- iv) Menamatkan kontraktor dengan segera dan ditenderkan semula.
- v) Pengeluaran '*Notice To Correct*' (NTC) dan '*backup*' kawasan yang bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PENGURUSAN SEKTOR INFORMAL (UNIT PENJAJA)

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jumlah perbelanjaan dalam perkara Pengurusan Sektor Informal (Unit Penjaja) dalam tahun 2008-2013
- b) Sila kemukakan senarai perbelanjaan untuk Pengurusan Sektor Informal (Unit Penjaja) DUN Teratai dalam tahun 2008-2013
- c) Berapakah peruntukan 2014 untuk pengurusan sektor informal (unit penjaja) DUN Teratai?

JAWAPAN:

- a) Sejumlah **RM 254,431.00** telah dibelanjakan bagi pengurusan penjaja di MPAJ dalam tempoh 2008 – 2013.
- b) Tiada jumlah yang spesifik dicatatkan untuk DUN Teratai.
- c) Tidak Berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SELIAAN ZON INDUSTRI

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Pembangunan Kampung Baru di dalam mengatasi kekangan seliaan di zon industri kerana kekurangan dana serta persepsi pedagang luar negara yang mengatakan bahawa negara-negara jiran lebih baik langkah seliaannya di zon-zon industri mereka agar penambahan modal asing akan bertambah?

JAWAPAN:

- a) Dalam membantu pihak industri bagi menangani isu infra yang dihadapi, pihak Jawatankuasa Tetap berperanan membantu Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui MIDA.

Peruntukan yang disediakan ini khusus untuk menaik taraf dan menyelenggara kemudahan infra seperti jalan, jambatan, tempat letak kenderaan berpusat, perparitan dan saluran, menaik taraf kemudahan guna sama seperti premis perniagaan dan medan selera yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan memperbaiki kemudahan lampu jalan dan papan tanda asas. Namun begitu peruntukan ini hanya untuk kawasan industri yang sedia ada, yang telah digazetkan sebagai zon industri sama ada dibangunkan atau diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan/Negeri, masih beroperasi dan terletak di lokasi yang strategik dan berdaya saing untuk menarik pelabur baru dan mengekalkan pelabur sedia ada. Sehingga kini sejumlah **RM 41,167,459.00** telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk Negeri Selangor sejak 2011 hingga 2013.

Bagi membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit di kawasan perindustrian yang tidak menepati kriteria untuk mendapatkan peruntukan tersebut, pihak Jawatankuasa Tetap dengan kerjasama Jabatan - Jabatan Teknikal membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit melalui sumber peruntukan yang ada.

Dalam usaha menyediakan kawasan industri yang selesa kepada para pelabur, Kerajaan Negeri telah mewujudkan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memantau isu-isu yang berbangkit. Mesyuarat IPMC diadakan setiap 3 bulan dan dipengerusikan bersama oleh Tuan YDP dan Pengerusi FMM Kawasan yang berkaitan.

Melalui mesyuarat IPMC ini, pihak industri berpeluang untuk mengutarakan isu secara terus kepada pihak Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan - Jabatan Teknikal untuk diambil tindakan sewajarnya.

Perlaksanaan mesyuarat IPMC ini dipantau oleh pihak Jawatankuasa Tetap. Prestasi dan status pelaksanaan mesyuarat IPMC ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang diadakan. Bagi isu-isu yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan Teknikal akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri oleh pihak Jawatankuasa Tetap untuk pertimbangan dan kelulusan langkah-langkah penyelesaian bagi isu yang berbangkit.

Di peringkat Kerajaan Tempatan pula, Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa terus memantau dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan – kawasan perindustrian yang ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : ASET KUMPULAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah aset tunai dan aset tidak alih serta lokasi hartanah milik Kumpulan Worldwide?
- b) Apakah potensi aset-aset tersebut untuk masa hadapan Worldwide?

JAWAPAN:

- a) **ASET**

Sehingga 31 Oktober 2013

Aset tunai: **RM112.0 Juta**

Aset tidak alih: **RM 158.5 Juta**

Lokasi: **Seksyen 7, Shah Alam**

Tanjung 12 Sanitary Landfill

Glomac Business Centre, Kelana Jaya

Kuantan Tembeling Resort Apartment, Kuantan

Menara Worldwide, Jalan Bukit Bintang

- b) **PRESTASI ASET**

Aset-aset tersebut akan digunakan bagi tujuan penyewaan dan kegunaan sendiri

Nyatakan jumlah aset tunai dan aset tidak alih serta lokasi hartanah milik Kumpulan Worldwide:

**Prestasi aset-aset tersebut
untuk masa hadapan Worldwide:**

Sehingga 31/10/13:

Aset tunai:

Tunai dan baki di bank	: RM38,098,951 (termasuk Akaun Pembangunan Perumahan (HDA) RM30,489,127)
Simpanan Tetap	: RM64,324,326

Modal kerja

Aset tidak alih:

Bangunan:

Worldwide @ 7, Seksyen 7, Shah Alam (2 units)	: RM2,990,506
Glomac Business Centre (1 unit)	: RM2,803,281
Apt Kuantan Tembeling Resort (1 unit)	: RM440,000

Pejabat

Sewa

Sewa

Tanah (Untuk pembangunan):

Subang Bestari, Seksyen U5, Shah Alam
Alami, Seksyen 13, Shah Alam
Puncak Bestari, Puncak Alam
Kapar Bestari, Kapar
Worldwide Business Park, Sek 13, S.Alam

Pembangunan	471,997,918
Pembangunan	189,830,445
Pembangunan	290,594,383
Pembangunan	492,535,729
Pembangunan	52,843,700

**Gross
Development
Value (GDV)
RM**

1,497,802,175

Gross Development Cost (GDC) RM	Gross Profit RM
320,081,437	151,916,481
133,658,886	56,171,559
240,779,312	49,815,071
297,131,385	195,404,344
31,106,146	21,737,554
1,022,757,166	475,045,009

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PUSAT LATIHAN AWAM SELANGOR

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan struktur, pengurusan, pengarah dan lokasi pusat latihan ini?
- b) Apakah fungsi pusat-pusat latihan?
- c) Sejauh manakah sumbangan pusat latihan tersebut terhadap tahap perkhidmatan awam Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS) diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada tiga (3) pusat latihan iaitu:
 - i) Pusat Latihan Awam Selangor (Ibu Pejabat) di Morib, Kuala Langat;
 - ii) Pusat Latihan Penguat kuasa Selangor (PULAPES), Jugra, Kuala Langat; dan
 - iii) Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi (ALIM), Jugra, Kuala Langat.

Berdasarkan semakan terhadap data perjawatan yang dikemas kini, struktur pengurusan PLAS terdiri daripada jawatan-jawatan berikut:

No.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Ketua Penolong Setiausaha (Dasar) - Merangkap Pengarah	PTD M48	1
2.	Timbalan Pengarah	PTD M44	1
3.	Pegawai Tadbir	N44	2
4.	Komandan	N27	1
5.	Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1
6.	Timbalan Komandan	N22	1
7.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1
8.	Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)	N17	2
9.	Pembantu Am Pejabat	N1	1
10.	Pemandu	R1	3
Jumlah keseluruhan			14 orang

- b) Pada awal penubuhan PLAS pada tahun 2006, PLAS yang dahulunya dikenali sebagai Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan (ILPBT) telah memberi penekanan kepada program-program latihan untuk kumpulan pegawai peringkat Pengurusan dan Profesional (P&P) PBT Negeri Selangor. PLAS juga turut mengadakan kursus-kursus untuk lain-lain anggota perkhidmatan PBT termasuk untuk Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, pihak PLAS juga turut mengadakan latihan-latihan kepada kakitangan kumpulan pelaksana dan kursus-kursus dengan usah sama beberapa agensi-agensi kerajaan antaranya Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan lain-lain.

Setelah penjenamaan dan kajian semula dijalankan, kini PLAS berperanan menyediakan kursus / bengkel / seminar yang merangkumi aspek sistem penyampaian perkhidmatan teras (*core-business*) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Antara kursus / bengkel / seminar yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i) **Kursus Pengurusan dan Perundangan Tanah Negeri Selangor**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran asas mengenai aspek pentadbiran dan perundangan tanah.
- ii) **Kursus Kemahiran Pemetaan MapInfo**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberi latihan kemahiran kepada Penolong Pegawai Tanah tentang pemetaan tanah menggunakan perisian MapInfo.
- iii) **Kursus Asas Fotografi Dan Photoshop**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberi latihan kemahiran asas tentang fotografi dan photoshop bagi membantu anggota pentadbiran tanah menyediakan laporan persempadanan tanah dengan tepat.
- iv) **Kursus Asas Kemahiran AutoCAD & Web-Based Pengurusan Tanah Negeri Selangor**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberikan latihan kemahiran asas kepada anggota pentadbiran tanah tentang penggunaan perisian AutoCAD bagi menyediakan persempadanan tanah yang lengkap.
- v) **Kursus Aplikasi Pemetaan Tanah Untuk Pegawai Petempatan Dan Pelukis Pelan**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberikan pengetahuan tentang cara mengendalikan kerja pemetaan dan lukisan teknikal.

- vi) **Kursus Pementapan Pengurusan Kumpulan Penghulu Selangor**
Objektif pelaksanaan kursus: Mendedahkan kepada para Penghulu tentang prosedur dan perundangan tanah, pengurusan harta pusaka dan meningkatkan pengetahuan berkenaan faraidh.

PULAPES pula bertanggungjawab menyediakan kursus-kursus khas kepada Pegawai Penguatkuasa di Pejabat Daerah / Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor antaranya:

- i. **Kursus Asas Penguatkuasa**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberikan latihan disiplin dan pengetahuan tentang aspek perundangan dan *Standard Operation Procedure* (SOP) dalam penguatkuasaan.
 - ii. **Kursus Jatidiri PDT(Penguatkuasa)**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberikan latihan ke arah membentuk keperibadian penguatkuasa yang tahan lasak dan profesional.
 - iii. **Kursus Iringan Orang Kenamaan Siri 1 (Tahap 1)**
Objektif pelaksanaan kursus: Mendedahkan penguatkuasa berkaitan prosedur mengiringi orang kenamaan.
 - iv. **Kursus Orentasi Koperal & Sarjan**
Objektif pelaksanaan kursus: Memberikan latihan kepimpinan kepada penguatkuasa berpangkat Koperal dan Sarjan dalam memimpin pasukan penguatkuasa.
- c) PLAS menyediakan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan peningkatan kerjaya. Hasil daripada pelaksanaan kursus-kursus tersebut sehingga kini terdapat lebih daripada 1000 orang kakitangan awam yang berkhidmat di PBT dan PDT Negeri Selangor serta lebih 500 orang Ahli Majlis PBT Negeri Selangor telah mengikuti pelbagai kursus dari tahun 2006 hingga kini. Pihak PLAS Morib dan PLAS PULAPES senantiasa menumpukan perhatian untuk mengadakan kursus-kursus yang dicadangkan oleh pihak Pejabat Tanah / Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor selain memartabatkan proses pembelajaran sepanjang hayat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : HARTA ASET PNSB

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan nilai aset tunai dan bukan tunai PNSB?
- b) Nyatakan nilai, keluasan dan lokasi aset hartanah PNSB?
- c) Nyatakan nilai dan keuntungan aset PNSB yang telah dijual?

JAWAPAN:

- a) Senarai aset tunai dan bukan tunai PNSB sehingga 31 Oktober 2013 adalah seperti berikut :-

JENIS ASET	NILAI (RM)
Aset Tunai	48,111,000
Aset Bukan Tunai	852,254,000
Jumlah	900,365,000

- b) Senarai nilai kos, keluasan dan lokasi aset hartanah PNSB adalah seperti berikut:-

JENIS HARTANAH	LOKASI	NILAI KOS (RM)
Tanah	Lampiran 1 (m/s 1)	724,979,000
Bangunan (Kediaman)	Al-Marwa, Mekah	11,624,000
Bangunan Kedai/Pejabat	Bandar Baru Salak Tinggi	36,691,000
Rumah Kediaman	Taman Kandis Permai	90,000
Rumah Kedai	Taman Kandis Permai	743,000
Rumah Kediaman	Taman Wira Permai	1,344,000
Jumlah		775,471,000

- c) Nilai dan keuntungan aset tanah PNSB yang telah dijual adalah seperti di [Lampiran 1](#) (muka surat 2).

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
SENARAI ASET HARTANAH

BIL	NO. LOT / PT	NO. HAKMILIK HS (D)	KAWASAN	MUKIM	DAERAH	ACREAGE	NILAI KOS (RM)
1	832, 833, 836, 837, 838	5742, 5743, 5746, 5747, 5748	BESTARI JAYA	ULU TINGGI	KUALA SELANGOR	565.15	39,374,674.27
2	5616 - 5624	5704 - 5712	BESTARI JAYA	BISTARI JAYA	KUALA SELANGOR	821.87	66,699,659.20
3	6595 - 6606	24001 - 24012	PLOT 1 - 12	BATANG BERJUNTAI	KUALA SELANGOR	822.039	351,190.00
4	-	-	BUKIT BADONG	IJOK	KUALA SELANGOR	40.544	39,591.00
5	1995, 2018	11502, 44200, 53432	BUKIT BERUNTUNG	SERENDAH	HULU SELANGOR	264.29	69,238,687.60
6	2066, 2067, 3243	40124, 5282, 8160	BUKIT BERUNTUNG	ULU YAM	HULU SELANGOR	1011.69	270,943,784.75
7	13511	51471	BANDAR SERENDAH	SERENDAH	HULU SELANGOR	246.04	3,796,000.00
8	10 - 12	40171 - 40173	TAMAN AGROTEK	BANDAR SUNGAI CHIK	HULU SELANGOR	544.52	9,117,337.00
9	9701	8106	BANDAR SERENDAH	SERENDAH	HULU SELANGOR	85.76	1,000.00
10	20316	45436	PLOT B	SERENDAH	HULU SELANGOR	12.81	2,470.00
11	1818 / PT7810	99967	AMPANG	AMPANG	HULU LANGAT	49.187	2,866,071.00
12	1170	142070	PEKAN PUCHONG PERDANA	PETALING	PETALING	155	155,000.00
13	15	143323	PRECINT 2.9, PUSAT BANDAR	SHAH ALAM	PETALING	3.47	16,722,081.75
14	47958	272136	SUBANG	SUNGAI BULOH	PETALING	22.8	96,313.00
16	519	18614	TANJONG RHU, PULAU CAREY	JUGRA	KUALA LANGAT	400	205,104.00
15	2502 - 2508, 5599	807 - 813, 1686	PEKAN MORIB	MORIB / KELANANG	KUALA LANGAT	35.01	226,910.96
17	503 - 510	102503 - 102510	SEKSYEN 1	PEKAN MORIB	KUALA LANGAT	22	28,852.00
18	4, 5, 505	18525, 18526, 102505	MORIB	MORIB	KUALA LANGAT	13.395	1,500,000.00
19	96041	37962	PULAU INDAH	KLANG	KLANG	1.99	32,116.00
20	17302, 17307, 17309, 17310	64819 - 64822	BANDAR BARU SALAK TINGGI	DENGKIL	SEPANG	21.34	6,631,917.12
21	1563 - 1571, 1687	PN77808 - 77812, PN77814	BANDAR BARU SALAK TINGGI	DENGKIL	SEPANG	15	4,661,312.88
22	26612	17214	BANDAR BARU SALAK TINGGI	DENGKIL	SEPANG	16	1,000.00
23	2164	31844	BANDAR BARU SALAK TINGGI	DENGKIL	SEPANG	100	1,000.00
24	8228	4602	LADANG AIR MANIS	PANCHANG BEDENA	SABAK BERNAM	25	52,289.00
25	3859 - 3866	5302 - 5309	ALAM PERDANA	IJOK	KUALA SELANGOR	1373.01	232,234,304.00
JUMLAH KOS KASAR							724,978,665.53
SUSUTNILAI							(5,989,146.29)
JUMLAH KOS BERSIH							718,989,519.24

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD					LAMPIRAN 1
ASET HARTANAH PNSB YANG TELAH DIJUAL					
JUALAN	LOKASI	S & P	KOS JUALAN (RM)	NILAI KOS (RM)	KEUNTUNGAN (RM)
TANAH	SG JERLOK, KAJANG	AMALAN SETAR SDN BHD	50,265,450.00	1,877,053.22	48,388,396.78
TANAH	LOT 56674, KAJANG	TEKNOLOGI BUDAYA TEKUN	25,510,000.00	18,108,219.17	7,401,780.83
TANAH	SEKSYEN U10, SHAH ALAM	GREENHILL SDN BHD	35,000,000.00	8,644,431.68	26,355,568.32
KEDAI / PEJABAT	BANDAR BARU SALAK TINGGI	-	33,287,200.00	19,143,121.17	14,144,078.83
KEDAI / KEDIAMAN	TAMAN KANDIS PERMAI	-	9,113,526.09	6,848,290.00	2,265,236.09
KEDAI / KEDIAMAN	TAMAN WIRA PERMAI	-	6,379,200.00	6,426,000.00	(46,800.00)
		JUMLAH	159,555,376.09	61,047,115.24	98,508,260.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR JALANRAYA

150. Penyelenggaraan Infra Jalan raya (MARRIS)

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan, serta baki yang belum dibelanjakan?
- b) Berapakah pecahan peratus peruntukan agihan mengikut kilometer jalan di bawah Majlis Perbandaran Tempatan, JKR dan Pejabat Daerah Tanah bagi setiap daerah?
- c) Apakah kaedah penyelenggaraan boleh buat? berdasarkan *out of specification*, aduan atau berkala?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan yang telah dibelanjakan bermula dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2013 adalah berjumlah **RM1,626,860,986.98**.

Tahun	Perbelanjaan (RM)
2008	379,606,203.32
2009	328,751,219.30
2010	243,610,288.00
2011	218,512,005.70
2012	178,121,209.15
2013	278,260,061.51
JUMLAH	1,626,860,986.98

Baki yang belum dibelanjakan dari tahun 2008 sehingga 31 Oktober 2013 adalah berjumlah **RM728,877,165.10**.

- b) Berikut merupakan pecahan peratus peruntukan agihan mengikut kilometer jalan di bawah Majlis Perbandaran Tempatan:-

BIL	PBT	PANJANG JALAN (KM)	CADANGAN PERUNTUKAN TAMBAHAN (KOS SENGGARAAN RM31,000/KM)	
			10%	TAMBAHAN 10% MENGIKUT PANJANG JALAN (RM)
1	MBSA	2,175.33	217.53	6,743,513.70
2	MBPJ	1,450.30	145.03	4,495,936.20
3	MPSJ	151.853	15.19	470,744.30
4	MPKJ	1,636.37	163.64	5,072,734.60
5	MPS	314.409	31.44	974,667.90
6	MPK	1,442.61	144.26	4,472,084.80
7	MPAJ	484.429	48.44	1,501,729.90
8	MPSP	237.481	23.75	736,191.10
9	MDKS	678.005	67.8	2,101,815.50
10	MDSB	284.417	28.44	881,692.70
11	MDHS	529.187	52.92	1,640,479.70
12	MDKL	1,330.37	133.04	4,124,147.00
JUMLAH		10,714.75	1,071.48	33,215,737.40

Manakala pecahan peruntukan bagi JKR dan Pejabat Daerah / Tanah adalah seperti berikut:-

Bil	Agensi	Peruntukan (RM)
1	JKR (Panjang jalan JKR : 4,275.492 km) * data sehingga 12 November 2013	81,215,120.00
2	Pejabat Daerah / Tanah (Setiap PD/T RM500,000.00 bagi Fasa 1 & 2)	9,000,000.00

- c) Kaedah penyelenggaraan negeri mengikut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia terbahagi kepada empat (4) kategori utama seperti berikut:-
- i) **Penyelenggaraan Rutin (Berjadual)**
Kerja-kerja penyelenggaraan rutin adalah kerja penyelenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
 - ii) **Penyelenggaraan Berkala**
Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan.
 - iii) **Penyelenggaraan Kecemasan**
Kerja-kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera.
 - iv) **Penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive*)**
Kerja-kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan mengambil tindakan tersebut boleh menyebabkan implikasi kewangan yang tinggi dan boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PERTANIAN DESA

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi kerajaan dalam memajukan tanah pertanian sebagai program pembangunan desa?
- b) Apakah program-program yang telah dijalankan bagi menggandakan pendapatan petani, penternak dan nelayan?
- c) Apakah strategi pembangunan desa yang melibatkan usaha memodenkan industri pertanian, penternakan dan perikanan?

JAWAPAN:

- a) Strategi Kerajaan Negeri dalam memajukan tanah pertanian sebagai satu program pembangunan desa adalah dengan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi di kawasan Barat Laut Selangor yang terletak di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Bagi tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa, Program Taman Agroteknologi/ Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dibangunkan di atas tanah kerajaan negeri di mana ianya melaksanakan projek pertanian secara bersepadu yang turut berintegrasi dengan projek-projek perikanan dan penternakan. Dalam aspek pembangunan pertanian di desa, strategi meningkatkan pendapatan dan nilai keempunyaan (ownership) penduduk kampung adalah dengan cara memperkasa ilmu dan kemahiran masyarakat desa dengan mengadakan beberapa siri bengkel bersama Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan pertanian di Negeri Selangor.
- b) Bagi meningkatkan pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan beberapa program telah dan sedang dilaksanakan. Antara Program-program tersebut adalah seperti berikut:
 - i) Program Peningkatan Hasil Padi
 - ii) Pertanian Lestari – Teknologi Natural Farming
 - iii) Program Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
 - iv) Projek Pembangunan Tanaman Kelapa
 - v) Projek Pembangunan Industri Buah-buahan
 - vi) Projek Pembangunan Industri Sayuran

- vii) Projek Pembangunan Bunga-bunga dan Tanaman Hiasan
 - viii) Skim Pengganda Ruminan Selangor (Ternakan Lembu dan Kambing)
 - ix) Skim Penternakan Breedlot
 - x) Skim Merakyatkan Ekonomi Penternak Negeri Selangor
 - xi) Skim Transformasi Ternakan Unggas
 - xii) Projek Ayam Pedaging
 - xiii) Projek Lembu dan Kambing
 - xiv) Program Kebun Kerang
 - xv) Bantuan Peralatan Kepada Petani, Penternak dan Nelayan
- c) Strategi bagi memodenkan industri pertanian adalah dengan memberi tumpuan kepada teknologi terkini yang membolehkan penghasilan produk komersial bernilai tinggi walaupun dengan keluasan tanah yang terhad. Antara teknologi yang diberi tumpuan adalah teknologi penanaman secara fertigasi secara output atau pun secara terbuka.

Penggunaan mekanisasi di kawasan sawah iaitu menggalakkan penanaman padi secara 'transplanter' serta mempromosi amalan pertanian baik melalui penanaman secara 'Natural farming' selari dengan gaya hidup pengguna masa kini yang mementingkan makanan yang kurang sisa baki racun. Pada masa yang sama alam dapat dilestarikan dalam jangka masa panjang serta mengurangkan kos pengurusan ladang bagi petani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PERTUMBUHAN EKONOMI

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sasaran pertumbuhan ekonomi Selangor untuk 5 tahun akan datang?
- b) Apakah strategi untuk mencapai sasaran tersebut?

JAWAPAN:

(a) dan (b)

Kerajaan negeri Selangor sentiasa komited untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi membantu rakyat menghadapi keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Sehubungan itu, bagi tahun-tahun yang akan datang, kerajaan negeri Selangor telah mensasarkan pertumbuhan ekonomi melalui pemfokusan dan strategi seperti berikut :

i) Melaksanakan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Melalui program MES, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti serta membangunkan pelbagai sumber supaya rakyat semua kaum tanpa mengira perbezaan agama mahupun fahaman politik dapat sama-sama menikmati hasil kekayaan selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negeri Selangor. Pelaksanaan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor ini akan menjadikan kebajikan dan kualiti hidup rakyat lebih baik dan sekali gus rakyat dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera. Pelaksanaan MES yang dijalankan secara berperingkat melalui fasa demi fasa telah dipergiat dan ditambah baik supaya lebih banyak kekayaan dapat dikongsi dan dinikmati oleh rakyat Selangor.

ii) Kemapanan sektor ekonomi terutama sektor perindustrian dan perdagangan

Sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri malah ia merupakan nadi ekonomi negara. Sehubungan itu, adalah menjadi strategi kerajaan negeri untuk melonjakkan negeri Selangor sebagai negeri perindustrian dan perdagangan. Untuk makluman, negeri Selangor mempunyai sektor pembuatan seperti elektronik, bahan kimia dan kenderaan automotif yang terbesar di Malaysia seperti kereta Proton dan Perodua. Kilang-kilang kereta import juga banyak beroperasi di negeri ini seperti Toyota, Nissan, Volkswagen dan banyak lagi. Selain itu, banyak juga

kilang-kilang dari luar negara yang bertapak di negeri yang antaranya adalah kilang Panasonic dari Jepun, Procter & Gamble dari Amerika Syarikat dan lain-lain. Manakala antara kawasan perindustrian yang terkenal ialah di Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Kajang, Rawang dan Petaling Jaya.

iii) Memperkasa sektor pertanian

Selangor juga telah menunjukkan prestasi yang baik dalam sektor pertanian dengan mencatatkan beberapa kejayaan industri pertanian sejak lima (5) tahun lepas. Sehubungan itu, kerajaan negeri komited untuk meningkatkan hasil tanaman negeri melalui pengeksploitan dan pencarian kaedah-kaedah baru bagi meningkatkan hasil tanaman. Selain itu, kualiti dan nilai pembungkusan hasil pertanian juga ditambah baik bagi memastikan hasil yang dikeluarkan menepati kehendak pelanggan.

iv) Peningkatan kualiti hidup dan pembasmian kemiskinan

Peningkatan kualiti hidup rakyat merupakan agenda utama kerajaan negeri bagi membolehkan Selangor menuju ke arah kemodenan dan kemajuan yang mapan. Sehubungan itu, harapan ini direalisasikan dengan memenuhi keperluan kehidupan asasi rakyat melalui kemajuan taraf pendidikan, keamanan yang berterusan, hak untuk memiliki harta dan jaminan generasi masa depan yang cemerlang.

v) Pengurusan Perbandaran

Pengurusan perbandaran yang teratur mencerminkan kualiti hidup yang sihat. Oleh itu, penyediaan kemudahan awam yang sempurna serta kawasan perbandaran yang bersih dan indah menjadi strategi kerajaan negeri sejajar dengan peredaran semasa. Dalam memastikan kecemerlangan ini diteruskan pada masa-masa akan datang, kerajaan negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memastikan aspek asas perbandaran diberi perhatian yang serius.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : PERMOHONAN HADIAH PENGAJIAN IPT

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan jumlah permohonan Hadiah Pengajian IPT di Negeri Selangor?
- b) Jumlah permohonan yang diluluskan dan ditolak di dalam DUN Teluk Datok sejak Tahun 2008 hingga Oktober 2013?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan Hadiah Pengajian IPT adalah seperti berikut:

TAHUN	PERMOHONAN LAYAK	PERMOHONAN TIDAK LAYAK	JUMLAH KESELURUHAN
2008	3,718	1,380	5,098
2009	6,019	1,925	7,944
2010	8,162	2,277	10,439
2011	7,642	2,339	9,981
2012	7,389	2,145	9,534
**2013	3,195	1,589	4,784
JUMLAH KESELURUHAN	36,125	11,655	47,780

***Sehingga 31 Oktober 2013*

- b) Jumlah permohonan yang diluluskan dan ditolak di dalam DUN Teluk Datok hanya dapat disediakan bagi tahun 2012 dan 2013 sahaja memandangkan pada tahun 2012 Urus Setia HPIPT telah membuat penambahbaikan pada sistem tersebut iaitu dengan memasukkan maklumat DUN dan Parlimen di dalam Sistem berkenaan.

TAHUN	PERMOHONAN LAYAK	PERMOHONAN TIDAK LAYAK
2012	271	25
**2013	104	36
JUMLAH KESELURUHAN	375	61

***Sehingga 31 Oktober 2013*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMILIKAN ASET PKPS

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan nilai seluruh aset tunai dan tidak tunai PKPS?
- b) Nyatakan keluasan dan lokasi aset hartanah PKPS?
- c) Nyatakan aset PKPS yang telah dijual dan keuntungannya dari 2008-2013?

JAWAPAN:

- a) Nilai seluruh aset tunai dan tidak tunai PKPS pada 30 September 2013 adalah seperti berikut :

Butiran	RM Juta
Aset Tunai	95.2
Aset Bukan Tunai	418.5
Jumlah	513.7

- b) Keluasan hartanah PKPS adalah berjumlah 7,012 hektar. Amnya, hartanah-hartanah ini merupakan tanah berstatus 'Pertanian'. Lokasi aset hartanah ini pula terletak di seluruh Negeri Selangor, di Gua Musang (Kelantan) dan di Lahad Datu (Sabah). Daripada jumlah tersebut, keluasan ladang kelapa sawit PKPS sahaja ialah 5,194 hektar, iaitu 74.% daripada keseluruhan hartanah PKPS.
- c) i) Keuntungan penjualan aset tanah PKPS bagi tempoh masa tahun 2008 hingga tahun 2013 adalah seperti berikut :

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013
	RM JUTA					
Keuntungan Jualan Aset	38.80	12.95	(*) 102.43	19.53	3.94	4.85

- ii) Aset-aset yang telah dijual oleh PKPS merupakan aset tanah sahaja. Penjualan ini telah diputuskan oleh Jemaah Ahli PKPS atas sebab-sebab berikut :

- Tanah-tanah terlibat telah diterokai oleh pengusaha-pengusaha haram sebelum hakmilik tanah diberikan kepada PKPS. Penjualan dibuat kepada pengusaha sedia ada (*first right of refusal*) pada harga pasaran semasa.

- (*) Pada tahun 2007, PKPS telah menjual ladang sawit di Miri Sarawak. PKPS telah pada tahun 2008 berusaha untuk menamatkan perjanjian jual beli tanah ini melalui tindakan undang-undang. Dukacita, Mahkamah Tinggi Miri telah menolak permohonan PKPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan struktur, pasukan pengurusan dan lembaga pengarah kumpulan serta anak syarikatnya?
- b) Apakah objektif penubuhan Kumpulan Hartanah?
- c) Nyatakan pinjaman/liabiliti kumpulan yang sedang berlaku dan statusnya?

JAWAPAN:

- a) Sila rujuk kepada [Lampiran 1](#) untuk pasukan pengurusan dan lembaga pengarah kumpulan serta anak syarikatnya.
- b) Kumpulan Hartanah di tubuhkan sebagai peneraju utama sektor hartanah untuk KDEB di mana KDEB adalah cabang pelaburan utama negeri Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk mencapai kecemerlangan korporat melalui sektor perniagaan seperti Infrastruktur & Utiliti, Hartanah dan Hospitaliti & Rekreasi. Penubuhan Kumpulan Hartanah telah menghasilkan sebuah syarikat yang teratur dan memiliki jumlah keluasan tanah pembangunan yang besar di samping berpengalaman luas dalam pembangunan hartanah, pengurusan hartanah, pengurusan projek dan pembinaan.
- c) Senarai dan status pinjaman Kumpulan Hartanah serta anak syarikatnya adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Jenis Pinjaman	Nama Institusi Kewangan	Status pada 31 Okt'13
1	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad	Pinjaman jangka panjang	CIMB Bank Berhad	RM 71.5 Juta
2	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad	Pinjaman jangka panjang	Malaysia Building Society Berhad	RM 45.0 Juta
3	SAP Holdings Berhad	Overdraf	Malayan Banking Berhad	RM 12.0 Juta
4	SAP Holdings Berhad	Pinjaman jangka pendek	Malayan Banking Berhad	RM 14.0 Juta

Bil.	Nama Syarikat	Jenis Pinjaman	Nama Institusi Kewangan	Status pada 31 Okt'13
5	Central Spectrum (M) Sdn Bhd	Pinjaman jangka panjang	RHB islamik Bank Berhad	Kemudahan pinjaman bernilai RM50.0 Juta masih belum diguna
Jumlah				RM 142.5 Juta

LAMPIRAN 1

LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

Bil. Nama

- 1 RAJA HAJI IDRIS RAJA KAMARUDIN
- 2 SUHAIMI BIN KAMARALZAMAN
- 3 LEE SIEW CHOONG
- 4 DATO' HAJI IBRAHIM BIN MD YUSOF
- 5 ABDUL HAMID BIN MOHAMED GHOWS

PENGURUSAN KANAN KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 TASEANDRAN RASIAH
- 3 JEFFREY FOO KWAN PHENG
- 4 MUHAMMAD SHAH ABD. AZIZ
- 5 EDI ZUHRI ABD RAHIM
- 6 ZANNIFA AZURA AHMAD
- 7 ZAINI TENGKU KHAIRUDDIN

Jawatan

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- PENGURUS BESAR, JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN
- PENGURUS BESAR, JABATAN PEMASARAN & JUALAN
- KETUA JABATAN PENTADBIRAN TANAH & PENGUATKUASAAN
- PENOLONG PENGURUS BESAR, PERANCANGAN KORPORAT, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & PERHUBUNGAN KERAJAAN
- PEMANGKU PENGURUS BESAR, JABATAN KEWANGAN
- PENGURUS KANAN, JABATAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
- PENGURUS, JABATAN KONTRAK
- PEGAWAI, UNIT PEMATUHAN ("COMPLIANCE")
- PENGURUS, PENGURUSAN HARTANAH, SAP URUS HARTA KESETIAUSAHAAN SYARIKAT
- PEMANGKU KETUA JABATAN UNDANG-UNDANG

LEMBAGA PENGARAH CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD

Bil. Nama

- 1 RAJA HAJI IDRIS RAJA KAMARUDIN
- 2 SUHAIMI BIN KAMARALZAMAN
- 3 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 4 YBHG. DATO' AZLAN BIN HASHIM
- 5 YB DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN
- 6 ADAM SHAH BIN AZLAN (Pengarah bergilir kepada YBhg Dato' Azlan Hashim)

PENGURUSAN KANAN CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD

Bil. Nama

- 1 MAHMUD ABAS
- 2 NOOR AZHURIL ADNAN
- 3 MOHAMAD RAZIF ABDUL WAHAB
- 4 AHMAD INZUDDIN MOHD HASHIM
- 5 ALAN GAN CHEE WAN
- 6 SAMSUDDIN ISMAIL
- 7 RAHANA ABDULLAH
- 8 JUNED MUSTAFA
- 9 IR ABDUL RAZAK ADAM
- 10 MOHD AMRAN HUSAIN
- 11 AZWAN AZMI
- 12 WAN MAZRI WAM RAMLI
- 13 JASON POON CHEE SENG
- 14 HASHIMAH MD ISA

Jawatan

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- PENGURUS BESAR, JABATAN PEMBANGUNAN
- PENGURUS BESAR, JABATAN PEMASARAN & JUALAN
- KETUA JABATAN PEMBANGUNAN "SELANGOR HALAL HUB"
- KETUA JABATAN "PROCUREMENT & CONTRACT"
- PENOLONG PENGURUS BESAR, JABATAN KEWANGAN & PENTADBIRAN
- PEMANGKU PENOLONG PENGURUS BESAR, JABATAN PEMASARAN & JUALAN
- PEMANGKU PENGURUS KANAN, JABATAN PEMBANGUNAN
- PENGURUS, PROJEK
- PENGURUS, HARTANAH
- PENGURUS, JABATAN KEWANGAN & PENTADBIRAN
- PENGURUS, KAWALAN KREDIT
- PENGURUS, PEMASARAN
- KESETIAUSAHAAN SYARIKAT

LEMBAGA PENGARAH SAP HOLDINGS BERHAD, SAP ULU YAM SDN BHD & SAP URUS HARTA SDN BHD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH

PENGURUSAN KANAN SAP HOLDINGS BERHAD, SAP ULU YAM SDN BHD & SAP URUS HARTA SDN BHD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH

Jawatan

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- KETUA PEGAWAI KEWANGAN

LEMBAGA PENGARAH SAP LANGKAWI DEVELOPMENT SDN BHD & SAP LEISURE & RESORT SDN BHD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH
- 3 MD HIZIR BIN ZABIDI @ SHAFIE

PENGURUSAN KANAN SAP LANGKAWI DEVELOPMENT SDN BHD & SAP LEISURE & RESORT SDN BHD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH

Jawatan

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- KETUA PEGAWAI KEWANGAN

LEMBAGA PENGARAH TEMPLER PARK GOLF & RESORT BERHAD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH
- 3 DATO' HJ. MOHAMMED KHUSRIN BIN HJ. MUNAWI

PENGURUSAN KANAN TEMPLER PARK GOLF & RESORT BERHAD

Bil. Nama

- 1 HASHIM KAMIL BIN HARUN MAHMUD HASHIM
- 2 AZLAN BIN MD ALIFIAH

Jawatan

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- KETUA PEGAWAI KEWANGAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (SPN
SELANGOR)**


156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan nama jawatan, bilangan dan lokasi penempatan kakitangan di bawah suruhanjaya?
- b) Nyatakan jumlah pegawai kontrak yang diambil dari 2008-2013 dan tugas mereka?
- c) Apakah prosedur pengambilan kakitangan di bawah SPN?

JAWAPAN:


- a) Nama jawatan, bilangan dan lokasi penempatan kakitangan di bawah pelantikan Suruhanjaya adalah seperti di [LAMPIRAN I](#).
- b) Terdapat dua jenis **Pengambilan Kakitangan secara kontrak iaitu Pelantikan Kontrak Selepas Bersara oleh SPN Selangor dan Pelantikan Kontrak oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor:-**
 - i) Pelantikan Kontrak Selepas Bersara adalah seperti di [LAMPIRAN II](#).
 - ii) Pelantikan Kontrak yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti di [LAMPIRAN III](#).
- a) Nilai aset tunai dan bukan tunai KSSB pada 31^{hb} Disember 2012 mengikut akaun beraudit tahun kewangan 2012 adalah seperti berikut;

Aset	Jumlah (RM)
Tunai Di Tangan	8,118
Tunai Di Bank	2,631,189
Pelaburan Jangka Pendek & Simpanan Tetap	15,050,000
Aset Bukan Tunai	1,189,894
Jumlah	18,879,201

- b) Senarai lokasi operasi perlombongan pasir yang aktif di seluruh Selangor pada Oktober 2013 adalah seperti jadual berikut;

Bil.	Lokasi	Kategori	Keluasan (Ekar)	Nilai Jualan Jan - Sept 2013 (RM Juta)
1	PT 6232, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong GLC	50	4.41
2	PT 610, Hulu Tinggi, Kuala Selangor	Lombong GLC	100	2.48
3	PT 5010 dan PT 5170, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong GLC	96	4.68
4	PT 24578 dan PT 28750, Tanjung Dua Belas, Kuala Langat	Lombong GLC	120	13.67
5	Kolam A & B, ABASS, Dengkil, Selangor	Lombong GLC	172	5.12
6	Goldgraf, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong Persendirian	120	1.06
7	Jarom Angkut, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong Persendirian	123	4.70
8	Tuah Arus Air, Dengkil, Sepang	Lombong Persendirian	49	1.52
9	APMC, Rawang, Gombak	Lombong Persendirian	50	0.16
10	First Reap, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	36	1.93
11	Tai Koon, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	24	1.69
12	Zanjabil, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	20	0.69
Jumlah			960	42.11

- c) Senarai kontraktor yang telah dilantik oleh KSSB untuk operasi perlombongan pasir yang aktif pada Oktober 2013 adalah seperti berikut;

Bil.	Lokasi	Kategori	Kontraktor
1	PT 6232, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong GLC	Transcend Heritage
2	PT 610, Hulu Tinggi, Kuala Selangor	Lombong GLC	Saujana Biru Sdn. Bhd.
3	PT 5010 dan PT 5170, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong GLC	CST Mining Sdn. Bhd.
4	PT 24578 dan PT 28750, Tanjung Dua Belas, Kuala Langat	Lombong GLC	Cheong Weng Trading
5	Kolam A & B, ABASS, Dengkil, Selangor	Lombong GLC	Bright Century
6	Goldgraf, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong Persendirian	Goldgraf Sdn. Bhd.
7	Jarom Angkut, Bestari Jaya, Kuala Selangor	Lombong Persendirian	Jarom Angkut Sdn. Bhd.
8	Tuah Arus Air, Dengkil, Sepang	Lombong Persendirian	Tuah Arus Air Sdn. Bhd.
9	APMC, Rawang, Gombak	Lombong Persendirian	Associated Pan Malaysian Cement
10	First Reap, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	First Reap Sdn. Bhd.
11	Tai Koon, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	Tai Koon Venture Sdn. Bhd.
12	Zanjabil, Tanjung Duabelas, Kuala Langat	Lombong Persendirian	Zanjabil Sdn. Bhd.

Untuk urusan pengangkutan dan jualan pasir, KSSB mengamalkan sistem jualan terbuka di Lombong-lombong GLC kelolaannya. KSSB tidak melantik mana-mana pihak secara spesifik untuk menguruskan pengangkutan dan jualan pasir dari Lombong-lombong GLC ini.

Bagi Lombong-lombong Persendirian, operator lombong-lombong tersebut menjual sendiri pasir kepada pelanggan mereka sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : STANCO PENDIDIKAN SELANGOR

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah adalah ahli-ahli Stanco yang menjaga portfolio pendidikan Selangor?
- b) Apakah polisi yang telah digubal oleh Stanco pendidikan kerajaan negeri?
- c) Apakah kriteria untuk melantik ahli-ahli Stanco tersebut?

JAWAPAN:

- a) Ahli – ahli Jawatankuasa Tetap Pendidikan adalah seperti berikut:
 - i) Majlis Permuafakatan Pendidikan Islam Selangor
 - ii) Perbendaharaan Negeri Selangor
 - iii) Unit Perancang Ekonomi Negeri
 - iv) Jabatan Agama Islam Selangor
 - v) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor
 - vi) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
 - vii) Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
 - viii) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
 - ix) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
 - x) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
 - xi) Majlis Permuafakatan Tadika Selangor
- b) Jawatankuasa Tetap Pendidikan Kerajaan Selangor meletakkan “Pendidikan Untuk Semua” sebagai polisi. Di antara projek – projek Kerajaan Negeri yang dilaksanakan bagi mencapai cita – cita tersebut adalah seperti berikut:
 - i) Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS),
 - ii) Program Bantuan Sekolah
 - iii) Program Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS).
- c) Ahli – ahli Jawatankuasa Tetap Pendidikan yang dilantik adalah berdasarkan kepada jabatan / agensi yang mempunyai bidang / kuasa yang berkaitan dengan Pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS SELANGOR

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan Pusat Dialisis Selangor dan berapakah kos yang diperlukan untuk mendirikan satu Pusat Dialisis Selangor?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi seseorang pesakit buah pinggang untuk mendapatkan lawatan di Pusat tersebut dan berapakah caj bayaran yang dikenakan?
- c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam tempoh 5 tahun akan datang khususnya bagi membantu golongan pesakit yang mengalami penyakit kronik?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak empat (4) buah Pusat Dialisis Rakyat (PDR) telah berjaya diwujudkan dan sebuah lagi masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bil.	Lokasi PDR	Jumlah Mesin	Jumlah Penerima
1	Ampang	12	36
2	Taman Medan	8	15
3	Sementa	8	27
4	Lembah Keramat	5	13
5	Jalan Kebun	Masih menunggu kelulusan KKM	

Setakat ini Kerajaan Negeri tidak menanggung sebarang kos, namun untuk makluman, kos ubahsuai tidak kurang daripada RM200 ribu (termasuk sistem RO & peralatan water treatment) dan kos peralatan boleh melebihi RM500 ribu untuk satu-satu PDR (RM45 ribu satu mesin). Ini tidak termasuk kos-kos pelbagai yang lain. Terdapat 33 buah mesin hemodialisis digunakan dan terdapat seramai 91 orang pesakit telah menerima bantuan.

b) Kriteria yang diguna pakai bagi membolehkan seseorang pesakit mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis Rakyat adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia
- ii) Menetap di Selangor sekurang-kurangnya 5 tahun.
- iii) Merupakan pesakit normal tanpa penyakit kritikal.
- iv) Memiliki Surat Rujukan daripada Hospital.

Keutamaan akan diberikan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Ia juga bergantung kepada keupayaan satu-satu PDR yang berkenaan. Sebagai contoh, jika PDR berkenaan memiliki 10 buah mesin hemodialisis, dan ia menjalankan aktiviti 3 *shif*, maka maksimum pesakit yang mampu diberikan perkhidmatan adalah seramai 30 orang sahaja (satu *shif* 10 orang untuk 10 mesin). PDR tidak menetapkan bayaran kepada pesakit yang mahu menyumbang, tetapi bagi yang benar-benar tidak berkemampuan, PDR akan membantu untuk mendapatkan sumber yang boleh membantu menampung kos yang diperlukan.

c) Bagi tempoh lima (5) tahun akan datang, untuk pesakit buah pinggang, kerajaan negeri akan berusaha untuk mewujudkan lebih banyak PDR bagi membantu mereka dan bagi pesakit-pesakit kronik yang lain Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan untuk membantu pesakit kronik yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : LEBUH RAYA KIDEX

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila bekalkan kertas-kertas kerja, laporan-laporan ataupun minit-minit mesyuarat yang berkenaan semasa Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk pengambilan tanah bagi projek lebuhraya KIDEX.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 6/2012 yang bersidang pada 15 Februari 2012 telah menimbang dan bersetuju secara dasarnya dengan cadangan Projek Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) dan jajaran-jajarannya. Bersama-sama ini dilampirkan keputusan MMKN berkaitan kelulusan Kerajaan Negeri berhubung Projek Lebuhraya KIDEX.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : LINDUNGI ALAM SEKITAR

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan serius mempromosikan usaha-usaha melindungi alam sekitar dengan mengasingkan bahan buangan serta mengitar semula bahan-bahan tersebut?
- b) Nyatakan program-program yang sudah dilaksanakan mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sememangnya serius dalam mempromosikan usaha-usaha melindungi alam sekitar dengan mengasingkan bahan buangan serta mengitar semula bahan-bahan tersebut dengan pelaksanaan pelbagai program di peringkat PBT seperti berikut:
 - i) **Program Penyediaan Fasiliti Pusat Kitar Semula**
Menggunakan konsep '*buy back*' iaitu setiap penghantaran barangan kitar semula ke semua pusat kitar semula akan menerima insentif wang ringgit secara terus daripada pihak operator.
 - ii) **Program Kitar Semula Minyak Masak**
Program ini disertai oleh pengusaha premis makanan dan medan selera awam. Setiap peserta yang menyertai program ini akan diberikan insentif wang ringgit (mengikut kuantiti minyak masak terpakai yang dikumpulkan) setiap kali kutipan dilakukan oleh kontraktor.
 - iii) **Program Kompos Komuniti**
Melalui program ini, PBT akan memberikan tong kompos percuma dan setiap peserta turut diajar kaedah melakukan pengkomposan untuk dilaksanakan di rumah masing-masing. Manfaat yang diperoleh peserta ialah baja kompos percuma hasil daripada aktiviti pengkomposan sisa organik yang mereka lakukan.
- b) Di antara program-program kitar semula yang telah dilaksanakan di beberapa DUN adalah seperti berikut :

BIL.	DUN	PROGRAM	TARIKH
1.	N09	Karnival Rakyat Bersama PKM Dun Permatang Dan Pelancaran Kempen Kitar Semula	15-16 November 2013
2.	N18	Recycle For Charity	9 April 2013
3.	N21	Kempen Kitar Semula	19 Oktober 2013
4.	N34	Kempen Bazar Ramadhan Mampan	22 Julai 2013
5.	N37	Kempen Bazar Ramadhan Mampan	6 Ogos 2013
		Majlis Penerangan Kempen Kitar Semula Minyak Masak	6 November 2013
6.	N39	Kempen Bazar Ramadhan Mampan	24 Julai 2013
7.	N40	Kempen Bazar Ramadhan Mampan	23 Julai 2013
8.	N46	Majlis Penerangan Kempen Kitar Semula Minyak Masak	19 Oktober 2013
9.	N51	Kempen Bazar Ramadhan Mampan	31 Julai 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : ASET DAN PEMILIKAN PKNS

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan nilai dan lokasi semua aset hartanah PKNS?
- b) Nyatakan jumlah aset tunai dan tidak tunai PKNS?
- c) Nyatakan aset hartanah yang telah dijual, nilainya, lokasi serta keuntungan diperoleh?

JAWAPAN:

a)

NILAI BERSIH BANGUNAN / PREMIS PKNS SETAKAT SEPT 2013

Bil	Bangunan/Premis PKNS	Nilai Bangunan & Tanah RM
A	<u>BANGUNAN & PREMIS PKNS</u>	
1	Menara PKNS Petaling Jaya	89,900,363.77
2	Komplek PKNS, Shah Alam	70,495,123.56
3	Komplek PKNS, Bangi	41139196.58
4	Komplek PKNS, Kuala Selangor	24,979,527.55
5	Wisma Yakin, Kuala Lumpur	6,661,320.30
6	Pusat Daerah Sek .6, Shah Alam	6,736,047.59
7	SACC Mall	97,057,301.64
8	Hotel De Palma Ampang	34,346,455.85
9	Hotel De Palma Shah Alam	32,101,396.99
10	Hotel De Palma Sepang	9,747,061.19
11	Hotel De Palma K. S'gor	22,533,521.85
12	Komplek Sukan PKNS, SS7	7,327,204.26
13	Pusat Inkubator/Makmal K/D'sara	5,062,831.95
14	Pejabat Sekretariat MPPB	8,079,361.00
15	SACC Conv	55,013,099.18
16	Kelab Golf Sri Selangor	27,478,960.52
17	Pejabat Jualan, Bernam Jaya	815,290.55
18	Port Dickson Bayu Resort	6,253,418.68
19	Pejabat Projek, Kota Damansara	2,617,000.00
JUMLAH		548,344,483.01

- b) Aset Tunai PKNS sehingga kini berjumlah RM167.89 juta manakala aset tidak tunai berjumlah 3.4 billion.
- c) Tiada aset hartanah PKNS dijual setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : ASET YAYASAN SELANGOR

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan aset tunai dan senaraikan hartanah milik Yayasan mengikut daerah, Parlimen dan DUN?
- b) Apakah status setiap aset hartanah milik Yayasan ketika ini?
- c) Apakah kaedah untuk meningkatkan pendapatan Yayasan melalui aset yang ada?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Sept 13 jumlah aset keseluruhan YS termasuk tunai adalah sejumlah 371juta(aset tunai) YS:RM34.19 juta (jumlah aset semasa: RM106.96juta manakala aset tetap:RM264.73juta).

Nilai semasa hartanah YS adalah **172.1** juta meliputi:

- 3 bangunan utama 2 di Kuala Lumpur dan 1 di Petaling Jaya
- Rumah-rumah kedai di Rawang (7 unit)/Semenyih Sentral (6 unit)/Klang (4 unit) dan Petaling (56 unit)
- Kondominium di Petaling Jaya (39 unit), Rawang (24 unit)
- Rumah teres/banglo Kuala Selangor (14 unit), Rawang (3 unit)
- Tanah-tanah YS adalah pegangan bebas dan pajakan jangka panjang meliputi Klang (di 2 tempat jumlah keluasan **17.59** ekar), Shah Alam (1 tempat jumlah keluasan **1.145** ekar), Ulu Yam (1 tempat jumlah keluasan **13.797** ekar), Kuala Kubu Baru (2 tempat jumlah keluasan **18.5** ekar), Ulu Bernam (1 tempat jumlah keluasan **217** ekar), Dengkil (1 tempat jumlah keluasan **15** ekar), Kuala Lumpur (1 tempat jumlah keluasan **9** ekar), Kuala Langat (tempat jumlah keluasan **3,154** ekar),Gombak (1 tempat jumlah keluasan**8.3625** ekar) termasuk tanah-tanah di Kelang (2), SKC, Dengkil, Serendah, Shah Alam(1), Ulu Yam(1), KKB(2), Condo/Semi-D Templer, Condo Uni Tower PJ, Rumah2 Kedai Damansara, Dana-1, Rawang, Semenyih, Kuala Selangor.

Yayasan Selangor juga memiliki 3 bangunan komersil yang utama dan beberapa aset-aset lain seperti berikut :-

- i) Ibu pejabat YS di Petaling Jaya, Bangunan YS di Bukit Bintang dan Kg. Baru.
 - ii) Rumah kedai, Kondominium, Rumah – rumah teres
 - iii) Kem Bina Semangat
 - iv) Ladang Kelapa Sawit di Pulau Carey.
 - v) Lain–lain tanah yang di dalam proses pembangunan di daerah Petaling, Kuala Langat, Gombak, Kelang, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor.
- b) Hartanah – hartanah ini disewakan sebagai punca pendapatan YS. Manakala lain – lain tanah sedang di dalam proses penyediaan untuk pembangunan hartanah dan pertanian.
- c) Kaedah bagi menambah pendapatan yang sedang dirancang oleh Yayasan Selangor bagi tanah – tanah yang sedia ada ialah dengan mengadakan Pertandingan cadangan pembangunan tanah oleh Arkitek – Arkitek atau konsultan yang berminat.

Selepas itu, Arkitek atau konsultan yang menang akan dilantik sebagai Arkitek perunding untuk kerja-kerja ' *submission* ' seterusnya sehingga Development Order/Kebenaran Merancang² diperolehi.

Seterusnya proses tender bagi penjualan pembangunan selepas Development Order/Kebenaran Merancang² diperolehi bagi mendapatkan pembida tertinggi. Manakala ada sebahagian tanah akan dibangunkan dan diusahakan sendiri oleh Yayasan Selangor mengikut kesesuaian yang kapasiti dan kepakaran yang ada di Yayasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**


TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan struktur, pengarah dan pengurusan LPHS?
- b) Apakah peranan dan fungsi LPHS?
- c) Sejauh manakah keberkesanan LPHS melaksanakan objektif penubuhannya?

JAWAPAN:

a)



b) Peranan dan fungsi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) seperti berikut :-

i) Kapasiti & Peranan LPHS

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor adalah suatu pertubuhan perbadanan (body corporate) dan boleh :-

- a. Mendakwa dan didakwa ;
- b. Membuat kontrak ;
- c. Memiliki harta alih dan tak alih ;
- d. Membuat urus niaga, melupuskan atau menjalankan apa-apa urusan yang berkaitan dengan harta alih dan tidak alih yang terletak hak kepada Lembaga ;
- e. Mengambil tindakan tatatertib ke atas pekerja berdasarkan Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj)(Selangor 2001) ;
- f. Melantik pekerja untuk menjalankan fungsi dan kuasa yang telah diperuntukkan tertakluk kepada syarat- syarat perkhidmatan seperti yang diputuskan oleh pihak Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri ;
- g. Mengadakan daftar pemaju perumahan dan hartanah ;
- h. Memastikan pengurusan dan penyelenggaraan perumahan atau hartanah dilaksanakan mengikut undang-undang ;
- i. Menetapkan dan mengenakan fi, bayaran, faedah dan caj-caj lain berdasarkan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen ;
- j. Melantik atau menggaji ejen, penasihat teknikal, konsultan, kontraktor atau orang lain untuk mengendalikan perniagaan atau mengadakan perjanjian untuk menjalankan fungsi atau tanggungjawabnya atau untuk perkongsian keuntungan atau usaha sama dengan orang atau kumpulan orang ;
- k. Merangka kaedah ke arah penyelesaian projek terbengkalai tertakluk kepada Akta Pemajuan Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan) 1966 ;
- l. Menetapkan dan melaksanakan dasar bagi pembangunan perumahan kepada pembeli ; dan
- m. Melaksanakan tanggungjawab yang diberikan atau diwakilkan berdasarkan undang-undang sedia ada.

ii) Fungsi dan kuasa LPHS

- a. Menyediakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pentadbir Tanah dan pemaju berkaitan perumahan dan hartanah ;
- b. Menyelaraskan antara agensi untuk membolehkan kemajuan pembangunan perumahan dan hartanah dilaksanakan dengan pesat ;
- c. Menggalakkan industri perumahan dan hartanah dari peringkat perancangan pembangunan sehingga penjualan khususnya perumahan awam dan kos rendah ;
- d. Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan,

- pelaksanaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah ;
- e. Mengurus penyelenggaraan kawasan perumahan termasuk kemudahan dan infrastruktur di kawasan tersebut ;
 - f. Menggalak, menyelaraskan dan melaksanakan kajian dan pembangunan dalam semua aspek perumahan dan hartanah secara khususnya mengenai perumahan awam dan kos rendah ;
 - g. Menjadi pusat sumber dan maklumat untuk industri perumahan dan hartanah ;
 - h. Menyediakan laporan penyata kewangan tahunan untuk diaudit dan diluluskan pihak Berkuasa Negeri seterusnya dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor ; dan
 - i. Menjadi ejen pemungut ansuran pinjaman rumah awam kos rendah bagi pihak Kerajaan Negeri untuk dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan sebagai anuiti pinjaman.
- iii) Urus setia kepada Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Peneroka Bandar Negeri Selangor
- c) Antara keberkesanan LPHS dalam melaksanakan objektif penubuhannya adalah seperti berikut : -
- i) Menyediakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pentadbir Tanah dan pemaju berkaitan perumahan dan hartanah :
 - *'Guarded And Gated Community'*
 - Syarat- syarat Pemohon Rumah Kos Rendah
 - Syarat- syarat Penyewaan Program Perumahan Rakyat
 - Mekanisma kapasiti penyewaan bagi warga asing
 - Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)
 - Prosiding mesyuarat pertama JMB
 - Pelaksanaan waran penahanan oleh Pesuruhjaya Bangunan di bawah Akta 663 dan Akta 318
 - Penyelarasan rekabentuk rumah mampu milik
 - Dasar pengurangan/diskaun 25% cukai taksiran kepada pangsapuri kos rendah
 - Dasar Rumah Selangorku
 - Program rumah sewa
 - ii) Menyelaraskan antara agensi untuk membolehkan kemajuan pembangunan perumahan dan hartanah dilaksanakan dengan pesat :
 - Usaha- usaha pemulihan Projek Terbengkalai
 - Pemantauan Projek Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) [LPHS sebagai ahli bersama di bawah JPBD]
 - Penyelesaian aduan perumahan dan hartanah

- Program-program Pembangunan Komuniti :-
 - i) Pemberian Air Percuma
 - ii) CERIA
 - iii) Penyelarasan Migrasi Meter Air Individu
 - iv) SEROJA
 - Pelaksanaan tugas dan kuasa Pesuruhjaya Bangunan
 - Penyelarasan komposisi pembangunan melalui penyediaan ulasan bagi permohonan untuk pengecualian / penangguhan / pemindahan / pindaan bagi pembangunan perumahan / perniagaan / perindustrian.
- iii) Menggalakkan industri perumahan dan hartanah dari peringkat perancangan pembangunan sehingga penjualan khususnya perumahan awam dan kos rendah :
- Sistem Permohonan Kebenaran Pindah Milik Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) dan Rumah Kos Rendah (RKR)
 - Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) Kos Rendah
 - Sistem Pendaftaran Pemaju
 - Pelaksanaan mekanisme pelepasan kuota bumiputera Negeri Selangor
- iv) Merancang, membangun, melaksana dan menggalakkan pembangunan, pelaksanaan, pemasaran dan penjualan perumahan dan hartanah secara amnya dan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah :
- Penjualan Projek Taman Air Manis, Sabak Bernam
 - Mengadakan Ekspo Perumahan, Program Hari Bersama Pelanggan, menyertai *MAPEX* Selangor anjuran *REHDA*
- v) Mengurus penyelenggaraan kawasan perumahan termasuk kemudahan dan infrastruktur di kawasan tersebut :
- Penyelenggaraan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR)
 - Baik pulih Rumah Awam Kos Rendah (RAKR)
- vi) Menggalak, menyelaras dan melaksanakan kajian dan pembangunan dalam semua aspek perumahan dan hartanah secara khususnya mengenai perumahan awam dan kos rendah :
- 'Blue Print' Perumahan 2004- 2014 (*Tahun 2005*)
 - Permintaan dan Penawaran Rumah (*Tahun 2007*)
 - Bancian Skim Bantuan Penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) (*Tahun 2009*)
 - Kajian Menyeluruh Bagi Rumah Mampu Milik Di Kawasan Lembah Klang, Selangor (*Tahun 2011*)
- vii) Menjadi pusat sumber dan maklumat untuk industri perumahan dan hartanah :
- Permintaan dan Penawaran Rumah Kos Rendah dan Rumah Awam Kos Rendah
 - Pendaftaran Pemaju

- Perumahan Bertingkat
- Senarai dan Status Projek Terbengkalai
- Senarai pemaju yang disenaraihitam di Negeri Selangor
- Projek pembangunan tanpa Sijil Layak Menduduki (CF) / Sijil Penyiapan & Perakuan (CCC) / Sijil Layak Menduduki Sementara (TCF)

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (f)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan senarai lengkap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dengan nama dan no. Maykad pengarahnya masing-masing
- b) Sila kemukakan nama-nama anak syarikat Kerajaan Negeri yang mempunyai keuntungan dan nama-nama anak syarikat Kerajaan Negeri yang mengalami kerugian serta sebab mengalami kerugian dalam tempoh 2008-2013.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : TABUNG PEMBANGUNAN KOMUNITI SELANGORKU

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal-Ehwal Wanita merancang menggunakan khidmat syarikat bukan kerajaan dalam mengurus tadbir pelaksanaan dan operasi Tabung Pembangunan Komuniti Selangorku dan sekiranya tidak sila nyatakan langkah yang akan diambil untuk proses urus tadbir tabung ini?

JAWAPAN:

- a) Tabung Pembangunan Komuniti Selangorku adalah inisiatif **Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor (MKPMS)**. Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor adalah sebuah badan penyelaras dan perunding bagi pertubuhan-pertubuhan sukarela (NGO) di peringkat negeri.

Tabung Pembangunan Komuniti Selangorku ini adalah cadangan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor (MPKMS), ianya adalah Tabung yang disumbangkan atau didermakan daripada orang ramai dan juga CSR daripada Syarikat-syarikat untuk membangunkan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela professional yang melaksanakan program-program sosial (kebijakan). Tabung seperti ini telah dilaksanakan di negara-negara jiran seperti Singapore, Thailand dan Filipina.

Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita menyambut baik idea dan inisiatif ini, namun ianya bukan diurus oleh Jawatankuasa Tetap kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Tabung ini akan diuruskan oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor (MPKMS) dengan mengambil berat aspek Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (CAT) dengan memastikan badan yang bertanggungjawab terhadap Tabung tersebut diwujudkan. Tabung Pembangunan Komuniti Selangorku ini adalah diharapkan dapat menyelesaikan masalah-masalah seperti berikut:

- i) Dapat mengekang aktiviti sindiket kutipan derma dan sumbangan yang berleluasa masa kini
- ii) Dapat membendung Persatuan-persatuan Sukarela yang hanya mengam bil dana sumbangan tetapi menyalahgunakan dana dan sumbangan tersebut. Badan

- iii) Dapat membantu Syarikat-syarikat korporat memudahkan urusan untuk memberikan sumbangan kepada Persatuan-persatuan Sukarela melalui satu saluran sahaja.
- iv) Dapat memastikan ketelusan wang sumbangan yang diberikan benar-benar sampai kepada rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBALAKAN DI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah kawasan pembalakan yang diluluskan di negeri ini yang masih aktif?
- b) Nyatakan hasil pendapatan negeri daripada aktiviti ini dari 2008-2013?
- c) Apakah masih wujud kemungkinan aktiviti pembalakan haram di kawasan hutan simpan kekal sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Tiada.
- b) Hasil pendapatan negeri bagi aktiviti pembalakan dari tahun 2008-2013 adalah berjumlah RM869,956.27 yang meliputi ketiga-tiga kawasan iaitu Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Milik.

Maklumat Tambahan

- Seperti di **Lampiran III** (pendapatan bagi tahun 2008 - 2013)
- c) Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, mendapati tiada kes pembalakan haram melibatkan hutan simpanan kekal di Negeri Selangor semenjak tahun 2011.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Kutipan Hasil Keluaran Balak Bagi Tahun 2008 - 2013 (RM)

JENIS TAHUN	HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)	TANAH KERAJAAN (TK)	TANAH MILIK (TM)	JUMLAH
2008	467,621.17	4,990.79	43,558.28	516,170.24
2009	118,500.66	-	16,619.13	135,119.79
2010	27,554.99	-	64,602.67	92,157.66
2011	-	-	54,159.22	54,159.22
2012	46,950.00	-	397.16	47,347.25
2013	-	-	25,002.11	25,002.11
JUMLAH	660,626.91	4,990.79	204,338.57	869,956.27

Nota:

Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan moratorium pembalakan di dalam HSK bermula pada tahun 2010. Kesemua aktiviti pengusahaan/pengeluaran balak adalah berdasarkan kelulusan sebelum tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERANGSANG TEMPLER GOLF CLUB

174. Berdasarkan maklumat media Perangsang Templer Golf Club telah dimajukan sebagai projek kediaman dan anak syarikat Kumpulan Perangsang Selangor Berhad turut terlibat

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perincian projek ini?
- b) Apakah dasar kerajaan negeri terhadap pembangunan semula sesebuah kawasan seperti padang golf?
- c) Apakah impak projek seperti ini terhadap ekonomi Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Tapak cadangan pembangunan semula Kelab Golf Perangsang Templer (KGPT), yang berdaftar atas nama Cash Band (M) Berhad (CBB), anak syarikat Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB), masih dalam perancangan untuk dimajukan sebagai projek pembangunan mesra alam dengan anak syarikat SP Setia, iaitu Rockbay Streams Sdn Bhd (RSSB), bagi pembinaan premis kediaman kepadatan rendah dan aspek komersial yang minimum.

Sehingga sekarang, cadangan pembangunan semula sedang menjalani proses 'Syarat Terdahulu' (*Conditions Precedent*) untuk mendapat kelulusan daripada semua pihak berkuasa yang berkenaan terhadap pengezonan semula tapak pembangunan, penukaran guna tanah, pemberimilikan tanah, pelan susun atur dan sebagainya.

Anggaran pulangan projek ini bergantung kepada jenis pembangunan yang akan diluluskan adalah dianggarkan berjumlah di antara RM140 juta sehingga RM200 juta.

- b) Kerajaan Negeri tidak terlibat dengan penilaian projek pembangunan semula (padang golf) oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS), syarikat tersenarai dan anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad.

Penilaian dibuat di peringkat Pengurusan dan Lembaga Pengarah Syarikat (KPS) berasaskan kepada usaha untuk mempertingkatkan nilai aset dan menambahkan pulangan kepada pemegang saham. Menurut penilaian yang

telah dijalankan, nilai tanah boleh dioptimumkan melalui pembangunan semula Kelab.

- c) Pembangunan semula tanah terbabit bertujuan membuka kunci nilai strategik aset KPS. Usaha ini akan mendorong kesan pengganda yang tinggi dengan melepaskan potensi ekonomi aset ini sepenuhnya untuk mencetuskan pertumbuhan ekonomi yang berkembang maju dan berdaya saing.

Pembangunan mesra alam yang lestari adalah pembangunan ekonomi yang sihat yang dapat mengimbangi penggunaan dan penjanaaan sumber demi memenuhi keperluan manusia melalui pelaburan baharu sambil menambahbaikkan alam sekitar lestari melalui pembangunan secara berhemah yang mengambil kira kehidupan kini dan akan datang.

Impak lain-lain yang dapat dinikmati termasuk peningkatan aktiviti aktiviti ekonomi setempat, taraf kehidupan penduduk tempatan, pulangan ke atas pelaburan dan nilai harta tanah. Pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi berkaitan pembinaan juga akan dapat memperoleh hasil kutipan cukai taksiran dan yuran pembinaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : PINJAMAN DAN BIASISWA

175. Pinjaman dan biasiswa pelajaran dilaksanakan melalui Program Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang diuruskan oleh Cawangan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah syarat layak memohon pinjaman dan biasiswa?
- b) Nyatakan jumlah pinjaman dan biasiswa yang diberikan kepada seorang pelajar?
- c) Berapakah peratusan pelajar yang tidak melakukan pembayaran semula pinjaman selepas tamat pengajian dan bagaimanakah cara mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Syarat kelayakan memohon pinjaman adalah seperti di **Lampiran I**. Manakala bagi pinjaman pelajaran yang ditukar kepada biasiswa adalah seperti di **Lampiran II**.
- b) Kadar Pinjaman Pelajaran adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kadar Pinjaman (Setahun)
Ijazah (Perubatan)	RM 7,000
Ijazah (Lain-lain)	RM 6,500
Diploma	RM 4,900
Sijil	RM 4,000

- c) Pecahan pelajar yang gagal membuat bayaran balik sehingga Oktober 2013 seperti berikut:

Tahun Mula Membayar	Bil. Pembayar Baru	Gagal Membayar
2013	998	224
2012	1142	208
2011	940	67
2010	942	42
JUMLAH	4,930	541

Cara mengatasi pelajar yang tidak melakukan pembayaran adalah seperti berikut:

Proses Mengutip	Tempoh Masa
Surat Berdaftar	6 bulan dari tamat pengajian
Penyata Kewangan	2 kali setahun
Telefon/Pesanan Ringkas	-
Surat Peringatan 1	3 bulan dari surat berdaftar
Surat Peringatan 2	3 bulan dari surat peringatan 1
Notis Tanpa Prejudis	3 bulan surat peringatan 2
Notis Penyenaian Senarai Hitam(RAMCI)	3 bulan surat notis tanpa prejudis
Letter of Demand melalui panel peguam	1 bulan notis penyenaian senarai hitam
Saman kepada peminjam tegar	-

LAMPIRAN I

Syarat-Syarat Permohonan	Keterangan
Kelahiran	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau • Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; atau • Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Pengerusi JKKK/ Ketua Kampung.
Peringkat Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara SEPENUH MASA sahaja (<i>pengajian secara jarak jauh (PJJ)/ luar kampus (PLK) tidak layak memohon</i>);
Penajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon yang belum menerima sebarang penajaan dari lain-lain penaja;
Pencapaian Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon yang memperoleh pencapaian akademik yang baik akan diberi keutamaan;
Tahun Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon bukan pelajar tahun akhir pengajian/ diberi tempoh pelanjutan pengajian.

LAMPIRAN II

- (i) Pemohon merupakan peminjam yang telah menamatkan pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan;
- (ii) Pemohon merupakan peminjam di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda;
- (iii) Pemohon memperoleh CGPA/PNGK 3.75 ke atas; dan
- (iv) Pemohon telah menerima Transkrip Rasmi keputusan keseluruhan pengajian berserta Sijil Kelulusan Senat daripada IPT dan menghantar dokumen tersebut di TKWBS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH AGAMA

176. Pendidikan DUN Meru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status projek Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar di DUN Meru?
- b) Apakah bentuk peruntukan yang diberi bagi setiap sekolah SRA, SMA di bawah JAIS?
- c) Bagaimanakah peruntukan disalurkan kepada Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Menengah Agama?

JAWAPAN:

- a) Projek Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar di DUN Meru adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- b) Bentuk peruntukan yang diberi bagi Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) di bawah JAIS adalah seperti berikut:
 - i) Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor
 - Emolumen tenaga pengajar
 - Kakitangan sokongan di 68 buah SRA mengikut waran Pembantu Tadbir N17 yang diperuntukkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Peruntukan bayaran utiliti (Air, Elektrik dan IWK)
 - Peruntukan baik pulih/penyelenggaraan bangunan
 - Peruntukan elaun pembersih kawasan bagi Sekolah-sekolah Rendah Agama (SRA) gred B dan gred C
 - Perkhidmatan mencuci bangunan dan pembersih kawasan bagi Sekolah-sekolah Rendah Agama (SRA) gred "A"
 - Perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata bagi Sekolah-sekolah Rendah Agama (SRA) gred "A"
 - ii) Sekolah Agama Menengah
 - Emolumen tenaga pengajar bagi Sukatan Al-Azhar
- c) Peruntukan disalurkan kepada Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) melalui:

- i) Lantikan tenaga pengajar dan kakitangan sokongan
- ii) Lantikan pembersih kawasan (sambilan) di SRA gred 'B' dan gred 'C'
- iii) Lantikan syarikat pembekal perkhidmatan mencuci bangunan dan pembersih kawasan sekolah di SRA. gred "A"
- iv) Lantikan syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata di SRA. gred "A"
- v) Menyalurkan peruntukan baik pulih/penyelenggaraan bangunan melalui Jabatan Kerja Raya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : ORANG ASAL

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kampung-kampung Orang Asal yang telah mendapat bekalan elektrik dari 2008 - 2012.
- b) Senaraikan pula yang masih belum mendapat bekalan elektrik dari 2008 - 2012.
- c) Apakah faktor-faktor perbezaan a) dengan b) yang membolehkan kampung-kampung tersebut mendapat bekalan?

JAWAPAN:

- a) Senarai kampung Orang Asli yang mendapat bekalan elektrik dari 2008 – 2012:

BIL	LOKASI PROJEK / KAMPUNG	DAERAH
1	KG. BULOH TELOR	HULU SELANGOR
2	KG SONGKOK	HULU SELANGOR
3	KG SUNGAI TUA/ KOA ULU BATU, ULU YAM	GOMBAK
4	KG. PULAU KETAM	KUALA LANGAT
5	KG. KACHAU DALAM	HULU LANGAT

- b) Senarai kampung yang masih belum mendapat bekalan elektrik dari 2008 – 2012 :

BIL	LOKASI PROJEK / KAMPUNG	DAERAH
1	KG. BATU 16, GOMBAK	GOMBAK
2	KG. KEMENSAH,ULU KELANG	GOMBAK
3	KG SUNGAI RELANG	GOMBAK
4	KG GENTING PERAS	HULU LANGAT

- c) Faktor perbezaan yang membolehkan kampung yang belum mendapat bekalan elektrik menerima bekalan elektrik adalah:

BIL	LOKASI PROJEK / KAMPUNG	FAKTOR PERBEZAAN
1	KG. BATU 16, GOMBAK	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada lokasi bagi pembinaan pencawang TNB kerana melibatkan tanah rizab hutan dan pembinaan tapak pencawang tidak mendapat kelulusan jabatan hutan. - Projek di tangguh KKLW dan akan di semak semula pada Tahun 2014
2	KG. KEMENSAH, ULU KELANG	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada lokasi bagi pembinaan pencawang TNB dan laluan kabel kerana melibatkan tanah milik individu dan tidak mendapat izin laluan daripada pemilik tanah. - Projek di tangguh KKLW dan akan di semak semula pada Tahun 2014.
3	KG SUNGAI RELANG, GOMBAK	<ul style="list-style-type: none"> - Kos Penyelenggaraan tinggi bagi pemasangan elektrik disebabkan jarak lokasi kampung yang jauh dari sumber TNB. - Projek di tangguh KKLW dan akan di semak semula pada Tahun 2014
4	KG GENTING PERAS	<ul style="list-style-type: none"> - Kos Penyelenggaraan tinggi bagi pemasangan elektrik disebabkan jarak lokasi kampung yang jauh dari sumber TNB. - Akan dibekalkan bekalan elektrik 24 jam melalui kaedah Pelaksanaan Sistem Mikro Hidro Tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : LAWATAN SAMBIL BELAJAR

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Butirkan lawatan-lawatan ke luar negeri oleh Ahli - Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tahun 2010-2013
- b) Butirkan lawatan-lawatan ke luar negeri oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2010-2013

JAWAPAN:

- a) Butirkan lawatan-lawatan ke luar negeri oleh Ahli MMKN Tahun 2010-2013

TAHUN 2010

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
1.	Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim	23 - 24 Okt. 2010	Shanghai EXPO 2010, Shanghai China	
			Lawatan Kerja Ke Singapura 'Summit on The Livable & Sustainable City'	
			Vice Chancellor Submit Session di Brasbane, Australia	
2.	Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim	April - Okt. 2010	Lawatan Teknikal Penggalakan Pelaburan Negeri Selangor ke: I) Eropah (Jerman, Belgium dan Belanda) II) New Zealand dan Australia III) Jepun dan Korea	
		30 Okt. - 6 Nov. 2010	Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor ke Seoul, Republic of Korea	
		29 Sept. - 2 Okt. 2010	Penyertaan Tourism Selangor Dalam 'International Travel Expo' di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam	

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
3.	Y.B Puan Rodziah binti Ismail	13 - 17 Sept. 2010	Lawatan Kerja Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor Ke Vital Voices Of Asia Leadership And Training Summit Di New Delhi, India	12,172.00
4.	Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail, Y.B. Tuan Hj. Yaakob bin Sapari	14 - 19 Mei 2010	Lawatan Rasmi Teknikal Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi & Inovasi (STANCO STI) Negeri Selangor Ke Forum ICT dan Expo Dunia Di Ningbo dan Shanghai, China	
5.	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali	24 April-1 Mei 2010	Program Lawatan Delegasi Pendidikan Tinggi Negeri Selangor Ke Mesir, Qatar dan Jordan	33,711.00
		1 - 7 Mei 2010	Lawatan Kerja Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi Negeri Selangor Ke Mesir dan Jordan	
6.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam	12-15 Jun 2010	Lawatan Teknikal Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Germany dan Netherland	
			Lawatan Kerja Bagi Melihat Kesan Industri Burung Walit Terhadap Pembiakan Nyamuk Aedes Balikpapan, Indonesia	11,855.00
		5 - 10 Januari 2011	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention	19,830.00
7.	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam	4 Mac 2010	Lawatan Teknikal, Rangka Kerja dan Penyediaan Garis Panduan Industri Burung Walet di Balikpapan, Indonesia	
8.	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	3 - 10 Oktober 2010	Lawatan Kerja Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan PBT Selangor Ke Shanghai, Hangzhou dan Xiamen	25,500.00

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
9.	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	19 - 24 Oktober 2010	Lawatan Kerja Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan PBT Selangor Ke Xiamen, Hangzhou dan Hong Kong	15,439.00
10.	Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali	16 - 24 Julai 2010	Lawatan Kerja Menemui Para Pelajar Malaysia Di United Kingdom	43,039.14
11.	Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali	23 Dis. 2010 - 7 Januari 2011	Lawatan Kerja Ke Magribi Mesir, Arab Saudi, Yaman dan Sudan	91,314.00
12.	Semua Ahli MMKN	1 Mei - 31 Okt. 2010	World Trade Fair Shanghai 2010, China	

TAHUN 2011

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
1.	Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari	8-9 September 2011	Eastbank Shepparton, Australia	22,671.00
			Istanbul, Turki (Pembentangan Kertas Kerja "Knowledge Enterreneur : Exploring The Meaning In Malaysia Organization Contest", Jaipur, Rajasthan, India	40,430.00
2.	Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad	8-9 September 2011	Eastbank Shepparton, Australia	22,671.00
3.	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping	28-30 Julai 2011	Program Promosi Selangor Meets Brunie - Brunei Darusalam	
		23-26 April 2011	Hangzhou, China	5,369.00
4.	Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali, Y.B. Puan Hajah Rodziah binti Ismail	19-29 November 2011	Belanda, Perancis & England	71,655.00
5.	Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali	16-21 Jun 2011	Bandung & Jakarta, Indonesia	12,481.00

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
6.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam	5-12 Januari 2011	Program Pravasi Bharatiya Divas Ke 10	24,310.00

TAHUN 2012

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
1.	Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim	13 - 18 Mac 2012	Lawatan Kerja Rasmi London	165,691.00
		22-26 Ogos 2012	Lawatan Kerja Rasmi Iran	22.955
		8, 9, 12 , 13 Disember 2012	Lawatan Kerja Rasmi Singapura / Bangkok	4,580.00
2.	Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping	15 - 20 Jun 2012	Clean Revolution Leadership Summit di Rio De Jeneiro Brazil	54,827.00
		1 - 3 Julai 2012	Cleanenviro Summit Singapura	1,956.00
		12 - 14 Julai 2012	Ministerial Forum (2012 East Asean Seas Congress) – Changwoon City, Korea	12,652.58
3.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail, Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah	22 - 26 April 2012	Lawataan Kerja Rasmi Ke Jepun Bersama SSIC	16,851.00
4.	Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim	22 - 26 April 2012	Lawatan Kerja Rasmi Ke Jepun Bersama SSIC	69,964.00
		12 Sept. 2012	Mesyuarat Rasmi Bersama MB Selangor	2,905.00
5.	Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew		3rd Nanyang Culture Festival 2012	136,338.29
		13 - 19 Oktober 2012	Lawatan Kerja Sistem Penyampaian PBT Di Amsterdam, Holland	33,248.00
6.	Y.B. Tuan Dr Yaakob bin Sapari	21-25 Februari 2012	Lawatan Kerja Rasmi Ke Jakarta & Bogor	18,520.00
		26 Mac - 1 April 2012	Bengkel ABCD & Lawatan Kerja Rasmi Ke Melbourne	77,026.00

BIL.	NAMA EXCO	TARIKH	LAWATAN /LOKASI	KOS (RM)
7.	Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam	5-10 Januari 2012	10th Convention Pravasi Bharatiya Divas	17,662.00
		29 Ogos - 1 Sept. 2012	Annual Dental Congress – Hong Kong	12,055.00
			Lawatan Kerja Rasmi Bersama MB Selangor	18,055.00
		14 - 17 Mac 2012	London, United Kingdom	47,568.00
8.	Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali	21 - 24 Februari 2012	Bandung & Jakarta	5,715.00
		21 - 27 April 2012	Cairo & Egypt	19,950.00
9.	Y.B. Puan Rodziah binti Ismail	3 - 13 Julai 2012	Persidangan Antrabangsa ICSW – Stockholm, Sweeden	10,000.00
		18-22 Sept. 2012	Lawatan Kerja Rasmi Ke Polaris Brongniart Paris, Perancis World Forum Convergences 2012	35,236.00
10.	Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi	12 Sept. 2012	Mesyuarat Rasmi Bersama MB Selangor - Bangkok, Thailand	2,905.00

- b) Butiran lawatan ke luar negeri oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2010-2013 adalah seperti di **Lampiran A**.

BIL	TEMPAT LAWATAN	TARIKH	TUJUAN	BILANGAN PESERTA	KOS LAWATAN (RM)
1.	Bangkok, Thailand	23-25 Mei 2011	Persidangan “ <i>Modern Railways</i> ” Anjuran Marcus Evans Conferences	Noraznizam bin Alias	(Pakej Penginapan, Yuran Persidangan dan Tiket Kapal Terbang Jumlah : RM13,886.00)
2.	National Board, Singapura	6-11 Jun 2011	Kursus “ <i>Executive Programme On Greenery Planning And Management</i> ”	Mohd Tahir bin Man	(Pakej Penginapan, Yuran Kursus Tiket Kapal Terbang Jumlah : RM10,786.60)
3.	Shanghai, China	17-18 Julai 2011	Lawatan Kerja Ke Shanghai, China Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Y. Bhg. Dato’ haji Mohd Jaafar bin Mohd Atan	(Bayaran Pakej) Jumlah : RM11,764.00
4.	Taiwan	18-21 Disember 2011	Lawatan Kerja Dan Misi Pelancongan Selangor Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Asmah binti Mohd Zin	(Bayaran Pakej RM7, 730.00 Elaun Baju Panas RM3,000.00 Jumlah : RM9,230.00)
5.	Singapura	2-3 April 2011	Lawatan Sambil Belajar Warga Kerja Jabatan Bangunan Anjuran MBSA	Peserta 37 orang Nama Seperti di lampiran B	RM10,000.00
6.	Surabaya, Indonesia	2-4 Julai 2011	Lawatan Sambil Belajar Ahli Jawatankuasa Task Force Billboard Majlis Bandaraya Shah Alam Anjuran MBSA	Peserta 14 orang Nama Seperti di lampiran C	RM19,530.00
7.	Jaipur, Rajasthan India	5 - 10 Januari 2012	Lawatan Kerja Ke Jaipur India - Program Pravasi Bharatiya Divas Convention Ke 10, Jaipur, Rajasthan India Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Mohtar bin Hani	Tiket Penerbangan (RM3,850.00) Pakej (6 hari 5 malam) (RM 6,450.00) Elaun Baju Panas Jumlah : RM1,500.00 x 1 org = RM1,500.00 Jumlah : RM11,800.00

8.	Club Quay, Singapura	2 - 3 Februari 2012	Lawatan Kerja Bersama Menteri besar Ke Club Quay, Singapore Anjuran Pejabat Menteri Besar Selangor	Dato' Hj. Jaafar bin Hj. Mohd Atan	Tiket Penerbangan (RM2,055.00 x 1 orang = RM 2,055.00 Pakej penginapan (RM1,450.00 x 1 malam = RM 1,450.00 Return Airport Transfer (RM250.00 x 2 hala = RM 500.00 Jumlah : RM4,005.00
9.	Hotel Mercure, Ancol Jakarta, Indonesia	22-23 Februari 2012	Seminar UIBL 2012 Anjuran UNISEL dan Indonesia	i.Ir Rosli bin Mohamad Yunus, ii.Norani binti Amat, iii.Aslanda bt Tahsim	RM 3180.00 (Penerbangan) RM3150.00 (Penginapan) RM 1,245.00 (Pendaftaran) Jumah : RM 7,575.00
10.	Goodwood Park Hotel, Singapura	23-24 Mei 2012	Persidangan “ Urban Renewal” Anjuran Trueventus	i.Y. Bhg. Dato Mohd Jaafar bin Mohd Atan, ii.Nurul Sheema binti Abdul Rahman	RM3,900.00 (Tiket Penerbangan) RM6,069.50 (Pendaftaran) RM 3,948.75 (Penginapan & Kenderaan) Jumlah : RM13,918.25
11.	Sands Expo & Covention Center Marina Bay Sands, Singapura	30 Jun – 2 Julai 2012	World Cities Summit 2012 “ Liveable And Sustainable Cities” Anjuran World Cities Summit	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Mohd Atan	RM 200.00 (Pembatalan Pakej) Jumlah : RM200.00 Tidak dapat hadir kerana menghadiri mesyuarat penting di SUK.
12.	Hotel Shangri-La, Surabaya	10-13 Julai 2012	Seminar Antrabangsa “ Paving The Way Towards Environmentally Susstainbale Cities” Anjurtan Pemerintah Kota Surabaya	i.Mohtar bin Hani, ii.Azlan bin Dolah, iii.Abdul Rauf bin Mohd Yaacob, iv.Shahrul Nizam bin Salim	RM8,265.00 (Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang) Jumlah : RM8,265.00

13.	Isfahan, Islamic Republic Of Iran	22-26 Ogos 2012	Lawatan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor Ke Isfahan, Islamic Republic Of Iran Anjuran SSIC berhad	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Mohd Atan	RM 18,055.00 (Pembatalan Pakej) Jumlah : RM18,055.00
14.	Harbour Grand Hong Kong	11-15 September 2012	Kursus Hong Kong Landslide And Engineering Master Class Anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya	i.Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Mohd Atan, ii.Rosli bin Mohammad Yunus, iii.Nurul Sheema bt Abdul Rahman	RM 33,051.45 (Pendaftaran) Jumlah : RM11,017.15 x 3 org = RM33,051.45 (Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang) Jumlah : RM8,595.00 x 1 org = RM8,595.00 Jumlah : RM5,150.00 x 2 org = RM10,300.00 Jumlah : RM51,946.45
15.	Amsterdam, Holland	14-19 Oktober 2012	Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Pihak berkuasa tempatan Selangor Ke Amsterdam, Holland Anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Mohtar bin Hani	(Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang (RM15,930.00) Jumlah : RM15,930.00
16.	Pan Pacific Orchard, Singapura	6 – 8 November	Seminar “ Future Citizen Engagement For Government frum Asia 2012 Anjuran Liquid Learning	i.Nur Zehan binti Jaafar, ii.Siti Nurhafidzah bt Adnan, iii.Sofian bin Abdul Rahman, iv.Shahrul Nizam bin Salim	(RM8,080.00) (Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang Jumlah : RM2,020.00 x 4 org = RM8,080.00 Jumlah : RM8,080.00
17.	Ashikaga, Jepun	4 - 6 November 2012	Lawatan Sambil Belajar “The 1st World 5S Summit 2012”	i.Jamri bin Basni, ii.Mohd Fauzi Aziz bin Maamor, iii.Wan Suraya binti Sahabaludin	(RM23,700.00) (Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang Jumlah : RM7,900.00 x 3 org = RM23,700.00 Elaun Baju Panas Jumlah : RM1,500.00 x 3 org = RM4,500.00 Jumlah : RM28,200.00

18.	Hanoi, Vietnam	20-24 November 2012	Lawatan Teknikal Pengurusan Sisa Pepejal / Tenaga Solar	Norhisham bin Mohammad	(RM3,125.00) (Pakej Penginapan dan Tiket Kapal Terbang Jumlah : RM3,125.00 x 1 org = RM3,125.00 Jumlah : RM3,125.00
19.	Kochi – Kerala, India	5-10 Januari 2013	Lawatan Kerajaan negeri Ke Pravasi Bharatiya Divas Ke- 11, Anjuran Exco Jk. Tetap Pekerja Ladang, Kemiskinan & Kerajaan Prihatin	i. Sabastine Rao a/ Pragasam ii. Prakash Rao a/ Applasamy	Tiket Penerbangan (RM4,400.00) Pakej Penginapan RM6,700.00 x 2 orang = RM 13,400.00 Jumlah : RM17,800.00
20.	Jakarta Indonesia	25 Februari - 4 Mac 2013	Bengkel Muzik Dan Persembahan Di Java Jazz Festival 2013 Anjuran World Youth Festivals Management Sdn. Bhd.	i. Ahmad Johan Bin Shamsudin	PERCUMA
21.	Hotel Nikko, Hanoi, Vietnam	28-31 Mei 2013	Seminar Kemahiran Pengurusan VIII “ Disiplin Salah Laku Dalam Pekerjaan : Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pekerja” Anjuran Yayasan Amanah Latihan Berkanun	i. Sarifah binti Anuar	Pakej Seminar RM3,699.00 Tiket Penerbangan RM1,250.00 Jumlah : RM4,949.00
22.	Madarin Orchard, Singapura	29-31 Mei 2013	3 RD Annual Modern Railways Conference Anjuran Marcus Evans (M) Sdn. Bhd.	i. Hanif bin Basri bin Abdul Rahman ii. Hamzah bin Tajudin	Pakej Kursus RM8,330.44 x 2 orang = RM 16,660.89 Tiket Penerbangan RM 340.00 x 2 org = (RM6,340.00) Jumlah : RM23,000.89
23.	Wilkins Building, University College London (Ucl) London	6 – 14 Jun 2013	IFHP 100 Centenary Congress Anjuran Earoph Secretariat	i. Aniza binti Osman	Pendaftaran RM4,037.70 x 1 orang = RM 4,037.70 Bayaran Pakej RM 20,200.00 x 1 org = (RM20,200.00) Elaun Pakaian Panas (RM1,500.00) Jumlah : RM25,737.70

24.	Bandar Raya Hanam, Korea Selatan	26 Jun – 1 Julai 2013	Lawatan Ke Bandar Raya Hanam, Korea Selatan Bagi Menandatangani Perjanjian Persefahaman (Mou) Kerjasama Antara Bandar Raya Hanam Dan Majlis Bandaraya Shah Alam	i. Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Mohd Atan ii. Pn. Asmah binti Mohd Zin iii. Pn. Hjh. Nor Akma binti Hj. Ahmad iv. Pn. Shamsiah binti Osman v. Mohd. Sofian bin Abdul Rahman	Elaun Baju Panas RM 1,500.00 x 4 orang = RM6,000.00 (kecuali Pn. Asmah) Elaun Makan Datuk Bandar(Gred Jusa C) RM340.00 sehari x 6 hari = RM2,040.00 (Gred 48- 52) RM270.00 x 4 orang = RM6,488.00 Bayaran Luar Janka RM 20,000.00 Jumlah : RM34,520.00
25.	Jepun	9 September – 5 Oktober 2013 (27 hari)	Economic Partnership Program (Epp) – Leadership Development Program For Middle Management Level (Managers) Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia	I Mohd Azhar Bin Sarid @ Mohd Sharif	PERCUMA
 2. YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
 3. YB Dato' Noordin Bin Sulaiman, Pegawai Kewangan Negeri Selangor
 4. YBhg. Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
 5. YB Rodziah Binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Wanita Dan Kebajikan.
 6. YB Dr Abd Rani Bin Osman, ADUN Meru
- ii) Pengurusan YAQ terdiri daripada :
- 1) Pn Normaiza Binti Yahya, Ketua Program SKIMSEL
 - 2) Tn Hj. Mohd Nor Bin Mahmud, Ketua Program WALA Selangor
 - 3) Tn Hj Azily Bin Othman, Ketua Program MiMBAR Selangor.
 - 4) En Shanizam Bin Ariffin, Pengurus Akaun Dan Perkhidmatan / Setiausaha Syarikat.
- c) YAQ ditubuhkan khusus untuk membantu rakyat negeri Selangor yang berpendapatan rendah. Sehingga kini jumlah keseluruhan rakyat negeri Selangor yang menerima faedah daripada skim mikro kredit yang dilancarkan adalah seramai 14,127 orang. Jumlah tersebut terdiri daripada 8,396 penerima SKIMSEL manakala penerima MiMBAR adalah seramai 5,731 orang. Program WALA pula baru mengorak langkah bagi pengambilan peserta sehingga kini jumlah peserta di bawah Program WALA Selangor adalah seramai 313 orang. Berdasarkan prestasi semasa program-program di bawah YAQ dan bilangan peserta secara keseluruhannya, program mikro kredit yang disediakan amat menggalakkan. Telah ada di kalangan peserta yang telah berjaya melonjakkan pendapatan isi rumah melebihi RM5,000. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, skim mikro kredit yang ditawarkan dilihat mampu untuk dikembangkan dan juga mampu meningkatkan pendapatan isi rumah seterusnya dapat mengeluarkan mereka yang berada di bawah garis kemiskinan keluar daripada kepompong kemiskinan.

CAWANGAN	STATUS PROJEK			
	Cemerlang	Berjaya	Bertahan	Gagal
Sabak Bernam	45	534	310	88
Hulu Selangor	61	583	109	78
Kuala Selangor	15	694	107	142
Hulu Langat	67	694	188	74

CAWANGAN	STATUS PROJEK			
	Cemerlang	Berjaya	Bertahan	Gagal
Kuala Langat	91	582	226	46
Sepang	63	518	38	70
Gombak	3	68	75	61
Petaling	3	43	314	0
Klang	14	172	49	101
SKIMSEL	362	3,888	1,416	660

*Penunjuk

Status	Diskripsi (Lebih Pendapatan)
Cemerlang	RM 5000 ke atas
Berjaya	RM 1000 hingga RM 4999
Bertahan	RM 0 hingga RM 999
Gagal	RM Negatif

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : LEBUH RAYA BARU

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan nama dan lokasi untuk semua lebuhraya baru yang telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri atau PBT
- b) Bagaimana negeri dapat memantau projek lebuhraya baru supaya kadar tol yang akan dikutip adalah munasabah?

JAWAPAN:

- a) Terdapat enam (6) konsesi lebuhraya baru yang telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi mendapatkan kelulusan kebenaran merancang oleh agensi teknikal yang terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan senarai dan butiran lebuhraya baru tersebut.

Bil.	Lebuhraya	Syarikat Konsesi	Butiran
1.	West Cost Expressway (WCE)	West Cost Expressway Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 233km- mula di Bandar Mahkota, Banting hingga ke Changkat Jering, Perak.- 20 plaza tol (9 di Selangor & 11 di Perak)- 21 persimpangan (10 di Selangor & 11 di Perak)
2.	East Klang Valley Expressway (EKVE)	AZRB	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 24.1km [Fasa 1]- mula di Persimpangan Bertingkat Sg. Long hingga ke Ukay Perdana
3.	Damansara - Shah Alam (DASH)	Prolintas Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none">- jajaran 24.5km- mula di persimpangan Puncak Perdana hingga ke Damansara Perdana.- 13 persimpangan (90% struktur bertingkat)

Bil.	Lebuhraya	Syarikat Konsesi	Butiran
4.	Sg. Besi - Hulu Kelang (SUKE)	Prolintas Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran 38.1km - mula di Sri Petaling hingga ke Bukit Antarabangsa, Ulu Kelang. - mempunyai 12 persimpangan yang mana 90% struktur bertingkat.
5.	Kinrara - Damansara Expressway (KIDEX)	Konsortium Zabima - Emrail	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran 13.5km dibina secara 'elevated structured'. - mula di Lebuhraya NKVE hingga ke Bukit Jalil. - 7 persimpangan dan 2 plaza tol.
6.	Serdang - Kinrara - Putrajaya (SKIP)	Saluran Arena Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - jajaran yang menyambung dengan Lebuhraya KIDEX dan mempunyai 2 jajaran. - <u>Jajaran A</u> bermula di Jalan Kinrara 6 dan bertemu di Lebuhraya LDP dan SKVE. - <u>Jajaran B</u> melintasi Lebuhraya MEX dan Lebuhraya PLUS dan akan bertemu di Lebuhraya BESRAYA. - sepanjang 17.5km. - 7 persimpangan dan konsep persimpangan tol terbuka.

Pemantauan dan penetapan kadar tol yang akan dikutip oleh sesebuah projek lebuhraya baru adalah terletak di bawah kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mencadangkan beberapa langkah berikut kepada Kerajaan Persekutuan agar diberi penekanan iaitu:-

- i) Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
- ii) Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;

- iii) **Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal setelah permohonan di bawah Seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah dibuat; dan**
- iv) Perkara disebut di atas diguna pakai bagi semua lebuhraya sedia ada atau yang akan dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan pelajar tempatan yang diambil oleh UNISEL bagi tahun 2011-2013 mengikut pecahan kaum?
- b) Sila senaraikan jumlah bilangan pelajar asing yang menuntut di UNISEL mengikut Negara masing-masing bagi tahun 2011-2013?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah lebih banyak bilangan pelajar tempatan khususnya anak Selangor menuntut di UNISEL?

JAWAPAN:

a)

KAUM	2011	2012	2013
LAIN-LAIN - MSIA	26	28	44
MELANAU	10	2	5
CINA	49	36	45
ORG ASLI SEMENANJUNG	2	1	2
SIKH	6	8	4
BUMIPUTERA	122	332	481
UNDEFINED	110	170	237
DAYAK	0	1	0
LUNBAWANG	1	2	2
SIAM	3	1	7
PERIBUMI	5	7	4
INDIA	628	431	522
MURUT	8	11	4
MELAYU	3553	2356	2781
KADAZAN / DUSUN	55	32	42
BAJAU / ILANAU	40	41	40
IBAN	21	19	18
BRUNEI	9	7	12
LAIN-LAIN - EXP	3	3	3

BIDAYUH	7	3	7
IRANUN	2	10	2
Jumlah	4660	3501	4262

b) i) **PELAJAR ANTARABANGSA DI KAMPUS SHAH ALAM**

No	Negara	2011	2012	2013
1	INDONESIA	11	3	14
2	PHILIPPINES	-	-	-
3	SOUTH AFRICA	-	-	-
4	IRAQ	-	-	1
5	SOMALIA	1	2	1
6	LEBONAN	-	-	-
7	PAKISTAN	-	-	2
8	IRAN	1		1
9	SINGAPORE	1	1	1
10	BANGLADESH	4	1	4
11	REPUBLIC OF YEMEN	1	1	
12	ERITREA	1	-	-
13	REPUBLIC OF TURKEY	3	1	-
14	SAUDI ARABIA	1	-	-
15	INDIA	1	-	-
16	AZERBAIJAN	-	-	1
17	NIGERIA	2	-	-
18	SUDAN	1	-	4
19	THAILAND	1	1	-
20	OMAN	1	-	4
21	ETHOPIA	1	-	-
JUMLAH		31	10	33

ii) **PELAJAR ANTARABANGSA DI KAMPUS BESTARI JAYA**

No	Negara	2011	2012	2013
1	AFGANISTAN	-	4	4
2	CAMBODIA	-	1	1
3	ERITREA	7	11	3
4	ETHIOPIA	-	2	1
5	IRAQ	3	7	4
6	KENYA	3	6	3

7	NIGERIA	5	9	10
8	PAKISTAN	2	3	3
9	PALESTINE	3	8	2
10	SOMALIA	18	42	18
11	SUDAN	97	157	69
12	UAE	2	3	1
13	YEMEN	9	23	9
14	VIETNAM	1	2	-
15	SWEDEN	1	2	-
16	SRI LANKA	1	2	-
17	SINGAPORE	1	1	-
18	SAUDI ARABIA	-	2	-
19	MYANMAR	1	1	-
20	LESOTHO	-	1	-
21	IRAN	1	1	-
22	INDONESIA	-	1	59
23	INDIA	1	1	-
24	BANGLADESH	-	1	-
Jumlah =		156	291	187

- c) i) **Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.**
- 1) Mewujudkan Biasiswa/ bantuan RM1000 kepada anak-anak masuk universiti (tanpa mengira universiti IPTA/IPTS);
 - 2) Memperuntukkan dana bagi menambah dan membaik pulih infrastruktur dan prasarana Unisel bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif kepada pelajar dan tenaga pengajar.
 - 3) Kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar Tahun Asas, Diploma & Sarjana Muda. Pinjaman berkonsep boleh ubah, iaitu biasiswa jika pelajar cemerlang di dalam pelajaran berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan.
- ii) **Cadangan-cadangan berikut boleh diberi pertimbangan atas kesesuaiannya:**
- 1) Menambah dana Pinjaman Pelajaran kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke UNISEL;
 - 2) Biasiswa penuh kepada semua anak Selangor yang mempunyai

latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan dan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang.

- 3) Mempromosi / menghebahkan dengan berkesan kemudahan No. 1 dan 2 di atas di seluruh sekolah menengah di Selangor, di semua jabatan kerajaan di Selangor dan agensi-agensi yang berkaitan.
- 4) Menyediakan peluang menjalankan latihan industri dan *job placement* kepada graduan untuk memperolehi peluang mencari pengalaman kerja dan praktikal. Penglibatan daripada semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan industri di Selangor adalah digalakkan.
- 5) Tingkatkan kemudahan dan keperluan di sekitar kampus di Bestari Jaya seperti stesen minyak, *fastfood* outlet, perhentian bas/teksi, kedai keperluan, *cybercafe*, dll.
- 6) Memberikan inisiatif khas kepada semua pegawai dan kakitangan anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti PKNS, PNSB, SSIC dan semua yang berkaitan untuk melanjutkan pelajaran mereka di UNISEL baik untuk program undergraduates atau post graduates

iii) Program – program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh UNISEL;

Aktiviti Promosi Pejabat Pemasaran Unisel

A: PROMOTION

1. Program Roadshow Unisel

- i) Promosi / Pameran Pendidikan bersama Yayasan Negeri (setakat ini mendapat kerjasama baik daripada Yayasan Negeri Sabah & Sarawak)
- ii) Promosi Jelajah & Road show bersama Tourism Selangor (Selangor Shine) (Pantai Timur, Indonesia, Brunei)
- iii) Unisel Roadshow Pantai Timur, Sabah & Sarawak
- iv) Program Pameran Pendidikan Unisel bersama Program Exco Negeri
- iv) Program Jom Masuk Unisel – pameran pendidikan di Pasaraya, Perpustakaan, Pusat komuniti Dun-Dun Selangor

2. Pameran Pendidikan anjuran Agensi

- i) Agensi Kerajaan (KPT bagi Program Jom Masuk U dan Karnival Pendidikan Mara)

- ii) Ceramah dan Promosi Unisel di Kem PLKN di Selangor dan negeri-negeri terpilih
- iii) Karnival Pendidikan Negeri (PPN Melaka, PPN Selangor, , KPT (Jom Masuk U) dan MARA
- iv) Post Graduate Education Fair
- v) Syarikat akhbar tempatan (Star Education Fair, Nanyang Education Fair, Karnival Sinar-Karangkraf & etc)

3. Program Sekolah

- i) Program Terjah SPM & STPM(pameran di sekolah seluruh Selangor pada hari SPM & STPM diumumkan
- ii) Program Jom Masuk Unisel – Pelajar sekolah membuat lawatan di Unisel dan didedahkan tentang produk Unisel dan program motivasi dalam menuntut ilmu
- iii) Program Kenali Unisel – Pameran Hari Kerjaya Sekolah; Unisel membuat pameran dan member ceramah pendidikan dan kerjaya
- iv) Program Serahan Banner SPM/STPM – Banner ucapan Selamat Menduduki Peperiksaan SPM/STAM/STPM diserahkan di sekolah-sekolah sekitar Selangor. Objektif Program adalah penjenamaan dan hubungan rapat bersama Pengetua & Kaunselor sekolah

B : ADVERTISING

- i) Akhbar tempatan terpilih
- ii) Majalah sekolah dan majalah-majalah tempatan terpilih
- iii) Iklan di laman web
- iv) Web banner
- v) Billboard
- vi) Banner dan bunting

C : TELEMARKETING

D : BRANDING

- i) Kalender
- ii) Buku Panduan Menjawab SPM 2013

E : OTHERS

- i) Edaran surat Jemputan Memasuki Unisel kepada prospek (SPM, STPM, ILP, Kolej Komuniti, JMTI, IKM, Politeknik dan Adtech)
- ii) Mewujudkan jalinan kerjasama di antara Unisel dan negara-negara jiran di Asean (cth: Brunei dan Indonesia)
- iii) Program *Student gets Student* dan *Staf gets Student*
- iv) Program Sekolah Sahabat UNISEL – 10 sekolah telah dipilih oleh Jabatan Pendidikan Selangor.
- v) Program Jejak Ilmuan UNISEL.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kawasan-kawasan bakau (*mangrove*) di Negeri Selangor dan nyatakan keadaannya. Apakah inisiatif-inisiatif kerajaan untuk memelihara kawasan bakau?
- b) Apakah perkembangan kajian untuk mengukur emisi karbon? Sila bekalkan laporan terkini kajian tersebut.

JAWAPAN:

- a) Sebahagian besar dari kawasan hutan bakau diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Pada masa ini terdapat 26 kawasan hutan bakau telah diwartakan sebagai hutan simpan melibatkan kawasan seluas $\pm 18,998$ hektar @ 2.3% daripada keluasan tanah Negeri ($\pm 792,534$ hektar).

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan sentiasa memantau dan menjalankan rondaan penguatkuasaan secara berkala bagi menjamin keadaan hutan bakau sentiasa terpelihara bagi menjamin kawasan hutan bakau dapat memainkan peranannya dalam melindungi ekosistem persisiran pantai. Dalam masa yang sama Jabatan juga menjalankan kempen kesedaran dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan juga pihak sekolah sebagai usaha meningkatkan kesedaran serta memelihara kawasan hutan bakau.

Selain itu Program penanaman pokok bakau juga diteruskan melalui Program Penanaman Bakau dan Spesies-spesis yang Sesuai di Pesisir Pantai Negara yang mana peruntukan ini telah digunakan penanaman serta rawatan pokok bakau.

Maklumat Tambahan

- Seperti di **Lampiran I** (Hutan Simpan Paya Bakau)
- b) Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri semasa menghadiri Persidangan Perubahan Iklim di Copenhagen, Denmark pada bulan Disember 2009 telah mengumumkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau (*Greenhouse Gases - GHGs*) sehingga 40 peratus intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Ini adalah sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim. Indikator pengurangan

ini merupakan sasaran sukarela negara dan bukan mandatori serta tertakluk kepada pembangunan teknologi, penyediaan kewangan yang mencukupi serta peningkatan kapasiti.

Bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 November 2009. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh Kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan menangani isu perubahan iklim.

Dalam usaha mengurangkan emisi karbon berdasarkan intensiti karbon sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005, Kerajaan telah menyediakan kerangka atau *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, **Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency - EE*)**, **Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy - RE*)** dan **Pengurusan Sisa Pepejal**. Program-program yang melibatkan sektor tenaga iaitu *EE* dan *RE* adalah diterajui oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) manakala sektor Pengurusan Sisa Pepejal adalah diterajui oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan.

Bagi program *EE*, usaha-usaha kecekapan tenaga seperti penggunaan peralatan cekap tenaga, aspek reka bentuk bangunan dan penggunaan amalan pengeluaran bersih (*cleaner production*) yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga di sektor industri dan komersial akan dilaksanakan. Umpamanya, seperti mana yang telah diumumkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kerajaan akan menghentikan pembuatan, pengimportan dan penjualan lampu *incandescent light bulbs* pada tahun 2014. Ini dijangka dapat mengurangkan 9 juta tan gas karbon dioksida (CO_2) pada tahun 2020.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2020, lebih banyak tenaga akan dijana daripada sumber-sumber yang boleh diperbaharui (*RE*) seperti biojisim, biogas, mini hidro, tenaga suria dan bahan buangan. Ini dijangka dapat mengurangkan 11 juta tan gas karbon dioksida (CO_2) pada tahun 2020.

Bagi pengurusan sisa pepejal pula, polisi dan pelan pengurusan sedia ada telah menggariskan beberapa aktiviti yang boleh menyumbang kepada pengurangan emisi karbon seperti kitar semula dan penggunaan teknologi alternatif seperti kemudahan *Material Recovery Facility (MRF)* dan Loji Rawatan Haba (*Thermal Treatment Plant*). Pengurusan sisa pepejal secara holistik melalui penggunaan tapak pelupusan sanitari dapat membantu memperoleh kembali (*recovery*) gas metana (CH_4) yang terbebas untuk menjana tenaga. Ini dijangka dapat mengurangkan 25 juta tan gas karbon dioksida (CO_2) pada tahun 2020.

Di samping program-program utama seperti yang telah dinyatakan, keluasan hutan Negara juga harus dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah Negara. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida secara berterusan. Buat masa sekarang 56.4% daripada keluasan tanah Negara adalah diliputi oleh hutan.

Bagi usaha mengurangkan emisi karbon dalam jangka masa panjang, Kerajaan telah menyediakan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor-sektor lain seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan.

Berdasarkan Laporan Komunikasi Kebangsaan Kedua Malaysia kepada Sekretariat Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *Second National Communication to the United Nations Framework Convention on Climate Change, UNFCCC*, Januari 2011, jumlah emisi karbon adalah 222.99 Mt CO₂ eq pada tahun 2000, manakala pengurangannya pula adalah 249.78 CO₂ eq dan emisi bersih selepas mengambilkira pengurangan adalah -26.79 Mt CO₂ eq. Laporan ini boleh juga diperolehi melalui versi *softcopy* di nc2.nre.gov.my.

Pada masa ini, Malaysia menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sedang menyediakan Laporan Komunikasi Kebangsaan Ketiga (NC3) kepada Sekretariat Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Laporan ini antara lain merangkumi data-data emisi karbon dari lima (5) sektor utama iaitu tenaga, industri, sisa buangan, perubahan guna tanah dan pertanian pada tahun 2005 yang telah ditetapkan sebagai tahun asas (base year) bagi pelaporan NC3.

Menjelang bulan Mei 2013, Malaysia telah berjaya mencapai pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 30.53% ke arah pengurangan intensiti sebanyak 40%. Pencapaian ini menepati jadual pencapaian dan bermakna bahawa Malaysia berkebolehan mencapai indikator ini menjelang tahun 2020.

(LAMPIRAN I)

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Jumlah bilangan Hutan Simpanan Kekal (Paya Bakau) berserta keluasannya.

No.	Nama Hutan Simpan	Keluasan (ha)
1.	HS Banjar Utara	1,011.64
2.	HS Banjar Utara (T)	226.04
3.	HS JugraKompok 1	418.98
4.	HS JugraKompok 2	85.88
5.	HS Kapar	138.2
6.	HS Kapar (T)	44.18
7.	HS Kuala Bernam	846.50
8.	HS Pulau Che Mat Zain	1,419.21
9.	HS Pulau Che Mat Zain (T)	42.91
10.	HS Pulau Kelang	5,611.81
11.	HS Pulau Kelang (T)	267.75
12.	HS Pulau Ketam	2,365.00
13.	HS Pulau Pintu Gedong	741.55
14.	HS Pulau Rusa	85.00
15.	HS Pulau Selat Kering	932.77
16.	HS Pulau Selat Kering (T)	509.00
17.	HS Pulau Selat Mahang	148.88
18.	HS Pulau Selat Meriam	53.81
19.	HS Pulau Tengah	1,415.64
20.	HS Pulau Tengah (T)	790.00
21.	HS Pulau Tonggok	33.65
22.	HS Sepang	160.51
23.	HS Sepang Kechil	267.98
24.	HS Sepang Kechil (T)	17.58
25.	HS Telok Gadong	659.79
26.	HS Telok Gadong (T)	703.40
JUMLAH KESELUHURAHAN		18,998.00

Pada tahun 2013, sejumlah RM245,000.00 bagi tujuan melaksanakan Program Tanaman Pokok Bakau Dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Persisiran Pantai Negara. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti memulihkan semula kawasan hutan bakau, kempen kesedaran, tanaman dan rawatan, penandaan dan penyelenggaraan sempadan serta pemasangan papan tanda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SKIM PERUMAHAN RAKYAT

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Skim Perumahan Rakyat akan diwujudkan bagi membantu pembeli yang menghadapi kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap kegagalan pembeli rumah kos rendah bagi mendapatkan pinjaman bank. Usaha untuk membantu golongan ini diperluaskan dengan cadangan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) yang masih dalam proses perbincangan dengan pihak bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : PENYEDIAAN RUMAH KOS RENDAH

193. Data menunjukkan projek perumahan kerajaan Negeri sepanjang tempoh 2008-2012 adalah sebanyak 3 617 unit.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah unjuran bilangan keperluan perumahan mengikut populasi rakyat Selangor sehingga kini?
- b) Berapakah unjuran keperluan berdasarkan daerah dan permintaan mengikut pendapatan isi rumah?
- c) Adakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan projek ini meliputi seluruh negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan berusaha untuk membantu dan member peluang kepada semua golongan di Negeri Selangor memiliki rumah. Ini selaras dengan Dasar Perumahan Negeri Selangor yang utama iaitu untuk merealisasikan matlamat '**Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna**'. Ini adalah bagi memastikan setiap rakyat atau keluarga mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami. Berdasarkan data Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Kos Rendah (SPPR) di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sehingga kini terdapat 110,595 orang pemohon Rumah Kos Rendah (RKR) dan 2,228 orang pemohon Rumah Mampu Milik (RMM) iaitu hanya 2.3% daripada jumlah penduduk Negeri Selangor iaitu kira-kira 4,932,695 orang (*berdasarkan kepada Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010*) yang masih lagi menunggu tawaran rumah kos rendah di Negeri Selangor.
- b) Pecahan permintaan Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) berbanding jumlah penduduk mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bil. Pemohon RKR Menunggu Tawaran	Bil. Pemohon RMM Menunggu Tawaran	Jumlah Penduduk
1.	Petaling	2,121	1,201	1,617,004
2.	Gombak	708	64	617,637

Bil.	Daerah	Bil. Pemohon RKR Menunggu Tawaran	Bil. Pemohon RMM Menunggu Tawaran	Jumlah Penduduk
3.	Klang	2,476	60	767,140
4.	Hulu Langat	1,275	692	1,050,753
5.	Sepang	89	43	187,413
6.	Kuala Langat	16	6	209,755
7.	Kuala Selangor	116	4	195,614
8.	Hulu Selangor	276	142	186,250
9.	Sabak Bernam	58	14	101,129
10.	* <i>Terbuka</i>	103,460	-	-
Jumlah		110,595	2,228	4,932,695

** Nota: Memilih pendaftaran terbuka tanpa pilihan projek*

- c) Antara strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan Projek Perumahan Kos Rendah (RKR) dan Rumah Mampu Milik meliputi ke seluruh negeri adalah dengan mengambil langkah-langkah berikut:
- i) Mengkaji semula dasar perumahan sedia ada dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor. Dasar yang diguna pakai kini lebih menekankan kepada penyediaan rumah kos rendah (RM42,000.00), rumah kos sederhana rendah (RM72,000.00) dan rumah kos sederhana (RM100,000.00) dan pembentukan dasar baru kelak akan menekan kepada perumahan mampu milik yang lebih komprehensif dan menyeluruh dengan penyediaan rumah dari harga jualan bermula RM42,000.00 seunit sehingga kepada harga jualan tidak melebihi RM250,000.00 seunit. Dasar ini dijangka akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014.
 - ii) Memperkasakan peranan-peranan agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah dan Selangor (LPHS), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk terlibat secara lebih giat lagi dalam pembinaan rumah mampu milik yang lebih selesa dan berkualiti pada harga mampu milik selain daripada penyediaan oleh pemaju swasta.
 - iii) Memantau pelaksanaan pembangunan Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) secara berkala melalui Jawatankuasa Pemantauan Pembangunan Projek RKR dan RMM dari peringkat permohonan kelulusan sehingga siap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PELAKSANAAN KONSEP BUKU JINGGA

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan senarai perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan konsep buku jingga setakat tahun 2013
- b) Sila kemukakan senarai untuk 7(a) di atas yang mana telah mencapai matlamatnya dan yang mana gagal serta sebabnya.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri lebih memfokuskan perbelanjaan dengan merujuk kepada manifesto Negeri Selangor melalui konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Setakat ini MES telah membelanjakan sejumlah RM1 billion bagi program-program di bawah skim tersebut. Kerajaan negeri tidak menjurus secara khusus kepada konsep Buku Jingga. Walau bagaimanapun saya percaya terdapat persamaan ketara di antara skim yang terdapat di dalam MES dengan Buku Jingga yakni mewujudkan pentadbiran yang bersih di mana rakyat menjadi timbang tara bagi kerajaan serta mengamalkan sistem agihan kebajikan dan hasil negeri tanpa pilih kasih mahupun amalan diskriminasi ke atas mana-mana kumpulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SELANGOR KE ARAH PELABURAN INDUSTRI HIJAU

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan utama yang akan dimainkan oleh Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar melalui agensi di bawahnya supaya memastikan "Regulatory Framework" yang digunakan untuk membentuk sebuah "Suasana Yang Sesuai" dapat dipantau secara berterusan dan berkala bagi mencapai matlamat "Selangor Ke arah Pelaburan Industri Hijau"?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan ekonomi Negeri Selangor memberi tumpuan kepada pembangunan perindustrian dan perkhidmatan. Dua (2) sektor ini adalah merupakan sektor utama dalam peningkatan GDP (*Gross Domestic Product*) Negeri Selangor. Tumpuan utama Negeri Selangor adalah dengan meningkatkan lagi sektor perkhidmatan. Di antara perkara-perkara di bawah sektor perkhidmatan adalah seperti *medical tourism*, perbankan dan logistik. Dengan penumpuan yang berterusan terhadap sektor perkhidmatan, ianya dengan sendiri akan mencapai matlamat ke arah pelaburan industri hijau.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENEMPATAN PEKERJA ASING

196. Penempatan pekerja asing.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah penempatan pekerja asing disyaratkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang pembinaan industri baru?
- b) Adakah larangan atau kebenaran penempatan mereka di kawasan kediaman penduduk tempatan?
- c) Adakah kajian atau laporan gejala sosial pelacuran, arak, dadah dan jenayah kesan daripada penempatan warga asing ini di Meru?

JAWAPAN:

- a) Secara amnya, penyediaan penempatan untuk pekerja kilang telah disentuh dalam **Garis panduan Perancangan Pekerja Kilang** yang diterbitkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia pada 1997. Di Negeri Selangor, Garis panduan ini telah diluluskan pemakaiannya pada 5 Ogos 1997. **Dasar-dasar perancangan pembangunan perumahan pekerja kilang** adalah seperti berikut :
 - i) Industri yang beroperasi di Negara ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu industri kecil, sederhana dan besar.
 - Industri kecil boleh memuatkan lebih kurang 8-10 unit setiap 0.4 hektar (satu ekar) dan pada kadar 5 pekerja / unit yang boleh menampung 150 orang pekerja bagi setiap 1.2 hektar (3 ekar) ; dan
 - Bagi industri sederhana dan besar memerlukan kawasan yang lebih luas dari industri kecil iaitu melebihi 4 hektar (10 ekar) untuk menampung lebih daripada 150 orang pekerja.

Berasaskan kriteria di atas, kawasan industri yang dizonkan hendaklah tidak kurang daripada 8 hektar (20 ekar) untuk membolehkan 10 hingga 20 peratus kawasan di peruntukkan bagi pembangunan perumahan pekerja kilang berasaskan ukuran 1 unit domitari sama dengan 18.58 meter persegi (200 kaki persegi) 'twin sharing concept'. Ini tidak termasuk keperluan rekreasi di mana saiznya adalah mengikut komponen yang disediakan.

- ii) Setiap kawasan yang dizonkan untuk pembangunan industri disyaratkan menyediakan kemudahan perumahan pekerja berdasarkan saiz pekerja masing-masing.
- iii) Kemudahan perumahan jenis 'bedsitter' hendaklah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pekerja-pekerja yang tidak berkeluarga ('single worker') dan tidak membawa ahli keluarga. Tiga jenis 'bedsitter' telah dikenal pasti yang boleh dibina iaitu:
 - Bangunan yang mempunyai banyak bilik dengan kemudahan tempat masak yang berasingan dan dikongsi bersama ;
 - Bangunan yang mempunyai bilik-bilik yang dilengkapi dengan kemudahan memasak; dan
 - Asrama dengan kemudahan dewan makan atau kantin. Pilihan konsep adalah berasaskan kesesuaian dan kemampuan institusi-institusi industri untuk menyediakannya.
- iv) Perancangan pembangunan perumahan pekerja di dalam kawasan industri hendaklah diintegrasikan dengan taman industri.
 - Dalam merancang tempat tinggal bagi pekerja-pekerja kilang ini, empat prinsip perancangan berikut hendaklah diambil kira iaitu:
 - Keselamatan dan kesesuaian;
 - Kesihatan mental dan fizikal;
 - Kemudahan sosial yang mencukupi yang dapat menjamin keutuhan akhlak dan meningkatkan ilmu; dan
 - Bersih dan indah

Pihak pengurusan taman-taman industri perlu merancang satu kawasan khas dalam kompleks perindustriannya untuk dijadikan hostel, 'bedsitter' atau rumah pangsa pekerja kilang yang lengkap dengan kemudahan sosial dan keperluan-keperluan asas yang sesuai.

Dalam konteks Penyediaan asrama pula, panduan mengenai penyediaannya pula adalah berasaskan kepada Garis Panduan Pekerja Kilang seperti mana termaktub dalam Piawai Perancangan Kawasan Perindustrian dan dasarnya adalah seperti berikut:-

- i) Asrama pekerja didefinisikan sebagai premis yang digunakan sebagai tempat tinggal pekerja kilang;
- ii) Penyediaan asrama pekerja boleh dipertimbangkan bagi industri yang mempunyai 30 peratus daripada pekerja-pekerja asing dan bukan penduduk tempatan
- iii) Kawasan perindustrian baru yang berkeluasan 8 hektar (20 ekar) dan lebih dibolehkan untuk membina asrama pekerja dan 15 peratus daripada kawasan industri dibenarkan untuk asrama;
- iv) Ketinggian dan anjakan bangunan tidak boleh melebihi had ketinggian yang ditetapkan bagi kawasan berkenaan.
 - Anjakan bangunan menghadap jalan – 6m (20 kaki) minimum atau 'road buffer' yang mana lebih besar ; dan
 - Anjakan tepi dan belakang – 2.3m (7.5 kaki) minimum untuk bangunan yang ketinggiannya tidak melebihi 3 tingkat dan 6m (20 kaki) untuk bangunan yang ketinggiannya di antara 3 – 5 tingkat.
- v) Lokasi kawasan asrama perlulah di luar daripada zon penampakan;
- vi) Kepadatan pembangunan bagi asrama adalah di dalam lingkungan 250 penghuni / ekar;
- vii) Kemudahan yang perlu disediakan ialah dewan makan, pejabat, pondok pengawal, surau dan kemudahan rekreasi;
- viii) Penukaran fungsi serta pengubahsuaian bangunan yang telah sedia ada Kepada fungsi kediaman (asrama) adalah seperti berikut:
 - a. **Lokasi**
Kedudukan bangunan asrama mestilah di luar kawasan penampakan 'physical/greenery' yang ditetapkan
 - b. **Susun Atur Bangunan**
Perlu diasingkan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian.
 - c. **Jumlah Pekerja**
Jumlah pekerja yang dibenarkan untuk menduduki sesuatu Bangunan asrama tidak melebihi 500 orang.
 - d. **Kemudahan awam/sosial**
Kemudahan yang perlu disediakan perlulah mematuhi syarat Seperti perancangan perumahan pekerja-pekerja kilang.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, syarat-syarat penyediaan penempatan pekerja-pekerja asing dalam kebenaran merancang, adalah mengikut pertimbangan Pihak Berkuasa Tempatan setelah mengambil kira kesesuaian kawasan, saiz kawasan industri dan keperluan-keperluan teknikal lain sebagaimana mengikut garis panduan yang telah disediakan

- b) Mengikut Garis panduan Perancangan semasa, penyediaan kediaman pekerja sama ada hostel, bedsitter atau rumah pangsa pekerja kilang hendaklah disediakan di satu kawasan khas dalam kompleks perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan sosial dan keperluan – keperluan asas yang sesuai.

Berhubung dengan larangan mengenai penempatan mereka di kawasan penduduk Tempatan, dari segi perancangan belum ada dasar yang jelas yang berkaitan dengan perkara ini. Namun demikian, PBT mungkin boleh menggunakan peraturan-peraturan dan kuasa yang dibenarkan untuk mengawal selia dan menyekat kacau ganggu di kawasan kediaman penduduk tempatan oleh pekerja asing.

- c) Dengan merujuk kepada pihak PDRM Kontinjen Selangor tidak ada membuat kajian atau laporan terhadap gejala sosial seperti pelacuran, arak, dadah dan jenayah, akibat dari penempatan warga asing Meru. Namun begitu terdapat kejadian jenayah seperti kes samun, pecah rumah, curi kenderaan, pergaduhan sesama sendiri sehingga mendatangkan kecederaan serta kesalahan melibatkan Akta Imigresen yang melibatkan warga asing seramai 30 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : OKU

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan OKU yang telah berdaftar dengan JKM di tiga DUN dalam Parlimen Gombak.
- b) Senaraikan bilangan OKU yang telah berdaftar dengan SMUE seperti kategori a)
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk melaksanakan pendaftaran automatik SMUE daripada senarai pemilik kad OKU JKM?

JAWAPAN:

- a) Mengikut Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) bilangan OKU yang berdaftar dengan JKM di tiga DUN dalam Parlimen Gombak adalah seperti berikut:

DUN		BILANGAN OKU
N.16	BATU CAVES	1769
N.17	GOMBAK SETIA	209
N.18	HULU KELANG	185

- b) Berikut adalah kemudahan dan keistimewaan kepada OKU dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN ORANG KURANG UPAYA

BIL	AGENSI PELAKSANA	KEMUDAHAN OKU YANG DISEDIAKAN
1.	Jabatan Masyarakat Kebajikan	<u>Bantuan Kewangan</u> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Elaun Pekerja Cacat (EPC) - (RM300) ❖ Bantuan am - (RM80) ❖ Geran Pelancaran- (RM2700) ❖ Bantuan Alat Tiruan/Sokongan ❖ Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja(BTB) - (RM 150)

		<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bantuan Penjagaan OKU Terlantar Dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) -(RM300) <p><u>Perkhidmatan Institusi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Pusat Pemulihan dalam Komuniti ❖ Institusi Penjagaan dan Pemulihan Taman Sinar Harapan ❖ Bengkel Terlindung ❖ PLPP Bangi ❖ Khidmat nasihat dan Kaunseling <p><u>Akses perkhidmatan OKU- JKM</u> Pendaftaran dan Pengeluaran Kad OKU</p>
2.	Kementerian/Agensi Kerajaan lain	
2.1	Kementerian Pengangkutan/Jabatan Pengangkutan Jalan	Pengecualian Cukai Jalan (OKU fizikal. Kereta, van, motosikal buatan tempatan sahaja)
2.2	Kementerian Pengangkutan/ Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia SPAD	<p>Kemudahan Pengangkutan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> ❖ Potongan harga sebanyak 25% kepada OKU & warga tua 60 tahun ke atas bagi semua bas ekspres (mulai 20 Julai 2009) ❖ Potongan harga sebanyak 50% kepada OKU yang menaiki bas henti –henti
2.3	Kementerian Pelajaran/Bahagian Pendidikan Khas	Program Pendidikan Khas
2.4	Kementerian Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Program Pendidikan Integrasi ❖ Elaun RM150.00 sebulan kepada Pelajar OKU Sekolah Rendah dan Menengah

2.5	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia/Bahagian Biasiswa	<p>Bantuan Kewangan Pelajar OKU IPT</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diberikan kepada pelajar OKU yang mengikuti pengajian tinggi (Diploma Ke atas) secara sepenuh masa di IPTA,IPTS,Politeknik &Kolej Komuniti - Berbentuk bayaran yuran & wang saku. Tidak lebih RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang pengajian. - Bantuan Kewangan kepada pelajar OKU IPT tempatan (separuh masa/ (Pengajian Jarak Jauh)) - Tidak lebih RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang pengajian, tetapi hanya bayaran yuran pengajian sahaja. <p>Bantuan Kewangan Program Pendidikan Khas di Politeknik/Kolej Komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diberikan kepada Pelajar OKU Pendengaran – mengikuti Program Pendidikan Khas di Politeknik terpilih. - Kadar bantuan adalah RM3360 /semester mengambil kira bantuan yuran,sara hidup, penginapan dan alat bantuan belajar. <p>Saluran Khas pengambilan OKU di IPTA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerusi saluran Khas (tidak perlu bersaing dengan kategori biasa) kelayakan minima. - Penempatan universiti disesuaikan dengan kemudahan dan bidang yang disediakan oleh IPTA.
2.6	Kementerian Kewangan /Lembaga Hasil	<p>Kemudahan dan Galakan Pelepasan Cukai Pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelepasan Cukai Berganda - majikan yang melatih & mengambil pekerja OKU. - Pelepasan cukai RM5000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU.

		<ul style="list-style-type: none"> - Pelepasan cukai RM5000 bagi pembelian alat - alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU. - Mulai 2005 Pelepasan cukai diri sebanyak RM6000 kepada OKU& pasangan OKU (dari RM3,000 kepada RM3,500) - Pengecualian 100 peratus Duti Eksais ke atas kenderaan OKU <p>Dengan syarat -syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemohon berdaftar dengan JKM • Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik sehingga tamat tempoh 5 tahun kecuali dengan kebenaran Perbendaharaan; • Pengecualian hanya dibenarkan untuk sebuah kenderaan bagi setiap 5 tahun. <p>(Berdasarkan pembentangan bajet tahunan)</p>
2.7	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kadar sewa rumah yang rendah
2.8	Kementerian Kewangan/Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Potongan Harga 20% pembelian rumah
2.9	Kementerian Kesihatan	<p>Pengecualian bayaran rawatan perubatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bayaran Wad kelas 3 - Bayaran Pakar - Bayaran Ubat - Hanya hospital kerajaan
3.0	Kementerian Manusia/Jabatan Kerja Sumber Tenaga	<p>Kemudahan Peluang Pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2008 Dasar 1% Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU.

		<ul style="list-style-type: none"> - Perkhidmatan Pendaftaran Pekerjaan secara online. <p>Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP - OKU)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Telah berniaga - Usia 18 tahun ke atas - Individu atau kelompok - Geran berbentuk <i>one-off</i>
3.1	Jabatan Tenaga Kerja	<p>Kemudahan Peluang Pekerjaan</p> <p>Bagi Sektor swasta, Jawatankuasa Penggalakan Pengajian Orang Cacat di Sektor Swasta telah ditubuhkan pada tahun 1990 - mewujudkan Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta.</p>
3.2	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri / Jabatan Imigresen	<p>Pengecualian Bayaran Dokumen Perjalanan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pasport
3.3	Jabatan Pendaftaran Negara	<p>Pengecualian bayaran :-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuat MyKad - Carian daftar Kelahiran dan Kematian
3.4	Kementerian Kewangan	<p>Pengecualian duti import alat ganti tiruan/sokongan</p>
3.5	Jabatan Perkhidmatan Awam	<p>Pencen Terbitan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Anak penjawat awam yang telah meninggal dunia. - Waktu Bekerja Anjal
3.6	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi/ Telekom Malaysia	<p>Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang(percuma sewa bulanan talian telefon kediaman dan percuma untuk perkhidmatan panggilan menunggu atau pemindahan panggilan.</p>
3.7	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan/ Majlis Kerajaan Tempatan	<p>Kod Amalan Akses bagi OKU;-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bangunan baru wajib ada ram dan railing

		<ul style="list-style-type: none"> - Laluan yang bersesuaian dengan kerusi roda - Lif Khas dengan reka bentuk sesuai - Tempat letak kereta, tandas khas dan sebagainya.
3.8	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Penggunaan melalui agensinya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Pengecualian bayaran permohonan baru dan memperbaharui Sijil Perakuan Perniagaan bagi OKU.
4.	Agensi Swasta	
4.1	Perkhidmatan Penerbangan Malaysia Malaysia Airlines (MAS)	Memberi diskaun 50% bagi penerbangan dalam negeri
4.2	Perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu (KTMB)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ (KTMB) Antara bandar - Memberi diskaun 50% ke atas tambang perjalanan bagi semua kelas. ❖ Perkhidmatan KTM Komuter - Memberi diskaun 50% ke semua destinasi
4.3	Sistem Transit Aliran Ringan (RapidKL)	Memberi diskaun 50% ke semua destinasi <ul style="list-style-type: none"> - Laluan Ampang dan Sri Petaling - Laluan Kelana Jaya
4.4	Telekom Malaysia	Kemudahan Telekom Malaysia di bawah Pakej Penyayang (percuma sewa bulanan talian telefon kediaman dan percuma untuk perkhidmatan panggilan menunggu atau pemindahan panggilan).
4.5	Universiti Terbuka Malaysia	75% potongan yuran pengajian

- c) Telah ada rancangan untuk mengintegrasikan penerima bantuan daripada mana-mana agensi atau jabatan di bawah kerajaan negeri termasuk JKM melalui perisian iWORKFARE. Tujuannya agar satu pangkalan data bersepadu dapat

diwujudkan bagi mengurus data pemohon dan penerima bantuan dengan lebih sistematik di samping mengelakkan sebarang pertindihan.

Setakat Oktober 2013, seramai 1 juta individu telah didaftarkan dengan sistem iWorkfare di mana penerima bantuan adalah sebanyak 355,241.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: BAU BUSUK BERPUNCA DARI LOJI RDF SEMENYIH

198. Rakyat di sekitar Semenyih mengadu mengenai bau busuk dari loji RDF di Hulu Semenyih. Antara aduan itu ialah air "leachate" dari 20% sisa sampah yang dipindahkan ke Tapak Pelupusan Sampah jatuh dari lori pengangkutan ke jalan raya sewaktu proses pemindahan itu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini memandangkan Perjanjian Kelulusan Pembinaan Loji RDF adalah antara MPKJ dan Syarikat Konsesi serta Tapak Tanah loji dimiliki oleh Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah jumlah kapasiti sisa pepejal untuk setiap tapak Pelupusan Sampah yang ada di Negeri Selangor dan berapa tahun lagi tapak-tapak pelupusan sampah itu boleh digunakan?
- c) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan penjualan Asrama Yayasan Kuala Lumpur, Toh Puan Norashikin dan Tun Dr Ismail di Kg Pandan?
- b) Jika ada berapakah nilai jualan tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menggantikan Asrama tersebut di tempat lain? Jika ada, apakah statusnya setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Yayasan Selangor tidak menjual asrama pusat tersebut, tetapi membangunkan tapak asrama ini bagi menambah pendapatan agar lebih ramai lagi pelajar-pelajar di Selangor dapat di bantu berbanding jumlah sedia ada.
- b) Projek pembangunan bercampur bersama pemaju yang berjaya di dalam tender terbuka ini akan memberi kadar pulangan 30% daripada Nilai Kasar Pembangunan (GDV) . Jumlah pulangan minima yang bakal diperolehi oleh Yayasan Selangor ialah RM345 juta dan pulangan ini akan meningkat mengikut harga pasaran sepanjang pembangunan ini dijalankan. Nilai Pasaran tanah 8.2 ekar itu ialah RM 199 juta.
- c) Yayasan Selangor tidak akan menggantikan asrama pusat, sebaliknya akan membina sebuah Sekolah Berasrama Penuh(SBP) yang boleh menempatkan 1,000 pelajar. Permohonan tanah kepada Kerajaan Negeri Selangor sedang di proses.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

**TAJUK : SELANGOR OIL PALM INDUSTRIES CORPORATION SDN. BHD.
(SOPIC)**

200. Laporan Ketua Audit Negara 2012 Negeri Selangor menyatakan bahawa terdapat pelbagai kelemahan dalam pengurusan SOPIC dalam misinya menjadi syarikat pengeluar buah-buahan komersial dan makanan terpenting Negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan untuk memajukan SOPIC di masa hadapan?
- b) Apakah strategi kerajaan untuk menjana ekonomi melalui sektor pertanian buah-buahan jika SOPIC gagal melakukannya?

JAWAPAN

- a) Jemaah Ahli PKPS telah membuat keputusan untuk melaksanakan tindakan penutupan SOPIC berkuat kuasa pada 1 September 2013 dan PKPS telah mengambil alih semua aset dan liabiliti syarikat. Keputusan ini adalah selaras dengan 'exercise' penyusunan semula aktiviti PKPS dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang telah dimulakan pada tahun 2010.

Di dalam pengstruktur semula ini, semua aktiviti perladangan tidak lagi dijalankan oleh syarikat subsidiari tetapi diuruskan secara langsung oleh PKPS bagi mengawal penggunaan dan pemilikan aset tanah. Dengan pengstruktur semula ini maka kewujudan SOPIC telah menjadi tidak lagi relevan. Dengan lain perkataan, projek '*Selangor Fruits Valley*' (SFV) akan diambil alih oleh PKPS untuk diuruskan sebagai projek langsung PKPS.

- b) PKPS akan tetap meneruskan projek SFV tetapi dengan objektif dan pendekatan baru. Dalam hal ini, tumpuan PKPS adalah kepada dua objektif, iaitu perladangan komersial dan pembangunan usahawan tani. Sebahagian daripada kawasan SFV akan diuruskan sendiri oleh PKPS sebagai ladang buah-buahan komersial dan tidak lagi untuk tujuan pelancongan, pembelajaran dan kebajikan.

Sebahagian lain pula akan diwujudkan lot-lot pertanian dan ditawarkan kepada orang ramai untuk diusahakan dengan tanaman buah-buahan, kontan dan sayur-sayuran secara usaha sama dengan PKPS.

Dengan berbuat demikian, masalah utama PKPS, iaitu keperluan tenaga buruh, akan dapat dikurangkan dan pada masa yang sama, memberi peluang kepada

para usahawan tani untuk bersama-sama PKPS dalam membangunkan SFV dan dapat menjana ekonomi melalui sektor pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : AKTIVITI KEMASYARAKATAN

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila butirkan senarai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, PBT & agensi kerajaan yang lain di Petaling Jaya untuk 2012-2013. Sila juga beri kos dan bilangan penduduk yang hadir jika ada.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kos keseluruhan aktiviti sehingga **12/11/2013= RM755,131.15** seperti di **Lampiran.**

LAMPIRAN

BIL	TARIKH PROGRAM	PROGRAM/AKTIVITI	LOKASI	TINDAKAN	PENYERTAAN
JANUARI 2013					
1	05 JAN 2013	Pertandingan Sukan Lasak "Best-Tricks Skate Board"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 30 peserta
2	06 JAN 2013	Pertandingan Sukan Lasak "Pertandingan Futsal Remaja"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 40 peserta
3		Program PeBT "Kejohanan 3 lwn 3 Bola Keranjang Zon.20"	Dewan SS3, Kelana Jaya	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 40 peserta
4	07 JAN 2013	Program PPKB Pendaftaran Kemasukan Ke Program Latihan Kemahiran Giatmara	Giatmara Petaling Jaya	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 1 Org
5	12 JAN 2013	Program Kemasyarakatan / Kerohanian "Kerohanian Remaja & Cinta"	Bilik Syarahan, MBPJ	Rakan Muda kerjasama Raudhatus Sakinah	TERLAKSANA Penyertaan: 94 Org
6	13 JAN 2013	Program HEWA "Bengkel Masakan Donat"	Lot.Kedai Taman Sri Manja, PJ	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 25 Org
7	19 JAN 2013	Program PPR "Mammogram di FORREST MEDICAL CENTER,KEPONG."	Forrest Medical Center, Kota Damansara	PPR	TERLAKSANA Penyertaan: 25 Org
8	19-20 JAN 2013	Program PeBT "Seminar Pembangunan Belia PeBT N.Selangor 2013"	Cherengin Hill, Janda Baik, Pahang.	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 22 Org

9	20 JAN 2013	Kursus Asas Mendaki Wall & Flying Fox "Bengkel Menyelamat Nyawa PBSM"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 30 Org
10		Kursus Asas Mendaki Wall & Flying Fox "Kursus Asas Wall & Flying Fox-siri 1"			
11	27 JAN 2013	Program HEWA "Kursus Pengurusan Jenazah"	Masjid Ar-Rahmah Sg.Way	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 33 Org
FEBRUARI 2013					
1	01 FEB 2013	Pertandingan Sukan lasak Pedalmer BMX JAMM Competition (RedBull & MBPJ)	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 35 Org
2	02 FEB 2013	Pertandingan Sukan lasak "Skate With Us Competition"	Arena PJ		TERLAKSANA Penyertaan: 30 Org
3		Program PPKB "Kursus Lanjutan Terapi Badan"	TERTAKLUK	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 31 Org
4	03 FEB 2013	Program PeBT "Kejohanan Bola Keranjang Belia Zon.20"	Dewan SS3 Kelana Jaya	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 20 Org
5	08 FEB 2013	Program PPKB "Sumbangan Angpaw Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2013"	Tingkat 7, Menara MBPJ	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 7 Org
6	16 FEB 2013	Program PPRT "Kursus Smart Solat Vateriaan"	Surau As-Sahabah Kota Damansara	PPR Kerjasama BAKEWANIS	TERLAKSANA Penyertaan: 75 Org
7.		Kursus Asas Mendaki Wall & Flying Fox	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA

		"Kursus Asas Wall & Flying Fox-siri 2"			Penyertaan: 30 Org
8	23 FEB 2013	Program Kemasyarakatan / Kerohanian FORUM KASIH SEMPENA MAULIDUR RASUL-KAU ADALAH SUMBER INSPIRASI HATIKU RASULULLAH S.A.W -Masjid(PDD/JAIS) -Klinik fatihah&pertandingan azan -Ceramah remaja (IKRAM)	Dewan Ilmu	Rakan Muda Kerjasama Masjid Putra/ IKRAM/ JAKIM/ JAIS/ AADK	TERLAKSANA Penyertaan: 250 Org
9	28 FEB 2013	Program Warga Emas "Parti Tahun Baru Cina 2012"	Sentral Senior Citizens Assosiation PJ	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
MAC 2013					
1	2 MAC 2013	Kejohanan Kecergasan Futsal & Bola Tampar	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 44 Org
2	3 MAC 2013	Pertandingan Sukan Rakyat Remaja -1	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 64 Org
3.	9-10 MAC 2013	Program Kemasyarakatan / Kerohanian "Keindahan Bersamamu(KBM)"	Damansara Damai	Rakan Muda Kerjasama IKRAM	TERLAKSANA Penyertaan: 100 Org
4.	10 MAC 2013	Pertandingan Sukan Rakyat Remaja -2	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 64 Org
5.	16 MAC 2013	Program PPKB "Kursus mengunting rambut lelaki"	Arena PJ	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan:

					5 Org
6.	24 MAC 2013	Program Wataniah "Membina Semangat"	Arena PJ	Wataniah	TERLAKSANA Penyertaan: 40 Org
7.	25-27 MAC 2013	Program Kecergasan "Kem jati Diri Remaja MBPJ"	Janda Baik, Pahang	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 55 Org
8.	31 MAC 2012	Program Mesra Rakyat "Gotong Royong dan Pemeriksaan Kesihatan"	Desa Sepakat PJS 3	Mesra Rakyat	TERLAKSANA Penyertaan: 89 Org
APRIL 2013					
1.	6 APRIL 2013	Program Bengkel "Program Pencegahan Jenayah Remaja"	Kelana Jaya	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
2.	7 APRIL 2013	Program Kursus "Program Asas Kursus Berkayak-1"	Tasik Kelana Jaya	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 60 Org
3.	20 APRIL 2013	Program Kecergasan "Pertandingan Remaja-Futsal& Ping Pong"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
		Program PPKB "Tuisyen SPM&PMR di Sekolah Angkat Terpilih" (april-julai)	SMKTM	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 40 Org
4.	21 APRIL 2013	Program PeBT "Pertandingan Sukan Belia Bola Keranjang"	SS 3, P.JAYA	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
5.	22 APRIL	Program Motivasi & Kaunseling	Dewan perpustakaan	Rakan Muda	TERLAKSANA

	2013	“program kaunseling SPM”	MBPJ		Penyertaan: 130 Org
6	27 APRIL 2013	Program Warga Emas “Mesyuarat Agong Yang Ke-11-Sentral Senior Citizens Association PJ”	Sentral Senior Citizens Association PJ	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
7	27 APRIL 2013	Program PeBT “Pertandingan Sukan Belia Bola Keranjang”	SS 2, Kelana Jaya	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 60 Org
8	27-28 APRIL 2013	Program PeBT “Program Teras Sukan Belia (Badminton)”	Dewan Sek.7 Kota Damansara	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 120 Org
9.	27 APRIL 2013	Program Kecergasan “Pertandingan sukan rakyat- karom,congkak,dam haji, dart sesi 1”	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 60 Org
10.	28 APRIL 2013	Program Kecergasan “Kursus Asas Wall Climbing & Flying Fox siri 2”	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 60 Org
MEI 2013					
1.	11 & 12 MEI 2013	Program PPKB “Kursus Jahitan Baju Kurung Tradisional”	Kolej Komuniti	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 20 Org
2.		Program Rakan Muda “Pertandingan Kecergasan Remaja”	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 30 Org
3.	12 MEI 2013	Program PPR “Kursus Kebapaan LPPKN”	Lembah Subang	PPR	TERLAKSANA Penyertaan: 31 Org
4.		Program Teras Sukan Belia	Arena PJ	PeBT	TERLAKSANA

		"Futsal & Bola Tampar"			Penyertaan: 60 Org
5.	18 & 19 MEI 2013	Program PPKB "Kursus Jahitan Baju Kurung Moden"	Kolej Komuniti	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 20 Org
6.	19 MEI 2013	Program Mesra Industri "Karnival Mesra Industri"	Arena PJ	Mesra Industri	TERLAKSANA Penyertaan: 283 Org
7.	25 MEI 2013	Pertandingan Kecergasan Remaja "Futsal & Ping Pong"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 48 Org
8.	26 MEI 2013	Program HEWA "Meraikan Hari Ibu & Hari Guru"	Dewan PAKK	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 37 org
9.	26 MEI 2013	Program Teras Sukan Belia "Kejohanan Futsal"	Dataran Anak Muda, PJS 1, P.Jaya	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
10.	29 MEI 2013	Program Kemasyarakatan & Kecergasan "Gontong Royong & Jelajah Bukit Gasing"	Bukit Gasing, Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
JUN 2013					
1	3-7 JUN 2013	Program Kecergasan & Cinta Alam "Program Kem Jati Diri, Remaja"	Kelantan	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 70 Org
2.	8 JUN 2013	Program Kemasyarakatan & Insaniah "CUT & COOK Makanan Halal"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
3	8 JUN 2013	Program PeBT "Program Teras Sukan Belia"	SS3, P.Jaya	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan:

					48 Org
4	9 JUN 2013	Program PeBT "Program Teras Kesenian Belia"	Sek.7, Kota Damansara	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
5	15 JUN 2013	Program HEWA "Literasi Wanita & Undang-undang"	PJS 2D/11	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 83 Org
6	22 JUN 2013	Program PPKB "Gubahan Bunga Segar dan fruit carving"	Masjid Jamek Kwsn Melayu	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 100 Org
7		Program HEWA "Sempena Hari Wanita"		HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 108 Org
8	29 JUN 2013	Program Kecergasan & Sukan Lasak "kayuhan BES Jelajah Selangor 2013"	Ibu Pejabat MBPJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 69 Org
10	30 JUN 2013	Program PeBT "Penyampaian Insentif Perkhawinan Belia & Pelancaran laman sesawang & Logo BeS"	Foyer, SUK	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 11 Org
JULAI 2013 (RAMADHAN) JUN 2013					
1	6 JULAI 2013	Program Kecergasan "Pertandingan Kecergasan Remaja"	Dataran Anak Muda, PJS 1, Petaling Jaya	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
2		Program Warga Emas "Luncheon Lecture by Dato' (Dr) Hj. Mustapha Ma"	Persatuan Warga Emas Damansara Jaya	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 56 Org
3	7 JULAI 2013	Program PeBT "Bengkel Pengucapan Awam"	Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 21 Org

4	8 JULAI 2013	Program PPKB "Sumbangan Ramadhan (Warga Emas)"	Dewan Banquet MBPJ	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
5	14 JULAI 2013	Program HEWA "Sentuhan Kasih Bersama Kanak- Kanak Oku"	Masjid KLCC	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
6	20-21 JULAI 2013	Program kerohanian "3R- Remaja Raikan Ramadhan"	Lembah Subang	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 120 Org
7	20 JULAI 2013	Program HEWA " (Majlis Berbuka Puasa)"	Ibu Pejabat	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 28 Org
8	21 JULAI 2013	Program PeBT "Belia Semarakkan Ramadhan Bersama OKU"	Dewan PJS 2C/6 PJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 100 Org
9	22 JULAI 2013	Program Warga Emas "Lawatan ke Kirtash Handicapped & Disabled Children's Home, Di Bukit Beruntung"	Persatuan Warga Kanan Selangor	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 21 Org
10	24 JULAI 2013	Program PPR "Edar Dodol & Wajik"	Kota Damansara	PPR	TERLAKSANA Penyertaan: 65 Org
11	26 JULAI 2013	Program HEWA "Majlis Khatam Al-Quran Dan Rewang Bubur Lambuk"	Dewan Ahli Majlis SS9	HEWA	TERLAKSANA Penyertaan: 69 Org
12		Program PeBT "Kejohanan Bola Keranjang"	Padang SS3, PJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 48 Org
13	27 JULAI	Program PeBT	Masjid Bandar Diraja	PeBT	TERLAKSANA

	2013	"IFTAR Belia(Majlis Berbuka Puasa)"	Klang		Penyertaan: 4 Org Wakil PeBT
14	28 JULAI 2013	Program Warga Emas "Pelaburan Untuk Kesejahteraan Di Hari Tua"	Dewan PJS 1/35	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 90 Org
OGOS 2013 (SYAWAL AIDILFITRI)					
1.	26 Ogos 2013	Program PPKB " Penyampaian Sumbangan Raya"	Stadium MBPJ	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 200 Org
2.	24 OGOS 2013	Program PeBT "SAMBUTAN HARI BELIA ANTARABANGSA (Anak Muda Benci Rasuah)"	Dataran Kemerdekaan & Sekitar Shah Alam - Muzium -Perpustakaan Lama	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: PeBT - 2 PeBT - 3 (Pengerusi) PeBT - 60 (Peserta)
SEPTEMBER 2013					
1	4 Sept 2013	Program Rakan Muda "Meraikan Remaja Anak Yatim"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 40 Org
2		Program PeBT "Sambutan Hari Raya Bersama Anak Yatim"		PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: PeBT- 8 Org Belia- 10 org
3	6 Sept 2013	Program HEWA	Singgahsana	HEWA	TERLAKSANA

		"Sambutan Hari Raya"			Penyertaan: 60 Org
4	7 SEPT 2013	Program PeBT "Sambutan Hari Merdeka Belia"	Arena PJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 300 Org
5		Program PPKB "Program E-'Z' Lulus Kali ke-6"	SMK Taman Medan	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 40 Org
6		Program Warga Emas (W.I) "Pertandingan Karaoke"	Carlton Holiday Hotel, Shah Alam	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 33 Org
7	8 SEPT 2013				
7	8 SEPT 2013	Program Rakan Muda "Kejohanan Kecergasan Remaja"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 50 Org
8	9 SEPT 2013	Program PPKB "Program Kelas Tambahan SPM"	SMK Lembah Subang	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 108 Org
9	19 SEPT 2013	Program PPKB "Program Gilap SPM"	SMK Damansara Damai 1	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 127 Org
10	20-22 SEPT 13	Wataniah "kembara duga"	Felda Tekam, Pahang	Wataniah	TERLAKSANA Penyertaan: 28 Org
11	22 SEPT 2013	Program Rakan Muda sesi 2 "Pertandingan Kecergasan Remaja-Futsal, Bola Jaring, Ping Pong dan Congkak"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 76 Org
12	28 Sept 2013	Program Rakan Masyarakat "Remaja-Skor A SPM (BERITA HARIAN)"	Dewan Ilmu	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 186 Org
13		Program Rakan Muda	Rakan Muda	Rakan Muda	TERLAKSANA

		"Kejohanan Kecergasan Remaja"			Penyertaan: 45 Org
14		Program Warga Emas SECITA "Brain GYM"	Dewan Tan SRI Lee Yan Lian, Bangunan SECITA	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 199 Org
15	26-28 SEPT 2013	Program Warga Emas (W.I) "Lawatan Sambil Belajar Ke Cameron Highland"	Cameron Highland	Warga Emas	TERLAKSANA Penyertaan: 25 Org
16	28-29 SEPT 2013	Program PPKB "Kursus Menjahit Kurung Pahang"	Kolrj Komuniti	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 20 Org
17	29 SEPT 2013	Program Mesra Rakyat "Karnival Mesra Rakyat"	Desa Mentari	Mesra Rakyat	TERLAKSANA Penyertaan: Penduduk Desa Mentari
OKTOBER 2013					
1	4 OKT 2013	Program PeBT "Program Servis Motor bersama Belia Zon.10"	Masjid Malayu Sek.16 PJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 60 Org
2	6 OKT 2013	Program Askat Wataniah "Aktiviti Kecergasan"	Arena PJ	Askar Wataniah	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
3	9 OKT 2013	Program PeBT "Program Kempen Menjaga Kebersihan Persekitaran dan Kitar Semula Zon.6"	Pasar Taman Megah PJ	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 35 Org
4	19 OKT 2013	Program Rakan Muda "Bengkel Keselamatan Nyawa Remaja Bersama PBSM PJ"	Taman Tasik Kelana Jaya	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 70 Org

5		Program Rakan Muda "Kursus Asas Berkayak Remaja"			
6		Program PPKB "Bancian Pekerja"	Lembah Subang dan Kota Damansara	PPKB	TERLAKSANA Penyertaan: 20 Org
7		Program PPR "Bancian Pekerja"		PPR	
8	20 OKT 2013	Program Rakan Muda "Pertandingan Kecergasan Remaja"	Arena PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 80 Org
9		Program PeBT "Kejohanan Futsal Zon 18"	Flat Taman Nedan Baru	PeBT	TERLAKSANA Penyertaan: 48 Org
10	22 OKT 2013	Program PPKB "Seminar Miskin Bandar"	Hotel	Miskin Bandar	TERLAKSANA Penyertaan: 119 Org
11	26 OKT 2013	Program Rakan Muda "Pertandingan Futsal & Bola Tampar Remaja"	Are4na PJ	Rakan Muda	TERLAKSANA Penyertaan: 88 Org
12	27 OKT 2013	Program Warga Emas "Sihat, Berkualiti, Meningkatkan Potensi Diri "	Taman Jaya	Warga emas	TERLAKSANA Penyertaan: 644 Org

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

TAJUK : PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KEDIAMAN

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar bahawa permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan yang merupakan tanah kediaman kini telah dibekukan/ tidak diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor dan apakah sebabnya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Selangor tidak membekukan mana-mana permohonan pemberimilikan tanah kerajaan bagi tujuan bangunan kediaman. Walau bagaimanapun, pemohon perlulah mematuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965 iaitu :
- i) Orang-orang yang benar selain remaja;
 - ii) Perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan mereka untuk memegang tanah;
 - iii) Raja-Raja Pemerintah, Kerajaan, Organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan ordinaran keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957; dan
 - iv) Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : MENAIK TARAF STADIUM JUGRA, TELOK DATOK

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf stadium Jugra , Teluk Datok yang bersejarah, dan merupakan medan latihan yang mewujudkan ramai atlet sukan negara yang ternama.
- i) Sila menyatakan butir-butir lengkap perabot sukan / peralatan yang akan dinaiktarafkan.
- ii) Sama ada kerajaan negeri akan mengekalkan kadar mampu sewa kepada orang ramai atau harga sewa akan melampung naik selepas siap kerja naik taraf.

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis menerima peruntukan sebanyak RM 1, 590,000.00.
- i) Perabot sukan/peralatan yang akan dinaiktaraf:
- Trek
 - Lompat jauh
 - Lempar cakera/lontar peluru
- ii) Pihak Majlis bercadang untuk mengekalkan kadar sewa kepada orang ramai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kerajaan menangani masalah permohonan Tabung Warisan Anak Selangor oleh pemohon kawasan Selangor yang berposkod Kuala Lumpur?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan syarat sah TAWAS yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Selangor Darul Ehsan (MMKN) hanya beralamat di Negeri Selangor sahaja yang layak untuk program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI TAMAN SUNGAI YU INDAH,
KAMPUNG SUNGAI YU, TANJONG KARANG**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini projek berkenaan?
- b) Nyatakan syarikat yang dilantik untuk kerja-kerja penyiapan projek berkenaan.
- c) Bilakah jangkaan projek berkenaan dapat disiapkan?

JAWAPAN:

- a) Fasa 1 – berjumlah 227 Unit Rumah Teres Kos Rendah sedang dalam peringkat pembinaan 80% siap walaupun begitu pembinaan berjalan perlahan. Manakala Fasa 2 – berjumlah 272 Unit Rumah Teres Kos Rendah, pihak pemaju sedang dalam peringkat akhir penyediaan pelan pindaan untuk dikemukakan kepada LPHS/PTG Selangor bagi meminda unit-unit rumah tersebut kepada Rumah Teres Kos Sederhana Rendah (RTKSR).

Penukaran komposisi keseluruhan projek pembangunan daripada 100% Unit Rumah Teres Kos Rendah kepada pembangunan 50 : 50 kepada Rumah Teres Kos Sederhana Rendah bertujuan untuk menampung kos pembangunan secara keseluruhan.

Ini adalah disebabkan projek tersebut bergantung kepada 'end financing' sepenuhnya yang mana mempunyai pulangan yang lambat. Manakala unit-unit yang terdapat pembeli di Fasa 2 dipindahkan kepada Fasa1.

- b) Pemaju yang dilantik bagi Projek Program Khas Perumahan Kos Rendah Usaha sama Di Antara Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Perbadanan) ini adalah Tetuan Serambi Padu Sdn Bhd.
- c) Fasa 1 – 227 Unit Rumah Teres Kos Rendah dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2014.

Manakala Fasa 2 – 272 Unit Rumah Teres Kos Sederhana Rendah (setelah permohonan penukaran menaik taraf Rumah Kos Rendah kepada Rumah Kos Sederhana Rendah diluluskan) akan dimulakan sebaik sahaja kelulusan penukaran komposisi pembinaan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BAIK PULIH PADANG BOLA SEPAK AWAM

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan lokasi dan perbelanjaan bagi menaik taraf/ baik pulih padang bola sepak awam dari 2008 hingga 2013?
- b) Senaraikan kontraktor yang terlibat dalam kerja menaik taraf/ baik pulih tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan bagi menaik taraf / baik pulih padang bola sepak awam dalam tempoh 2008 hingga 2013 sebagaimana berikut :-

Bil	Daerah	Projek	Kos (RM)
1.	Pejabat Tanah Daerah Gombak	Kerja-kerja membaiki Padang Bola Sepak di Kg.Sg.Pusu	RM35,450.00
2.	Pejabat Tanah Daerah Klang	Membaiki padang dan memasang pagar jejaring belakang tiang gol Padang Bola Sepak Kg. Bukit Kapar	RM7,251.82
3.	Pejabat Tanah Daerah Sepang	Kerja-kerja membaik pulih Padang Bola Sepak di Kg. Ulu Teris	RM20,000.00
4.	Pejabat Tanah Daerah Sepang	Menaik taraf dan membaik pulih Padang Bola sepak di Kg. Hulu Chuchuh. Menaik taraf dan membaik pulih Padang Bola Sepak di Kg. Tanjung Mas	RM18,000.00 RM18,000.00

		Menaik taraf dan membaik pulih Padang Bola Sepak Kg. Labu Lanjut	RM17,250.00
5.	Pejabat Daerah Kuala Langat	Kerja-kerja menyelenggara infrastruktur Padang Awam Kg. Sijangkang	RM13,300.00

b) Antara kontraktor yang terlibat dalam kerja menaik taraf atau baik pulih adalah seperti berikut:-

- i) Kompas Emas Enterprise
No. 21, Jalan Saujana Indah 3,
Saujana Indah, Industrial Park,
Seksyen U3,
40150 Shah Alam.
- ii) Azam Baru Enterprise
No. 31, Jalan Indah 3/8,
Puchong Indah,
47100 Puchong, Selangor.
- iii) Sfera Tech Enterprise
No. 4, Jalan Tarif Tiga
23/8C, Seksyen 23,
40300 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
- iv) Pentas Wawasan Enterprise
2-2-11, Blok 2,
Wisma Mais, Jalan RU 3/9A,
Seksyen 3,
40000 Shah Alam,
Selangor.
- v) Samsul Hisham bin Sidek@ Mohd Yasin
Lot 1960 Jalan Sandora,
Kg. Sijangkang,
42500 Teluk Panglima Garang,
Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : LEMBAGA URUS AIR NEGERI SELANGOR (LUAS)

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan struktur, pasukan pengurusan dan pengarah LUAS?
- b) Apakah fungsi LUAS dalam industri air?
- c) Apakah sumbangan dan keberkesanan LUAS dalam pengurusan air negeri?

JAWAPAN:

- a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah sebuah agensi kerajaan Negeri Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sumber air (air mentah) negeri (air bumi, air permukaan dan pesisir pantai). Ahli lembaga pengarah LUAS terdiri daripada YAB Menteri Besar Selangor sebagai pengerusi, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai timbalan pengerusi, Pengarah LUAS sebagai setiausaha, dan beberapa ahli lain yang terdiri daripada Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, dua (2) orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, serta lima (5) orang yang dilantik berdasarkan kepakaran mereka di dalam bidang pengurusan sumber air.

Di bawah pimpinan Pengarah LUAS sekarang (keempat), Tuan Haji Md. Khairi Bin Selamat; pasukan pengurusan LUAS terdiri daripada 3 bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan dan Operasi, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan serta Bahagian Khidmat Pengurusan. Bahagian Pembangunan dan Operasi meliputi aktiviti teras LUAS yang merangkumi pengurusan tujuh (7) lembangan sungai utama Negeri Selangor, pengurusan pesisir pantai, pengurusan air bumi, pengurusan sumber air alternatif, pengurusan kawalan pencemaran sumber air serta perancangan dan penyelidikan. Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan pula merangkumi pengurusan pendakwaan dan pelesenan serta penguatkuasaan. Manakala Bahagian Khidmat Pengurusan menguruskan hal ehwal pentadbiran, kewangan serta teknologi maklumat. Di samping itu, LUAS juga disokong oleh Unit Korporat dan juga Unit Audit Dalam. Pihak LUAS juga sedang merancang untuk proses pengukuhan organisasi untuk mendepani cabaran semasa dan akan datang.

- b) Di dalam sektor industri air, LUAS bertanggungjawab untuk memastikan kualiti sumber air di Negeri Selangor bersih dan kuantitinya mencukupi untuk bekalan kepada loji-loji pembersihan air (LPA) untuk dirawat. Di samping memastikan

sumber air untuk keperluan semua sektor; pertanian, penternakan, perikanan, ekologi dan alam sekitar mencukupi. Bagi tujuan kelestarian pengurusan sumber air, LUAS melesenkan dan mengcaj kuantiti air yang diabstrak (satu sen semeter padu untuk utiliti awam dan lima sen semeter padu untuk industri). Prinsip pengurusan yang diamalkan oleh LUAS adalah “Water to Water” dan “Polluters Pay”. LUAS menguruskan sumber air Negeri Selangor secara bersepadu melalui integrasi bersama jabatan atau agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), JPS, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah Daerah dan operator-operator loji. Tujuh belas (17) fungsi LUAS berdasarkan Enakmen LUAS 1999 dapat dirumuskan untuk;

- Menyelaras perhubungan pelbagai agensi dalam negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber-sumber air pelbagai fungsi,
 - Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar, pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri,
 - Menjaga kepentingan negeri di dalam hal pembangunan, pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air,
 - Memberikan lesen atas syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau orang bagi mengusahakan sebarang kegiatan yang berhubungan dengan sumber-sumber air dan untuk mengawal selia pemegang-pemegang lesen serta aktiviti-aktiviti mereka, dan
 - Menyiasat sebarang kejadian, kesalahan atau kemalangan yang berlaku di atas atau berhubungan dengan suatu sumber air.
- c) LUAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan keberkesanan pengurusan sumber air negeri melalui inisiatif-inisiatif dan kaedah-kaedah baru. Antara pencapaian LUAS di dalam pengurusan sumber air negeri adalah; pewartaan tujuh (7) kawasan tadahan air empangan di Negeri Selangor pada tahun 2010 sebagai Zon Perlindungan melalui subseksyen 48(3) Enakmen LUAS 1999. Pewartaan ini membolehkan pengawalan ke atas aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan tadahan empangan dilakukan bagi memastikan keadaan air tadahan empangan sentiasa selamat dan baik.

Beberapa peraturan juga telah dikuatkuasakan untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkenaan dengan sumber air. Antaranya adalah; Peraturan-peraturan Abstraksi Sumber Air (Negeri Selangor) 2012 untuk mengawal aktiviti abstraksi sumber air yang dijalankan; Peraturan-peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012 bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang melepaskan bahan pencemar yang tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling oleh JAS; Peraturan-peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman (Negeri Selangor) 2012 dengan tujuan untuk mengawal aktiviti-

aktiviti navigasi di sungai-sungai di Negeri Selangor; serta Peraturan-peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013 bagi mengawal aktiviti-aktiviti pengubahan sumber seperti pengorekan pasir, pembinaan jambatan dan juga jeti. Beberapa peraturan lagi akan dikuatkuasakan dan ini memberi LUAS pelbagai kaedah untuk menguruskan sumber air negeri melalui pengawalan aktiviti.

Sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor (JKPSA) yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, tindakan bersepadu LUAS bersama agensi dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan berjaya menangani setiap kes kecemasan pencemaran sumber air di dalam jangka masa yang singkat. Antara kes-kes yang telah berjaya ditangani dengan baik adalah seperti kes tumpahan minyak daripada lori terbalik di Lebuhraya KARAK dan juga kes tumpahan minyak ke dalam Sungai Selangor oleh sebuah premis baru-baru ini.

Hasil cadangan oleh LUAS, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor juga telah meluluskan pemakaian Strategi Pengurusan Sungai Negeri Selangor oleh semua PBT. Strategi pengurusan ini diwujudkan untuk menekankan dasar pembangunan dengan mengikut keadaan fizikal semula jadi sungai dan memelihara keadaan asal sumber air tersebut.

Banyak lagi perkara yang telah dicapai oleh LUAS sepanjang penubuhannya selama 13 tahun dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber air negeri. Pencapaian ini bukan hanya tertumpu kepada operasi teras sahaja, malah merangkumi segala aspek perkhidmatan LUAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : DRAF RANCANGAN TEMPATAN

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah permohonan diluluskan, ditolak atau sedang diproses untuk tukar zoning guna tanah Draf Rancangan Tempatan kepada zon perindustrian mengikut PBT bagi tahun 2012 dan 2013 begitu juga apakah sebab-sebabnya jika permohonan ditolak.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada tahun 2012 dan 2013, sebanyak 11 permohonan pertukaran zoning kepada perindustrian yang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Berikut adalah jadual permohonan pertukaran zoning kepada perindustrian yang dibenarkan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor untuk tahun 2012 dan 2013 mengikut Pihak Berkuasa Tempatan.

BIL.	PBT	NO.LOT	LUAS (EKAR)	ZON GUNATANAH	PINDAAN	KEPUTUSAN
1.	MP Kajang	PT. 31306 (KIARA SUSILA SDN. BHD)	86.57 Ekar	Pertanian	Perindustrian	Dipertimbangkan untuk Kelulusan
2.	MP Kajang	153 (Hong Chin Chai & Hong Chai Teck)	5.31 Ekar	Sekolah	Perindustrian	Ditolak kerana pindaan zoning cadangan adalah kepada perumahan
3.	MBSA	LOT 7421, PT. 7384 & 7387 (HTL INDUSTRIES)	1.79 Ekar	Perumahan	Perindustrian	Diluluskan untuk perindustrian kerana lot-lot bersebelahan telah diluluskan tukar syarat pertanian kepada perindustrian
4.	MDKS	LOT 4548, 4588, 4541, 4629, 3626 & 3627, Mukim Bestari Jaya	20.82 Ekar	Perumahan	Perindustrian	Diluluskan untuk industri perkhidmatan
5.	MPS	LOT 22510	47.8 Ekar	Perumahan	Perindustrian	Dipertimbangkan untuk kelulusan
6.	MP Sepang	PT 4330 (Kumpulan Tg. Balai)	296.72 Ekar	Perindustrian Khas (Teknologi Tinggi & Kediaman)	Perindustrian Berat & Perdagangan	Bersetuju untuk membuat pengubahan zon gunatanah perindustrian
7.	MDKL	PT 66 & 67 (LSM Properties)	11.23 Hektar	Perumahan	Perusahaan	Disyorkan lulus kerana terletak di dalam kawasan perindustrian
8.	MDKL	LOT 7598, 7599, 7600, 7603, 7604, 7605,7690, 7597, 7593, 7594,7595, 7601, 7602, 7606, 7607	60.01 Ekar	Perumahan	Perindustrian	Bersetuju MDKL membuat pengubahan
9.	MP Sepang	LOT 3367 (Nurani Saujana Sdn. Bhd)	99.4 Ekar	Pertanian	Perindustrian	MPSepang mengesyorkan agar sebahagian lot 3367 (39.7 ekar) di zonkan sebagai perindustrian
10.	MDKL	LOT 7044 (Synergy Material & Biomas)		Perumahan	Perindustrian	Disyorkan supaya kajian semula di dalam semakan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 pada masa akan datang
11.	MDKL	LOT 2606 (Waltvest Sdn. Bhd)		Pertanian	Perindustrian	Ditolak kerana berdasarkan gunatanah sekitar yang masih lagi pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HASIL KUTIPAN PAPAN IKLAN (BILLBOARD)

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan papan iklan yang didirikan oleh setiap PBT?
- b) Sila senaraikan jumlah kutipan hasil Papan Iklan oleh setiap PBT bagi tahun 2008 hingga 2012?
- c) Sila nyatakan apakah jenis pemantauan dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh PBT dalam menangani kewujudan Papan Iklan haram di setiap PBT?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah bilangan papan iklan yang didirikan oleh setiap PBT bermula dari tahun 2008 hingga 2013 :

BIL.	PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN YANG DIDIRIKAN
1.	MBSA	319
2.	MBPJ	316
3.	MPK	135
4.	MPAJ	665
5.	MPSJ	249
6.	MPS	599
7.	MPKj	198
8.	MPSp	1
9.	MDKL	27
10.	MDHS	52
11.	MDKS	0

12.	MDSB	12
JUMLAH		2,573

- b) Berikut adalah jumlah kutipan hasil Papan Iklan oleh setiap PBT bagi tahun 2008 hingga 2012 :

Perincian data adalah seperti di **Lampiran 1**.

BIL.	PBT	JUMLAH KUTIPAN HASIL PAPAN IKLAN (RM)
1.	MBSA	5,986,475.00
2.	MBPJ	16,945,394.51
3.	MPK	718,480.00
4.	MPAJ	3,033,081.00
5.	MPSJ	2,517,750.00
6.	MPS	2,144,150.00
7.	MPKj	3,939,154.00
8.	MPSp	Papan iklan PBT digunakan untuk iklan kempen PBT dan Kerajaan Negeri sahaja. Tiada caj dikenakan
9.	MDKL	100,760.00
10.	MDHS	9,273.00
11.	MDKS	928,614.25
12.	MDSB	3,510.00
JUMLAH		36,326,641.76

- c) Pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT dalam menangani kewujudan papan iklan haram ialah:
- i. Pemantauan berkala oleh pihak Taskforce Billboard
 - ii. Operasi Penurunan Visual Papan Iklan Haram akan dikenakan terhadap syarikat yang masih ingkar dan masih memaparkan visual iklan, selepas tempoh pada notis telah tamat.

- iii. Kompaun berdasarkan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen di bawah Undang – Undang Kecil Iklan di mana dengan kaedah ini pemilik akan berurusan dengan Majlis bagi tujuan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang berhubung papan iklan.
- iv. Tindakan perobohan struktur papan iklan luaran tanpa kebenaran di bawah Undang-Undang Kecil Iklan 2007.
- v. Program pemutihan

LAMPIRAN 1

BIL.	PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN YANG DIDIRIKAN					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
1.	MBSA	319					
2.	MBPJ	316					
3.	MPK	135					
4.	MPAJ	119	119	110	104	104	109
5.	MPSJ	-	2	60	69	61	57
6.	MPS	-	-	-	151	217	231
7.	MPKj	23	15	69	9	51	31
8.	MPSp	-	-	-	-	-	1
9.	MDKL	12	-	11	4	-	-
10.	MDHS	52					
11.	MDKS	-	-	-	-	-	-
12.	MDSB	2	2	2	2	2	2

BIL.	PBT	JUMLAH KUTIPAN HASIL PAPAN IKLAN (RM)				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	MBSA	-	-	1,452,490.00	2,262,735.00	2,271,250.00
2.	MBPJ	16,945,394.51				
3.	MPK	98,500.00	181,533.00	5,067.00	146,980.00	286,400.00
4.	MPAJ	661,450.00	661,450.00	514,505.00	542,867.00	652,809.00
5.	MPSJ	-	66,000.00	512,000.00	779,750.00	1,160,000.00
6.	MPS	-	-	-	778,420.00	1,365,730.00
7.	MPKj	580,480.00	881,614.00	740,776.00	833,229.00	903,055.00
8.	MPSp	Papan iklan PBT digunakan untuk iklan kempen PBT dan Kerajaan Negeri sahaja. Tiada caj dikenakan				
9.	MDKL	-	19,485.00	19,485.00	28,025.00	33,765.00
10.	MDHS	9,273.00				
11.	MDKS	147,230.66	157,491.64	180,352.56	212,826.45	230,712.94
12.	MDSB	702.00	702.00	702.00	702.00	702.00
JUMLAH		1,488,362.66	1,968,275.64	3,425,377.56	5,585,534.45	6,904,423.94

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PELANCONGAN

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila bekalkan laporan terperinci sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi Negeri Selangor seperti jumlah pendapatan, peluang pekerjaan dan lain-lain.
- b) Adakah pencapaian ini berbeza sebelum dan selepas 2008? Sila sokong jawapan dengan statistik perbandingan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kehadiran pelancong ke negeri Selangor dilihat mengalami kenaikan pada setiap tahun dan ianya secara tidak langsung telah memberikan peningkatan jumlah pendapatan kepada Negeri Selangor.

Berikut adalah jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Selangor serta jumlah pendapatan pelancongan yang diperolehi dari tahun 2006 hingga 2012.

Bil .	Tahun	Jumlah Pelancong	Jumlah Pendapatan Pelancongan
1.	2006	4,926,907	RM 2,513,116,722.00
2.	2007	5,315,330	RM 3,728,172,462.00
3.	2008	5,677,221	RM 3,982,002,809.40
4.	2009	5,647,641	RM 3,961,255,397.40
5.	2010	5,833,858	RM 4,091,868,001.20
6.	2011	6,040,418	RM 4,236,749,185.20
7.	2012	6,366,110	RM 4,465,189,554.00
8.	2013 (September)	5,165,703	RM 3,623,224,084.20

- b) Jika dilihat daripada statistik di atas, kehadiran pelancong dan pada masa yang sama jumlah pendapatan pelancongan Negeri Selangor adalah meningkat setiap tahun kecuali mengalami sedikit penurunan pada 2009 berbanding 2008 iaitu sebanyak RM 20,747,412.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK ASPEK AGAMA DAN KEBUDAYAAN DI DUN
TERATAI**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan untuk aspek agama dan kebudayaan di DUN Teratai bagi tahun 2014?
- b) Sila kemukakan pelan tindakan untuk Soalan 10(a) di atas.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tentang keperluan peruntukkan untuk aspek agama dan kebudayaan bagi DUN Teratai. Namun begitu, sehingga setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang peruntukkan khas dan secara khusus bagi DUN Teratai sama ada dalam aspek agama atau pun kebudayaan.

Dalam memastikan aspek agama tidak dipinggirkan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah memperuntukkan sebanyak RM220,000.00 sejak tahun 2009 dalam projek yang berkaitan dengan pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bagi seluruh daerah Hulu Langat.

Dalam aspek agama Islam pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih kurang RM175,000.00 setahun yang disalurkan melalui Jabatan Agama Islam dan Lembaga Zakat Selangor kepada Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat mengikut perkara-perkara program masyarakat beragama Islam sebagaimana yang telah ditetapkan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, setiap bantuan peruntukkan yang disalurkan ke DUN atau daerah sama ada dari aspek agama, kebudayaan atau sebagainya, adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan setelah ia diteliti oleh Jawatankuasa untuk dinilai keberkesanan program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PENTERNAKAN AYAM DI DESA COALFIELD

212. Kilang penternakan ayam di Desa *Coalfield* sehingga sekarang masih terus beroperasi di kawasan yang menjadi pertikaian penduduk sekitar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kedudukan dan status kilang berkenaan di Desa *Coalfield* sekarang?
- b) Langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penduduk sekitar terhadap kilang berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Pada 31 Oktober 2013 bersamaan hari Khamis, pihak Majlis telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan. Hasil pemerhatian mendapati 12 buah reban ayam tertutup bernombor 1,2,3,4,5,6,7 dan 10 masih ada ternakan ayam sebanyak lebih kurang 40,000 ekor ayam dalam setiap satu reban. Reban nombor 9 ada ternakan ayam tetapi hanya tinggal 1000 ekor ayam di dalamnya. Terdapat reban ayam yang telah dirobohkan sendiri oleh pihak Lay Hong Bhd iaitu reban ayam bernombor 8 dan 12. Reban ayam bernombor 12 sudah ditanggalkan segala perkakas dan peralatan di dalamnya.

Keadaan di reban ayam terbuka, pada asalnya terdapat 19 buah reban. Daripada jumlah itu, 12 reban terbuka telah dirobohkan sendiri oleh pihak Lay Hong Bhd. Kini hanya tinggal ternakan ayam di 7 buah reban ayam sahaja.

- b) Tindakan pendakwaan berhubung kesalahan menjalankan aktiviti tred iaitu menyimpan telur tanpa suatu lesen yang sah dari Majlis terhadap pemilik penternakan ayam di Desa Coalfields telah dimulakan. Mahkamah Majistret telah menetapkan 13 Disember 2013 sebagai tarikh sebutan seterusnya.

Pada masa yang sama, Lay Hong Bhd. telah memfailkan semakan kehakiman terhadap Majlis berhubung tindakan Majlis membatalkan lesen. Mahkamah Tinggi turut membenarkan permohonan mereka untuk mendapatkan suatu perintah penggantungan pelaksanaan oleh Majlis sehingga kes semakan kehakiman ini diputuskan sepenuhnya oleh Mahkamah. Kes ini telah ditetapkan pada 26 November 2013 sebagai pengurusan kes.

Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Persekitaran dalam proses pembukaan kertas pendakwaan atas nasihat Bahagian Perundangan, Majlis Daerah Kuala Selangor. Jabatan ini telah merujuk berkenaan hal ini kepada Bahagian Perundangan bahawa Lay Hong Bhd telah mendapatkan perintah pergantungan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENGURUSAN PPR SELANGOR

213. Kerajaan negeri telah menaikkan sewa kepada sesetengah penduduk daripada kadar RM124.00 kepada RM248.00.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Pihak manakah yang bertanggungjawab dalam pengurusan PPR di Kota Damansara?
- b) Berapakah caj bayaran kerosakan lif di PPR Kota Damansara?
- c) Siapakah yang akan menanggung caj kerosakan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Syarikat Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (anak syarikat Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor) yang bertanggungjawab dalam pengurusan PPR Kota Damansara mulai 1 Mei 2013.
- b) Caj bayaran kerosakan lif di PPR Kota Damansara sehingga 30 April 2013 adalah sebanyak RM 973,393.00.
- c) Pihak Majlis yang menanggung caj kerosakan tersebut sehingga 30 April 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PRESTASI YAYASAN DAR AL-QARD AL-HASAN SELANGOR (YAQ)

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan pendapatan dan keuntungan / kerugian YAQ 2008-2013?
- b) Berapakah penerima manfaat skim-skim dibawah YAQ mengikut DUN?
- c) Apakah isu dan cabaran yang dihadapi YAQ?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan dan keuntungan/(kerugian) YAQ

Tahun	Pendapatan (RM)	Keuntungan/(Kerugian)(RM)
2010	87,789	(483,602)
2011	1,118,733	(3,529,891)
2012	2,226,924	(5,022,976)

- b) YAQ ditubuhkan untuk menyediakan pembiayaan secara mikro kepada rakyat Selangor yang dikategorikan sebagai miskin dengan pendapatan isi rumah di bawah RM1,500 atau perkapita RM350. YAQ membahagikan tugas dan tanggungjawab bagi menjangkau isirumah miskin di seluruh negeri Selangor kepada dua program utama iaitu Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL) dan Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR). SKIMSEL beroperasi di kawasan luar bandar seperti Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang, Walau bagaimanapun di daerah yang dikategorikan sebagai kawasan bandar namun mempunyai kampung tradisi seperti di Daerah Gombak, Petaling Dan Klang juga menjadi kawasan operasi SKIMSEL. MiMBAR pula beroperasi di kawasan bandar iaitu di Majlis Bandaran Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaran Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Selayang(MPS), Majlis Perbandaran Kajang(MPKJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSP).

- i) **SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR (SKIMSEL)**

SKIMSEL telah memulakan operasi pada bulan Ogos 2010. Berdasarkan maklumat sehingga 30hb September 2013, bilangan penerima manfaat pembiayaan SKIMSEL adalah seramai 8,396. Bilangan penerima mengikut daerah adalah seperti berikut :

CAWANGAN/DAERAH	BIL PENERIMA
SabakBernam	1,273
Hulu Selangor	1,106
Kuala Selangor	1,345
Hulu Langat	1,394
Kuala Langat	1,227
Sepang	945
Gombak	277
Petaling	442
Klang	387
SKIMSEL	8,396

ii) **SKIM MIKRO KREDIT MISKIN BANDAR (MiMBAR)**

Keseluruhan jumlah penerima manfaat melalui Program Mikrokredit Miskin Bandar Selangor (MiMBAR) sehingga Oktober 2013 adalah seramai 5,731 orang. Mereka (peserta) yang menerima manfaat tersebut merangkumi tiga (3) program pilihan yang telah disediakan di bawah MiMBAR Selangor iaitu Program Mikrokredit, Bantuan Niaga dan Bantuan Kerja. Jadual di bawah adalah jumlah peserta atau penerima manfaat yang telah berjaya di bawah MiMBAR Selangor mengikut DUN.

Jadual peserta yang berjaya mendapat pembiayaan mengikut DUN dan PBT.

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MBPJ	Bukit Gasing	1	3000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MBPJ	Bukit Lanjan	103	194,000
	Damansara Utama	3	6,500
	Kampung Tunku	1	2,000
	Kota Damansara	339	641,000
	Paya Jaras	158	316,500
	Seri Setia	79	150,000
	Taman Medan	219	445,000
Jumlah MBPJ		903	1,758,000
MBSA	Batu Tiga	290	578,500
	Kota Anggerik	102	210,500
	Sri Muda	197	391,000
Jumlah MBSA		589	1,180,000
MPAJ	Bukit Antarabangsa	69	136,500
	Chempaka	126	259,000
	Hulu Kelang	142	307,200
	Lembah Jaya	257	524,000
	Teratai	50	104,500
Jumlah MPAJ		644	1,331,200
MPK	Ijok	3	3000
	Jeram	27	32,500
	Kota Alam Shah	39	87,000
	Meru	400	803,000

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MPK	Pandamaran	33	66,000
	Pelabuhan Klang	182	354,000
	Selat Kelang	202	400,000
	Sementa	250	489,000
	Seri Andalas	221	395,500
	Sijangkang	3	3,500
	Sungai Pinang	94	182,000
Jumlah MPK		1,454	2,815,500
MPKJ	Balakong	162	337,000
	Bangi	108	196,500
	Dusun Tua	56	107,500
	Kajang	202	382,000
	Semenyih	20	36,000
	Seri Kembangan	29	54,500
Jumlah MPKJ		577	1,113,500
MPS	Batu Caves	318	686,500
	Gombak Setia	256	545,000
	Kuang	171	372,000
	Rawang	185	396,000
	Taman Templer	122	249,000
Jumlah MPS		1052	2,248,500

PBT	DUN	Bil Peserta	Jumlah Lulus (RM)
MPSJ	Kinrara	112	227,500
	Seri Serdang	182	342,000
	Subang Jaya	63	118,500
Jumlah MPSJ		357	688,000
MPSP	Dengkil	107	201,500
	Sungai Pelek	47	123,000
	Tanjong Sepat	1	1,000
Jumlah MPSP		155	325,500
JUMLAH KESELURUHAN		5,731	11,460,200

MIMBAR Selangor turut memberi kelebihan kepada peserta yang mempunyai rekod cemerlang dalam pembayaran balik pinjaman. Mereka yang telah dikategorikan sebagai cemerlang berpeluang dan diberi kelayakan untuk memohon pinjaman tambahan seterusnya. Seramai 149 orang telah berjaya memperolehi pinjaman pusingan kedua.

c) Di antara isu dan cabaran yang dihadapi YAQ secara umumnya terbahagi kepada isu dan cabaran setiap program yang dijalankan.

i) Isu dan cabaran SKIMSEL adalah :

Peserta

Menjangkau golongan miskin dan berpendapatan rendah menjadi isu dan cabaran kerana bantuan yang disediakan oleh SKIMSEL adalah berbentuk pembiayaan bukan bantuan.

Persaingan atau pilihan kepada golongan sasaran untuk memilih organisasi yang menawarkan skim mikrokredit yang sama.

Latihan Keusahawanan

Sokongan unit-unit lain yang berkaitan bagi memberikan latihan dan kemahiran ke arah melahirkan golongan usahawan di kalangan sadiq-sadiq/ peserta yang berjaya.

- ii) Manakala isu dan cabaran MiMBAR adalah Pada asasnya Program MiMBAR Selangor telah dirancang dengan kepelbagaian kaedah pelaksanaannya yang boleh memberi banyak manfaat kepada rakyat Selangor, khususnya peniaga kecil yang memerlukan bantuan modal perniagaan. Namun yang demikian, pelbagai isu dan cabaran dihadapi oleh MiMBAR Selangor dalam menjayakan visi dan misi program ini.

Isu terbesar dihadapi oleh MIMBAR Selangor adalah dari segi :

Kutipan bayaran balik

Ini kerana realitinya peniaga kecil di kawasan bandar ini dapat dikategorikan dalam empat (4) ragam diri iaitu cemerlang, manja, liat dan bermasalah. Bagi mereka yang cemerlang tidak memerlukan pemantauan susulan dari MiMBAR Selangor kerana golongan ini berdisiplin dalam pembayaran balik melalui potongan bayaran dari akaun bank. Akan tetapi bagi mereka yang lain, ia memberikan tekanan yang mencabar bagi kakitangan MiMBAR Selangor dalam usaha untuk mendekati mereka. Ada peserta yang mengambil mudah dan tidak endah akan rekod pembayaran mereka. Ini membuatkan kakitangan MiMBAR Selangor perlu melakukan usaha keras yang lebih dalam memastikan mereka melunaskan pinjaman ini dan mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan peniaga kecil ini. Apabila berlakunya kesulitan dalam pembayaran balik pinjaman, peminjam akan memberi impak kepada kemampuan MiMBAR untuk memberi pinjaman kepada permohonan baru. Hal ini secara tidak langsung akan mengurangkan bilangan peniaga yang layak menerima mendapat manfaat bantuan modal yang telah diperuntukkan dari kerajaan negeri kepada mereka

- Galakan Peningkatan Kemahiran

Isu yang kedua pula adalah usaha mengajak dan memujuk golongan ini untuk melibatkan diri dalam kursus-kursus kemahiran dan taklimat ilmiah. Hampir setiap minggu MiMBAR Selangor mengadakan taklimat dari jabatan kerajaan dan organisasi swasta yang menyalurkan perkhidmatan dan pengetahuan yang sesuai untuk golongan peniaga sebagai bekalan dan galakan untuk mereka agar menjadi peniaga yang lebih berwawasan, maju dan berjaya. Mereka lebih cenderung untuk bersikap memilih topik

yang mereka rasakan ingin tahu berbanding yang mereka perlu tahu.

- **Hobi Meminjam**

Selain daripada itu, terdapat sekumpulan peserta yang mempunyai hobi membuat pinjaman di merata khidmat pinjaman tersedia ada dan menyebarkan unsur yang tidak sihat kepada peserta lain. Golongan ini gemar mempengaruhi peniaga kecil yang lain untuk tidak membayar semula pinjaman yang disediakan oleh kerajaan ini. Dengan kewujudan golongan seperti ini, ia menambahkan lagi kesukaran dalam bekerja untuk memastikan masyarakat tidak terpengaruh dengan anasir-anasir luar sekali gus menyebabkan mereka termasuk di dalam kumpulan yang bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : STATISTIK KES YANG DIDAKWA OLEH PBT

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan nyatakan statistik kes yang didakwa oleh PBT dalam jeda masa dari mula Pakatan Rakyat memerintah Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah statistik kes yang didakwa oleh PBT- PBT di Selangor:

Bil	PBT	KES YANG DIBAWA	JUMLAH
1.	MBSA	Saman Trafik Dan Bukan Trafik	10,282
2.	MBPJ	Kes Jatuh Hukum, Kes A&D, Kes DNAA, Kutipan Saman Tegar, Kutipan Carian Tegar	53,369
3.	MPK	Kes telah difailkan melibatkan kesalahan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976, Akta Jalan Parit Dan Bangunan, 1974, Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Undang-undang Kecil yang digunapakai oleh Majlis serta Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)(MPK) 2007.	21,898
4.	MPAJ	Kes yang melibatkan Am dan Trafik	4,595
5.	MPSJ	Kes yang dibawa melibatkan kenderaan dan pelbagai	11,144
6.	MPS	a) Kes Pelbagai melibatkan Kes Iklan / Lesen Trade / Penjaja / Tunda & Tanpa Tunda (Akta 133,171/ Enakmen, UUK Majlis/Perintah) b) Kes Trafik: Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (Majlis Perbandaran Selayang) 2007 c) *Status Belum Selesai: Kes Bicara d) Status Selesai: Kes Tutup	2,385
7.	MPKj	Tiada dinyatakan	19,669

Bil	PBT	KES YANG DIBAWA	JUMLAH
8.	MPSp	Kes Pelbagai melibatkan Kes Iklan / Lesen Trade / Penjaja/Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, UUK Taman dan Perintah Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta	5,010
9.	MDKL	Tiada kes yang dibawa	-
10.	MDHS	Kes saman (Kompau) Kes saman (Cukai taksiran)	126 2,430
11.	MDKS	Kes Pelbagai melibatkan Kes Iklan / Lesen Trade / Penjaja (Akta Kerajaan Tempatan 1976, UUK Majlis/Perintah)	25
12.	MDSB	Kes yang selesai,kes dalam proses sebutan, kes dalam proses tarikh sebutan di mahkamah dan kes dalam proses penyediaan dokumen mahkamah.	29
JUMLAH			76,819

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: KAWASAN PEMBIAKAN NYAMUK AEDES

216. Baru-baru ini 71 kawasan “hot-spot” pembiakan nyamuk Aedes telah dikenal pasti di Daerah Hulu Langat. Antara lain fenomena ini disebabkan oleh tahap perkhidmatan penyelenggaraan sisa pepejal yang tidak memuaskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah lori Kompaktor yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan adakah jumlah lori Kompaktor ini tidak mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pengurusan sisa pepejal di kawasan Majlis Perbandaran Kajang?
- b) Di manakah lori-lori kompaktor ini ditempatkan?
- c) Adakah benar nilai kadar kontrak yang rendah yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor telah menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan pengurusan sisa pepejal tidak memuaskan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan projek pembangunan hartanah secara " join-venture " di tanah milik Yayasan Selangor di Pulau Carey?
- b) Jika Benar,apakah rasional bagi pembangunan tersebut dan apakah pulangan yang diterima oleh pihak Yayasan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sejak tahun 2008, Yayasan Selangor tidak pernah meluluskan sebarang projek hartanah secara JV di Pulau Carey.
- b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK : TANAH UNTUK RUMAH IBADAT

218. Kerajaan Negeri mengguna pakai Piawaian Perancangan Negeri Selangor untuk rumah ibadat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan permohonan tanah untuk rumah ibadat mengikut DUN?
- b) Berapa bilangan rumah ibadat di Negeri Selangor dan senaraikan mengikut agama?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan permohonan tanah bagi rumah ibadat selain Islam Negeri Selangor mengikut daerah.

DAERAH	TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
PETALING	PERMOHONAN	23	21	54	32	16	25	171
	SOKONG	16	8	20	7	10	13	74
KLANG	PERMOHONAN	24	23	33	23	22	23	148
	SOKONG	16	7	10	5	2	5	45
GOMBAK	PERMOHONAN	3	9	9	8	3	3	35
	SOKONG	3	4	2	2	1	1	13
HULU LANGAT	PERMOHONAN	20	12	11	9	12	21	85
	SOKONG	14	4	6	4	4	7	39
SEPANG	PERMOHONAN	5	4	7	18	6	7	47
	SOKONG	3	1	1	2	2	1	10
HULU SELANGOR	PERMOHONAN	0	10	9	5	2	1	33
	SOKONG	0	6	6	2	1	1	16

DAERAH	TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	JUMLAH
KUALA LANGAT	PERMOHONAN	7	7	15	13	9	9	60
	SOKONG	4	3	3	4	1	2	17
KUALA SELANGOR	PERMOHONAN	1	2	11	14	5	5	38
	SOKONG	1	1	2	8	3	0	15
SABAK BERNAM	PERMOHONAN	2	3	1	4	3	10	23
	SOKONG	1	1	1	4	2	3	12

- b) Kerajaan negeri sedang membuat pengumpulan data dan maklumat bagi rumah-rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bersama-sama ini disertakan senarai rumah-rumah ibadat selain Islam yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor seperti di [Lampiran 1](#).

**RUMUSAN SENARAI RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM YANG BERDAFTAR
DENGAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN SELANGOR**

BIL	KATEGORI RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM	BILANGAN
1	GEREJA	31
2	GURDWARA	4
3	TOKONG	158
4	KUIL	137
JUMLAH		330

Bil	Nama Pertubuhan	Alamat Pertubuhan	Bandar	Poskod	Daerah	Tarikh daftar	No Pendaftaran ROS
1	GEREJA BAPTIS PEOPLE'S PARK PETALING JAYA	NO. 14, SS 4D/14, PEOPLES PARK	PETALING JAYA	47301	Ulu Langat	3/2/1983	PPM-001-10-02031983
2	GEREJA JESUS SEJATI HULU LANGAT	126, DESA BUNGA RAYA, JALAN SUNGAI CHUA,	KAJANG	43000	Sabak Bernam	9/3/1988	PPM-001-10-03091988
3	GEREJA KRISTIAN RAWANG, SELANGOR	LOT 5568, NEW GREEN PARK,	RAWANG	48000	Ulu Selangor	12/3/1980	PPM-001-10-03121980
4	GEREJA JESUS BENAR KAJANG	NO. 15, JALAN 1/7, BANDAR TEKNOLOGI KAJANG	SEMENYIH	43500	Ulu Langat	4/5/1982	PPM-001-10-05041982
5	GEREJA EVANGELICAL FREE, PETALING JAYA	HERITAGE CENTRE, NO. 3 JALAN 13/6	PETALING JAYA	46200	Ulu Langat	2/7/1968	PPM-001-10-07021968
6	LUTHERAN CHURCH IN MALAYSIA	NO. 6, JALAN UTARA,	PETALING JAYA	46200	Ulu Langat	3/9/1964	PPM-001-10-09031964
7	MAJLIS GEREJA-GEREJA MALAYSIA (COUNCIL OF CHURCHES OF MALAYSIA)	NO. 26 JALAN UNIVERSITI,	PETALING JAYA	46200	Ulu Langat	11/9/1952	PPM-001-10-09111952
8	THE EVANGELICAL FREE CHURCH OF MALAYSIA	EFC GOSPEL CENTRE, NO. 4, JALAN SS1/1, KG TUNKU,	PETALING JAYA	47300	Ulu Langat	4/12/1978	PPM-001-10-12041978
9	GEREJA LINDUNGAN VINE, SUBANG JAYA (THE VINE SUNCTUARY, SUBANG JAYA)	NO 42 JALAN SS 19/6	SUBANG JAYA	47301	Ulu Langat	7/12/1992	PPM-001-10-12071992
Selain itu, pihak pengurusan JAKESS juga sedang dalam proses melaksanakan penstrukturan semula semua perjawatan sedia ada dan permohonan ini akan dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi tujuan kelulusan selanjutnya. Penstrukturan semula ini dilaksanakan bertujuan melihat semula fungsi utama *core-business* jabatan di samping mengoptimalkan perjawatan agar sistem penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PROGRAM & PROJEK YAYASAN SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program Yayasan untuk pendidikan anak Selangor dan kos dikeluarkan sepanjang 2008-2013?
- b) Bagaimana prestasi bayaran balik jika pinjaman pendidikan diberikan?
- c) Apakah projek untuk meningkatkan tabungan Yayasan?

JAWAPAN:

- a) Yayasan Selangor melaksanakan 3 program utama pendidikan iaitu:
 - i) Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor - Kementerian Pendidikan Malaysia (RKPYS) yang melibatkan penempatan pelajar di sekolah dan asrama yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk Asrama Pusat, Asrama Daerah, Asrama Aliran Agama dan beberapa sekolah tanpa asrama yang pelajarinya ditaja oleh Yayasan Selangor. Pelajar RKPYS akan belajar di sekolah yang terpilih dan tinggal di Asrama Pusat atau Asrama Sekolah berkenaan dan diberi pelbagai kemudahan dan program.
 - ii) Pemberian Biasiswa kepada semua pelajar RKPYS. Pemberian Pinjaman Pelajaran kepada pelajar tajaan sedia ada di IPTA dan IPTS serta di pusat kemahiran yang diluluskan. Keseluruhan kos langsung program-program pendidikan (Kelas Bimbingan Biasiswa, Program Akademik dan Non - Akademik, Makanan Murid Asrama dan Pinjaman Pelajaran)

2008: RM4,798,347.20

2009: RM8,625,813.10

2010: RM7,453,082.10

2011: RM10,262,077.00

2012: RM11,488,873.00

2013: RM7,608,908.40 (sehingga September 2013)

b) Jumlah kutipan bagi tahun berikut :

2008	= RM 2,138,651.81
2009	= RM 2,214,943.17
2010	= RM 2,973,081.28
2011	= RM 3,840,201.25
2012	= RM 3,873,842.04
JUN 2013	= RM1,662,867.75

Berdasarkan analisa kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan Selangor mulai tahun 2008 hingga Jun 2013 boleh dirumuskan seperti berikut:

- i) Memandangkan tahun 2011 dan 2012 adalah kemuncak kepada kutipan yang agresif dan berhemah , maka pada tahun 2013 dijangkakan akan berlakunya tahap penurunan secara beransur-ansur disebabkan fail-fail tegar telah berkurangan serta telah diambil tindakan mahkamah.
 - ii) Bilangan fail tegar juga telah diaktifkan dan terdapat pertambahan bilangan fail selesai pembayarannya.
 - iii) Bersesuaian dengan MOTO Negeri Selangor yang mewar - warkan "Merakyatkan Pendidikan Selangor", maka fail-fail penanguhan turut meningkat dari semasa ke semasa atas alasan melanjutkan pelajaran
 - iv) Di samping itu juga, fail aktif meningkat setelah terdapat bayaran dari peminjam-peminjam bagi kes-kes pengurangan bayaran bulanan.
- c) i) Simpanan jangka pendek dan jangka panjang di Institusi perbankan yang dicadangkan oleh Perbendaharaan Negeri kerana risiko yang rendah memandangkan tabungan ini adalah untuk tujuan pendidikan, kadar yang diterima adalah antara 3.30%-3,60% dan,pembelian IPO yang dicadangkan oleh MITI yang disimpan untuk tempoh 3-5 tahun.

Manakala bagi projek pembangunan Yayasan sedang menjalankan:

- ii) Projek pembangunan Bercampur Kg. Pandan dengan pulangan minima sekitar RM 345 juta sehingga RM 500 juta untuk tempoh 5 tahun.
- ii) Projek Built Operate and Transfer Bukit Bintang dengan pulangan RM800 Ribu bersih sebulan+ 10% kenaikan sewaan bulanan bagi setiap 3 tahun. (Pendapatan sebelum ini sekitar RM500 ribu kasar sebulan).
- iii) Pembangunan hartanah di Pengkalan Kundang dengan pulangan sekitar RM27 juta. Nilai semasa tanah ialah RM3.6juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : KEBAKARAN TERBUKA

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kebakaran terbuka, terutamanya di Dengkil dan Kampung Johan Setia?
- b) Apakah statistik penguatkuasaan terhadap insiden-insiden ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sangat mengambil berat akan masalah pembakaran terbuka yang berlaku di Negeri Selangor termasuk yang berlaku di Johan Setia dan Dengkil. Melalui Jabatan Alam Sekitar, rondaan mencegah pembakaran terbuka di kawasan yang mudah terbakar dijalankan sepanjang tahun di samping pemantauan yang dibuat oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perhutanan yang memantau kawasan hutan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang memantau tapak-tapak pelupusan sampah termasuk tapak-tapak pembuangan sampah haram. Susulan rondaan dan pemantauan tersebut, tindakan-tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pihak-pihak yang melakukan pembakaran terbuka dan juga tuan-tuan tanah yang terlibat. Selain dari itu, bagi kawasan tanah gambut seperti di Tanjung Dua Belas, struktur-struktur seperti *check dam*, menara tinjau dan *tube well* telah dibina bagi meningkatkan pencegahan pembakaran terbuka di kawasan tersebut. Bagi kes-kes pembakaran terbuka yang berlaku di tanah-tanah hak milik yang terbiar dan tidak diusahakan, tindakan merampas tanah tersebut akan dilakukan oleh Pejabat Tanah.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah pembakaran terbuka di kawasan Johan Setia dan cadangan-cadangan penyelesaian telah diangkat dan dibincangkan di Mesyuarat EXCO Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada Mesyuarat MTES Bil 11/2008 dan Mesyuarat MTES bil. 22/2008 masing-masing pada bulan Jun 2008 dan September 2008. Majlis Perbandaran Klang (MPK) diminta mewujudkan Unit Pemantauan Pembakaran Terbuka untuk memantau, mencari kaedah untuk menghalang dan mencegah kebakaran dan mengambil tindakan ke atas pihak yang melakukan pembakaran di kawasan tersebut. Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor tersebut, tindakan bersepadu antara agensi juga diambil iaitu dari segi menjalankan pemantauan. Dalam hubungan ini, pihak MPK di bawah Jabatan Penguat kuasa telah menubuhkan Unit Pemantau Pembakaran Terbuka pada tahun 2008 yang merupakan

pasukan khas untuk menjalankan pemantauan dan mengawal kebakaran terbuka di kawasan Johan Setia.

Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak membuat aktiviti/mengusahakan apa-apa.

- b) Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan siasatan ke atas kes-kes pembakaran terbuka yang diterima melalui aduan awam atau dikesan melalui rondaan operasi mencegah pembakaran terbuka dan mengambil tindakan undang-undang iaitu dikenakan kompaun dan tindakan mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bagi tempoh di antara tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 108 kes telah dikenakan kompaun dan 19 kes telah diambil tindakan mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM207,450.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATOK)**

TAJUK : TUNTUTAN ELAUN

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila menyatakan jumlah tuntutan perjalanan, mesyuarat dan makanan kesemua EXCO MMKN termasuk YAB Dato Menteri Besar sejak bulan Mei hingga Oktober 2013.

JAWAPAN:

- a) Jumlah tuntutan perjalanan, mesyuarat dan makanan kesemua EXCO MMKN termasuk YAB Dato Menteri Besar sejak bulan Mei hingga Oktober 2013 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN , ELAUN MESYUARAT DAN ELAUN MAKAN BAGI MENTERI BESAR DAN EXCO NEGERI SELANGOR**
BULAN MEI – OKTOBER 2013

BIL	NAMA EXCO	ELAUN PERJALANAN	ELAUN MESYUARAT	ELAUN MAKAN	JUMLAH
1.	Y.A.B TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM	-	RM 39,000.00	-	RM 39,000.00
2.	YB. DATO' TENG CHANG KHIM	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
3.	YB. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
4.	YB. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL	-	RM 24,000.00	RM 1,150.00	RM 25,150.00
5.	YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
6.	YB. TUAN EAN YONG HIAN WAH	-	RM 24,000.00	RM 2,400.00	RM 26,400.00
7.	YB. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
8.	YB. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
9.	YB. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI	-	RM 24,000.00	RM 2,300.00	RM 26,300.00
10.	YB. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI	-	RM 24,000.00	-	RM 24,000.00
11.	YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN	-	RM 24,000.00	RM 2,300.00	RM 26,300.00
JUMLAH KESELURUHAN					RM 287,150.00

* Tiada Elaun Perjalanan bagi Menteri Besar dan EXCO kerana telah disediakan kenderaan rasmi oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : GERAN TANAH

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan SJKC dan SJKT yang telah mendapat geran tanah daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN:

- a) Sejak tahun 2008, sebanyak **16 buah** Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan **8 buah** Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) telah diberi geran tanah/hak milik oleh Kerajaan Negeri. Pecahan mengikut daerah adalah seperti jadual berikut :

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH (SJKC)	LUAS	NO. LOT & NO. HAKMILIK	STATUS TERKINI
1.	Sabak Bernam	a) SRJK(C) Kian Sit	3.628 ekar	Lot 8933	Tanah Kerajaan (Telah dibina)
		b) SRJK(C) Yoke Kuan	5.587 ekar	Lot 174	Tanah Kerajaan (Telah dibina)
		c) SRJK(C) Sin Min	4.9376 ekar	Lot 1202 / EMR 845/ G.M.5339	Tan Kok Eng. D/A. Tang Soong Kew (Telah dibina)
		d) SRJK(C) Hai Peng	6.07024 ekar	Lot 12337 / HS(D) 424	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Telah dibina)
		e) SRJK(C) Lum Hua	6.94365 ekar	Lot 22 / GM 5233	Lee Toh Jan (Telah dibina)
		f) SRJK(C) Moon Teck	1.321 ekar	Sebahagian Lot 24/ G 12328	Tan Wen Sik (Telah dibina)
		g) SRJK(C) Poay Chneh	4.4691 ekar	Lot 5171 / HS(M) 1209	Lembaga Pengurusan Sekolah (J) Kebangsaan Poay Chneh (telah dibina)
		h) SRJK(C) Phooi Min	19965 mp	Lot 4096 / PT 115 HS(D) 425	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Telah dibina)
		i) SRJK(C) Cheong Hua	3.1018 ekar	Lot 4074, 4075, 4076 / HS(D) 163 (Lot 4074) dan EMR 3001 / GM 532 (Lot 4050)	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Wong Ah Meng @ Ng Onn Bin (Telah dibina)
		j) SRJK(C) Phooy Tee	4.70 ekar / 19026 mp	Lot 4111 / HS(D) 248 / G 41059	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Telah dibina)

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH (SJKC)	LUAS	NO. LOT & NO. HAKMILIK	STATUS TERKINI
2.	Petaling	a) SRJK(C) Chee Wen	17251 mp	HSD 256314 PT 301	
3.	Kuala Selangor	a) SJK(C) Aik Thee	1.012 hektar	PT 69, HS(D) 27628	Telah dibina
4.	Hulu Selangor	a) SJK(C) Rasa	5.655 ekar	HS(D) 45422	Telah ada bangunan sekolah
		b) SJK(C) Serendah	1.500 ekar	HS(D) 45435 Lot 27	Telah ada bangunan sekolah
		c) SJK(C) Gurney Hulu Yam	1.9430 ekar		Telah ada bangunan sekolah
5.	Sepang	a) SJK(C) Sin Ming Puchong	1.107 ekar	HS(D) 34060 PT 47980	Telah dibina
6.	Hulu Langat	Tiada			
7.	Kuala Langat	Tiada			
8.	Gombak	Tiada			
9.	Klang	Tiada			

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH (SJKT)	LUAS	NO. LOT & NO. HAKMILIK	STATUS TERKINI
1.	Klang	a) SRJK(T) Ladang Bukit Raja	5.65 ekar	HS(M) 43099 PT 71275	Telah dibina
2.	Gombak	a) SRJK(T) Rawang	1.153 ekar	PT 7832, HS(D) 71802	Telah dibina
		b) SJK(T) Taman Melawati	0.2115 ekar	Lot 14878, GRN 313642	Belum dibina
3.	Sabak Bernam	a) SJK(T) Ladang Sungai Bernam	3 ekar		Sekolah bantuan kerajaan (sekolah berada dalam kawasan estet ladang Torkinton) - Telah dibina
		b) SJK(T) Ladang Sungai Bernam	5 ekar		Sekolah bantuan kerajaan (sekolah berada dalam kawasan estet ladang Torkinton) - Telah dibina
4.	Sepang	a) SJK(T) Taman Teluk Merbau	26.649 ekar	Lulus Warta 19.10.2012	Telah dibina
		b) SJK(T) Taman Permata	2.399 ekar	Lulus Warta 19.10.2012	Telah dibina
		c) SJK(T) Bandar Baru Salak Tinggi	5.226 ekar	Lulus Warta 29.06.2013	Telah dibina

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH (SJKT)	LUAS	NO. LOT & NO. HAKMILIK	STATUS TERKINI
5.	Hulu Langat	Tiada			
6.	Petaling	Tiada			
7.	Kuala Langat	Tiada			
8.	Hulu Selangor	Tiada			
9.	Kuala Selangor	Tiada			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : STANCO PENERANGAN SELANGOR

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah adalah ahli-ahli stanco yang menjaga portfolio penerangan Selangor?
- b) Apakah polisi yang telah digubalkan oleh stanco penerangan kerajaan negeri?
- c) Apakah *criteria* untuk melantik ahli-ahli stanco tersebut?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Saya maklum penerangan kepada rakyat berkenaan perihal pentadbiran kerajaan negeri, program kebajikan, kemudahan-kemudahan dan sebagainya adalah sangat penting. Justeru kerajaan negeri telah menubuhkan syarikat milik penuh kerajaan negeri iaitu Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) yang bertanggungjawab sepenuhnya memberikan penerangan kepada rakyat negeri ini berkenaan program, polisi dan pelbagai bentuk kebajikan yang dilaksanakan kerajaan Selangor. Penerangan yang dilakukan CCSB melalui berikut;

i) Media Cetak

- 1. Selangor Kini
 - sebanyak 150,000 naskhah setiap sekali seminggu
- 2. Selangor Kini Mandarin
 - Sebanyak 75,000 naskhah setiap dua (2) minggu sekali
- 3. Selangor Indru
 - Sebanyak 70,000 naskhah setiap dua (2) bulan sekali

ii) Media Elektronik melalui TV Selangor yang bersiaran 24 jam.

Penerangan Negeri Selangor diterajui dan diurus terus dari Pejabat Menteri Besar Selangor di mana saya sebagai Pengerusi Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) dan YB. Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YB. Dato' Noordin bin Sulaiman, YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor selaku Ahli Lembaga Pengarah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini syarikat PNSB?
- b) Sila kemukakan butiran secara terperinci mengenai keuntungan dan kerugian semua projek pembangunan hartanah yang diceburi oleh PNSB?
- c) Sila senaraikan butiran terkini mengenai nama semua ahli lembaga pengarah PNSB, elaun mesyuarat dan elaun bulanan serta bonus tahunan yang diterima sejak 5 tahun yang lalu?

JAWAPAN:

- a) Syarikat PNSB telah mencatatkan perolehan berjumlah RM88,508,000 dan lain-lain pendapatan berjumlah RM15,544,000 sehingga 31 Oktober 2013. Manakala sejumlah RM40,161,000 perbelanjaan telah dicatatkan sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2013. Kumpulan PNSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM63,891,000 bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Oktober 2013. Manakala keuntungan selepas peruntukan cukai berjumlah RM49,279,000.
- b) Projek pembangunan yang dibangunkan sendiri oleh PNSB adalah seperti berikut:-

PROJEK	NILAI JUALAN (RM)	NILAI KOS (RM)	KEUNTUNGAN / KERUGIAN (RM)
BANDAR BARU SALAK TINGGI	3,287,200.00	19,143,121.17	14,144,078.83
TAMAN KANDIS PERMAI	9,113,526.09	6,848,290.00	2,265,236.09
TAMAN WIRA PERMAI	6,379,200.00	6,426,000.00	(46,800.00)
JUMLAH	48,779,926.09	32,417,411.17	16,362,514.92

- c) Jawapan seperti di [Lampiran 1](#).

FI PENGARAH

BIL	NAMA	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1	Tan Sri Dato' Abdul Khalid B Ibrahim	95,000.00	115,000.00	60,000.00	80,000.00	80,000.00	430,000.00
2	Dato' Seri Dr. Mohamad Khir B Toyo	15,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	15,000.00
3	Dato' Noordin B Sulaiman	40,000.00	40,000.00	40,000.00	60,000.00	60,000.00	240,000.00
4	Dato' Mohd Arif B Ab Rahman	40,000.00	40,000.00	40,000.00	60,000.00	50,000.00	230,000.00
5	Dato' Lee Hwa Beng	9,999.99	0.00	0.00	0.00	0.00	9,999.99
6	Dato' Hj Abdul Shukur B Siraj	9,999.99	0.00	0.00	0.00	0.00	9,999.99
7	Dato' Hj Radin Mokhtar B Hj Md Yusof	9,999.99	0.00	0.00	0.00	0.00	9,999.99
8	Datin Paduka Norhayati Bt Onn	9,999.99	0.00	0.00	0.00	0.00	9,999.99
9	Dato' Hj Mohd Masloro B Abdullah	9,999.99	0.00	0.00	0.00	0.00	9,999.99
10	Y.Bhg Dato' Hj Ahmad B Omar	0.00	3,333.33	40,000.00	60,000.00	60,000.00	163,333.33
11	Datin Hjh Khairiyah Bt Abu Hassan	40,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	40,000.00
12	YB Azan B Ismail	0.00	0.00	21,589.04	60,000.00	60,000.00	141,589.04
13	Y.Bhg Dato' Rahmat B Jamari	0.00	0.00	21,589.04	60,000.00	60,000.00	141,589.04
14	Tuan Hj Mohd Yusof B Hussin	0.00	0.00	21,589.04	60,000.00	60,000.00	141,589.04
	TOTAL	279,999.95	198,333.33	244,767.12	440,000.00	430,000.00	1,593,100.40

ELAUN MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH

BIL	NAMA	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1	Tan Sri Dato' Abdul Khalid B Ibrahim	10,000.00	25,000.00	30,000.00	30,000.00	30,000.00	125,000.00
2	Dato' Seri Dr. Mohamad Khir B Toyo	5,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	5,000.00
3	Dato' Noordin B Sulaiman	6,000.00	8,000.00	12,000.00	12,000.00	12,000.00	50,000.00
4	Dato' Mohd Arif B Ab Rahman	4,000.00	10,000.00	8,000.00	8,000.00	8,000.00	38,000.00
5	Dato' Lee Hwa Beng	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,000.00
6	Dato' Hj Abdul Shukur B Siraj	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,000.00
7	Dato' Hj Radin Mokhtar B Hj Md Yusof	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,000.00
8	Datin Paduka Norhayati Bt Onn	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,000.00
9	Dato' Hj Mohd Masloro B Abdullah	2,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,000.00
10	Y.Bhg Dato' Hj Ahmad B Omar	0.00	0.00	12,000.00	12,000.00	12,000.00	36,000.00
11	Datin Hjh Khairiyah Bt Abu Hassan	6,000.00	4,000.00	0.00	0.00	0.00	10,000.00

12	YB Azan B Ismail	0.00	0.00	8,000.00	10,000.00	10,000.00	28,000.00
13	Y.Bhg Dato' Rahmat B Jamari	0.00	0.00	8,000.00	12,000.00	12,000.00	32,000.00
14	Tuan Hj Mohd Yusof B Hussin	0.00	0.00	4,000.00	10,000.00	10,000.00	24,000.00
TOTAL		41,000.00	47,000.00	82,000.00	94,000.00	94,000.00	358,000.00

ELAUN Pengerusi

BIL	NAMA	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1	Tan Sri Dato' Abdul Khalid B Ibrahim	0.00	0.00	60,000.00	60,000.00	60,000.00	180,000.00
2	Dato' Noordin B Sulaiman	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3	Dato' Mohd Arif B Ab Rahman	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4	Y.Bhg Dato' Hj Ahmad B Omar	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
5	YB Azan B Ismail	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
6	Y.Bhg Dato' Rahmat B Jamari	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
7	Tuan Hj Mohd Yusof B Hussin	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TOTAL		0.00	0.00	60,000.00	60,000.00	60,000.00	180,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KERAJAAN TEMPATAN

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan peruntukan pembangunan di bajet tahun 2013 dan perbelanjaan sebenar bagi setiap PBT.
- b) Sila bekalkan statistik bulanan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dari Januari ke Sept 2013: jumlah aduan mengikut jenis aduan, jumlah kelulusan lesen dan tempoh kelulusan mengikut jenis lesen serta jumlah keputusan OSC dan tempoh keputusan dibuat mengikut jenis permohonan.

JAWAPAN:

- a) Berikut jumlah peruntukan pembangunan yang telah dibajetkan pada tahun 2013 dan jumlah perbelanjaan bagi setiap PBT:

Bil.	PBT	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar 2013
1.	MBSA	68.82	50.77
2.	MBPJ	47.8	26.75
Bil.	PBT	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar 2013
3.	MPK	9.33	11.33
4.	MPAJ	1	0
5.	MPSJ	11.6	8.7
6.	MPS	2.24	1.16
7.	MPKj	33.91	9.39
8.	MPSp	1.31	1.30
9.	MDKL	0.3	0.16
10.	MDHS	3.83	1.95
11.	MDKS	5.02	1.2
12.	MDSB	0	0

b) Format berikut:

i) Aduan

Jenis Aduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Jumlah
Sampah Kebun/Haram /Rumah /Papantanda Sampah	279	202	190	254	246	231	355	249	185	2191
Cantas /Tebang Pokok	215	204	219	226	186	193	249	182	199	1873
Longkang Tersumbat	164	121	121	149	119	198	228	168	145	1413
Jalan Rosak	221	127	173	141	175	88	104	50	104	1183
Lampu Jalan	134	106	122	117	127	98	146	108	85	1043
Lampu Isyarat	98	65	64	77	63	84	108	52	71	682
Anjing Liar	93	57	64	69	47	57	70	47	54	558
Kerosakan Longkang Kecil	60	43	54	60	51	57	82	54	75	536
Halangan Kenderaan, Siarkaki	64	45	72	72	48	57	78	37	49	522
Kebersihan Jalan	54	32	29	41	27	51	52	46	44	376
Pokok Tumbang	21	28	62	57	30	17	45	19	33	312
Rumput Panjang Tanah Persendirian	51	48	33	37	32	37	22	19	26	305
Sambungan Haram/ Projek Pembangunan /Pembinaan Haram	22	21	35	42	22	26	42	32	30	272
Kereta Buruk	29	30	34	38	27	22	26	28	31	265
Semak-Samun Dalam Rumah/ Tanah Lapang Perseorangan	48	31	17	27	23	20	26	22	18	232
Lampu Taman/ Lampu Limpah	25	25	34	37	20	15	26	17	30	229
Kacau Ganggu	13	23	26	25	14	24	22	20	20	187
Penjaja Tanpa Lesen	17	19	22	22	19	16	23	22	19	179
Anjing Peliharaan	12	13	18	25	17	19	22	17	35	178
Penyelenggaraan Taman/ Padang	18	5	9	10	12	11	25	14	12	116
Grating	18	9	18	9	9	15	15	10	8	111
Sampah Cantasan Pokok	12	9	23	6	12	10	16	10	8	106
Pembakaran Terbuka/ Kacau Ganggu Alam Sekitar	13	12	10	4	9	21	19	9	6	103
Nyamuk	20	10	2	10	7	10	4	21	16	100
Guardrail/ Halangan Jalan	10	11	9	18	7	6	9	11	17	98
Salahguna Bangunan/ Penempatan Setinggalan	16	12	8	7	4	14	14	9	12	96

Kucing Liar	11	10	13	17	7	8	13	7	8	94
Penutup Manhole	9	11	7	13	8	12	13	7	12	92
Penyelenggaraan Bangunan/ Harta Majlis	13	14	9	9	2	7	7	7	13	81
Papantanda Jalan	6	7	10	8	7	10	8	4	8	68
Kerja Binaan Melebihi Waktu	12	5	12	9	3	2	10	9	6	68
Kesesakan Lalulintas	12	21	7	5	3	3	4	4	6	65
Penyelenggaraan Pokok/ Landskap	8	8	8	7	2	6	12	6	6	63
Sampah Pembinaan Longkang	4	3	2	2	0	2	14	9	24	60
Tanah Runtuh	10	6	6	11	11	4	6	2	4	60
Kerosakan Longkang Besar	7	8	6	10	5	3	7	4	8	58
Tikus	2	4	4	7	6	13	14	2	5	57
C At Garisan Jalan/ Parking	10	4	9	7	4	3	7	8	4	56
Tebuan	12	0	5	4	8	6	7	8	6	56
Bunyi Bising	11	6	5	6	4	5	4	6	5	52
Petak Letak Kereta	5	7	6	8	8	4	3	4	6	51
Kebersihan Gerai/ Penjaja	5	7	7	1	4	10	10	2	4	50
Sampah Binaan	4	3	2	3	4	8	8	6	11	49
Jalan Kotor Dengan Tanah Pembinaan	3	4	9	4	7	2	6	4	9	48
Pencemaran Bau/ Udara	1	2	5	6	5	9	9	1	5	43
Iklan/Lesen/Banting	12	3	3	4	0	4	7	4	4	41
Bonggol	3	1	3	4	6	12	2	4	2	37
Binaan/ Setingan Haram	2	3	9	6	4	2	5	2	1	34
Cukai Taksiran	3	6	4	1	1	6	6	1	3	31
Penguatkuasaan Lesen/ Restoran	1	4	2	2	0	8	9	3	2	31
Kerosakan Tong Sampah/ Tong Kitar Semula	3	5	4	2	3	3	3	2	6	31
Aduan Terhadap Jmb/ Mc/ Ejen Pengurusan/ Pemaju	6	1	1	4	2	6	3	3	5	31
Air Bertakung	8	3	0	2	3	1	3	5	3	28
Ruang Pejalan Kaki/ Bahu Jalan	4	4	0	3	1	6	6	1	1	26
Penilaian Harta	4	3	2	1	1	5	6	1	0	23
Jalan Mendap	8	2	1	0	4	1	1	1	4	22
Ayam	2	3	3	1	1	2	5	2	3	22
Burung/ Gagak Liar	4	1	1	4	1	3	4	2	2	22
Penyelenggaraan Hawa	0	15	1	0	0	3	0	2	0	21

Dingin Majlis										
Lesen/Penjaja	1	1	1	3	0	4	5	2	3	20
Penyelenggaraan Padang/ Kolam Renang/ Stadium (Kemasyarakatan)	0	2	1	1	1	2	5	3	5	20
Banjir	5	2	4	3	0	1	0	0	4	19
Kerosakan Unit Kediaman/ Bangunan (Harta Bersama)	0	1	0	1	3	3	3	1	4	16
Tiket Parking	1	2	3	0	0	2	0	4	3	15
Help Desk	8	1	1	2	0	0	0	0	2	14
Local Agenda	3	0	1	1	0	1	5	0	0	11
Vcd/ Video Game, Dsb	1	0	2	1	1	2	1	1	2	11
Sumbangan Haram Kawasan Berstrata	1	4	0	0	0	1	0	0	4	10
Rumah Kosong	0	0	2	2	0	0	4	1	0	9
Binaan Antena	1	1	1	2	1	0	0	0	1	7
Tatacara Kerja Pegawai/ Kakitangan Majlis	0	0	1	0	0	1	1	1	1	5
Tong Kitar Semula/ Pencemaran Bau	0	0	0	0	3	0	0	0	1	4
Lembu Liar	0	0	1	0	0	0	0	1	1	3
Kabel Internet/ Talian Streamyx	0	0	0	0	1	0	1	0	0	2
Kerb, Dsb	0	0	1	0	0	1	0	0	0	2
Aduan Kewangan (Akaun Atau Dana Penyelenggaraan Bangunan, Caj Perkhidmatan)	0	0	0	0	0	1	0	1	0	2
Penyelenggaraan Bangunan Dan Harta Bersama (Berstrata)	0	1	0	0	0	0	0	1	0	2
Hentian Bas/ Teksi	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Kunci Kereta	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
Membina Surau/ Dewan/ Tadika Dsb	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
JUMLAH BULANAN	1954	1508	1653	1768	1488	1595	2075	1422	1549	15012

ii) Lesen

Jumlah hasil kutipan lesen mulai januari – september 2013 adalah sebanyak rm22.5 juta

iii) OSC

Jumlah keputusan OSC

Sepanjang Januari hingga September 2013, MBPJ telah menerima 408 permohonan pelan pembangunan, daripada jumlah tersebut sebanyak 302 permohonan telah diberi keputusan. Pecahan jenis permohonan dan status adalah seperti berikut:

Jenis Permohonan	Keputusan Jawatankuasa OSC		Permohonan dalam proses	Permohonan ditarik balik	Jumlah
	Lulus	Tolak			
Kebenaran Merancang	69	28	24	8	129
Kejuruteraan	97	2	21	-	120
Pelan Bangunan	66	-	34	4	104
Pelan Lanskap	35	5	11	4	55
JUMLAH	267	35	90	16	408
	302				

Tempoh keputusan dibuat mengikut jenis permohonan

Sepanjang Januari hingga September 2013, tempoh keputusan mengikut jenis permohonan adalah seperti berikut:

Jenis Permohonan	Keputusan kurang 3 bulan	Keputusan melebihi 3 bulan	Jumlah permohonan yang telah diberi keputusan
Kebenaran Merancang	85	12	97
Kejuruteraan	95	4	99
Pelan Bangunan	58	8	66
Pelan Lanskap	31	9	40
JUMLAH	269	33	302

Nota : Mohon pandangan PBT format yang boleh diselaraskan bagi perkara iii iaitu OSC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PERUNTUKAN SKIM MERAKYATKAN EKONOMI

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan peruntukan skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2014.
- b) Nyatakan peratusan dan jumlah perbelanjaan Skim Merakyatkan Ekonomi yang telah digunakan di DUN Teratai dalam tempoh tahun 2008 hingga 2013
- c) Nyatakan peruntukan 2013 untuk Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor

JAWAPAN:

- a) Peruntukan sebanyak RM77,850,030 telah dibajetkan bagi tahun 2014 untuk Skim MES. Jumlah perbelanjaan sebenar lazimnya akan lebih tinggi kerana peruntukan turut disumbangkan dari sumber lain seperti royalti pasir dari KSSB.
- b) Pecahan MES bagi DUN Teratai setakat Feb 2014 ialah:

PROGRAM MES	DUN	PENERIMA							BAYARAN (RM)						
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
SMUE - P1	TERATAI	11	157	151	139	134	8	600	11,000	157,000	151,000	139,000	134,000	8,000	600,000
SMUE - P2	TERATAI	0	143	135	130	165	0	573	-	214,500	202,500	195,000	247,500	-	859,500
TIUSYEN	TERATAI		85	39	20	25		169		51,900	50,300	50,300	50,300	10,471	213,271
MIMBAR	TERATAI				12	39		51				28,000	78,500		106,500
TAWAS	TERATAI		131	59	93	139		422		13,100	5,900	9,300	13,900		42,200

* Tidak semua Program MES mempunyai pecahan mengikut DUN

1,821,471

- c) Peruntukan MES bagi 2013 adalah RM118,250,020.00, namun perbelanjaan bagi tahun 2013 sehingga 31 Ogos 2013 adalah sebanyak RM133,347,893.30 atau RM 954,807,698.08 jika dirangkumkan semenjak tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : MASALAH YANG DIHADAPI OLEH INDUSTRI, PARA PENIAGA DAN
PENDUDUK DI BUKIT SENTOSA, BUKIT BERUNTUNG, SUNGAI BUAYA
DAN KAWASAN PERSEKITARAN**

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah Y.A.B. MB serta Pengerusi Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan Tanah dan Pengurusan Sumber Alam nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang masih dihadapi oleh industri, para peniaga dan penduduk di Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Sungai Buaya dan kawasan persekitaran di mana infrastruktur, kegiatan ekonominya masih malap walaupun setelah hampir 20 tahun kawasan itu dibangunkan?

JAWAPAN:

- a) Permasalahan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa merupakan *priority* utama bagi Majlis Daerah Hulu Selangor. Pelbagai usaha dan perancangan telah dan di dalam pelaksanaan pihak MDHS bagi menjadikan kawasan berkenaan kembali membangun setara bandar-bandar lain di Hulu Selangor.

Sejak tahun 2006, pelbagai perancangan telah dijalankan bagi menarik pelabur / pengusaha dan *stakeholder / anchor* bagi melabur dan menjalankan pelaburan di Bandar Bukit Beruntung.

Bagi mengawal pembangunan, pihak MDHS telah mengambil langkah proaktif dengan membekukan tanah-tanah pembangunan di sekitar Serendah / Sungai Buaya di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 bagi memberi tumpuan pembangunan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa.

Bagi menjadi *anchor* utama di Bukit Beruntung, pihak Tesco Distribution telah membuka gudang pengedaran terbesar (repacking) seluas 50 ekar di Bukit Beruntung dan diluluskan oleh pihak MDHS pada Mei 2008. Selain itu, bagi menarik penduduk untuk mendiami Bukit Beruntung serta menggalakkan aktiviti perniagaan, pihak MDHS telah menjemput pihak Tesco untuk membuka Tesco Store di Bukit Sentosa yang telah dibuka pada 2011.

Bagi pembangunan institusi, pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil alih Kolej Aman, Bukit Sentosa dan dijadikan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Bukit Sentosa. Di samping itu, sepanjang 2006 hingga kini, pihak MDHS telah meluluskan 2 Sekolah Rendah dan 1 Sekolah Menengah Kebangsaan di Bukit

Beruntung / Bukit Sentosa di bawah Rancangan Malaysia ke-10 Kementerian Pelajaran. Di samping itu sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah dibuka di Bukit Beruntung. Bagi kemudahan keagamaan, pihak Jabatan Kerja Raya kini sedang membina Masjid kedua Bukit Beruntung bagi menampung limpahan jemaah masjid sedia ada. Selain itu Pihak PERODUA juga di dalam proses pembinaan masjid ketiga bagi kawasan Bukit Beruntung / Bukit Sentosa yang dijangka siap pada 2014.

Aktiviti perindustrian juga berjalan rancak. Ini ditunjukkan dengan 98% lot industri di Jalan Jasmine Bukit Beruntung telah dibina kilang-kilang. Selain itu, Benelli Keeway, pengilang utama motosikal Benelli memilih untuk membuka kilang pemasangan di Bukit Beruntung dan telah siap beroperasi pada 2012. Lot-lot kilang di Bukit Beruntung / Bukit Sentosa merupakan pilihan utama bagi pengilang vendor bagi PERODUA, PROTON dan TAN CHONG (Nissan).

Terkini, pihak MDHS sedang berbincang bersama pihak PERODUA bagi menyediakan jalan terus dari persimpangan PERODUA ke Bukit Sentosa. Dengan pembukaan jalan ini, ia akan menjadi alternatif kepada penduduk Bukit Sentosa terus ke Tol Sungai Buaya selain Tol Bukit Beruntung kini. Pihak MDHS juga di dalam proses perbincangan secara berkala dengan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk agensi berkenaan membangunkan kemudahan di Bandar Bukit Beruntung / Bukit Sentosa bagi kemudahan penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA ASRAMA TUN DR ISMAIL DAN TOH
PUAN NORASHIKIN**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status projek pembangunan semula di kedua-dua tapak asrama tersebut?
- b) Nyatakan profil syarikat yang melaksanakan projek dan kelayakannya?
- c) Berapakah prospek keuntungan yang bakal diperoleh yayasan dalam jangka masa pendek dan panjang?

JAWAPAN:

- a) Pemaju projek usaha sama ini telah pun dilantik pada 5hb Disember 2012 dan Yayasan Selangor di dalam proses menandatangani Perjanjian Pembangunan (Development Agreement)
- b) Pemaju ini diterajui oleh seorang tokoh pemaju Bumiputera yang mengendalikan banyak projek pembangunan bernilai tinggi di Kuala Lumpur Pemaju ini dipilih berdasarkan rekod kejayaan projek – projek hartanah yang telah mereka jalankan.
- c) Projek ini akan berjalan selama 5 tahun dan akan menjana Nilai Pembangunan Kasar (GDV) minima RM 1.2 billion. Yayasan Selangor melalui konsep usaha sama bersama pemaju ini dengan pulangan 30% daripada nilai GDV dan YS akan memperolehi sekurang – kurangnya RM 345 juta bersih dalam bentuk tunai dan *inkind*.

Nilai ini akan dijangka terus meningkat mengikut GDV sehingga 2 billion mengikut pasaran semasa sepanjang projek ini berjalan dan dijangka mencecah pulangan sebanyak RM 500juta kepada YS. Dalam jangka masa panjang nilai hartanah ini juga akan terus meningkat seiring pembangunan di sekitar Kg. Pandan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : MBPJ DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

248. Merujuk program pembasmian kemiskinan bandar di bawah MBPJ.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme penyelarasan antara kerajaan negeri dan MBPJ dalam menjayakan program ini?
- b) Dari segi manakah matlamat program MBPJ seiring dengan Program MES?
- c) Apakah garis panduan kerajaan bagi PBT untuk program seumpama ini?

JAWAPAN:

- a) Program yang dilaksanakan di bawah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ turut melibatkan penyelarasan berkaitan pameran dan kaunter MES dari pihak kerajaan Negeri Selangor. Sebagai contoh program Mesra Rakyat di Desa Mentari dan Seminar Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) "Memperkasa Komitmen Ke Arah Isi Rumah Berpendapatan Tinggi" yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Pihak Majlis turut memberi kerjasama dan komitmen dengan memberi data-data kebajikan rakyat di Petaling Jaya terhadap pelarasan kemasukan data ke dalam sistem IWORKFARE Kerajaan Negeri Selangor. Pihak Majlis turut memberi kerjasama menyokong usaha kerajaan negeri untuk membangunkan usahawan di Selangor dengan memberi maklumat kepada golongan yang berkenaan berkaitan latihan, seminar yang disediakan oleh pihak kerajaan negeri.
- b) Program PPKB yang dilaksanakan oleh pihak MBPJ terbahagi kepada 3 jenis iaitu program kebajikan berupa sumbangan perayaan, pendidikan dan bengkel menjana pendapatan.

i) Sumbangan Perayaan

Peserta sumbangan perlu berdaftar dengan MBPJ sebagai peserta PPKB Petaling Jaya. Sumbangan Perayaan terbahagi kepada perayaan utama yang diraikan berdasarkan jumlah peserta PPKB yang berdaftar iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Sumbangan perayaan berupa wang tunai dan barangan dapur.

ii) Pendidikan

Pihak Majlis turut mewujudkan Program Sekolah Angkat PPKB semenjak pertengahan tahun 2012. Program ini telah melibat 3 buah sekolah di Petaling Jaya iaitu Sekolah Menengah Damansara Damai, Sekolah Menengah Lembah Subang dan Sekolah Menengah Taman Medan. Sekolah ini dipilih berdasarkan majoriti penduduk di kawasan tersebut yang berpendapatan di bawah RM1,500.00. Pihak Majlis memperuntukkan RM2,000.00 1 bulan untuk melaksanakan program pendidikan di setiap sekolah berkenaan.

iii) Bengkel Menjana Pendapatan

Bengkel Menjana Pendapatan terdiri daripada pelbagai jenis program seperti Program Latihan Kemahiran Giatmara, Kursus Terapi Badan (Khas kepada wanita untuk mengurus kaum ibu selepas bersalin) Kursus Menggunting Rambut Lelaki, Kursus Jahitan Baju Kurung Tradisional dan Kursus Jahitan Baju Kurung Moden. Bengkel lanjutan turut diadakan untuk memberi kemahiran dan pendedahan kepada para peserta supaya mereka dapat mengeluarkan produk serta kemahiran bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

- c) Buat masa ini kerajaan negeri belum mewujudkan garis panduan kepada PBT bagi program ini. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan mengkaji keperluan garis panduan tersebut untuk diwujudkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI - SUNGAI DI SELANGOR

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan sungai-sungai di Selangor tidak dicemari berikutan dakwaan penyelidik air dari Universiti Kyoto, Profesor Nobumithu Sakai yang mendakwa Sungai Selangor dicemari Polychlorinated Biphenyls (PCBs) selepas membuat penyelidikan?

JAWAPAN:

- a) Setiap kes pencemaran diberi perhatian dan tindakan segera diambil supaya ianya tidak menjejaskan kualiti sumber air untuk keperluan masyarakat. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan-jabatan lain yang berkaitan sentiasa berusaha dengan kaedah-kaedah baru untuk menangani isu-isu berkaitan pencemaran terutamanya kejadian pencemaran yang sama berulang.

Bagi aduan pencemaran berkaitan pencemaran Polychlorinated Biphenyls (PCBs) di Sungai Selangor, pihak Lembaga Urus Air Selangor telah menjalankan pensampelan pada 26 September 2013 di 6 titik pensampelan, iaitu 4 titik pensampelan di Sungai Selangor, 1 titik pensampelan masing-masing di Sungai Sembah dan Sungai Tinggi yang merupakan anak sungai kepada Sungai Selangor. 6 sampel tersebut telah dihantar ke sebuah makmal akreditasi, iaitu ALS Technicam (M) Sdn Bhd untuk menjalankan analisis bagi parameter PCBs. Keputusan yang diterima menunjukkan ketidakhadiran parameter PCB di dalam semua sampel tersebut.

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu ini dan isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,
- ii) Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii) Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Pihak LUAS juga akan menjalankan pensampelan dan ujian yang sama di sungai-sungai lain di Negeri Selangor (Sungai Bernam dan Sungai Langat).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan fungsi, struktur, pengurusan kanan dan lembaga pengarah kumpulan serta anak syarikatnya?
- b) Nyatakan pendapatan dan keuntungan kumpulan dan anak syarikat dari 2008 hingga 2013?
- c) Apakah nama, nilai serta lokasi projek kendalian Kumpulan Perangsang serta anak syarikatnya?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("Perangsang Selangor"), anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") adalah syarikat pegangan pelaburan dan pengurusan perkhidmatan. Sila rujuk [Lampiran 1](#) bagi struktur lembaga pengarah dan [Lampiran 2](#) bagi pengurusan kanan Perangsang Selangor.
- b) Pendapatan dan keuntungan Kumpulan Perangsang Selangor dan anak syarikatnya dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

RM'Juta	6-Bulan belum diaudit	Diaudit				
		2012	2011	2010	2009	2008
Pendapatan	138.0	348.2	422.2	406.6	345.1	287.4
Keuntungan selepas cukai	22.1	74.9	67.1	64.9	116.8	(53.1)

- c) Perangsang Selangor, syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, terlibat dengan aktiviti pelaburan dan tidak melaksanakan projek.

LAMPIRAN 1

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD & ANAK-ANAK SYARIKAT

LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

Bil.	Nama	Jawatan
1	YM Raja Haji Idris Raja Kamarudin	Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif
2	Encik Suhaimi bin Kamaralzaman	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Urusan
3	Encik Mustaffa Kamil bin Ayub	Pengarah Bebas
4	YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas <i>DSSA</i>	Pengarah Bebas
5	YB Sivarasa a/l Rasiah	Pengarah Bebas
6	YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton	Pengarah Bebas
7	Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din	Pengarah Bebas
8	YBhg Dato' Idris bin Md Tahir	Pengarah Bebas

PENGURUSAN KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Suhaimi Kamaralzaman	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan / Pengarah Urusan
2	Haikel Ismail	Ketua Audit Dalaman Kumpulan
3	Nuranisah Mohd Amis	Ketua Pengurusan Risiko Kumpulan
4	Arthur Wong	Ketua Kewangan & Pentadbiran
5	Kevin Lee	Ketua Perancangan Strategik & Pelaburan Kumpulan
6	Haji Raja Ahmad Hidzir	Ketua Sumber Manusia Kumpulan
7	Ahmad Sabki Yusof	Ketua Undang-undang Kumpulan
8	Amin Lin Abdullah	Ketua Perhubungan Awam, Media & Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan
9	Zaharudin Muhammad	Ketua Pegawai Agama
10	Hashimah Mohd Isa	Kesetiausahaan Syarikat
11	Hairul Nizam Mohd Hakim	Pengurus Kanan Aset & Pengurusan Hartanah

ANAK SYARIKAT & LEMBAGA PENGARAH

LEMBAGA PENGARAH CASH BAND (M) BERHAD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
2. YB William Leong Jee Keen
3. Mr Kevin Lee Shih-Min
4. Tuan Haji Azlan bin Hj Alifiah
5. Encik Ahmad Sabki bin Yusof

PENGURUSAN KANAN CASH BAND (M) BERHAD

1. Amar Maarof Abdullah, Pengurus Besar
2. Hidzir Abdul Hamid, Pengurus Residen
3. Safuan Abdul Razak, Pemangku Pengurus Kelab

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BUKIT FRASER

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan industri pelancongan di Bukit Fraser?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan bangunan milikan Kerajaan Negeri yang terbiar atau berkeadaan teruk di Bukit Fraser?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan aktiviti membangunkan industri pelancongan di Bukit Fraser dengan menganjurkan pelbagai aktiviti dan acara yang dapat menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara bagi menyertai acara seperti berikut :
 - i) Menganjurkan program berbasikal "King of Mountain" daripada Kuala Kubu Bharu ke Bukit Fraser.
 - ii) Menganjurkan program dan pakej "Birding" "Wings of KKB".
 - iii) Menyediakan pakej-pakej yang melibatkan Rumah Sri Berkat di Bukit Fraser.
 - iv) Menyediakan maklumat tentang Bukit Fraser di dalam buku panduan pelancongan yang dihasilkan oleh Tourism Selangor iaitu Selangor Breakaway dan Selangor Fun Map.
- b) Kerajaan Negeri mempunyai 2 bangunan milikan Kerajaan Negeri Selangor di Bukit Fraser iaitu Rumah Rehat Sri Berkat dan The Gap. Kedua-dua bangunan ini mempunyai sejarah dan keunikan yang tersendiri.

Bagi Rumah Rehat Sri Berkat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 825,445.48 bagi kerja-kerja menaik taraf keseluruhan bangunan Rumah Rehat Sri Berkat dan telah siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2012.

Manakala bagi Rumah The GAP, kerja-kerja menaik taraf bagi Fasa 1 telah selesai dijalankan pada tahun 2010 melalui peruntukan telah disalurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah tidak mencukupi untuk membaiki sepenuhnya Bangunan The Gap. Oleh

yang demikian, sebagai langkah alternatif, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah membuat tawaran tender awam kerja-kerja menaik taraf bangunan tersebut.

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (g) (i)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : SYARIKAT KAITAN KERAJAAN

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah penjawat awam termasuk setiausaha politik dan setiausaha akhbar Dato Menteri Besar yang dilantik sebagai penasihat atau ahli lembaga di syarikat kaitan kerajaan, badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri?
- b) Senaraikan jumlah elaun atau gaji yang diterima oleh penjawat awam termasuk setiausaha politik dan setiausaha akhbar Dato Menteri Besar yang dilantik sebagai penasihat atau ahli lembaga di syarikat kaitan kerajaan, badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri?
- c) Apakah kriteria lantikan penjawat awam termasuk setiausaha politik dan setiausaha akhbar Dato Menteri Besar yang dilantik sebagai penasihat atau ahli lembaga di syarikat kaitan kerajaan, badan berkanun dan anak-anak syarikat kerajaan negeri?

JAWAPAN:

DITOLAK DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TETAP 23 (q) (ii)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA

253. Kebejatan sosial di kalangan belia pada hari ini merisaukan semua pihak. Kerajaan mempunyai tanggungjawabnya tersendiri antaranya menyediakan sekolah agama yang mencukupi dan terurus serta berkesan:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kategori sekolah agama di Selangor serta jumlahnya mengikut pecahan kawasan dewan negeri?
- b) Berapakah yang diurus tadbir secara langsung oleh kerajaan negeri dan berapa pula oleh swasta?
- c) Berapakah jumlah permohonan sekolah agama oleh pihak swasta dan status permohonan serta jangka masa permohonan mereka?
- d) Berapakah kategori guru sekolah agama mengikut jenis pembiayaan dan berapakah bilangan guru yang di dalam pembiayaan kerajaan negeri dan berapakah pula oleh kerajaan persekutuan dan yang berkaitan?

JAWAPAN: